

MEDIA MASSA DAN HEGEMONI BARISAN NASIONAL: SATU KAJIAN KES
KE ATAS PERANAN MEDIA DALAM PENGURUSAN
KRISIS KEWANGAN 1997 DI MALAYSIA

CHANG TECK PENG

TESIS YANG DIKEMUKAKAN UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH
SARJANA FALSAFAH

INSTITUT KAJIAN MALAYSIA DAN ANTARABANGSA
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI

2002

PENAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

15 November 2002

CHANG TECK PENG
P14433

PENGHARGAAN

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada mantan Pengarah Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa (IKMAS), Universiti Kebangsaan Malaysia, Alayarham Profesor Dr Ishak Shari, Profesor Dr Abdul Rahman Embong dan Profesor Dr Rajah Rasiah. Atas kebaikan Alayarham Profesor Dr Ishak Shari, saya diberikan peluang untuk menjalankan kajian pascasiswazah ini di sebuah institut yang penuh dengan suasana akademik yang bebas dan terbuka. Tunjuk ajar, penyeliaan dan pemantauan yang diberikan oleh Profesor Dr Abdul Rahman Embong, selaku penyelia kajian ini, memberikan saya ilmu pengetahuan dan motivasi yang diperlukan untuk menyempurnakan kajian ini. Manakala Profesor Dr Rajah Rasiah, yang telah melanjutkan kerjaya beliau ke Belanda, telah juga memberi bimbingan yang berguna pada peringkat awal kajian ini. Di samping itu, saya ingin merakamkan terima kasih atas bantuan dan nasihat yang dihulurkan oleh Cik Nor Hayati binti Sa'at, Pegawai Penyelidik Sosial IKMAS, berhubungan dengan urusan pengajian saya di IKMAS. Akhirnya, saya ingin merakamkan penghargaan kepada isteri yang kukasihi dan ahli-ahli keluarga yang kuhormati kerana sokongan dan kasih sayang yang mereka hulurkan telah memberikan saya ketabahan untuk menyempurnakan kajian ini.

Walau bagaimanapun, nama-nama yang disebutkan ini tidak harus bertanggungjawab atas sebarang kesilapan dan kecuaiian yang wujud dalam kajian ini.

ABSTRAK

Kajian ini menggunakan kerangka teori Antonio Gramsci tentang hegemoni untuk mengkaji andaian bahawa media merupakan salah satu institusi sosial yang penting dalam pengurusan krisis dan pengekalannya golongan berkuasa. Untuk ujian empirikal, kajian ini meneliti bagaimana akhbar-akhbar arus perdana di Malaysia, iaitu *New Straits Times*, *Utusan Malaysia* dan *Sin Chew Jit Poh*, memainkan peranan masing-masing dalam penentuan agenda pembentukan hegemoni Barisan Nasional semasa krisis kewangan 1997 di Malaysia. Kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan terhadap liputan-liputan akhbar yang diterbitkan sepanjang Julai-Disember 1997, iaitu sepanjang tempoh krisis tersebut. Kajian ini mendapati kerajaan Barisan Nasional telah berjaya membentuk dan/atau mengekalkan hegemoninya dalam krisis itu dan kejayaan ini merupakan satu sumbangan penting akhbar-akhbar berkenaan. Di samping meredakan ketidakpuasan warga Malaysia dengan menghadirkan para pembaca dengan kenyataan-kenyataan yang positif terhadap prestasi ekonomi Malaysia, ketiga-tiga akhbar arus perdana tersebut merepresentasikan krisis kewangan 1997 sebagai hasil daripada konspirasi kuasa-kuasa Barat dan bukan kerana salah urus kerajaan. Sebagai contoh, 85% daripada semua liputan tentang punca krisis dalam ketiga-tiga akhbar itu menyalahkan George Soros dan para spekulator negara-negara Barat sebagai punca utama yang mengakibatkan krisis kewangan 1997. Akhbar-akhbar tersebut menjalankan fungsi penentuan agenda itu melalui dua pendekatan. Pertama, liputan-liputan yang diterbitkan bertindak sebagai penyambung lidah kenyataan-kenyataan daripada sumber rasmi dan daripada mereka yang menyokong kerajaan. Kedua, lidah pengarang yang diterbitkan bertindak untuk memperkukuhkan interpretasi terhadap liputan-liputan yang diterbitkan. Satu lagi penemuan ialah akhbar-akhbar yang dimiliki secara terus oleh kepentingan golongan berkuasa jauh lebih aktif dalam mempromosikan agenda golongan berkuasa berbanding dengan akhbar yang bukan dimiliki secara terus oleh mereka. Oleh itu, *New Straits Times* dan *Utusan Malaysia* yang dimiliki oleh UMNO jauh lebih berat sebelah ketika membicarakan isu-isu krisis kewangan. *Sin Chew Jit Poh* pula yang dimiliki oleh Tiong Hiew King (seorang usahawan Sarawak yang rapat dengan Barisan Nasional Sarawak) sanggup memberi ruang kepada pandangan alternatif dan kritikan kepada kerajaan. Kajian ini membuktikan bahawa teori Hegemoni yang diketengahkan oleh Antonio Gramsci dan dimajukan lagi oleh sarjana-sarjana lain adalah sesuai untuk memahami hubungan yang rumit di antara Negara, elit berkuasa dan media massa dalam proses pembentukan hegemoni.

MASS MEDIA AND THE HEGEMONY OF BARISAN NASIONAL: A CASE STUDIES OF THE ROLE OF MAINSTREAM MEDIA IN THE 1997 FINANCIAL CRISIS IN MALAYSIA

ABSTRACT

This study adopted Antonio Gramsci's theoretical framework on hegemony to examine the assumption that media is one of the important social institutions in crisis management and maintenance of hegemony of the ruling class. For empirical test, this study explored how the three mainstream dailies in Malaysia, namely *The New Straits Times*, *Utusan Malaysia* and *Sin Chew Jit Poh*, had played their role in the agenda setting of hegemony of the ruling Barisan Nasional during the 1997 financial crisis. This study uses content analysis to examine the coverage of the three major dailies on the financial crisis during July-December 1997. This study found that the ruling Barisan Nasional had successfully constructed and/or maintained its hegemony during the crisis, thanks to the role of the mainstream media. Apart from calming down sentiments of dissatisfaction among the people by feeding them with positive statements on the national economic performance, the three dailies had represented financial crisis of 1997 as an outcome of Western conspiracy rather than the result of the Barisan Nasional mismanagement. For example, 85% of all the three dailies' news coverage on the root cause of the crisis blamed George Soros and other Western speculators as the main culprit. The dailies had performed the function of agenda setting in two ways. Firstly, the news reports acted as an amplifier to repeatedly disseminate statements made by official sources and those who supported the government. Secondly, the editorials had functioned to strengthen the interpretation of the news reports. Another significant finding is that the dailies directly owned by the interest of groups of the ruling class were more active in promoting the agenda of the ruling class as compared to those not directly owned by them. Hence, that the UMNO-owned *New Straits Times* and *Utusan Malaysia* were more bias in dealing with the issues of financial crisis. The situation was slightly different with *Sin Chew Jit Poh*, which is owned by Tiong Hiew King (a Sarawakian tycoon with close links with the Sarawak Barisan Nasional) as it provided space for alternative and dissenting views. This study has also shown that the theories on hegemony by Antonio Gramsci and subsequently developed by other scholars are useful to explain the complex relationship between the State, power elite and mass media in the process of hegemony construction.

KANDUNGAN

		Halaman
PENGAKUAN		ii
PENGHARGAAN		iii
ABSTRAK		iv
ABSTRACT		v
KANDUNGAN		vi
SENARAI JADUAL		x
SENARAI RAJAH		xii
SENARAI STATUT		xiii
SENARAI SINGKATAN		xiv
BAB I	Pengenalan	
1.1	Kenyataan Masalah Kajian	1
1.2	Tujuan dan Skop Kajian	6
1.3	Metodologi	10
1.4	Pembahagian Bab	17
BAB II	Ulasan Literatur dan Kerangka Teori	
2.1	Pendahuluan	20
2.2	Ulasan Literatur	21
2.3	Pembentukan Hegemoni – Kerangka Teori	31
	2.3.1 Negara, Masyarakat Sivil dan Media dari Perspektif Liberal-pluralis	31
	2.3.2 Negara, Masyarakat Sivil dan Media dari Perspektif Gramsci	33
	2.3.3 Proses Pembentukan Hegemoni	35

2.4	Pembentukan Hegemoni Melalui Media Berpandukan Teori Gramsci	48
BAB III	PERANAN KELAS PEMERINTAH DALAM KAWALAN MEDIA DEMI PEMBENTUKAN HEGEMONI	
3.1	Pendahuluan	52
3.2	Hubungan Negara dan Masyarakat Sipil di Malaysia	53
3.3	Mahathir dan Kawalan Media	59
	3.3.1 Zaman Awal Pentadbiran Mahathir	62
	3.3.2 Pemikiran Mahathir Mengenai Isu Media	69
3.4	Pelaksanaan Idea Kawalan Media	76
BAB IV	KAWALAN PERUNDANGAN TERHADAP MEDIA DI MALAYSIA	
4.1	Pendahuluan	79
4.2	Undang-undang Media di Malaysia	79
	4.2.1 Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960	80
	4.2.2 Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984	83
	4.2.3 Akta Rahsia Rasmi 1986	88
	4.2.4 Akta Hasutan 1948	89
	4.2.5 Akta Fitnah 1957	91
4.3	Implikasi Negatif Undang-undang Media Terhadap Peranan Media	93
4.4	Kesimpulan	106
BAB V	KAWALAN DAN PEMILIKAN MEDIA DI MALAYSIA	
5.1	Pendahuluan	108
5.2	Pemilikan, Pemusatan dan Pengkonglomeratan	110
5.3	Kawalan dan Pemilikan Media di Malaysia	113

5.3.1	Pengkonglomeratan Kumpulan Utusan Melayu dan Kaitannya dengan UMNO	116
5.3.2	Pengkonglomeratan Kumpulan New Straits Times Press dan Kaitannya dengan UMNO	124
5.3.3	Pengkonglomeratan Kumpulan Sin Chew dan kaitannya dengan Barisan Nasional	133
5.3.4	Pengambilalihan Akhbar-akhbar Lain oleh Parti Pemerintah	139
5.4	Kesan Pemilikan dan Pengkonglomeratan Media oleh Parti-parti Pemerintah	142
BAB VI	ANALISIS KANDUNGAN MEDIA SEMASA KRISIS KEWANGAN 1997	
6.1	Pendahuluan	150
6.2	Analisis Kuantitatif Kepada Liputan Akhbar	152
6.2.1	Kekerapan Isu-isu Utama Disiarkan	153
6.2.2	Punca-punca Utama Krisis Kewangan	155
6.2.3	Kedudukan Ekonomi Malaysia Dalam Krisis Kewangan	159
6.2.4	Kedudukan Mahathir dan Barisan Nasional Tetap Disokong	160
6.2.5	Langkah Kerajaan Menangani Krisis Kewangan Disambut Baik	161
6.2.6	Kerajaan Komited Kepada Mengatasi Krisis Kewangan	164
6.2.7	Mobilisasikan Warganegara Menyokong Kerajaan dan Langkah Mengatasi Krisis Kewangan	164
6.2.8	Ketepatan Masa Liputan Selaras dengan Perkembangan Krisis Kewangan	165
6.2.9	Peranan Lidah Pengarang	167
6.3	Analisis Kualitatif Kepada Liputan Akhbar	169
6.4	Kesimpulan	177
BAB VII	KEDUDUKAN MEDIA ARUS PERDANA DALAM Mendukung HEGEMONI BARISAN NASIONAL	
7.1	Pendahuluan	179

7.2	Naratif Krisis Berasaskan “Agama Popular” (<i>Popular-Religion</i>) Untuk Memperolehi Persetujuan Aktif	180
7.3	Elit Berkuasa Bertindak Sebagai “Intelektual” Yang Menghasil “Agama Popular”	183
7.4	Pemilikan Media Sebagai Hasil “ <i>War of Position</i> ”	186
7.5	Pengecilan Lingkungan Awam Dan Kesulitan Pembentukan Kontra-Hegemoni (<i>Counter-Hegemony</i>)	189
7.6	Kesimpulan	190
BAB VIII	KESIMPULAN	193
RUJUKAN		198

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Halaman
5.1	Keahlian lembaga pengarah Kumpulan Utusan Melayu bagi tahun 1997	120
5.2	Anak-anak syarikat Kumpulan Utusan Melayu	122
5.3	Senarai penerbitan Kumpulan Utusan Melayu	123
5.4	Anak-anak syarikat Kumpulan New Straits Times Press	128
5.5	Senarai penerbitan Kumpulan New Straits Times Press	131
5.6	Senarai penerbitan Kumpulan Akhbar Sin Chew	138
6.1	Kekerapan isu-isu utama diterbitkan sepanjang krisis kewangan 1997	154
6.2	Punca-punca utama krisis kewangan 1997 yang dilaporkan oleh SCJP, NST dan UM.	157
6.3	Perbandingan liputan-liputan mengkritik dan membela Soros serta spekulator-spekulator Barat	158
6.4	Kedudukan ekonomi Malaysia dalam krisis kewangan 1997	159
6.5	Kedudukan Mahathir dan Barisan Nasional tetap disokong	161
6.6	Sambutan kepada langkah atau keputusan yang dibuat oleh kerajaan	163
6.7	Komitment kerajaan mengatasi krisis kewangan	164
6.8	Mobilisasi rakyat menyokong kerajaan menangani krisis kewangan	165
6.9	Bilangan liputan isu-isu bagi tahap pertama dan tahap kedua	167
6.10	Penyelarasan di antara lidah pengarang dan kenyataan kerajaan	168

6.11	Tajuk-tajuk berita yang menonjolkan Soros mempunyai agenda politik	171
6.12	Petikan akhbar dari <i>New Straits Times</i> yang menyamakan aktiviti spekulasi dengan pencurian dan jenayah	172
6.13	Tajuk-tajuk berita yang membayangkan negara Barat berniat menjajah semula negara-negara Asia Tenggara	173
6.14	Petikan akhbar yang membayangkan aktiviti spekulasi disokong oleh kuasa-kuasa Barat	174

SENARAI RAJAH

No. Rajah		Halaman
2.1	Proses Pembentukan Hegemoni di Malaysia	51
4.1	Kedudukan Tiga Cabang Kuasa Setelah Pindaan Perlembagaan 1988	99-100

SENARAI STATUT

Akta Fitnah 1957 (Akta 286) – 80, 91-92,

Akta Hasutan 1948 (Akta 15) – 54, 80, 89-90

Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 (Akta 82) – 18, 22, 63, 67, 76, 80-81, 88, 98, 188, 191

Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 (Akta 301) – 18, 23, 76, 80, 83-85, 87, 94, 98, 113-115, 144, 191

Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88) – 18, 23, 76, 80, 88, 93, 98

SENARAI SINGKATAN

ADUN	Ahli Dewan Undangan Negeri
AFP	Agence France-Presse
AIN	Alat Ideologi Negara (Ideological State Apparatus)
Aliran	Aliran Kesedaran Negara
ARE	Asian Rare Earth Sdn Bhd
ARN	Alat Represif Negara (Repressive State Apparatus)
ASEAN	Association of South East Asian Nations (Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara)
AWSJ	The Asian Wall Street Journal
Berjaya	Bersatu Rakyat Jelata Sabah Party
Bernama	Pertubuhan Berita Nasional Malaysia
BMF	Bumiputra Malaysia Finance
BSKL	Bursa Saham Kuala Lumpur
DAP	Democratic Action Party
DEB	Dasar Ekonomi Baru
Gerakan	Gerakan Rakyat Malaysia (Malaysian People's Movement)
GSP	Generalized System of Preferences
IMF	International Monetary Fund (Dana Kewangan Antarabangsa)
ISA	Internal Security Act (Akta Keselamatan Dalam Negeri)
KAMI	Kumpulan Aktivis Media Independen
KDN	Kementerian Dalam Negeri

KLIA	Kuala Lumpur International Airport (Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur)
KWSP	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
MCA	Malaysian Chinese Association
MIC	Malaysian Indian Congress
NGO	Non-governmental Organisation
NSTP	New Straits Times Press Berhad
NUBE	National Union of Bank Employees (Kesatuan Pekerja-pekerja Bank Nasional)
NUJ	National Union of Journalists
OSA	Official Secrets Act (Akta Rahsia Rasmi)
PAS	Parti Islam SeMalaysia
PBB	Partai Pesaka Bumiputera Bersatu
PBS	Parti Bersatu Sabah
Pernas	Perbadanan Nasional Berhad
PKM	Parti Komunis Malaya
PNB	Permodalan Nasional Berhad
PPPA	Printing Presses and Publications Act (Akta Mesin Cetak dan Penerbitan)
SCJP	Sin Chew Jit Poh
SUARAM	Suara Rakyat Malaysia
SUPP	Sarawak United People's Party
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UM	Utusan Malaysia
UMNO	United Malays National Organization
USM	Universiti Sains Malaysia

USNO

United Sabah National Organization

**MEDIA MASSA DAN HEGEMONI BARISAN
NASIONAL: SATU KAJIAN KES KE ATAS
PERANAN MEDIA DALAM PENGURUSAN
KRISIS KEWANGAN 1997 DI MALAYSIA**

CHANG TECK PENG

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

BAB I

PENGENALAN

1.1 KENYATAAN MASALAH KAJIAN

Pada suatu ketika, kejayaan ekonomi di negara-negara Asia telah dihebohkan oleh ahli-ahli ekonomi Bank Dunia sebagai “Keajaiban Asia” (*The Asia Miracle*). Tetapi *miracle* ini telah menjadi *debacle* ketika beberapa negara Asia Timur dan Asia Tenggara menghadapi krisis kewangan pada pertengahan 1997.

Malaysia tidak dikecualikan daripada krisis kewangan ini, malah menerima hentaman yang agak serius. Krisis kewangan ini menyebabkan nilai ringgit Malaysia menyusut secara mendadak berbanding dengan dolar Amerika Syarikat, mencapai peringkat yang paling rendah iaitu AS\$1=RM4.88 pada Januari 1988¹ (Abdul Rahman Embong 2000: 136), atau dengan peratusan susut nilai sebanyak 45 peratus (Ishak Shari 1998: 3). Pasaran saham telah jatuh jauh lebih serius, di mana indeks komposit utama di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) telah jatuh kepada 263 mata pada 1 September 1998, daripada 1332 mata pada suku tahun pertama 1997 (Rasiah 2000: 377). Manakala, kadar pengangguran di Malaysia meningkat daripada 2.8 peratus pada 1997 kepada 6.0 peratus pada tahun 1998 dan kadar inflasi pula, mencapai 7 peratus pada 1998 berbanding dengan 4 peratus pada 1997 (Ishak Shari 1998: 4).

Akibat daripada krisis kewangan Asia, empat daripada lima buah negara Asia Timur yang paling terjejas oleh krisis ekonomi, telah mengalami pertukaran kerajaan masing-masing. Presiden Indonesia, Soeharto adalah antara yang terakhir turun dari

¹ Kadar pertukaran akhirnya telah ditetapkan oleh kerajaan pada RM3.80, mulai 2hb September 1998.

jawatan. Dalam hal ini, Malaysia terkecuali. Kedudukan Barisan Nasional dan Mahathir Mohamad tetap terpelihara sepanjang masa krisis kewangan 1997,² sehingga pertubuhan-pertubuhan sivil, umpamanya Kesatuan Pekerja-pekerja Bank Nasional (*National Union of Bank Employees, NUBE*), telah melancarkan kempen menyokong Mahathir.³ Kestabilan rejim Barisan Nasional dan Mahathir Mohamad menunjukkan hegemoni kelas pemerintah ini terpelihara sungguhpun krisis kewangan telah membawa impak yang agak teruk terhadap Malaysia yang bercita-cita menuju ke arah negara maju pada 2020.

Perubahan yang dialami di negara-negara jiran tidak berlaku di Malaysia. Dari segi teori, ahli-ahli dari Aliran Frankfurt (*Frankfurt School*) menyarankan bahawa sekiranya perubahan sosial yang radikal tidak berlaku, kebanyakannya kerana kesedaran untuk menuntut perubahan telah dihapuskan dan justeru itu, terhasilnya klimaks ideologi yang mana kesanggupan untuk mengatasi batasan yang ditetapkan telah pula dilunturkan (Bennett 1982: 43).

Sehubungan ini, diandaikan bahawa sesuatu usaha yang selain daripada tindakan-tindakan ekonomi telah dilancarkan untuk melunturkan sentimen ketidakpuasan di kalangan golongan yang diperintah terhadap kegagalan kelas pemerintah menyelamatkan Malaysia daripada dilanda krisis kewangan 1997. Usaha itu bukan sahaja dilancarkan untuk melunturkan sentimen ketidakpuasan, malah mengubah sentimen ketidakpuasan itu kepada sentimen nasionalisme yang bersifat xenofobia, iaitu melalui taktik yang menyalahkan punca luar sebagai punca utama yang mengakibatkan krisis kewangan. Kejayaan usaha ini bergantung kepada keberkesanan propaganda media massa.

² Pelucutan jawatan bekas Timbalan Perdana Menteri, Anwar Ibrahim dan perletakan jawatan kedua-dua Gabenor dan Timbalan Gabenor Bank Negara tidak diambil kira dalam konteks ini kerana ia dilihat sebagai akibat langsung daripada perebutan kuasa dalaman politik UMNO.

³ NUBE telah melancarkan kempen menyokong Mahathir pada 15 Oktober 1997. Pertubuhan yang mempunyai 30 000 ahli ini menyeru ahli-ahlinya memakai lencana bertulisan “NUBE Sokong Mahathir” (*NUBE Supports Dr Mahathir*) (*Sin Chew Jit Poh* 15 Oktober 1997, 16 Oktober 1997).

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji peranan media massa arus perdana dalam pembentukan dan/atau pengukal hegemoni kelas pemerintah di Malaysia, iaitu Barisan Nasional, ketika negara ini dilanda krisis kewangan 1997. Kajian ini menumpukan perhatian kepada persoalan bagaimanakah media massa arus perdana mempersembahkan krisis kewangan 1997, terutamanya soal punca krisis kewangan ini, sebagai salah satu usaha untuk mengalihkan kemarahan rakyat jelata kepada punca luar, umpamanya pengurus-pengurus dana Barat yang dikatakan telah merancang konspirasi untuk memusnahkan ekonomi negara-negara Asia Tenggara terutamanya Malaysia. Jika media massa arus perdana berjaya mencapai tujuan ini, hegemoni Barisan Nasional turut terpelihara.

Kajian ini lebih bertumpu kepada dua persoalan. Pertama, pembentukan dan/atau pengukal hegemoni Barisan Nasional dalam krisis kewangan 1997. Kedua, peranan media massa arus perdana dalam proses pembentukan dan/atau pengukal hegemoni itu.

Ini berkait rapat dengan fungsi propaganda media massa. Kajian tentang propaganda terutamanya kesan mesej pemujukan telah menarik minat sarjana-sarjana selepas Perang Dunia Pertama. Semasa perang itu, kerajaan Amerika Syarikat menubuhkan Suruhanjaya Maklumat Awam (*Commission on Public Information*) yang diketuai oleh George Creel dan biasanya digelar sebagai Suruhanjaya Creel (*Creel Commission*), untuk melancarkan usaha propaganda di peringkat tempatan dan antarabangsa secara besar-besaran (Rogers 1994: 211). Dalam masa enam bulan, suruhanjaya itu telah berjaya mengubah populasi pencinta damai menjadi populasi yang dirasuki histeria dan mengapi-apikan peperangan, yang mahu memusnahkan segala-galanya Jerman, meniat-yiatkan orang-orang Jerman, mahu berperang kononnya untuk “menyelamatkan dunia” (Chomsky 1997: 7).

Pengalaman Perang Dunia Pertama telah membuktikan keberkesanan propaganda untuk *policing* sesuatu krisis.⁴ Propaganda jauh lebih penting bagi masyarakat demokrasi sebagai peralatan untuk membentuk dan mengawal pemikiran orang ramai. Menurut Chomsky (1997: 16), dalam masyarakat totalitarian atau negara militan, kelas pemerintah mahu memastikan supaya golongan yang diperintah tidak berkesempatan untuk bertindak dengan kesalahanggapan (*misjudgements*) sendiri, apa yang harus dilakukan hanya memegang belantan di atas kepala mereka dan memukul kepala mereka yang diperintah sekiranya mereka menyeleweng. Akan tetapi, kelas pemerintah dalam masyarakat demokrasi telah kehilangan kedudukan ini dan mereka harus menggunakan teknik propaganda untuk mencapai tujuan yang sama. Justeru, propaganda di dalam masyarakat demokrasi, bagaikan belantan yang digunakan dalam masyarakat totalitarian.

Sungguhpun analisis propaganda hampir-hampir lenyap setelah 1940an (Rogers 1994: 211), tetapi keadaan telah berubah berikutan dengan kewujudan dan keaktifan politik krisis (*politics of crisis*) di dunia moden ini. Pada hakikatnya, pertalian umum bagi istilah propaganda adalah pada waktu berlakunya peperangan atau krisis nasional. Ketika itu, media biasanya dikerahkan dalam percubaan secara emotif, besar-besaran dan sistematik untuk memajukan sesuatu pandangan dan sikap yang berkaitan dengan isu-isu tertentu (O'Sullivan et al. 1983: 186).

Perkembangan ini membayangkan betapa pentingnya propaganda bagi sesuatu rejim atau pemerintah sebagai alat yang memujuk supaya memenangi “persetujuan” daripada golongan yang diperintah di atas dasar-dasar atau cara-cara mereka menangani sesuatu krisis. Persetujuan ini adalah penting, lebih-lebih lagi dalam masyarakat demokrasi, memandangkan apa yang disarankan oleh Gramsci bahawa situasi konflik di antara “yang mewakili” (*representatives*) dan “yang diwakili” (*represented*) dalam sesuatu masyarakat mengakibatkan krisis hegemoni kelas pemerintah, iaitu krisis autoriti, atau krisis umum negara (Raboy & Dagenais 1992: 2).

⁴ Propaganda di sini merujuk kepada proses “kawalan, manipulasi dan komunikasi maklumat serta fikiran dengan secara sengaja supaya mencapai objektif-objektif politik tertentu” (O'Sullivan et al. 1983: 185).

Tanggapan krisis jauh lebih penting bagi kerajaan pasca kolonial, seperti yang disarankan oleh Chin (1995: 198-9) bahawa banyak kerajaan pasca kolonial berniat untuk mencipta satu set “naratif krisis nasional” untuk memperkukuhkan kepemimpinan pemerintah yang autoritarian dan memastikan keabsahan kepemimpinan itu. Lebih-lebih lagi bagi pemimpin kerajaan pasca kolonial yang mahu memegang kuasa melebihi sepuluh tahun secara berterusan, seharusnya mahir untuk mencipta satu set model dan strategi “naratif krisis” dari semasa ke semasa.

Dalam politik krisis sebegini, media memainkan peranan penting, terutamanya dari segi pengurusan maklumat. Dalam pada itu, media bukan menjadi forum untuk perbincangan awam mengenai isu-isu dasar, tetapi merupakan satu kaedah yang memujuk khalayak ramai dengan kata-kata yang mententeramkan, iaitu pihak berkuasa sedang menangani krisis dengan baik (Raboy & Dagenais 1992: 7). Seperti dikatakan Keane (1992: 17),

Mereka (media) memastikan supaya sesuatu krisis yang terpendam menjadi nyata dengan cara menghasilkan perasaan kolektif terhadap krisis di kalangan warganegara, dan dengan cara memperluaskan dakwaan pegawai-pegawai negara bahawa tindakan yang drastik adalah diperlukan untuk memulihkan krisis, seperti mana yang mereka jelaskan melalui media.

Maka kewujudan krisis boleh juga menjadi satu peluang keemasan bagi kelas pemerintah membentuk dan/atau memperkukuhkan hegemoni. Sama ada krisis itu memanfaatkan kelas pemerintah bergantung kepada kebijaksanaan ahli-ahli politik untuk memanipulasikan media massa untuk mengabsahkan susunan sosial dan tindakan kelas pemerintah serta melenyapkan kritikan media. Sungguhpun langkah mengongkong media massa adalah berasaskan pertimbangan tentang kepentingan kelas pemerintah, tetapi biasanya dijustifikasikan dengan alasan seolah-olah demi mengelakkan kepentingan negara daripada terancam. Keane (1992: 29) telah menggambarkan kedudukan itu dengan mengatakan bahawa

“Ketika authoriti mutlak eksekutif negara terancam dan ancaman itu adalah mendesakkan”, seseorang pembela kedaulatan negara-bangsa mungkin menegaskan, “kebebasan komunikasi adalah satu kemewahan yang tidak perlu. Kebebasan bersuara boleh mendatangkan kekacauan malah perang saudara.”

Berdasarkan pemahaman ini, adalah diandaikan bahawa di Malaysia, Barisan Nasional telah mengambil langkah pengurusan maklumat ke atas media tempatan arus perdana sebagai salah satu usaha untuk meyakinkan orang ramai bahawa Barisan Nasional tidak harus bertanggungjawab ke atas krisis kewangan 1997 memandangkan krisis itu merupakan hasil konspirasi Barat. Sebaliknya, Barisan Nasional telah menangani krisis kewangan dengan baik di samping mempertahankan maruah bangsa dan negara. Dengan ini, kritikan-kritikan dalaman dan sentimen ketidakpuasan dipinggirkan kerana kewujudan “musuh luar” dapat meniupkan sentimen nasionalisme dan mengalihkan kemarahan penduduk-penduduk bekas tanah jajahan Barat. Dalam keadaan ini, kritikan dalaman terhadap kerajaan tidak mendapat tempatnya dalam tanggapan krisis. Sebaliknya, wacana perpaduan supaya menentang “musuh luar” menjadi wacana arus perdana dan pemerintahan kerajaan yang bertindak sebagai penyelamat negara terpelihara.

1.2 TUJUAN DAN SKOP KAJIAN

Bidang kajian ini adalah kajian media dengan tujuan untuk memperolehi satu garis kasar mengenai kedudukan media massa dalam pembentukan dan/atau pengekaln hegemoni kelas pemerintah dari perspektif hubungan antara Negara, Elit Politik dan Media, berteraskan teori Hegemoni yang dihasilkan oleh Antonio Gramsci.⁵ Perspektif hubungan triparti ini adalah penting untuk memahami kedudukan media di dalam konteks politik Malaysia. Hanya dengan memahami hubungan triparti ini barulah kita dapat memahami kesanggupan media untuk memihak kepada kelas pemerintah dan mirip kepada pemeliharaan *status quo*, mahupun secara sukarela atau terpaksa.

Oleh kerana kajian ini adalah kajian media, titik berat kajian ini berbeza daripada kajian ekonomi. Kajian ekonomi akan membincang, menjelas dan menentukan punca-punca sebenar yang mengakibatkan krisis kewangan 1997. Tetapi, sebagai kajian media, kajian ini mengkaji bagaimanakah media massa mempersembah

⁵ Dalam konteks kajian ini, istilah “Negara” dirujuk kepada istilah Inggeris “*The State*”. Manakala istilah “media massa” atau “media” merujuk kepada media arus perdana (*mainstream*), tidak termasuk akhbar-akhbar atau majalah-majalah yang diterbitkan oleh parti-parti pembangkang dan Organisasi-organisasi Bukan Kerajaan (*NGOs*).

dan menjelaskan apakah punca-punca yang mengakibatkan krisis kewangan 1997, sungguhpun punca-punca yang dijelaskan mungkin tidak diterima umum dari segi kajian ekonomi.

Kajian ini menyentuh konsep penentuan agenda (*agenda setting*) media yang dikemukakan oleh McCombs dan Shaw pada 1977. Idea penentuan agenda menyatakan bahawa keutamaan media pada peringkat tertentu menjadi keutamaan kepada orang ramai. Apa yang diberi penekanan oleh media ditekankan semula oleh audien media secara peribadi dan terbuka (McCombs & Shaw 1994: 111).

Dengan kata lain, penentuan agenda adalah satu proses meningkat penonjolan tajuk atau isu di media massa sehingga mempengaruhi dan membawa kepada penonjolan tajuk atau isu di kalangan masyarakat. Maka konsep penentuan agenda adalah satu konsep yang menjelaskan kaitan positif yang kuat antara penekanan media massa dan penonjolan tajuk ini kepada audiennya.

Salah satu kepentingan fungsi penentuan agenda ialah ia menunjukkan satu proses di mana topik-topik tertentu dipilih oleh media supaya disampaikan kepada khalayak ramai melalui liputan berita (Lowery & DeFleur 1983: 380). Maka dunia sebenarnya menjadi semakin kecil apabila media memilih apa yang mahu diliputi dan aspek mana yang mahu dipancarkan dalam laporannya, dan audien pula menentukan berita mana yang mahu diberi perhatian (McCombs & Shaw 1994: 112).

Sungguhpun media memainkan fungsi penentuan agenda, tetapi “penentuan agenda” yang dilakukan oleh media bukan satu hasil yang bebas daripada pengaruh luar. Penelitian tentang proses pengendalian berita rutin yang mengutamakan “nilai berita” dan kepopularan beberapa prinsip kewartawanan adalah memadai untuk memahami bagaimanakah pengaruh luar itu mempengaruhi media membuat keputusan untuk menentukan agenda yang diutamakan.

Ketika membuat keputusan tentang apa maklumat yang harus disiarkan, dalam ruangan mana yang harus disiarkan (misalnya, penting atau biasa), penapis-penapis maklumat (*gatekeepers*) dalam sesebuah organisasi media sentiasa memikirkan soal

“kenilaiberitaan” (*newsworthiness*). Salah satu kriteria yang diambil kira untuk menentukan sama ada sesuatu peristiwa itu mempunyai “nilai berita” atau tidak ialah “keterkenalan” (*prominence*) watak berita, iaitu kedudukan seseorang sumber berita. Jika seseorang itu lebih berautoriti atau berkuasa, kenyataan atau komen yang dikeluarkan beliau tentu sekali diterbitkan dengan ruangan yang lebih besar dan mudah dilihat. Di samping itu, industri kewartawanan sentiasa mendewa-dewakan beberapa prinsip kewartawanan seperti kesaksamaan (*impartiality*), keseimbangan (*balance*) dan objektiviti (*objectivity*). “Pematuhan” kepada prinsip-prinsip ini menjadikan wartawan jauh lebih bergantung kepada kenyataan-kenyataan yang “objektif” dan “autoritatif” yang diberikan oleh sumber-sumber berita yang diterima umum (*accredited sources*) dan mempunyai kedudukan dan kuasa institusional (*institutional power and position*) (Hall et al. 1978: 58).

Hasil daripada dua faktor yang dibincangkan ini, mereka yang berautoriti atau berkuasa bertindak sebagai penentu agenda untuk media massa, dan kepentingan mereka sebagai penentu agenda lebih kelihatan dalam masyarakat bersifat autoritarian, di mana media massa tidak menikmati kebebasan yang memuaskan.

Oleh itu, proses penentuan agenda mengakibatkan dunia menjadi semakin kecil kerana apa yang dipancarkan kepada audien hanya apa yang mahu diliputi oleh media massa. Sebagaimana yang disentuh oleh Lippmann, reaksi kita terhadap politik adalah berdasarkan salinan terkecil dunia sebenar, dan alam sekeliling samaran (*pseudo*) yang kita cipta dan kumpulkan adalah dihasilkan secara keseluruhannya daripada bahan media massa (McCombs & Shaw 1994: 112). Justeru itu, media massa mungkin tidak berjaya dalam memberitahu kita tentang apa yang difikirkan, tetapi mereka berjaya memberitahukan kita perkara yang (menurut agenda mereka) perlu difikirkan (McCombs & Shaw 1994: 110).

Ketika mempertimbangkan fungsi penentuan agenda, adalah wajar mengambil kira pemerhatian Zucker bahawa seseorang mirip bergantung kepada media massa untuk memperoleh maklumat dan pentafsiran sesuatu isu apabila dia kekurangan pengalaman langsung terhadap isu tersebut (David 1994: 5). Ini bererti bahawa jika seseorang itu kekurangan atau tiada pengalaman langsung terhadap sesuatu isu,

mungkin sekali gambaran yang terhasil dalam pemikirannya mengenai isu itu adalah gambaran yang dipancarkan oleh media massa. Jikalau krisis kewangan Asia 1997 telah mencabar ahli-ahli ekonomi, terutamanya, ahli-ahli ekonomi antarabangsa (Jomo 1998: 1), maka kita dapat membuat kesimpulan bahawa orang ramai yang secara keseluruhannya tanpa pengetahuan pakar dan penyelidikan dalam bidang ekonomi, adalah kekurangan pengetahuan atau tiada pengalaman langsung terhadap krisis kewangan itu, dan mereka mungkin sekali mendapatkan gambaran mengenai krisis kewangan itu hanya melalui liputan media massa.

Atas pertimbangan ini, kajian ini cuba menjawab persoalan apakah media massa arus perdana di Malaysia memberitahu pembaca apa yang perlu difikirkan mengenai isu-isu berkaitan dengan krisis kewangan 1997 seperti berikut:

- a. Apakah yang ditonjolkan oleh media massa arus perdana sebagai punca (atau punca-punca) utama yang mengakibatkan krisis kewangan 1997.
- b. Bagaimanakah kedudukan ekonomi Malaysia dalam krisis kewangan 1997 melalui penggambaran media arus perdana.
- c. Dari segi penonjolan media massa arus perdana, apakah sumbangan kerajaan (Barisan Nasional) dalam pengurusan krisis kewangan 1997 dan mempertahankan maruah bangsa Malaysia.

Setakat ini agak banyak penyelidikan media massa telah dijalankan oleh sarjana-sarjana komunikasi yang berkhidmat di institusi-institusi pengajian tinggi tempatan. Mereka telah menjalankan penyelidikan media massa dengan aneka perspektif dan skop yang berlainan. Mohd Safar Hashim (1996) dari Universiti Kebangsaan Malaysia, misalnya, telah mengkaji secara panjang lebar tentang perubahan konfigurasi kuasa di Malaysia sejak 1806 hingga 1990, dan berasaskan perubahan konfigurasi kuasa ini beliau mengenalpasti perubahan hubungan akhbar dengan kuasa Eksekutif. Sementara itu, Syed Arabi Idid dan Safar Hashim (1993), Syed Arabi Idid dan Mazni Hj Buyong (1995) meneliti pertalian antara pihak media

dengan politik dan fungsi penentuan agenda media massa tempatan ketika pilihanraya-pilihanraya umum diadakan.

Di samping itu, Zaharom Nain (1991, 1992) dari Universiti Sains Malaysia (USM) meninjau media massa dengan perspektif kritikal, iaitu mengkaji faktor-faktor ekonomi politik, umpamanya kawalan dan pemilikan media, yang membentuk perkembangan dan prestasi media massa tempatan serta peranan Negara (*the State*) dalam menyempurnakan proses kawalan dan pemilikan media. Rakannya di USM, Mustafa Kamal Anuar (1990, 1995), turut memberi perhatian kepada cara-cara media massa arus perdana mempropagandakan kepentingan umum parti pemerintah dalam pilihanraya umum. Di samping itu, Mustafa (1993) juga mengambil perhatian tentang soal kekurangan layanan media massa terhadap golongan-golongan pinggiran akibat daripada komersialisasi industri media massa tempatan.

Sungguhpun kajian ini menyentuh isu-isu kawalan media massa dari segi proses perundangan dan pemilikan industri media massa seperti yang telah dikaji oleh sarjana-sarjana tersebut, ini bukan titik berat kajian ini. Kajian ini, berdasarkan penemuan tersebut, ingin menonjolkan bahawa kawalan dan pemilikan media sebagai langkah yang diambil oleh kelas pemerintah untuk memastikan supaya media massa menjalankan tugas sebagai alat ideologi (*ideological apparatuses*) untuk memperkukuhkan pemerintahannya melalui proses pembentukan hegemoni. Kajian ini menegakkan tanggapan khusus mengenai hubungan simbiotik di antara media massa dan pengukuhan sesuatu pemerintahan dalam konteks Malaysia, di mana kelas pemerintah, melalui penguasaan ke atas alat Negara, begitu mudah sekali menggunakan media massa untuk menghasilkan persetujuan aktif terhadap pimpinan *status quo* dan melenyapkan sentimen penentangan yang mungkin menggugat kedudukan dan hegemoni kelas pemerintah.

1.3 METODOLOGI

Kajian ini dijalankan dengan berdasarkan kerangka teori hegemoni yang diketengahkan oleh seorang ahli falsafah Itali, Antonio Gramsci (1891-1937) dan sarjana-sarjana lain. Dari segi analisis, kajian ini menggunakan pendekatan analisis

kandungan untuk menganalisis bagaimanakah liputan-liputan media arus perdana memberi sumbangan kepada pembentukan hegemoni Barisan Nasional.

Analisis kandungan adalah kaedah tradisional yang digunakan untuk menganalisis makna dalam mesej komunikasi massa. Analisis kandungan telah digunakan oleh penyelidik-penyelidik yang mempunyai latar belakang teoretikal yang agak berbeza, mencapai tahap kejayaan yang berbeza; kaedah ini menekankan kandungan nyata kepada mesej sebagai bidang yang paling penting sekali dalam analisis sains sosial (Wollacott 1982: 92). Analisis kandungan ialah satu teknik penyelidikan yang melibatkan prosedur khusus untuk memproses data-data saintifik, dengan tujuan untuk menyediakan pengetahuan, wawasan baru, representasi “fakta” dan panduan praktikal untuk tindakan (Krippendorff 1980: 2).

Ramai sarjana telah membuat definisi yang berlainan mengenai analisis kandungan.⁶ Antara yang paling popular dan kerap kali dipetik adalah definisi yang diutarakan oleh Bernard Berelson (1971). Menurut Berelson (1971: 18), analisis kandungan adalah sejenis teknik penyelidikan untuk mencapai gambaran yang objektif, sistematik dan kuantitatif terhadap kandungan nyata dalam komunikasi. Namun begitu, dalam penyelidikan ini, definisi Berelson tidak dipetik untuk menerangkan kedudukan analisis kandungan. Sebagai ganti, konsep analisis kandungan dalam penyelidikan ini adalah berdasarkan definisi yang disarankan oleh Klaus Krippendorff (1980: 21), iaitu “analisis kandungan adalah teknik penyelidikan untuk membuat inferens yang boleh diulangi (*replicable*) dan sah daripada data pada konteksnya”. Ungkapan “boleh diulangi” membawa maksud bahawa apabila penyelidik-penyelidik yang lain, pada waktu yang berlainan dan kemungkinan di bawah situasi-situasi yang berbeza, menggunakan teknik yang sama ke atas data yang sama, hasilnya seharusnya sama.

⁶ Bernard Berelson (1971) telah menyenaraikan beberapa definisi analisis kandungan di dalam karya beliau yang bertajuk *Content Analysis in Communication Research*, (New York: Harner), hlm. 14-15.

Bersandarkan definisi Krippendorff (Krippendorff 1980: 22), beberapa perkara harus diambil perhatian. Pertama, analisis kandungan seharusnya digambarkan sebagai satu kaedah siasatan kepada makna simbolik sesuatu mesej. Di sini mesej menduduki satu tempat utama dalam proses komunikasi dan ia adalah produk daripada pelbagai kuasa (*forces*), sesetengahnya ketara, yang lain kabur dan tipis (Danielson 1963: 180). Maka kandungan tersirat tidak harus ditolak daripada analisis kandungan, tetapi harus ditafsir dan dikaitkan dengan konteks sosial yang mana kajian dijalankan.

Kedua, analisis kandungan harus dilaksanakan secara relatif kepada dan dijustifikasikan dari segi konteks data, maka konteks yang relatif kepada data yang dianalisis seharusnya jelas (Krippendorff 1980: 23). Ketika data diperolehi, konteksnya dibina oleh penganalisis kandungan untuk merangkumi kesemua syarat sekeliling, anteseden, kewujudan bersama, atau akibat langsung.

Pengumpulan data dalam analisis kandungan adalah untuk tiga tujuan:

- a. Menggambarkan sifat-sifat komunikasi – menanyakan tentang apa, bagaimana, dan kepada siapa sesuatu disebut.
- b. Membuat inferens kepada anteseden komunikasi – menanyakan tentang kenapa sesuatu disebut.
- c. Membuat inferens kepada kesan-kesan komunikasi – menanyakan tentang apakah kesannya sesuatu disebut (Krippendorff 1980: 34).

Dalam konteks kajian ini, jenis analisis kandungan yang akan digunakan adalah analisis kenyataan (*assertions analysis*) atau analisis tematik untuk mengkaji kekerapan yang mana objek-objek dan perkara-perkara tertentu digambarkan sifatnya dengan cara tertentu.

Seperti mana yang telah dinyatakan, kajian ini adalah berdasarkan teori hegemoni, maka kajian ini menjelaskan bahawa media massa yang bertindak sebagai salah satu alat hegemoni (*hegemonic apparatuses*) atau Alat Ideologi Negara (*Ideological State Apparatuses*), berusaha membentuk “persetujuan aktif” (*active consent*) terhadap kelas pemerintah di kalangan golongan yang diperintah. Pembentukan persetujuan aktif ini bermaksud kelas pemerintah telah mencipta perpaduan ideologi (*ideological unity*) yang berfungsi sebagai “simen” yang mengekalkan hegemoni kelas pemerintah.

Berdasarkan kerangka teori Gramsci, kajian ini merujuk kepada bahan-bahan rujukan yang bersesuaian untuk menghujahkan hubungan di antara Negara dan media massa arus perdana. Sehubungan ini, langkah-langkah yang diambil untuk mengawal media massa supaya media massa tertunduk kepada tekad Negara, turut ditinjau.

Bahan-bahan yang dirujuk termasuk:

- a. penulisan-penulisan yang menilai kedudukan media massa dalam politik Malaysia, sama ada dari segi kawalan perundangan mahupun pemilikan, untuk menjelaskan satu gambaran tentang hubungan Negara dan media massa.
- b. teks ucapan dan penulisan-penulisan Perdana Menteri Mahathir Mohamad untuk menjelaskan bahawa pemikiran beliau mengenai media massa telah mempengaruhi hubungan Negara dan media massa yang ditegakkan.
- c. Statut-statut yang berkait langsung dengan media massa untuk menjelaskan kawalan media massa dari segi perundangan, dan impaknya terhadap kedudukan media massa di Malaysia.
- d. Penulisan sarjana-sarjana ekonomi yang meninjau isu krisis kewangan 1997 supaya mendapatkan satu gambaran yang jelas tentang punca berlakunya krisis kewangan itu dan membandingkan dengan apa yang ditonjolkan oleh media massa.

Pengumpulan data dijalankan dengan menganalisis tajuk-tajuk utama (*headlines*), lidah pengarang dan komentar yang diterbitkan oleh tiga akhbar arus perdana di Malaysia berteraskan konsep penentuan agenda, iaitu meninjau apakah perkara-perkara yang berkaitan dengan krisis kewangan 1997 yang ditonjolkan sebagai agenda utama oleh akhbar-akhbar yang dikaji. Dengan ini, diharapkan dapat memperoleh satu gambaran apakah penonjolan isu-isu tertentu sebagai sebahagian usaha untuk mengekalkan keabsahan dan hegemoni Barisan Nasional.

Tiga akhbar arus perdana yang dipilih untuk mengadakan analisis kandungan ialah *New Straits Times* (Bahasa Inggeris), *Utusan Malaysia* (Bahasa Malaysia) dan *Sin Chew Jit Poh* (Bahasa Cina). Akhbar-akhbar ini dipilih adalah berdasarkan dua alasan seperti berikut.

Pertama, akhbar-akhbar tersebut adalah akhbar-akhbar utama dan berpengaruh bagi komuniti-komuniti berbahasa Inggeris, berbahasa Malaysia dan berbahasa Cina masing-masing. Pada 1997, jumlah edaran ketiga-tiga akhbar itu adalah seperti berikut: *New Straits Times*, 163 287 (*New Sunday Times*, 186 918); *Utusan Malaysia*, 253 680 (*Mingguan Malaysia*, 503 759); *Sin Chew Jit Poh*, 237 604. Dari segi jumlah pembaca, *New Straits Times* mencatatkan jumlah pembaca seramai 618 000 (*New Sunday Times*, 543 000); *Utusan Malaysia*, 1535 000 (*Mingguan Malaysia*, 2127 000) dan *Sin Chew Jit Poh*, 722 000.⁷ Adalah diandaikan bahawa ketiga-tiga akhbar ini meliputi majoriti pembaca-pembaca akhbar di Malaysia dan kemampuan untuk mempengaruhi majoriti adalah memadai.

Kedua, latar belakang pemilikan akhbar-akhbar tersebut juga dipertimbangkan. *Utusan Malaysia* dan *New Straits Times* dipilih kerana mereka dimiliki secara langsung oleh kepentingan UMNO, sungguhpun di bawah urusan dua kumpulan syarikat yang berasingan. *Berita Harian* yang dimiliki oleh Kumpulan New Straits Times tidak dipilih kerana pengkaji mahu memastikan sama ada wujudnya perbezaan di antara *New Straits Times* dan *Utusan Malaysia*. *The Star* tidak dipilih kerana ia mungkin tidak begitu ketara memihak kerajaan dalam semua perkara memandangkan

⁷ Sumber: *Audit Bureau of Circulations Malaysia*, dipetik daripada *Media Guide '98*, Whiteknight Communications.

akhbar itu tidak dimiliki secara langsung oleh kepentingan UMNO. *Sin Chew Jit Poh* dipilih kerana pemilik akhbar itu, Tiong Hiew King, adalah bekas Naib Presiden dan Bendahari kepada sebuah parti komponen Barisan Nasional, Sarawak United People's Party (SUPP) dan pernah berkhidmat sebagai Senator, berbanding dengan pemilik *Nanyang Siang Pau* ketika itu, Quek Leng Chan, tidak menunjukkan penglibatan dalam politik Barisan Nasional.

Tempoh untuk mengambil data-data dari akhbar-akhbar tersebut adalah mulai 1 Julai 1997 hingga 31 Disember 1997. Tempoh enam bulan ini diambil kerana tempoh ini ialah peringkat awal krisis kewangan yang dihadapi oleh negara-negara Asia Tenggara umumnya dan Malaysia khususnya. Pada peringkat awal krisis kewangan ini, terdapat pelbagai ketidaktentuan dan kekaburan. Pelbagai pihak - kelas pemerintah, ahli-ahli politik pembangkang, ahli-ahli akademik, ahli-ahli korporat, penganalisis-penganalisis saham, dan sebagainya – sedang mencari-cari penjelasan untuk menerangkan punca-punca yang menyebabkan krisis kewangan. Pelbagai penjelasan telah diutarakan oleh pelbagai pihak. Namun begitu, bukan kesemua pandangan yang berlainan, dan mungkin bercanggah, diberi layanan atau layanan yang mencukupi oleh media tempatan. Maka adalah wajar untuk meninjau apakah sesuatu pandangan itu diberi layanan dan apakah tidak.

Bahan-bahan media yang diambil untuk menjalankan analisis kandungan adalah seperti berikut:

- a. **Liputan Berita** - Liputan maklumat semasa yang disiarkan di akhbar-akhbar tersebut, termasuk berita-berita dari sumber-sumber tempatan, berita-berita yang dipetik daripada agensi-agensi berita tempatan (*Bernama*) dan antarabangsa (*Reuters*, *AFP* dan sebagainya) serta akhbar-akhbar luar negara.
- b. **Lidah Pengarang** - Rencana-rencana khas yang disiarkan harian untuk memberi pandangan dan pendirian sesuatu akhbar terhadap isu-isu semasa. Ia biasanya tidak menerbitkan nama penulis, yang kebanyakannya editor kanan atau ketua penulis (*leader writer*) akhbar itu.

- c. **Komentor/Ulasan** - Rencana-rencana ulasan isu-isu semasa yang ditulis oleh wartawan-wartawan, editor-editor dan lain-lain pemegang jawatan yang berkhidmat di akhbar-akhbar berkenaan. Komentor-komentor tulisan pembaca atau penulis jemputan tidak diambil kira.

Pengkategorian data dijalankan mengikut langkah-langkah seperti berikut:

Pertama, liputan berita, lidang pengarang dan komentor/ulasan yang berkaitan secara langsung dengan krisis kewangan dibahagikan mengikut isu-isu yang berlainan. Pembahagian isu ini dijalankan dengan merujuk kepada tajuk, pendahuluan dan tema utama bahan-bahan media tersebut. Isu-isu yang dikenalpastikan dalam kajian ini termasuk:

- a. Penjelasan tentang punca utama krisis kewangan 1997.
- b. Gambaran tentang kedudukan ekonomi semasa krisis kewangan.
- c. Sokongan kepada Mahathir dan kerajaan Barisan Nasional.
- d. Komitmen kerajaan untuk menangani krisis kewangan.
- e. Langkah-langkah dan keputusan-keputusan yang diambil oleh kerajaan untuk mengatasi krisis kewangan mendapat sokongan umum.
- f. Memobilisasi sokongan warga Malaysia terhadap kerajaan dan menyesuaikan diri dengan langkah-langkah mengatasi krisis kewangan.

Setelah isu-isu tersebut dikenalpastikan, mengambil kira kekerapan isu-isu tersebut diterbitkan. Kekerapan diambil kira dengan tujuan untuk menunjukkan apakah isu itu isu yang ditonjolkan oleh akhbar-akhbar yang dikaji dan seterusnya mengenalpastikan apakah dimensi krisis kewangan yang ditonjolkan oleh akhbar-akhbar tersebut. Keluasan dan halaman sesuatu liputan akhbar tidak diambil kira dalam kajian ini kerana tempoh data yang diambil terlalu panjang dan jumlah liputan

akhbar yang diambil terlalu banyak. Oleh itu, adalah amat memberatkan jika keluasan dan halaman kesemua liputan akhbar diukur.

Kemudiannya, penelitian diadakan dengan cara menunjukkan hubungkait setiap isu yang ditonjolkan oleh akhbar-akhbar yang dikaji. Analisis ini bertujuan untuk mendapatkan satu gambaran bahawa isu-isu yang saling berhubungkait itu menghasilkan satu set logik untuk membentuk “persetujuan aktif” di kalangan rakyat jelata supaya mendukung kelas pemerintah dan seterusnya membantu mengekalkan hegemoni Barisan Nasional.

Selain daripada analisis kandungan secara kuantitatif, analisis kualitatif juga digunakan untuk menjelaskan cara persembahan wacana krisis, iaitu bagaimanakah watak Soros dan spekulator-spekulator kewangan Barat lain dipaparkan sebagai punca utama krisis kewangan 1997 dan lebih-lebih lagi watak mereka diletakkan ke dalam satu konteks politik yang lebih luas untuk meyakinkan rakyat jelata.

Melalui analisis kandungan secara kuantitatif dan kualitatif, kita dapat memperolehi satu gambaran tentang apakah agenda yang ditonjolkan dan seterusnya membuat rumusan secara keseluruhan tentang bagaimana isu-isu yang saling berhubung kait di antara satu sama lain. Ini dapat menghasilkan satu wacana atau ideologi dominan yang membantu Barisan Nasional memperkukuhkan hegemoninya.

Selain daripada itu, analisis kualitatif turut dijalankan dalam konteks luas untuk mengenalpasti sama ada proses pembentukan hegemoni Barisan Nasional menepati langkah-langkah pembentukan hegemoni yang dibincangkan dalam bahagian kerangka teori kajian ini.

1.4 PEMBAHAGIAN BAB

Tesis ini dibahagikan kepada lapan bab. Bab I menerangkan kenyataan masalah kajian, tujuan dan skop kajian, dan metodologi serta pembahagian bab, untuk menyediakan satu kerangka asas bagi menjelaskan kesinambungan kajian ini.

Bab II menyediakan ulasan literatur dan menerangkan kerangka teori yang akan digunakan untuk menyempurnakan kajian ini. Bab ini juga menghujah secara teoritis tentang proses pembentukan hegemoni di Malaysia.

Bab III menegakkan tanggapan khusus terhadap peranan hegemoni kelas pemerintah dalam membentuk hubungan Negara, masyarakat sivil dan politik di Malaysia. Bab ini dimulakan dengan perbincangan tentang hubungan Negara dan masyarakat sivil berasaskan dua perspektif yang bertentangan, iaitu perspektif Liberal dan perspektif Gramsci. Seterusnya hubungan Negara dan masyarakat sivil dalam konteks Malaysia ditinjau secara khususnya. Selain itu, pemikiran Perdana Menteri Mahathir Mohamad mengenai isu-isu media massa, termasuk peranan media massa, kebebasan akhbar serta kawalan media massa, juga ditinjau dalam bab ini. Tinjauan ini adalah wajar memandangkan Malaysia sebuah masyarakat politik yang bersifat *statist democracy* (Saliha 2000: 215) dan paternalisme, di mana Mahathir bertindak sebagai “intelektual” yang dimaksudkan oleh Gramsci, seperti yang telah dibincangkan di bahagian kerangka teori. Oleh itu, adalah diandaikan bahawa pemikiran Mahathir tentu sekali memainkan peranan definitif dalam pembentukan dasar-dasar media massa di negara yang dipimpin oleh beliau selama 20 tahun.

Bab IV meninjau kedudukan media massa di Malaysia dari segi penguatkuasaan undang-undang media massa, umpamanya Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960, Akta Rahsia Rasmi 1972, Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1987, dan sebagainya. Sungguhpun kebanyakan undang-undang tersebut ialah warisan dari zaman penjajahan British, tetapi ia telah diperketatkan setelah Kemerdekaan, terutamanya sejak 1980an, satu dekad yang dibanjiri dengan skandal-skandal kewangan dan krisis kepimpinan politik. Maka adalah wajar untuk meninjau peranan undang-undang tersebut dalam menyekat autonomi dan kebebasan akhbar dan seterusnya menundukkan media massa kepada tekad politik kelas pemerintah.

Seterusnya Bab V meninjau corak pemilikan media massa dari segi melihat pemilikan itu sebagai salah satu bentuk kawalan media yang berkesan dalam masyarakat demokrasi. Faktor pemilikan ini tidak kurang mustahak berbanding dengan faktor undang-undang dan kedua-dua faktor ini adalah saling berkaitan.

Undang-undang Malaysia memperuntukkan kuasa kepada Menteri Dalam Negeri untuk melulus dan menggantung permit penerbitan akhbar. Peruntukan ini membolehkan kelas pemerintah menentukan siapa yang menikmati “hak istimewa” untuk menerbitkan akhbar. Akibatnya, pemilikan akhbar-akhbar arus perdana di Malaysia semakin tertumpu di tangan korporat-korporat yang rapat dengan kelas pemerintah. Perkembangan ini menjadikan kawalan media jauh lebih berkesan berbanding dengan semata-mata menggunakan peralatan undang-undang yang bersifat paksaan. Adalah diandaikan bahawa kebebasan akhbar di Malaysia tidak mungkin diperbaiki sekiranya faktor kawalan pemilikan ini kekal sungguhpun sesetengah undang-undang media dilonggarkan.

Bab VI membincangkan analisis kuantitatif dan kualitatif yang dijalankan untuk menganalisis liputan-liputan akhbar yang berkaitan dengan krisis kewangan. Analisis kuantitatif digunakan untuk menganalisis kekerapan isu-isu yang ditonjolkan oleh tiga akhbar yang dikaji. Manakala analisis kualitatif digunakan untuk menganalisis cara persembahan wacana krisis yang berteraskan kewujudan “musuh luar”.

Bab VII membuat analisis kualitatif tentang kedudukan media arus perdana dalam mendukung hegemoni Barisan Nasional ketika krisis kewangan 1997. Bab ini menganalisis cara penonjolan peranan Soros dan spekulator-spekulator Barat dalam krisis kewangan 1997. Dihujahkan juga bahawa penciptaan “musuh luar” dan penonjolan watak Soros dan spekulator-spekulator Barat bukan sesuatu taktik yang baru memandangkan sepanjang pemerintahan Mahathir, negara-negara Barat sentiasa dipaparkan sebagai “musuh” untuk mengabsahkan tindakan kerajaan di samping mengaut sokongan umum.

Bab VIII membuat kesimpulan keseluruhan bagi kajian ini.

BAB II

ULASAN LITERATUR DAN KERANGKA TEORI

2.1 PENDAHULUAN

Media massa adalah salah satu institusi penting dalam masyarakat demokrasi. Di Malaysia, sungguhpun pengajian media adalah salah satu disiplin yang agak muda, namun ia telah menarik perhatian daripada pelbagai pihak. Sarjana-sarjana di institusi pengajian tinggi tempatan dan juga aktivis-aktivis sosial telah memberi banyak sumbangan kepada perbincangan, penghujahan dan penyelidikan tentang kedudukan dan peranan media massa sebagai satu institusi masyarakat demokrasi di Malaysia.

Sebelum mendalami kajian ini, adalah wajar untuk mengulas analisis-analisis yang membincangkan kedudukan dan peranan media massa di Malaysia. Penulisan-penulisan itu memberikan satu gambaran keseluruhan tentang hubungan media dan Negara, pemilikan media, peranan media dan sebagainya dalam konteks Malaysia.

Kerangka teori dikemukakan sebelum analisis tentang konteks Malaysia diteruskan. Kerangka teori yang dikemukakan adalah berasaskan teori Hegemoni yang dimajukan oleh Antonio Gramsci. Walau bagaimanapun, teori-teori lain yang bersesuaian juga diambil untuk memperkaya dan mendalami teori Hegemoni. Kerangka teori ini memberi satu garis panduan untuk membimbing kajian ini.

2.2 ULASAN LITERATUR

Penulisan-penulisan yang meninjau media massa tempatan dari segi perspektif hegemoni tidak begitu banyak, sungguhpun terdapat sarjana-sarjana komunikasi yang agak kritikal terhadap isu-isu media di negara ini terutamanya isu kebebasan akhbar dan kawalan media oleh elit kuasa.

Mohd. Safar Hashim (1996), dalam kajian bertajuk “Akhbar dan Kuasa: Perkembangan Sistem Akhbar di Malaysia Sejak 1806”, meninjau perubahan hubungan sistem akhbar dengan Eksekutif dari perspektif konfigurasi lima jenis kuasa, yakni Eksekutif, Perundangan, Kehakiman, Rakyat dan Akhbar, sejak 1806 hingga 1990. Beliau menyenaraikan sembilan model konfigurasi kuasa seperti berikut (1996: 28-9):

- a. **Kuasa Berintegrasi Mutlak** ditakrifkan sebagai kuasa eksekutif menguasai empat kuasa yang lain.
- b. **Kuasa Berintegrasi Hampir Mutlak** ditakrifkan sebagai kuasa eksekutif menguasai tiga kuasa lain dan mengawal ciri kuasa yang keempat.
- c. **Kuasa Integrasi Tidak Mutlak** ditakrifkan sebagai dua ciri kuasa dikuasai oleh eksekutif manakala dua lagi dikawal oleh eksekutif.
- d. **Kuasa Integrasi Hampir Tidak Mutlak** ditakrifkan sebagai penguasaan eksekutif ke atas satu ciri kuasa.
- e. **Kuasa Dominan Mutlak** ditakrifkan sebagai pengawalan oleh eksekutif ke atas empat kuasa lain.
- f. **Kuasa Dominan Hampir Mutlak** ditakrifkan sebagai satu daripada ciri kuasa yang setara dengan eksekutif, manakala yang lainnya terkawal.

- g. **Kuasa Dominan Tidak Mutlak** ditakrifkan sebagai dua daripada ciri kuasa adalah setara dengan kuasa eksekutif, manakala dua lagi kekal kecil.
- h. **Kuasa Hampir Terpisah** iaitu tiga ciri kuasa bebas dan terasing daripada kuasa eksekutif dan satu ciri kuasa dikawal oleh eksekutif.
- i. **Kuasa Terpisah** iaitu kelima-lima ciri kuasa bebas dan tidak ditakluk oleh satu sama lain.

Berdasarkan klasifikasi tersebut, konfigurasi-konfigurasi kuasa dikategorikan mengikut tempoh-tempoh 1806-1867; 1867-1941; 1942-1957; 1957-1990. Tempoh setelah Kemerdekaan (1957-1990) dipecahkan kepada beberapa tempoh kecil seperti 1957-1969, 1969-1971, 1971-1987 dan 1987-1990 mengikut konfigurasi kuasa yang berlainan. Menurut klasifikasi beliau, perubahan konfigurasi kuasa selepas Kemerdekaan adalah seperti berikut: Kuasa Dominan Hampir Mutlak (1957-1969), Kuasa Integrasi Hampir Tidak Mutlak (1969-1971), Kuasa Dominan Hampir Mutlak (1971-1987) dan Kuasa Dominan Mutlak (1987-1990).

Penemuan yang penting ialah penulis mendapati bahawa sistem akhbar di Malaysia semakin terkawal oleh kuasa Eksekutif setelah Kemerdekaan pada 1957, terutamanya sejak penghujung 1980an sehingga awal 1990an, ketika Malaysia di bawah pimpinan Mahathir Mohamad. Penulis mencatatkan bahawa dalam tempoh 1987-1990, “semua ciri kuasa nampaknya di bawah kawalan eksekutif” (1996: 371), berikutan dengan beberapa peristiwa termasuk pindaan Perlembagaan untuk menghapuskan kuasa kehakiman, pindaan Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 untuk menghapuskan hak seseorang tahanan memohon *habeas corpus*, dan perlucutan Tun Salleh Abas daripada jawatan Ketua Hakim Negara pada 1988.

Walau bagaimanapun, kajian Mohd. Safar Hashim terdapat kekurangan dalam mengklasifikasikan perubahan konfigurasi kuasa. Beliau mengklasifikasikan konfigurasi kuasa bagi tempoh 1987-90 sebagai Kuasa Dominan Mutlak kerana beliau mendapati ciri pemisahan kuasa wujud di antara eksekutif, perundangan dan kehakiman, manakala rakyat adalah bebas dan akhbar dimiliki swasta (1996: 37).

Klasifikasi ini menunjukkan penulis mengabaikan salah satu hakikat bahawa kebebasan kehakiman hanya wujud di atas kertas akibat daripada pelucutan Tun Salleh Abas sebagai Ketua Hakim Negara oleh kuasa eksekutif, sungguhpun beliau telah mencatatkan perkembangan ini dalam penulisannya. Di samping itu, kuasa eksekutif sebenarnya menguasai kuasa perundangan kerana terdapat pertindihan keahlian ahli-ahli parlimen dan kabinet. Beliau agak naif apabila melihat akhbar dimiliki swasta bererti sama dengan akhbar yang bebas. Kekurangan ini menjadikan penulis gagal melihat bahawa dalam tempoh ini kuasa eksekutif sebenarnya bukan sahaja **mengawal** tetapi **menguasai** keempat-empat kuasa yang lain.

Selain daripada itu, sungguhpun penulis mengenalpasti perubahan sistem akhbar mengikut perubahan konfigurasi kuasa, tetapi seperti yang diakui oleh penulis, beliau tidak mempersoalkan baik buruknya sesuatu sistem akhbar. Malahan, beliau memegang pendirian yang agak konservatif terhadap soal kebebasan dan menunjukkan kesanggupan untuk menjustifikasikan “Operasi Lallang” dengan mengatakan bahawa sekatan-sekatan yang dikenakan adalah perlu kerana sebuah negara yang aman tetapi kebebasannya agak terkawal adalah lebih baik daripada negara yang bebas tetapi penuh dengan kekacauan (1996: 373). Kesimpulan ini, saya cadangkan di sini, adalah kerana penulis terlalu bergantung kepada kenyataan Mahathir Mohamad untuk menghuraikan soal kebebasan akhbar dalam kajian beliau.

Sehubungan dengan kawalan media yang semakin ketat sejak 1980an dan 1990an, Zaharom dan Ramli (1989) telah memberi penjelasan mereka. Dalam kertas kerja bertajuk “Paluan ke atas Media di Malaysia: Satu Pertimbangan Teori”, mereka menyarankan bahawa sikap Mahathir terhadap industri media telah menjadi kerangka dasar yang dilaksanakan oleh kerajaan pimpinan beliau. Penggubalan undang-undang seperti pindaan-pindaan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 dan Akta Rahsia Rasmi 1972 yang telah membawa kesan menyeluruh ke atas peranan, tanggungjawab dan kebebasan media di Malaysia, adalah dilaksanakan mengikut takrif peranan, tanggungjawab dan kebebasan akhbar yang ditetapkan oleh Mahathir (1989: 131-2).

Ketika mengaitkan kawalan media dengan konteks Malaysia, Zaharom dan Ramli (1989: 135) merumuskan bahawa kawalan yang lebih ketat dilakukan semasa

pemerintahan Mahathir adalah bertujuan untuk mengabsahkan susunan sosial semasa dan mengekalkan hegemoni ketika proses perubahan sosial mengakibatkan konflik dan sentimen ketidakpuasan. Mereka merumuskan bahawa kawalan media yang lebih ketat dikenakan kerana terdapat keperluan untuk menarik pelabur asing. Di samping itu, pencetusan pelbagai krisis politik dan skandal kewangan telah mengakibatkan krisis kuasa atau krisis hegemoni semasa pemerintahan Mahathir. Akibat daripada perkembangan politik sepanjang 1980an, Zaharom (1992: 149-150) mendapati pengaruh kuasa kerajaan terhadap kuasa negara semakin kuat. Justeru itu, kuasa negara pula kian digunakan untuk memperjuangkan kepentingan golongan-golongan yang mendominasi masyarakat.

Merujuk kepada perkembangan politik sepanjang 1980an juga, Kua (1990) mendapati layanan media terhadap isu demi isu, umpamanya Operasi Lallang pada 1987⁸, pelucutan Tun Salleh Abas sebagai Ketua Hakim Negara pada 1988⁹, skandal seks Vijandran¹⁰, kontroversi Sistem Keutamaan Umum (*Generalized System of Preferences, GSP*)¹¹ dan sebagainya, telah menunjukkan bahawa media tidak lagi berfungsi sebagai pemerhati (*watchdog*) untuk menjamin demokrasi Malaysia, keadilan dan kerasionalan, tetapi semata-mata mengulangi “Kenyataan Rasmi” (*Official Line*) mengenai isu-isu tersebut. Kua mendapati media Malaysia meletakkan premium mereka di atas kesinambungan dominan politik Barisan Nasional, terutamanya pada saat-saat genting, media massa boleh dilemparkan untuk menentang

⁸ Dalam Operasi Lallang, kerajaan telah mengadakan penangkapan besar-besaran dengan menggunakan peruntukan “penahanan pencegahan” di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960. Seramai 106 orang telah ditahan dan 3 akhbar digantungkan permit penerbitan. Rujuk Bab IV untuk maklumat terperinci.

⁹ Tun Salleh Abas telah dilucutkan daripada jawatan sebagai Ketua Hakim Negara pada 1988, di bawah tuduhan kesalahan tingkahlaku. Pelucutan Tun Salleh Abas dilihat sebagai krisis kehakiman dan sebagai akibat daripada krisis kuasa Mahathir dan UMNO.

¹⁰ Vijandran adalah Setiausaha Agung kepada MIC dan pada ketika itu memegang jawatan Timbalan Speaker di Dewan Rakyat. Beliau terlibat dalam skandal seks yang mana beliau dituduh sebagai protagonis dalam sebuah pita video lucah.

¹¹ Ketika penghujung 1988, kedudukan GSP Malaysia berada di bawah semakan oleh Kongress Amerika Syarikat dan Malaysia telah menyediakan petisyen supaya kedudukan GSP dilanjutkan. Namum begitu, V. David, ahli parlimen DAP yang telah dibebaskan dari penahanan “Operasi Lallang”, telah juga menghantar petisyen kepada Persekutuan Buruh Amerika (*American Federation of Labor*) dan Kongress Organisasi-organisasi Industri (*Congress of Industrial Organizations*) memohon supaya kedudukan GSP Malaysia dibatalkan memandangkan Malaysia mencabuli hak-hak asasi manusia. Walau bagaimanapun, Presiden Amerika Syarikat membarui kedudukan GSP Malaysia.

Pembangkok (pada semua masa); menentang pesaing kepada pemerintah (ketika terdapat perebutan kuasa dalaman); menentang pekerja-pekerja (ketika terdapat perselisihan buruh) atau komuniti etnik (ketika golongan ini bertindak untuk membela hak-hak asasi mereka). Punca kepada semua ini, menurut Kua, ialah amalan penapisan diri (*self-censorship*) oleh media massa tempatan yang beroperasi di bawah kawalan undang-undang yang ketat.

Loo (1998) pula mendapati kesensitifan agama dan hubungan antara-etnik yang rapuh telah mengakibatkan kewujudan dua jenis bentuk panapisan diri dalam konteks Malaysia. Pertama, penapisan penonjolan (*salient censorship*), iaitu penyingkiran maklumat dan imej yang dianggap sebagai menghina citarasa dan moral awam. Kedua, penapisan larangan (*proscribed censorship*), iaitu penyingkiran maklumat yang tidak selaras dengan wacana kerajaan (*governmental discourse*). Amalan penapisan diri membawa implikasi bahawa apa yang boleh/tidak boleh dan harus/tidak harus dibaca oleh orang ramai adalah ditentukan terlebih dahulu oleh kelas pemerintah menerusi kawalan media.

Loh dan Mustafa (1996), Zaharom (1991), Wang (1998), K. Das (1990) dan Gomez (1993) telah membuat sumbangan masing-masing dalam peninjauan corak pemilikan media massa dan penglibatan kelas pemerintah dalam perniagaan media massa di negara ini terutamanya pada zaman 1990an.

Loh dan Mustafa (1996) membincangkan secara panjang lebar tiga cara kawalan media yang diamalkan oleh kerajaan, iaitu melalui undang-undang yang bersifat paksaan (*coercive legislations*), kawalan dan pemilikan penerbitan-penerbitan utama, dan melalui penggalakan budaya “jurnalisme pembangunan yang bertanggungjawab” (*responsible development journalism*) di kalangan pengamal-pengamal profesion (1996: 100). Ketika menyentuh isu kawalan dan pemilikan media, mereka menjelaskan proses parti-parti pemerintah seperti UMNO, MCA, MIC dan PBB, memperolehi pemilikan media massa tempatan.

Zaharom (1991: 39) menyarankan apa yang mendasari dan mempengaruhi pelbagai tindakan media – dan pelbagai tindakan yang diambil ke atas media – adalah

sebilangan trend umum dan dasar-dasar. Beliau menghujahkan bahawa tindakan-tindakan yang diambil ke atas media merupakan akibat logik daripada pengembangan kapitalis. Berdasarkan premis ini, beliau mendapati tindakan-tindakan yang diambil oleh media dan yang diambil ke atas media arus perdana di Malaysia, terutamanya di bawah pemerintahan Mahathir, adalah selaras dengan pelaksanaan dasar-dasar ekonomi yang jauh lebih umum.

Zaharom mendapati peningkatan tahap komersialisasi adalah salah satu trend dalam perkembangan industri media. Trend komersialisasi ini telah menghasilkan andaian yang naif dan salah iaitu mengandaikan bahawa **lebih banyak**, bererti sama dengan **lebih baik**, iaitu mengandaikan pertambahan artifak media bermakna semakin baik isi kandungan media. Sebaliknya, trend itu menunjukkan pengaliran ke arah menghasilkan artifak media yang “selamat”, umpamanya drama lipur lara (*soap opera*) yang diimport mahupun dihasilkan tempatan, rancangan muzik dan sukan, serta rancangan kuiz, yang tidak mempersoalkan ketenteraman semasa. Justeru itu, trend komersialisasi media, yang mana Negara terlibat dengan aktifnya dari segi pemilikan ekonomi, melambangkan bentuk penguasaan yang selanjutnya, iaitu penguasaan yang lebih halus dan selalunya secara ekonomi.

Gomez (1990, 1993a, 1993b) turut menumpu perhatian kepada soal pemilikan media di kalangan parti-parti pemerintah. Dalam buku bertajuk “Politik dalam perniagaan: pelaburan korporat UMNO”, Gomez (1990: 69-104), secara panjang lebar, menerangkan proses penglibatan UMNO dalam bidang penerbitan, terutamanya pengambilalihan New Straits Times Press Berhad (NSTP) dan Sistem Televisyen Malaysia (TV3), melalui syarikat-syarikat pemegangan pelaburan parti itu. Seterusnya dalam rencana bertajuk “Kawan Anwar menguasai media?” (1993a) dan “Anwar’s men gain media control? The management buy-out of NSTP and TV3” (1993b), Gomez turut membuat kajian susulan ke atas “pembelian pengurusan” (*management buy-out*) terhadap NSTP dan TV3 yang berlaku menjelang perhimpunan agung tahunan UMNO pada 1993. “Pembelian pengurusan” itu adalah urusan yang terbesar dalam sejarah korporat di Malaysia dan Gomez menyarankan bahawa ia merupakan satu bentuk kawalan editorial yang didorong kuat oleh niat politik Anwar Ibrahim untuk menyerap NSTP dan TV3 kerana kawalan editorial ke atas kedua-dua

media itu adalah amat penting bagi Anwar mempertahankan kedudukan tinggi beliau dalam hirarki UMNO pada pilihanraya parti yang diadakan pada bulan November 1993.¹² Dalam rencana-rencana tersebut, Gomez turut membangkitkan peranan yang dimainkan oleh seorang kapitalis Cina terkenal, Quek Leng Chan dalam pembelian pengurusan ini.¹³

K. Das (1990), dalam rencana bertajuk “Manipulation of the Malaysian Media”, mengutarakan pemilikan akhbar-akhbar oleh parti-parti politik mendatangkan manipulasi yang jauh lebih langsung, di mana akhbar-akhbar menerbitkan bukan sahaja cerita-cerita yang disukai parti pemerintah, malah propaganda yang ditulis oleh pegawai-pegawai parti, dan lebih-lebih lagi, menerbit semula secara langsung ucapan-ucapan “pemimpin-pemimpin unggul” parti. K. Das turut membidas akhbar *New Straits Times* yang rapat dengan UMNO penuh dengan “jurnalisme tukang urut” yang mahir dengan “mengurut” Kerajaan dan pemimpinnya. Beliau mendapati bahawa pemilikan penuh dan penguasaan media oleh parti-parti politik mempunyai kesan yang dahsyat, iaitu apa sahaja yang karut, penipuan dan kesilapan mungkin dikeluarkan oleh media, tiada sesiapa pun dapat membetulkan mereka atau membetulkan dengan secukupnya.

Di samping itu, Wang (1998), dalam kertas kerja bertajuk “Media Ownership and Its Impact on Freedom of Information in Malaysia”, telah memeriksa impak pemilikan media ke atas kebebasan maklumat dalam senario krisis kewangan 1997 dan pelucutan jawatan Anwar Ibrahim. Wang mendapati hegemoni kelas pemerintah menghadapi cabaran akibat daripada kebangkitan pertikaian tentang soal rasuah, kronisme dan nepotisme berikutan dengan krisis kewangan. Krisis hegemoni ini telah membawa kepada kawalan yang lebih ketat melalui pelbagai cara, misalnya,

¹² Kemudiannya dalam pilihanraya parti UMNO, Anwar Ibrahim telah menewaskan Ghafar Baba dalam perebutan jawatan Timbalan Presiden pada 1993.

¹³ Quek kini seorang kapitalis kewangan yang terkenal di Malaysia, yang dianggap sebagai kawan rapat Anwar Ibrahim ketika itu. Lihat Gomez. 1993c. “Anwar’s Friends: Factionalism and Money Politics in UMNO Baru”, *Aliran Monthly* 1993: 13 (9). Hong Leong Group yang dimiliki Quek juga memiliki dua akhbar Cina yang berpengaruh di Malaysia, iaitu *Nanyang Siang Pau* dan *China Press*, melalui Nanyang Press Berhad. Selain daripada kedua-dua akhbar tersebut, sebagai syarikat penerbitan berbahasa Cina yang terbesar di Malaysia, Nanyang Press Berhad juga memiliki sekurang-kurangnya 10 jenis penerbitan berbahasa Cina.

penggunaan undang-undang dan terutamanya kawalan media melalui pemilikan media. Media massa arus perdana di Malaysia amat berhati-hati supaya tidak membangkitkan kemarahan pemegang-pemegang kuasa, dan kebanyakan liputan telah mengambil perspektif rasmi. Inilah hasil kawalan Negara dan krisis hegemoni selalunya mengakibatkan kawalan yang lebih ketat melalui pelbagai cara seperti penggunaan undang-undang umumnya dan pemilikan media khususnya. Berikutan dengan ini, Mahathir dan kerajaan pimpinan beliau dapat memperolehi sokongan daripada Negara dan parti dengan liputan akhbar yang menjelakkan (*ad nauseum*).

Walau bagaimanapun, kajian Wang tidak mengemukakan penemuan yang baru, tetapi semata-mata memberi penjelasan umum mengenai kaitan di antara pemilikan ekonomi dengan parti-parti politik, dan kawalan undang-undang yang menyekat kebebasan maklumat media massa arus perdana seperti akhbar, televisyen dan Internet. Sungguhpun Wang telah membincangkan senario ekonomi dan politik di Malaysia dan menunjukkan bahawa krisis ekonomi dan politik telah mendatangkan kawalan media yang lebih ketat, beliau tidak menyentuh peranan media massa arus perdana dalam pembentukan dan/atau pengekalannya hegemoni Barisan Nasional semasa krisis kewangan 1997.

Secara ringkas, dimensi kajian Wang lebih menumpu kepada media massa menghadapi kawalan yang lebih ketat dan justeru itu pengaliran maklumat tersekat. Kajian saya lebih menfokus kepada bagaimana media massa dimanipulasikan untuk menghasilkan klimaks ideologi yang memanfaatkan pembentukan hegemoni Barisan Nasional dalam krisis kewangan, manakala kawalan media cuma langkah yang diambil oleh kelas pemerintah untuk memastikan media massa menyempurnakan tugas pembentukan hegemoni.

Peranan media dalam pilihanraya umum merupakan salah satu isu yang agak menarik perhatian pemerhati-pemerhati media tempatan. Dalam rencana bertajuk "The Malaysian 1990 General Election: The Role of the BN Mass Media", Mustafa (1990) mengkaji cara-cara yang digunakan oleh media massa arus perdana untuk mempropagandakan kepentingan umum parti pemerintahan dan meninjau secara kritikal strategi-strategi yang digunakan oleh media dalam merangka isu-isu,

peristiwa-peristiwa dan personaliti-personaliti semasa kempen pilihanraya 1990. Mustafa merumuskan bahawa mesej dan imej Barisan Nasional yang disampaikan oleh media massa bukan sahaja bertujuan meningkatkan kedudukan awam dan reputasi Barisan Nasional, tetapi yang lebih penting, membantu Barisan Nasional dalam membentuk persetujuan dan konsensus majoriti rakyat. Di samping itu, Mustafa berpendapat bahawa akhbar-akhbar tabloid seperti *Watan*, *Harakah*, *Mingguan Kota* dan *The Rocket* merupakan salah satu faktor yang membawa kepada kemenangan PAS di Kelantan dan PBS di Sabah masing-masing. Akhbar-akhbar kecil ini mempunyai potensi untuk menyediakan “ruang” bagi perubahan sosial di masyarakat.

Chang (1995), dalam rencana bertajuk “The Impact of the General Elections on Mass Media: The Decline in the Credibility of Mass Media in the Nineth General Election”, membincangkan, secara panjang lebar, pelbagai liputan berita dan rencana telah disiarkan untuk memperburukkan imej pemimpin-pemimpin parti pembangkang menjelang pilihanraya umum ke-9 pada 1995, terutamanya DAP yang bercita-cita untuk menewaskan Parti Gerakan di Pulau Pinang. Chang turut mengidentifikasikan tiga kes liputan palsu yang bertujuan untuk menghina DAP. Kes pertama, *The Star* melaporkan bahawa ibu kepada calon DAP di kerusi DUN Pengkalan Kota, Pulau Pinang, Cheong Sam Moi, mengakui bahawa beliau akan mengalihkan sokongannya kepada calon Barisan Nasional di kerusi Parlimen Seputeh kerana DAP gagal menunaikan janjinya kepada penduduk di Kampung Baru Salak Selatan, Kuala Lumpur.¹⁴

Kes kedua, *Utusan Malaysia* melaporkan di halaman pertama bahawa Naib Pengerusi DAP, Dr. Tan Seng Giaw mengakui bahawa DAP sedang mengalami konflik dalaman yang boleh mengakibatkan perpecahan dan pengunduran beramai-ramai pemimpin parti tersebut akibat daripada sikap tidak puas hati di kalangan

¹⁴ “DAP candidate’s mum opts for BN”, *The Star* 19 April 1995: halaman 7. Walau bagaimanapun, Cheong Sam Moi menafikan laporan itu dan menjelaskan bahawa kesemua kenyataan yang dilaporkan adalah ciptaan wartawan (*Sin Chew Jit Poh* 21 April 1995: halaman 6).

sesetengah pemimpin DAP terhadap Setiausaha Agung, Lim Kit Siang.¹⁵ Kes ketiga, *Nanyang Siang Pau* melaporkan bahawa Lim Kit Siang mengakui bahawa beliau memang mahu menjadi Ketua Menteri Pulau Pinang yang berkuasa sehingga mengidamkan jawatan itu dalam mimpinya.¹⁶

Secara ringkasnya, penulisan-penulisan yang dibincangkan di atas memberikan gambaran yang agak jelas mengenai kedudukan media massa arus perdana yang tidak berautonomi, kemerosotan kebebasan akhbar di Malaysia sejak pertengahan 1980an, dan kemerosotan kredibiliti media arus perdana akibat daripada pengaruh faktor politik. Campur tangan Negara semakin ketat mulai 1980an, kebebasan akhbar semakin terkongkong dan mesej yang tidak memanfaatkan kerajaan sentiasa dipinggirkan jika tidak ditapis. Akibat daripada itu, media gagal memainkan peranan sebagai platform untuk menyuarakan pendapat umum dan sebagai kuasa untuk memeriksa kerajaan.

Berbeza dengan penulisan-penulisan tersebut, kajian ini tidak sekadar menjelaskan kebebasan akhbar semakin merosot akibat daripada penguatkuasaan undang-undang media yang semakin ketat dan pemusatan pemilikan di tangan kapitalis-kapitalis yang pro-kerajaan, tetapi melakarkan satu gambaran di mana kelas pemerintah memanipulasikan media massa arus perdana sebagai alat ideologi untuk memenangi “persetujuan aktif” yang membawa kepada pembentukan hegemoninya. Dalam pada itu, kawalan undang-undang dan pemilikan diambilkira sebagai dua pendekatan yang diusahakan secara serentak untuk menundukkan media massa arus perdana supaya mereka menyempurnakan tugas masing-masing dalam pembentukan hegemoni Barisan Nasional, sama ada secara sukarela atau terpaksa.

¹⁵ “Seng Giaw akui DAP akan berpecah”, *Utusan Malaysia* 22 April 1995: halaman 1. Tan Seng Giaw telah membuat penjelasan bahawa beliau tidak memberi kenyataan seperti yang dilaporkan oleh *Utusan Malaysia* (*Sin Chew Jit Poh* 23 April 1995: halaman 5).

¹⁶ “Kit Siang Mahu Jadi KM Sungguhpun dalam Mimpi”, *Nanyang Siang Pau* 24 April 1995: halaman 3. Chang ketika itu bertugas sebagai wartawan kepada *Sin Chew Jit Poh* dan ditugaskan untuk membuat liputan terhadap ceramah Lim Kit Siang. Beliau membuktikan bahawa Lim Kit Siang tidak mengeluarkan kenyataan seperti yang dilaporkan oleh *Nanyang Siang Pau*.

2.3 PEMBENTUKAN HEGEMONI - KERANGKA TEORI

Bahagian ini membincang secara terperinci mengenai kedudukan Negara, masyarakat sivil dan media supaya memberi satu gambaran teoritis yang jelas tentang interaksi di antara ketiga-tiga entiti tersebut, di samping menghujahkan proses pembentukan hegeomoni dari perspektif kajian media.

2.3.1 Negara, Masyarakat Sivil dan Media dari Perspektif Liberal-pluralis

Dalam sistem politik berdemokrasi, media massa adalah salah satu elemen yang penting untuk menjamin sistem demokrasi berjalan lancar dan sempurna. Kepentingan media massa bagi masyarakat berdemokrasi, menurut pandangan aliran liberal-pluralis, berfungsi sebagai “Kuasa Keempat” (*The Fourth Estate*) yang memainkan peranan yang penting dalam proses demokrasi iaitu sebagai sumber maklumat yang bebas daripada kerajaan. Media massa juga dilihat sebagai sumber untuk mengelakkan pemusatan kuasa mana-mana golongan penduduk atau organ kerajaan (Bennett 1982: 31).

Tanggapan ini adalah berpunca daripada tanggapan perspektif liberal-pluralis yang optimis. Perspektif liberal-pluralis melihat masyarakat sivil sebagai prasyarat yang penting bagi menjamin kewujudan dan perjalanan demokrasi. Sehubungan ini masyarakat sivil dilihat sebagai satu lingkungan publik (*public sphere*) yang bebas daripada kongkongan Negara. Negara tidak mengganggu perjalanan masyarakat sivil dan justeru itu, masyarakat sivil adalah satu lingkungan yang berautonomi. Persepsi ini adalah persepsi yang berasaskan konsep teori kontrak sosial yang dimajukan oleh ahli-ahli falsafah Kontraktarian seperti John Locke (1632-1704), iaitu Negara muncul hasil daripada satu “kontrak” terpendam (*a latent contract*) di mana setiap ahli menyerahkan “hak-hak semulajadi” masing-masing kepada Negara sebagai balasan untuk memperolehi hak-hak baru di bawah undang-undang. Kontrak sosial ini dapat dibatalkan oleh ahli-ahli masyarakat melalui proses pilihanraya umum.

Berdasarkan konsep kontrak terpendam ini, ahli-ahli dalam masyarakat sivil diperuntukkan hak-hak seperti kebebasan bersatu, kebebasan bersuara dan

kebebasan memilih calon-calon yang akan diberikan mandat untuk memerintah Negara. Peruntukan hak ini diperakui oleh Negara berdasarkan konsep kontrak sosial. Sehubungan ini, ahli-ahli masyarakat sivil diperuntukkan dengan hak-hak tersebut kerana mereka diperakui sebagai seorang warganegara (*citizen*) kepada negara bangsa itu. Ini adalah satu andaian yang penting dalam konsep kontrak sosial.

Namun begitu, konsep kontrak sosial telah menghadapi cabaran memandangkan kuasa Negara pada zaman moden semakin mengembang. Pengembangan kuasa Negara moden telah menjadi ancaman yang jauh lebih besar terhadap kebebasan manusia umumnya dan autonomi masyarakat sivil khususnya. Dengan kata lain, masyarakat yang memberikan Negara kuasa ini pada masa yang sama juga menjadi mangsa kepada kuasa ini. Memandangkan kuasa Negara moden yang menggerunkan, ahli-ahli Liberal menkonsepsualisasikan masyarakat sivil sebagai satu momen aktif (*active moment*), iaitu satu ketika di mana individu-individu mengorganisasikan mereka sendiri secara kolektif untuk mengehadkan kuasa Negara (Chandhoke 1995: 112). Maka adalah disarankan bahawa konsepsualisasi media massa sebagai “Kuasa Keempat” yang bertindak untuk mengawasi institusi-institusi Negara adalah berdasarkan pertimbangan ini.

Berdasarkan konsepsualisasi ini, hubungan Negara dan masyarakat sivil dicorakkan sebagai dua lingkungan yang bukan sahaja saling bersaing dan bertentangan, malah berhubungan songsang. Hubungan songsang membawa maksud bahawa jika masyarakat sivil aktif dan bersemangat (*vibrant*), kuasa Negara akan tersekat manakala autonomi dan kebebasan masyarakat sivil terpelihara. Sebaliknya, jika masyarakat sivil adalah pasif, kuasa Negara akan mengembang sehingga mencabuli sempadan masyarakat sivil. Justeru itu, hanya dengan wujudnya kesedaran diri di kalangan ahli-ahli masyarakat dapat menjamin autonomi masyarakat sivil.

Seperti mana yang dibincangkan, ahli-ahli masyarakat sivil diperakui hak-hak asasi kerana mereka adalah warganegara negara bangsa tertentu. Namun begitu, konsep warganegara ini mempunyai implikasi negatif ke atas kebebasan dan autonomi masyarakat sivil serta memanfaatkan kuasa Negara. Ketika seseorang warganegara menikmati hak-hak asasi masing-masing, pada masa yang sama mereka harus juga

memenuhi kewajiban yang diperuntukkan ke atas seseorang warganegara, dan kewajiban ini adalah dicipta dan didorong oleh pemegang kuasa Negara. Kedudukan ini digambarkan oleh Chandhoke (1995: 185) bahawa,

Warganegara taat setia kepada negara, mereka terikat pada undang-undang negara itu, mereka berfungsi dalam batasan yang ditetapkan oleh negara dan dia berfungsi dalam sempadan-sempadan politik yang dibina oleh negara...Akibatnya, apa yang dijangka tidak akan dilakukan oleh warganegara ialah mencabar kewujudan negara, atau mencabar keabsahannya, atau terlibat dalam aktiviti-aktiviti yang dilabelkan sebagai subversif. Dia pasti tidak dibenarkan melanggar sempadan-sempadan politik. Kewajipan-kewajipan dalam satu ertikata yang agak penting ialah mengatasi hak-hak.¹⁷

Berdasarkan hakikat ini, masyarakat sivil pada akhirnya tertakluk kepada kewibawaan Negara sungguhpun persaingan di antara masyarakat sivil dengan Negara untuk menguasai lingkungan publik masih wujud. Dengan kata lain, persaingan itu tentu sekali bukan persaingan yang saksama.

2.3.2 Negara, Masyarakat Sivil dan Media dari Perspektif Gramsci

Walau bagaimanapun, terdapat pandangan paradoks yang menyarankan bahawa media massa bersifat reaksionari dan berfungsi sebagai alat ideologi kepada kelas dominan. Pandangan ini biasa diperolehi dalam penulisan ahli-ahli Marxist. Pandangan aliran Marxist amat berbeza dengan pandangan liberal-pluralis. Fahaman Marxist melihat media massa bertindak secara ideologi dengan menyebarkan idea-idea dan pandangan-pandangan dunia kelas pemerintah, menolak idea-idea alternatif yang mungkin membawa kepada perubahan atau pertumbuhan kesedaran di kalangan kelas pekerja, dengan itu mengelakkan mobilisasi kesedaran seperti ini kepada penentangan politik yang aktif dan tersusun.

¹⁷ Teks asal berbunyi, “*The citizen is loyal to the state, he is bound by its law, he functions within the limits laid down by the state and he functions within the boundaries of the political as constructed by the state...Consequently, what the citizen is not expected to do is to challenge the existence of the state, or challenge its legitimacy, or engage in activities which are labeled as subversive. He is certainly not allowed to transgress the boundaries of the political. Duties in a very substantial sense over overwhelm rights.*”

Sehubungan ini, media mungkin di bawah pemilikan monopoli oleh kelas kapitalis dan berkhidmat untuk kepentingan sesuatu kelas (McQuail 1987: 63). Dengan kata lain, aliran Marxist melihat media massa sebagai alat ideologi yang membantu melanjutkan kedudukan pemerintahan kelas pemerintah.

Tanggapan ini dapat ditemui dalam pemaknaan Antonio Gramsci mengenai Negara dan masyarakat sivil yang agak berbeza dengan pemaknaan ahli-ahli falsafah beraliran liberal-pluralis. Gramsci tidak melakarkan garisan pembahagian yang nyata di antara masyarakat sivil dan Negara, tetapi melihat masyarakat sivil sebagai salah satu alam (*realm*) yang berada di dalam Negara, bersama-sama dengan masyarakat politik. Masyarakat sivil adalah satu lokasi di mana Negara beroperasi untuk memperkukuhkan bentuk-bentuk kuasa yang halimunan (*invisible*), tidak ketara (*intangible*) dan halus (*subtle*) melalui institusi-institusi pendidikan, kebudayaan, agama dan **media massa**. Proses ini dapat menjadikan golongan massa menerima polisi-polisi dan rancangan-rancangan yang dilaksanakan, umpamanya paksaan dan undang-undang yang dilaksanakan. Penerimaan ini akan terbentuk sekiranya kesedaran individu telah distrukturkan dengan cara menghalang konfrontasi terbuka terhadap Negara dan alat-kelengkapan Negara. Kesempurnaan proses penerimaan ini membawa kepada pembentukan hegemoni kelas pemerintah. Peranan media massa adalah penting sekali memandangkan hegemoni bukan sesuatu yang dihasilkan buat satu kali dan dikekalkan sepanjang masa serta dibiarkan begitu sahaja, tetapi ia harus diformulakan semula dan diperlihatkan secara berterusan.

Berbeza dengan saranan para ahli Liberal, Gramsci berpendapat bahawa masyarakat sivil tidak berperanan untuk meneghadkan kuasa Negara, malah melindungi kedudukan Negara. Masyarakat sivil bertindak serupa dengan sistem parit pelindung (*trench systems*) yang berfungsi untuk mempertahankan kubu dalam peperangan moden. Dengan kata lain, bukan individu tetapi Negara yang dilindungi oleh masyarakat sivil.

Sungguhpun perspektif Liberal dan Gramsci terhadap hubungan masyarakat sivil dan Negara agak berbeza, namun apa yang harus disarankan ialah kedua-dua konsepsualisasi itu bukan tidak berkaitan langsung. Sekiranya tanggapan konsep

“warganegara”, yang telah dibincangkan tadi adalah benar, maka konsep “warganegara” harus mematuhi kewajiban yang diperuntukkan oleh pemegang kuasa Negara dan tidak dibenarkan mencabar legitimasi Negara, secara kebetulannya, ia merupakan ideologi atau persetujuan aktif yang melindungi kedudukan Negara. Inilah persamaan yang dikongsi oleh perspektif Liberal dan Gramsci. Di samping itu, perspektif Gramsci dapat dilihat sebagai satu lakaran mengenai kedudukan sebenar masyarakat sivil, iaitu masyarakat sivil telah “dijajah” atau diserap (*incorporated*) oleh Negara dan ini mungkin merupakan titik buta (*blind spot*) yang tidak diperhatikan oleh perspektif Liberal. Pandangan ini adalah berasaskan hakikat bahawa pembentukan hegemoni tidak semestinya hanya boleh diusahakan dalam masyarakat autoritarian, tetapi juga di dalam masyarakat demokrasi yang mana media massa menikmati sedikit sebanyak kebebasan dan autonomi.

Media massa yang bebas dan berautonomi tidak semestinya merupakan faktor penghalang yang mengelakkan Negara daripada mengadakan ideologi dominan ke atas golongan yang diperintah. Sebaliknya, terutamanya ketika sesuatu krisis berlaku, media massa yang kian lama menghasil dan menyebarkan ideologi dominan dapat membantu Negara untuk menakutkan rakyat bahawa sungguhpun krisis berlaku pada saat semasa, belum tiba masanya untuk mengadakan perubahan (misalnya revolusi).

2.3.3 Proses Pembentukan Hegemoni

Aliran Frankfurt menegaskan bahawa sekiranya perubahan sosial radikal tidak berlaku, kemungkinan besar kesedaran untuk menuntut perubahan telah dihapuskan. Justeru itu, terhasillah klimaks ideologi di mana kesanggupan untuk mengatasi batasan yang ditetapkan dilunturkan (Bennett 1982: 43). Media berfungsi sebagai alat ideologi untuk melunturkan kesedaran yang menentang *status quo* yang mungkin tumbuh di kalangan golongan yang diperintah dan akhirnya menjadikan mereka tunduk kepada batasan yang dikenakan oleh kelas pemerintah. Ini bermakna sungguhpun media massa dilihat oleh ahli-ahli liberal sebagai saluran yang menyampaikan pendapat umum, tetapi bagi ahli-ahli Marxist, ia juga peralatan yang amat penting bagi kelas pemerintah untuk menghasilkan persetujuan aktif (*active consent*) terhadap pemerintahan dan seterusnya mengekalkan *status quo*.

Sehubungan itu, seperti yang disarankan oleh Colin Sparks (1986: 84), negara dan media adalah dua jenis senjata yang diperalatkan oleh kelas pemerintah untuk menjamin pelanjutan kuasa, yakni Negara adalah instrumen paksaan dan media adalah instrumen pemujukan. Sungguhpun berbeza dengan kerajaan, Negara bukan satu institusi yang neutral. Pada masa tertentu, Negara dikuasai oleh kelas pemerintah yang menguasai kerajaan. Negara dan kerajaan dapat mempengaruhi media dalam enam peranan, iaitu sebagai penaung (*patron*), penapis (*censor*), pelakon (*actor*), tukang urut (*masseur*), juru ideolog (*ideologue*) dan konspirator (*conspirator*). Tanggapan ini bukan sahaja menunjukkan sifat peralatan media massa, malah menerangkan kewujudan hubungan konspirasi antara Negara dan media -- tidak mengira sama ada media berkonspirasi secara sukarela mahupun terpaksa -- yang masing-masing menjadi peralatan kelas pemerintah untuk melanjutkan kuasa mereka.

Hubungan konspirasi di antara Negara dan media ini dapat dilihat sebagai salah satu faktor yang penting dalam proses pembentukan hegemoni, satu konsep yang disarankan oleh Gramsci.

Gramsci buat pertama kali mengemukakan konsep hegemoni dalam *Notes on the Southern Question* yang beliau tulis pada 1926. Ketika itu, konsep hegemoni dipengaruhi pandangan *Leninist* iaitu hegemoni proletariat yang menegaskan dominasi proletariat terhadap kaum petani. Konsep hegemoni yang mempunyai maksud tersendiri Gramsci tercatat dalam *Prison Notebooks* (1971), di mana hegemoni membawa maksud sebagai gabungan yang tidak dapat diputuskan di antara kepimpinan politik dan intelektual serta kepimpinan moral (Mouffe 1981: 221). Ketika ini, konsep hegemoni digunakan untuk memikir amalan kelas pemerintah secara keseluruhan.

Secara ringkas, hegemoni adalah asas kejayaan dan kewujudan semua kelas pemerintah. Menurut Gramsci, sesuatu kelas mengamalkan dominasinya dengan dua cara, iaitu dominasi dan “kepimpinan moral dan intelektual”. Sesuatu kelas itu mendominasi kumpulan-kumpulan penentang (*antagonist*) yang mana ia sanggup “menghapuskan” atau menaklukinya dengan menggunakan kekuasaan. Manakala ia

“memimpin” kumpulan-kumpulan serumpun atau sekutu. Sehubungan ini, “kepimpinan” ini harus diamalkan sebelum memperoleh kuasa kerajaan, dan harus diteruskan juga sungguhpun setelah memegang kuasa (Gramsci 1971: 57-8).

“Kepimpinan” itu berasaskan “persetujuan” yang diperolehi daripada golongan yang diperintah. Oleh itu, negara memperoleh dan menuntut persetujuan. Kelas pemerintah harus mengadakan perjuangan ideologi menerusi Negara dan masyarakat sivil supaya menghasilkan persetujuan aktif di kalangan golongan yang diperintah terhadap nilai-nilai moral, politik dan kebudayaan yang dimajukan oleh kelas pemerintah. Dengan itu barulah kelas pemerintah dapat membentuk Hegemoni Berkembang (*Expansive Hegemony*). Sekiranya kehilangan persetujuan, kelas pemerintah tidak lagi memimpin (*leading*) tetapi hanya mendominasi, iaitu hanya menggunakan kuasa paksaan apabila golongan massa telah menjauhkan diri daripada ideologi tradisional dan tidak lagi mempercayai apa yang mereka percayai dahulu. Maka, hegemoni menerangkan kerumitan hubungan di antara golongan massa dan golongan kepimpinan dalam sesuatu masyarakat. Corak hubungan itu bukan sahaja merupakan sesuatu hubungan politik yang sempit tetapi juga satu hubungan yang berkaitan dengan persoalan idea atau kesedaran (*consciousness*) (Bennett 1981: 199).

Apa yang harus diberi perhatian ialah, maksud “persetujuan” dalam konteks hegemoni merujuk kepada “persetujuan yang teratur” (*organised*) (Gramsci 1971: 259), iaitu sesuatu yang perlu diusahakan. Untuk memperoleh persetujuan yang teratur ini, setiap hubungan hegemoni semestinya bersifat pendidikan (*pedagogic*) (Mouffe 1981: 230-231), iaitu Negara harus menjalankan fungsi pendidikan untuk “mendidik” persetujuan tersebut (Gramsci 1971: 259). Miliband (1973: 163-164) melihat proses pendidikan ini sebagai satu proses indoktrinasi secara besar-besaran yang dilakukan melalui sejumlah besar agensi-agensi. Dengan kata lain, hegemoni adalah hasil daripada usaha yang diadakan oleh pelbagai agensi secara berterusan dan merebak. Menurut definisi yang disarankan oleh Gwynn Williams (Miliband 1973: 162n), hegemoni adalah:

satu susunan di mana cara hidup dan pemikiran tertentu adalah dominan, di mana satu konsep tentang realiti disebar ke seluruh masyarakat dalam kesemua manifestasi institusional dan peribadi,

memberitahu dengan berbagai citarasa, moral, adat resam, agama dan prinsip-prinsip politik, dan kesemua hubungan sosial, terutamanya di dalam konotasi intelektual dan moral.¹⁸

Apakah institusi yang bertugas untuk menjalankan misi pendidikan atau indoktrinasi tersebut? Gramsci berpendapat bahawa sekolah ialah institusi yang paling penting dalam menjalankan tugas pendidikan, tetapi selain daripada sekolah, terdapat juga pelbagai jenis “alat berhegemoni” (*hegemonic apparatuses*), termasuk gereja, kesemua media, malah seni bina bangunan dan nama-nama jalanraya, juga memainkan peranan yang penting dalam penghuraian dan penyebaran ideologi (Mouffe 1981: 227). Gramsci menggelarkan kesemua alat ini sebagai “struktur ideologi kelas dominan” (*the ideological structure of a dominant class*), manakala tahap struktur supra (*superstructure*) yang menghasil dan menyebarkan ideologi digelar sebagai masyarakat sivil (*civil society*).

Masyarakat sivil ini pada hakikatnya memainkan peranan yang melindungi kelas pemerintah dan kedudukan ini digambarkan oleh Gramsci dengan menggunakan metafora ketenteraan:

Masyarakat sivil menjadi satu struktur yang amat rumit dan sebagai pertahanan kepada “serangan mendadak” oleh elemen-elemen ekonomi langsung (krisis, kemelesetan, dan sebagainya). Struktur supra masyarakat sivil serupa dengan sistem parit pelindung (*trench-system*) dalam peperangan moden. Dalam peperangan kadang kala wujudnya serangan artileri yang sengit seolah-olah telah memusnahkan seluruh sistem pertahanan musuh, tetapi pada hakikatnya ia hanya memusnahkan perimeter luaran sahaja; dan pada saat kemaraan dan serangan mereka, penyerang mendapati bahawa mereka ditentang oleh sebuah sistem pertahanan yang masih berkesan (Gramsci 1971: 235).¹⁹

¹⁸ Teks asal berbunyi, “an order in which a certain way of life and thought is dominant, in which one concept of reality is diffused throughout society in all its institutional and private manifestations, informing with its spirit all taste, morality, customs, religious and political principles, and all social relations, particularly in their intellectual and moral connotations.”

¹⁹ Teks asal berbunyi, “Civil society has become a very complex structure and one which is resistant to the catastrophic ‘incursions’ of the immediate economic element (crises, depressions, etc). The superstructure of civil society are like the trench-system of modern warfare. In war it would sometimes happen that a fierce artillery attack seemed to have destroyed the enemy’s entire defensive system, whereas in fact it had only destroyed the outer perimeter; and at the moment of their advance and attack the assailants would find themselves confronted by a line of defence which was still effective.”

Gramsci mendapati bahawa Negara dan masyarakat sivil telah menjalin hubungan konspirasi dalam proses pembentukan hegemoni. Beliau melihat *Integral State* sebagai percampuran (*summation*) masyarakat politik dengan masyarakat sivil di mana masyarakat politik bersifat paksaan (*coercion*), kekerasan (*force*) dan halangan (*intervention*), manakala masyarakat sivil merupakan alam persetujuan (*realm of consent*) dan alam tekad bebas (*realm of free will*). Atas sebab ini, Negara mengandungi dua dimensi: pertama, cara paksaan iaitu polis dan tentera dan kedua, cara membentuk hegemoni dalam masyarakat sivil iaitu pendidikan, penerbitan, penyiaran dan filem.

Merujuk kepada istilah yang digunakan oleh Louis Althusser (1971), konsep *Integral State* yang disarankan oleh Gramsci memperlihatkan percampuran Alat Represif Negara (ARN) (*Repressive State Apparatus*) dan Alat Ideologi Negara (AIN) (*Ideological State Apparatus*). ARN berfungsi terutamanya secara kekerasan (termasuk kekerasan fizikal) dan kemudiannya diikuti dengan ideologi. Sebaliknya, AIN berfungsi terutamanya dengan ideologi dan kemudiannya diikuti dengan kekerasan. Kedua-dua ARN dan AIN adalah berfungsi dengan gabungan ideologi dan kekerasan (Althusser 1971: 138). Secara prinsipnya, kelas pemerintah yang memegang kuasa Negara menggunakan Alat Negara (Kekerasan); pada masa yang sama, ia aktif dalam Alat Ideologi Negara supaya ideologi kelas pemerintah dilaksanakan dalam Alat-alat Ideologi Negara. Dengan ini barulah kelas pemerintah dapat mencipta penyatuan ideologi (*ideological unity*) yang berfungsi sebagai “simen” dan seterusnya membentuk “tekad kolektif” yang merupakan “protagonis baru dalam tindakan politik yang mana ia akan berfungsi sebagai protagonis tindakan politik sepanjang tempoh hegemoni itu” (Mouffe 1981: 225). Maka, tiada satu kelas dapat memegang kuasa Negara menerusi satu tempoh masa panjang jika pada masa yang sama kelas itu tidak mengamalkan hegemoni ke atas dan di dalam Alat-alat Ideologi Negara (Althusser 1971: 139).

Pembentukan kolektif berlaku kerana individu-individu yang berada di bawah kelas pemerintah yang merupakan golongan minoriti, menerima secara positif kepimpinan golongan minoriti tersebut (Gramsci 1983: 230). Pembentukan kesedaran

kolektif bermaksud golongan kolektif ini telah bersetuju secara aktif terhadap kesedaran yang dikenakan kepada mereka. Oleh itu, kesedaran itu bukan wujud secara spontan, tetapi terdapat satu pusat pembentukan, penerangan, penghebahan dan pemujukan.

Apakah sebenarnya “pusat” yang disebutkan? Adalah menarik sekiranya kita memahami “pusat” tersebut dengan merujuk kepada konsep-konsep intelektual dan “penguasa moden” (*modern prince*) yang dikemukakan oleh Gramsci. Intelektual disifatkan oleh Gramsci sebagai “timbang-timbangan” (*deputies*) kepada golongan dominan dan menjalankan fungsi-fungsi berikut: (Gramsci 1971: 12)

Pertama, persetujuan “spontan” diberikan oleh sebahagian besar populasi kepada arah umum yang dikenakan ke atas kehidupan sosial oleh kumpulan utama yang dominan; persetujuan ini “secara sejarah” disebabkan oleh kewibawaan (dan kepercayaan yang dibawa olehnya) kumpulan dominan yang berasaskan daripada kedudukan dan fungsi mereka dalam dunia pengeluaran.

Kedua, alat kuasa paksaan Negara yang “sah dari segi undang-undang” (*legally*) menguatkuasakan disiplin ke atas kumpulan-kumpulan yang tidak “bersetuju” sama ada secara aktif atau pasif. Alat ini terbentuk ketika seluruh masyarakat mengalami krisis kuasa dan pemerintahan akibat daripada kegagalan “persetujuan spontan”.

Golongan intelektual bertindak sebagai pusat pembentukan yang menghasilkan kesedaran yang disalurkan ke atas golongan yang diperintah. Kelompok intelektual ini memperuntukkan falsafah dan ideologi untuk golongan massa dan membolehkan kelas pemerintah membentuk hegemoni dengan mewujudkan sistem kepercayaan yang boleh diterima oleh orang awam dengan tujuan mereka tidak mempersoalkan tindakan pemerintah mereka (Joll 1983: 90). Intelektual, dalam konteks masyarakat politik moden dan juga konsep hegemoni, mungkin seseorang pemimpin berkarisma ataupun fungsinya mungkin dilaksanakan oleh sesuatu organisma yang dapat dirujuk sebagai “penguasa moden”. Penguasa moden ini, menurut Gramsci, adalah satu organisma dan satu elemen yang kompleks dalam masyarakat. Organisma ini adalah

parti politik, iaitu sel pertama di mana bibit sesuatu tekad kolektif terbentuk dan menjadi universal dan total (Joll 1983: 95).

Setelah “intelektual” memperuntukkan kesedaran kelas pemerintah, kesedaran itu harus menyerap masuk ke seluruh masyarakat dan “dikenakan” ke atas kelas yang diperintah dan justeru itu menghasilkan “persetujuan aktif” terhadap pemerintah. Fungsi penyerapan ini harus dilaksanakan oleh Alat Ideologi Negara. Media merupakan Alat Ideologi Negara yang terutama. Ini kerana ia adalah salah satu daripada dua jenis senjata yang digunakan oleh kelas pemerintah untuk menjamin pelanjutan kuasa (Colin Sparks 1986:84). Miliband (1973: 198) turut menyarankan bahawa media secara khususnya berhajat untuk melaksanakan peranan “fungsional” yang pesat, ia merupakan ungkapan sesuatu sistem dominasi dan juga alat untuk memperkukuhkannya. Sehubungan ini, Hall (1986: 9) mengatakan bahawa media adalah jentera representasi dalam masyarakat moden (*the machinery of representation in modern society*) yang membina persepsi tentang dunia ini dengan wacana yang bermakna (*meaningfully in discourse*). Beliau menyarankan bahawa

...terdapat banyak cara yang berlainan dan berkonflik supaya pemaknaan (*meaning*) tentang dunia dapat dibentuk, ia amat berkaitan dengan soal apa dan siapa dapat direpresentasikan, apa dan siapa sering kali dan secara rutinnya diketepikan; serta bagaimana perkara-perkara, orang-orang, peristiwa-peristiwa, dan hubungan-hubungan direpresentasikan. Apa yang kita ketahui tentang masyarakat bergantung kepada bagaimana perkara-perkara direpresentasikan kepada kita dan pengetahuan itu pula memberitahukan kita apa yang kita lakukan dan apakah dasar-dasar yang kita bersedia untuk terima (Hall 1986: 9).²⁰

Representasi adalah satu amalan pengeluaran makna yakni menjadikan dunia “diberi makna” dan bukan semata-mata menyampaikan makna yang sedia ada. Oleh kerana makna itu tidak lagi bergantung kepada “apa sebenarnya sesuatu peristiwa” (*how things were*), tetapi “bagaimanakah peristiwa itu ditunjukkan ertinya” (*how*

²⁰ Teks asal berbunyi, “...there are many different and conflicting ways in which meaning about the world can be constructed, it matters profoundly what and who gets represented, what and who regularly and routinely gets left out; and how things, people, events, relationships are represented. What we know of society depends on how things are represented to us and that knowledge in turn informs what we do and what policies we are prepared to accept.”

things were signified), maka peristiwa yang sama dapat ditunjukkan dengan pelbagai cara (Hall 1982: 77) dan dengan itu menghasilkan ideologi yang berlainan.

Sungguhpun “dunia diberi makna” dan “peristiwa ditunjukkan ertinya” melalui media, tetapi media tidak berfungsi sebagai penghasil makna atau erti sesuatu peristiwa. Media hanya berfungsi sebagai jentera representasi. Sungguhpun sesuatu mesej itu disampaikan kepada khalayak ramai menerusi media, tetapi makna dan interpretasi mengenai sesuatu peristiwa ditentukan oleh pihak lain sebelum ia dikeluarkan melalui media. Keadaan ini wujud kerana, seperti mana yang dijelaskan dalam Bab I, media bergantung kepada sumber-sumber berita yang diterima umum dan mempunyai kedudukan dan kuasa institusional. Oleh kerana sumber-sumber berita tersebut mempunyai status “mewakili” (*“representative” status*) (umpamanya ahli-ahli parlimen yang mewakili rakyat), definisi-definisi mereka mengenai isu-isu kontroversi akan diterima kerana mereka dianggap jauh lebih memahami isu-isu berkaitan daripada jelata rakyat (Hall et al. 1978: 58). Telah menjadi satu amalan biasa, dan mungkin juga ideologi profesion di bidang kewartawanan, akhbar menilai sama ada sesuatu peristiwa itu mempunyai “nilai berita” berdasarkan “keterkenalan” sumber maklumat atau watak berita. Mereka yang mempunyai kedudukan social yang tinggi jauh lebih diberi kesempatan untuk menyuarakan pandangan mereka.

Oleh sebab itu, para “jurucakap” ini bertindak sebagai “pentakrif utama” (*primary definers*) kepada sesuatu isu dan terbentuknya hubungan berstruktur (*structured relationship*) di antara media dan pentakrif institusional utama. Hubungan berstruktur ini membenarkan pentakrif institusional utama itu membentuk interpretasi utama (*primary interpretation*) kepada isu-isu yang dipersoalkan dan pada masa yang sama menghadkan perbincangan-perbincangan selanjutnya dengan cara merangkakan masalah yang wujud. Akibat daripada hakikat ini, media hanya bertindak sebagai “pentakrif sekunder” (*secondary definers*) yang merepresentasikan interpretasi utama yang telah dihasilkan oleh pentakrif utama itu (Hall et al. 1978: 58-59).

Berdasarkan hujah tersebut, boleh dikatakan bahawa ideologi bukan sesuatu yang kosong, tetapi sesuatu instrumen penjelasan (*an instrument of explanation*), logik kepada sesuatu idea (*the logic of an idea*) dan mampu memenuhi kepuasan penyokong

dengan menjelaskan kesemua perkara dan setiap kejadian daripada satu premis tunggal (Arendt 1967: 468-69). Ideologi juga merupakan satu ungkapan hubungan antara manusia dengan dunia mereka, iaitu perpaduan hubungan benar dan hubungan khayalan di antara mereka dengan suasana kewujudan mereka yang benar (Althusser 1965: 233). Maka pada analisis terakhir ideologi adalah berkaitan dengan pengalaman manusia tetapi ia berfungsi untuk menyembunyikan kontradiksi yang nyata (Poulantzas 1994: 136).

Apa yang perlu dijelaskan ialah representasi sangat berlainan maksud dengan pencerminan (*reflection*) di mana representasi merupakan satu “amalan pengertian” (*signifying practice*) dan media massa sebagai agen pengertian (*signifying agent*) (Hall 1982: 64). Sehubungan ini, bahasa dan lambang adalah kaedah yang digunakan dalam penghasilan makna. Dengan ini adalah jelas bahawa ketika kelas pemerintah menguasai media massa, ia pada masa yang sama turut menguasai bahasa. Hall telah menjelaskan betapa pentingnya cara pengertian dan penguasaan bahasa dengan menggunakan perselisihan industri sebagai misalan, iaitu andaikan setiap perselisihan industri dapat ditunjukkan ertinya sebagai satu ancaman kepada jiwa ekonomi negara; oleh sebab itu ia adalah bertentangan dengan “kepentingan negara”. Pengertian sebegitu cara akan mendefinisikan isu-isu ekonomi dan konflik industri dengan menggunakan istilah-istilah yang tetap baik kepada strategi ekonomi semasa, menyokong apa saja yang mengekalkan kelanjutan pengeluaran dan pada masa yang sama mengecam apa saja yang bertentangan dengannya.

Pengertian sebegini adalah bergantung kepada tanggapan bahawa kepentingan negara itu semestinya wujud. Ini bermakna, ketika kesemua atau majoriti ahli masyarakat bersetuju bahawa sesuatu peristiwa yang direpresentasikan sebagai “kepentingan negara” itu sememangnya “kepentingan negara”, maka pemikiran mereka akan terkongkong dalam lingkungan kerangka persetujuan (*within the framework of consensus*) yang diciptakan oleh kelas pemerintah. Mereka bukan sahaja tidak akan mempertikaikan keabsahan “kepentingan negara”, malah *bias* terhadap pihak yang dianggap sebagai mewakili “bukan kepentingan negara”.

Merujuk kepada pandangan Gramsci, misalan yang dikemukakan oleh Hall merupakan salah satu pendekatan yang dapat mendatangkan kesan maksimum dalam proses pembentukan hegemoni. Gramsci berpendapat bahawa sesuatu kelas yang ingin membentuk hegemoni, haruslah menasionalisasikan diri (*nationalise itself*), iaitu mengangkat dirinya sebagai wakil nasional dan menjadikan “patriotisme” dan “nasionalisme” sebagai “agama popular” (*popular-religion*) yang dianuti ramai. Dengan itu barulah kelas pemerintah mampu membina sesuatu “tekad nasional-popular yang kolektif” (*collective national-popular will*) yang membawa kepada penyatuan di antara pemimpin dan golongan yang dipimpin (Mouffe 1981: 232).

Tekad kolektif yang dicipta itu bukan sahaja digunakan untuk mendominasi golongan yang diperintah, malah pada masa yang sama hendaklah mendominasi media massa. Pada ketika media massa melaksanakan fungsi representasi dan menjadikan ideologi yang dimajukan itu dapat dihadam umum (*consumed*), media massa sendiri telah menerima makna yang mahu direpresentasikan oleh kelas pemerintah melalui media massa. Colin Sparks (1986: 81) menyarankan bahawa “mereka yang berada di Negara dan mereka yang berada di media menganuti kepercayaan yang sama. Ideologi yang sama ini adalah sebahagian yang mustahak dalam cara Negara mempengaruhi media.” Media massa dan Negara berkongsi sesuatu kepercayaan yang sama akan menghasilkan “perjanjian tidak rasmi” (*informal agreement*) di antara kedua-dua entiti ini. Perjanjian tidak rasmi ini akan menjadikan media massa mengamalkan “penapisan diri” (*self-censorship*) sama ada secara sukarela atau separuh sukarela dan dengan itu bertindak untuk mengaburkan pengetahuan dan perbincangan publik terhadap isu-isu genting. Dengan itu, sungguhpun media massa bertindak sebagai pembawa ideologi yang mahu mengenakan ideologi pemerintah ke atas golongan yang diperintah, tetapi terlebih dahulu ia telah dijajah oleh ideologi tersebut. Ketika media menyesuaikan diri supaya berselaras dengan “persetujuan”, pada masa yang sama ia cuba membentuk persetujuan dan beroperasi dengan gaya formatif, ia telah menjadi sebahagian daripada proses dialektikal “pembentukan persetujuan” (*production of consent*) yakni membentuk persetujuan dan menggambarkannya. Ini menjadikan media berada di kedudukan yang mewakili kepentingan sosial dominan di dalam sesuatu negara.

Namun begitu, adalah tidak cukup berkesan untuk membentuk dan melaksanakan hegemoni dengan semata-mata menguasai media massa yang selaku Alat Ideologi Negara tanpa memperalatkan Alat Represif Negara pada masa yang sama. Kelas pemerintah bergantung kepada konspirasi di antara Alat Ideologi Negara dan Alat Kekerasan Negara supaya pembentukan hegemoni dapat dijalankan dengan lancar. Seperti mana yang telah dibincangkan tadi, Alat Ideologi Negara melaksanakan fungsi “mendidik” manakala Alat Represif Negara bertindak seperti mana yang disarankan Gramsci, untuk mengenakan hukuman, dengan implikasi moral, terhadap “tindakan jenayah atau *ommission*” supaya syarat-syarat yang diciptakan untuk cara hidup tertentu menjadi “munasabah” (*possible*) (Gramsci 1971: 247). Selain daripada hegemoni sebagai hubungan pendidikan, Gramsci (1971: 246) turut menegaskan betapa pentingnya peranan undang-undang dalam proses pembentukan hegemoni seperti mana yang beliau menyarankan bahawa:

Jika setiap negara mirip kepada mencipta dan mengekalkan satu jenis tamadun dan warganegara (dan justeru itu juga kehidupan kolektif dan hubungan individu), menghapuskan adat-adat resam dan sikap-sikap tertentu, sementara menyebarkan adat dan sikap yang lain, maka undang-undang akan dijadikan alat untuk mencapai tujuan ini (bersama-sama dengan sistem sekolah, serta institusi-institusi dan aktiviti-aktiviti lain).²¹

Dengan itu, undang-undang memudahkan pembentukan pematuhan sosial (*social conformism*). Adalah wajar tanggapan Althusser bahawa undang-undang adalah juga Alat Ideologi Negara di samping berfungsi sebagai Alat Represif Negara. Undang-undang membantu kelas pemerintah membentuk hegemoni melalui dua pendekatan. Pertama, undang-undang bersama-sama dengan hukuman yang diperuntukkan, menghalang kelas-kelas yang bertentangan dengan kelas pemerintah daripada menggagalkan cara hidup atau cara pemikiran yang dicipta oleh kelas pemerintah. Kedua, melalui isi kandungan undang-undang yang menginterpretasikan apa itu ortodoks dan apa itu melencong (*deviants*) dan tidak wajar dilakukan.

²¹ Teks asal berbunyi, “*If every state tends to create and maintain a certain type of civilisation and of citizen (and hence of collective life and of individu relations), and to eliminate certain customs and attitudes and to disseminate others, then the Law will be its instrument for this purpose (together with the school system, and other institutions and activities.*”

Kita membincang kedua-dua pendekatan tersebut dalam konteks media massa, kesan ketakutan yang terhasil daripada hukuman yang dimenteraikan dalam undang-undang telah menyekat ruang operasi media massa. Media massa terpaksa beroperasi di dalam batasan yang dianggap toleran oleh kelas pemerintah dan tidak mencabar atau mempersoalkan keabsahan kelas pemerintah. Pada masa yang sama, dengan menginterpretasikan apa itu ortodoks atau melencong dan sah atau tidak, undang-undang menjadikan media massa berkongsi kepercayaan yang sama dengan kelas pemerintah, umpamanya kepercayaan tentang apa yang berkaitan dengan keselamatan negara atau kepentingan negara. Setakat ini, sekatan undang-undang terhadap media massa sentiasa dirasionalisasikan dan dijustifikasikan bahkan oleh media massa.

Justeru itu, hegemoni sesuatu kelas politik bermakna kelas itu telah berjaya memujuk kelas-kelas yang lain menerima moral, nilai-nilai politik dan budayanya. Proses ini melibatkan penggunaan kekuatan yang minimum. Maka, pembentukan hegemoni tidak semestinya dijalankan dalam masyarakat authoritarian, tetapi boleh dicapai dalam masyarakat demokrasi berparlimen. Pengamalan “biasa” hegemoni dalam masyarakat demokrasi berparlimen, Gramsci menyarankan, adalah hasil daripada kombinasi kekuatan (*force*) dan persetujuan. Sungguhpun keseimbangan di antara satu sama lain adalah berbeza-beza, tetapi keadaan di mana kekuatan terlalu mengatasi persetujuan tidak wujud (Joll 1983: 99).

Berdasarkan kombinasi tersebut, kekuatan yang digunakan kelihatan mendapat sokongan daripada kata sepakat majoriti, yang disampaikan melalui akhbar-akhbar dan pertubuhan-pertubuhan sivil yang digelar sebagai organ-organ pendapat umum. Dengan kata lain, sungguhpun media massa mungkin terkongkong oleh undang-undang ketat yang digubal oleh kelas pemerintah, tetapi ini tidak bermakna indoktrinasi besar-besaran yang dilancarkan oleh kelas hegemoni seharusnya dijalankan dengan cara totalitarian. Miliband (1973: 164) mengatakan bahawa:

Kewujudan indoktrinasi tidak semestinya memerlukan penguasaan yang bersifat monopoli dan larangan terhadap penentangan: ia hanya memerlukan persaingan ideologi yang tidak setanding supaya memberi manfaat yang muktamad kepada salah satu pihak untuk menentang pihak lain.²²

Dalam sistem berhegemoni, demokrasi dan sistem berparlimen masih wujud di antara kelas pemerintah dan kelas yang diperintah. Kelas hegemoni tidak perlu menghapuskan sehabis-habisnya autonomi institusi-institusi sosial tetapi memadai sekadar melemahkan autonomi yang sedia ada. Sehubungan ini persoalan tentang kenapa kelas pemerintah menggubal undang-undang untuk mengongkong media massa tetapi tidak menasionalisasikan secara langsung kesemua media massa dan sebaliknya membiarkan media massa sebagai institusi yang dimiliki swasta, telah mendapat jawapan. Pemilikan swasta media massa mengekalkan satu situasi di mana media massa masih menikmati autonomi relatif sungguhpun kerelatifan ini tidak bermakna konkrit.

Autonomi relatif media massa ini, menurut pandangan Connell dan Hall, bersama-sama dengan komitmen media massa kepada kesaksamaan (*impartiality*) adalah syarat perlu bagi pengeluaran makna ideologi yang dominan (Hartley 1982: 55). Apabila media massa dibiarkan mempunyai autonomi relatif tidak bermakna kelas pemerintah tidak campur tangan langsung atau menyalurkan pengaruhnya ke atas media massa. Kelas pemerintah tetap mengambil langkah untuk mempengaruhi media swasta iaitu melalui cara kawalan pemilikan. Dengan kawalan pemilikan kelas pemerintah menentukan siapa yang diberi kebenaran untuk memiliki media massa dan sebaliknya sesetengah orang tidak diberi kebenaran ini. Miliband (1973: 205) telah menjelaskan pentingnya kawalan pemilikan media massa bahawa:

Hak pemilikan memperuntukkan hak untuk membuat propaganda, dan ketika hak itu digunakan, ia lazim digunakan sebagai khidmat yang cenderung kepada prejudis konservatif yang kuat, sama ada melalui penegasan positif atau melalui pengenehan perkara sebegini

²² Teks asal berbunyi, "*For indoctrination to occur it is not necessary that there should be monopolistic control and the prohibition of opposition: it is only necessary that ideological competition should be unequal as to give a crushing advantage to one side against other.*"

ketika pemilik-pemilik mendapati penerbitan itu adalah tidak diingini.²³

Dengan ini, jelaslah apa yang disarankan oleh Marx dan Engels dalam *The German Ideology* yang berbunyi “kelas yang memiliki punca pengeluaran material pada masa yang sama akan juga menguasai punca pengeluaran mental, agar idea-idea golongan yang tidak mempunyai punca pengeluaran mental akan tunduk kepada idea kelas pemilik ini.” (dipetik dari Bennett 1982: 48) Ketika Marx dan Engels menulis buku ini mereka telah menjangkakan satu situasi yang kemudiannya diterangkan oleh Gramsci bahawa masyarakat sivil pada hakikatnya berfungsi untuk melindungi kelas pemerintah.

2.4 PEMBENTUKAN HEGEMONI MELALUI MEDIA BERPANDUKAN TEORI GRAMSCI

Berdasarkan kerangka teori yang dibina setakat ini, penulis mencadangkan bahawa proses pembentukan hegemoni adalah satu proses yang agak rumit dan kerumitan itu kelihatan juga dalam proses pembentukan hegemoni di Malaysia. Proses pembentukan hegemoni melibatkan penguasaan dan mobilisasi alat-alat Negara, mahupun alat paksaan atau ideologi, dan juga institusi-institusi sosialisasi terutamanya media massa.

Dalam konteks Malaysia, penulis menyarankan bahawa pembentukan hegemoni kelas pemerintah, iaitu yang diwakili Barisan Nasional, harus dikaji dalam satu kerangka yang berteraskan penguasaan kelas pemerintah itu ke atas Negara. Dengan kata lain, tiada pembahagian yang nyata di antara kelas pemerintah dan Negara sehingga Negara tidak neutral atau berautonomi tetapi menjadi alat kawalan sosial yang agak berkesan.

Dalam pada itu, kelas pemerintah bertindak sebagai “intelektual” yang dimaksudkan oleh Gramsci iaitu bertindak sebagai pusat pembentukan, penerangan,

²³ Teks asal berbunyi, “*The right of ownership confers the right of making propaganda, and where that right is exercised, it is most likely to be exercised in the service of strongly conservative prejudices, either by positive assertion or by the exclusion of such matter as owners may find it undesirable to publish.*”

penghebahan dan pemujukan bagi kesedaran untuk menghasilkan persetujuan spontan di kalangan golongan yang diperintah. Kajian ini menyarankan bahawa Perdana Menteri Mahathir Mohamad memainkan peranan “intelektual” dalam mencorakkan Negara, masyarakat sivil, politik dan industri media ala Malaysia untuk menegakkan hegemoni kelas pemerintah.

Persetujuan spontan itu adalah sesuatu yang harus diusahakan menerusi proses pendidikan atau indoktrinasi besar-besaran yang dijalankan oleh pelbagai agensi terutamanya media massa arus perdana. Oleh itu, kelas pemerintah adalah berhasrat untuk memanipulasi institusi perundangan untuk mengenakan kawalan media yang ketat, lebih-lebih lagi memandangkan ia telah menguasai Negara.

Penguatkuasaan undang-undang sebagai langkah kawalan media telah meninggalkan kesan dari tiga aspek. Pertama, ia bertindak sebagai kuasa paksaan yang menyekat kebebasan media massa dalam menyebarkan mesej yang mungkin mengancam kestabilan autoriti atau hegemoni kelas pemerintah. Dengan ini, ia menghalang kelas-kelas yang menentang kelas pemerintah daripada menggagalkan cara pemikiran yang memanfaatkan *status quo*. Kedua, kandungan undang-undang menjalankan tugas ideologi dengan mengintepretasikan apa itu ortodoks dan apa itu melencong dan tidak wajar diterima oleh masyarakat umum. Ketiga, penguatkuasaan undang-undang media di Malaysia meninggalkan kesan kepada corak pemilikan media.


Kawalan media ini bertujuan untuk memudahkan proses indoktrinasi ke atas golongan yang diperintah di samping mengelakkan kehadiran mesej yang kontra-hegemoni (*counter-hegemony*). Oleh kerana kejayaan indoktrinasi tidak semestinya bergantung kepada corak pemerintahan totalitarian, selain daripada mengenakan kawalan media yang bersifat paksaan, kelas pemerintah sanggup menguasai pemilikan kerana hak pemilikan memudahkan langkah membuat propaganda dan menyingkirkan perbezaan pendapat yang mungkin menggagalkan persetujuan aktif. Sehubungan itu, kajian ini melihat kawalan media (paksaan) yang semakin ketat sejak pertengahan 1980an dan pengambilan pemilikan organisasi-organisasi media massa utama sebagai

dua langkah yang berkesan dalam memastikan media massa tertakluk kepada manipulasi kelas pemerintah.

Proses kawalan ini menjamin supaya media massa berkongsi kepercayaan dengan kelas pemerintah dan tunduk kepada kekuasaan yang ditunjukkan oleh kelas pemerintah yang memegang kuasa hukuman dan ganjaran. Media massa yang terkongkong di bawah manipulasi kelas pemerintah, memproses dan merepresentasikan peristiwa-peristiwa dan isu-isu dengan wacana-wacana yang bermakna dan memanfaatkan pemerintahan kelas pemerintah. Dengan inilah media massa melaksanakan fungsi indoktrinasi di kalangan rakyat jelata.

Kesemua usaha ini, pada analisis akhir, adalah bertujuan untuk menghasilkan persetujuan aktif di kalangan media massa dan juga golongan yang diperintah. Dengan wujudnya persetujuan aktif ini, terbentuknya hegemoni kelas pemerintah. Kedudukan kelas pemerintah terpelihara sungguhpun menghadapi krisis kerana kelas pemerintah ini dilindungi oleh masyarakat sivil yang serupa dengan sistem parit pelindung. Sehubungan ini, dalam konteks krisis kewangan 1997, kajian ini turut mengkaji peranan pemerintah dalam memaparkan krisis kewangan itu sebagai satu krisis nasional yang memerlukan sokongan sepenuh hati seluruh warga Malaysia demi mengekalkan hegemoni Barisan Nasional.

Proses pembentukan hegemoni di Malaysia, seperti mana yang dibincangkan tadi, digambarkan melalui Rajah 2.1.



RAJAH 2.1 Proses Pembentukan Hegemoni di Malaysia

BAB III

PERANAN KELAS PEMERINTAH DALAM KAWALAN MEDIA DEMI PEMBENTUKAN HEGEMONI

3.1 PENDAHULUAN

Media massa ialah salah satu institusi politik dalam masyarakat sivil. Kajian tentang pembentukan sistem media massa dan peranan media massa dalam proses pembentukan hegemoni harus dijalankan dengan meninjau hubungan kuasa yang wujud dalam masyarakat yang mana media itu berada. Sebagaimana yang dijelaskan dalam Bab II, kelas pemerintah bertindak sebagai “intelektual” yang menjadi pusat pembentukan, penerangan, penghebahan dan pemujukan yang menghasilkan persetujuan spontan di kalangan golongan yang diperintah, objektif bab ini ialah menunjukkan kepentingan Perdana Menteri Mahathir Mohamad, selaku ketua kerajaan dan Barisan Nasional, dalam mencorakkan hubungan kuasa di antara Negara, masyarakat sivil dan media. Peranan Mahathir begitu mustahak sekali dalam kawalan media sehingga media sanggup bertindak demi menegakkan hegemoni kelas pemerintah.

Perbincangan bab ini dimulakan dengan perbincangan tentang hubungan Negara dan masyarakat sivil di Malaysia yang merupakan sebuah masyarakat majmuk dan pasca kolonial. Perbincangan ini adalah penting untuk memahami mengapa “naratif krisis” diusahakan untuk menjadi salah satu “wacana publik” (*public discourse*) yang mengabsahkan tindakan kawalan sosial umumnya dan kawalan media khususnya oleh kelas pemerintah. Seterusnya idea Mahathir mengenai isu-isu media turut ditinjau untuk menunjukkan kedudukan pemikiran “intelektual” ini dalam membentuk model dan cara kawalan media di negara ini sehingga menjadikan media sebagai agen pembentukan hegemoni kelas pemerintah.

3.2 HUBUNGAN NEGARA DAN MASYARAKAT SIVIL DI MALAYSIA

Bagaimanakah corak hubungan Negara dan masyarakat sivil di Malaysia? Adakah corak hubungan kedua-dua lingkungan ini mirip kepada saranan teori Liberal atau teori Gramsci? Inilah satu topik yang menarik. Dalam konteks kajian ini, pemeriksaan ke atas topik tersebut harus dijalankan dengan menilai dua faktor khusus yang berkaitan dengan corak kenegaraan Malaysia. Pertama, struktur masyarakat yang bersifat majmuk dan kedua, Malaysia sebagai sebuah negara pasca kolonial. Kedua-dua faktor ini amat penting dalam pembentukan corak sistem pentadbiran negara dan sistem politik umumnya serta corak sistem media dan kawalan sosial khususnya. Kedua-dua faktor tersebut sentiasa menjadi asas legitimasi kepada kelas pemerintah untuk mengambil tindakan, rancangan dan dasar kawalan sosial yang ketat dan bercanggah dengan prinsip demokrasi.

Struktur masyarakat yang terdiri daripada pelbagai kaum telah menjadi satu alasan untuk menjustifikasikan kawalan sosial yang agak ketat, terutamanya apa yang berkaitan dengan soal kaum. Justifikasi ini adalah berasaskan andaian bahawa pergaduhan perkauman akan berlaku sekiranya isu-isu perkauman yang sensitif diheboh-hebohkan dan tidak diuruskan dengan waspada. Sebelum Kemerdekaan, sebanyak 17 peristiwa konflik perkauman telah berlaku dari tahun 1945 hingga 1957 (Kementerian Dalam Negeri 1988: 46). Setelah Kemerdekaan pula, satu rusuhan kaum besar-besaran telah tercetus pada 13 Mei 1969 dan peristiwa ini lebih dikenali sebagai Peristiwa 13 Mei. Peristiwa 13 Mei yang mengakibatkan ratusan jiwa terkorban merupakan pengalaman pahit di kalangan rakyat Malaysia.²⁴ Berdasarkan pengalaman sejarah ini, keharmonian kaum telah menjadi salah satu wacana arus perdana (*mainstream discourse*) dalam politik Malaysia. Peristiwa 13 Mei sentiasa dibangkitkan oleh pihak berkuasa sebagai peringatan supaya rakyat Malaysia, termasuk media tempatan, mengambil berat akan kesejahteraan masyarakat majmuk dan sensitif serta berhati-hati ketika mengurus isu-isu perkauman yang mungkin memudaratkan keharmonian kaum yang begitu sukar sekali dipelihara.

²⁴ Keterangan rasmi mengumumkan bahawa terdapat mangsa berjumlah kira-kira 200 orang, tetapi angka yang dikira oleh rangkaian khabar angin biasanya tiga atau empat kali lebih tinggi daripada angka sumber rasmi, di mana kadang kala melebihi ribuan orang (William 1979: 2).

Sehubungan ini, tindakan perundangan diambil atas nama pemeliharaan keharmonian kaum, umpamanya penggubalan Akta Hasutan 1948. Operasi Lalang, yang dilancarkan pada 26 October 1987 semasa krisis kuasa UMNO, juga dijustifikasikan sebagai satu tindakan “untuk mencegah keadaan yang genting daripada terus meningkat dan berkesudahan dengan pertumpahan darah” (Aliran 1988: 68), di mana perjuangan aktivis-aktivis agama, pencinta alam sekitar dan parti pembangkang dilabelkan sebagai anasir-anasir yang menjejaskan kesejahteraan negara.

Penjajahan oleh negara-negara Barat seperti Portugis, Belanda dan British menyediakan asas penghujahan supaya kelas pemerintah mengadakan kawalan sosial atas nama pembangunan dan kepentingan nasional, di samping menanam sentimen nasionalisme yang memanfaatkan pemerintahan elit berkuasa. Proses penanaman nasionalisme dilancarkan melalui dua landasan seawal 1970an. Landasan pertama, kerajaan menyemarakkan motivasi di kalangan penduduk Malaysia supaya mereka bersatu hati untuk membangunkan negara. Pembangunan negara, dalam konteks ini, mempunyai ertikata yang sempit, iaitu pembangunan ekonomi. Pembangunan negara ini, sungguhpun meniru model pembangunan Barat, dijustifikasikan dengan wacana bahawa kekuatan ekonomi adalah mustahak bagi Malaysia menentang kuasa Barat yang mungkin menjejaskan kepentingan negara-negara Dunia Ketiga umumnya dan Malaysia khususnya. Pendirian ini jelas diperlihatkan melalui salah satu ucapan Mahathir pada 1992:

Dengan berakhirnya Perang Dingin dan keruntuhan pemerintahan komunis di kebanyakan negara di seluruh dunia, kita kini berhadapan dengan keadaan di mana blok Barat menguasai dunia. Kita telah pun melihat bagaimana negara-negara yang kuat ini telah bertindak ke atas negara-negara yang lemah, tanpa menghiraukan kedaulatan dan kewibawaan negara-negara berkenaan.

Justeru itu, adalah amat penting kita menjadi sebuah negara yang maju. Untuk menjadi sebuah negara yang maju kita perlu mengukuhkan lagi ekonomi kita (Mahathir 1992: 364).

Sehubungan itu, kerajaan sentiasa mempromosikan pandangan dominan bahawa kestabilan politik dan kesejahteraan sosial adalah syarat penting untuk menarik pelaburan luar supaya mendorong pembangunan ekonomi Malaysia. Oleh

sebab itu, aktiviti-aktiviti sosial dan politik terpaksa dibataskan atas nama kepentingan nasional yang diinterpretasikan oleh sumber rasmi.

Landasan kedua, sentimen anti-Barat sengaja dihasilkan melalui wacana kewujudan kolonialisme bentuk baru (*neo-colonialism*) atau imperialisme bentuk baru (*neo-imperialism*). Hubungan negara-negara Barat dan Timur telah ditonjolkan sebagai dua blok yang bertentangan dan bercanggahan kepentingan. Pembentukan tanggapan ini diasaskan pada sejarah penjajahan Barat di negara-negara Asia Tenggara dan direpresentasikan melalui pembantahan dan kritikan negara-negara Timur terhadap pelbagai isu yang dikatakan oleh pemimpin-pemimpin Asia sebagai niat jahat negara-negara Barat untuk menyusahkan negara-negara Timur, umpamanya isu hak asasi dan perlindungan alam sekitar. Dalam hubungan bertentangan ini, tidak hairanlah sentimen anti-Barat menikmati legitimasi. Semenjak memegang kuasa pada Julai 1981, Mahathir berusaha untuk memperlihatkan pendirian antarabangsa “anti-Barat” yang memperkuat profil Malaysia sebagai jurucakap kepada “Timur” (Yao 1994: 36). Dasar-dasar “Pensyarikatan Malaysia” (*Malaysia Incorporated*), “Penswastaaan” , “Pandang Timur” dan “Jangan Beli Barangan Britain” (*Buy British Last*) yang dilaksanakan oleh Mahathir pada peringkat awal pemerintahan beliau dilihat sebagai tindakan yang berkaitan dengan komitmen dan pendirian anti-Barat (Mohamad Abdad 1988: 27, Yao 1994: 36).

Proses penanaman sentimen nasionalisme adalah berkaitan langsung dengan kewujudan wacana “nilai-nilai Asia” (*the Asian values*). Tahun-tahun kebelakangan ini pemimpin-pemimpin Asia sentiasa mempromosikan wacana “nilai-nilai Asia” untuk membezakan negara-negara Timur daripada Barat. Dalam wacana nilai Asia yang dimajukan oleh pemimpin-pemimpin Asia, terutamanya Malaysia dan Singapura, terdapat tiga tema asas (Jayasuriya 1997: 19). Tema pertama ialah hujah bahawa negara-negara Barat yang liberal telah diselubungi dengan etos individualisme dan “budaya hak” (*rights culture*) yang berbeza dengan etos komunitarian (*communitarian ethos*) Timur di mana kewajipan keluarga dan komuniti memainkan peranan pokok dalam kehidupan sosial. Tema kedua, korus Nilai-nilai Asia yang sentiasa diulangi ialah disiplin, iaitu disiplin di bidang politik, keluarga dan juga tempat kerja. Tema ketiga adalah satu tema yang memperkuat prinsip kewajipan dan

displin yang diujahkan tadi, iaitu tanggapan organik bahawa Negara dan masyarakat adalah berkait rapat dengan “kebaikan” bersama dalam pembangunan ekonomi (*common “good” of economic development*).

Bagi pemimpin-pemimpin Asiam, wacana nilai Asia adalah salah satu instrumen ideologi yang boleh digunakan untuk menentang pengaruh falsafah liberal Barat yang kian merebak setelah tamatnya Perang Dingin. Melalui wacana nilai Asia, dunia terbahagi kepada dua blok yang berbeza. Blok Timur, ditonjolkan sebagai satu rantau yang amat berbeza dengan Barat, terutama dari segi tradisi, kepercayaan, nilai-nilai, sejarah, kebudayaan dan adat resam. Perbezaan ini dijadikan alasan atau hujah pokok untuk menolak nilai-nilai yang berasal dari Barat dan tidak disenangi oleh pemimpin-pemimpin Asia, terutamanya isu-isu hak asasi manusia, alam sekitar, kebebasan akhbar, pendemokrasian, organisasi-organisasi bukan kerajaan (*NGOs*) dan sebagainya. Dengan kata lain, wacana nilai-nilai Asia adalah satu respons ideologi yang bertujuan untuk melemahkan keabsahan cabaran ini dengan melabelkan mereka sebagai “bukan Asia” (*unAsian*) atau “asing” (*alien*) (Gary Rodan 1997: 157).

Melalui wacana nasionalisme dan nilai-nilai Asia, bukan sahaja kawalan sosial yang bercanggah dengan prinsip demokrasi dapat dijustifikasikan, malah pengaruh kumpulan-kumpulan berkepentingan yang mungkin mengancam kekukuhan kelas pemerintah dapat disingkirkan legitimasinya. Dengan ini, kuasa negara-negara pasca kolonial terpelihara bukan sahaja kerana penggunaan kekerasan, malah kerana pada masa yang sama, campur tangan ideologi ke atas masyarakat sivil (Sheila Nair 2000: 90). Wacana nilai-nilai Asia merupakan instrumen ideologi yang memainkan peranan tersebut, dan lebih-lebih lagi, ia adalah satu program ideologi untuk mendominasi sepenuhnya ruangan ideologi dan politik di Asia Timur (Jayasuriya 1997: 23).

Kedua-dua faktor yang dibincangkan tadi mengakibatkan kuasa Negara semakin mengembang. Pengembangan kuasa Negara adalah hasil daripada manipulasi ke atas mitos keharmonian masyarakat majmuk, kepentingan nasional dan sentimen nasionalisme anti-Barat. Gerakan-gerakan pro-demokrasi yang semakin aktif sejak hujung 1980an semakin menerima tekanan dan dituduh sebagai ancaman kepada keharmonian sosial dan kunci-kunci kepada kepentingan Barat. Realiti ini

mungkin tidak menghapuskan masyarakat sivil Malaysia, tetapi telah menjejaskan autonomi dan ruang masyarakat sivil. Dengan kata lain, masyarakat sivil di Malaysia tidak lagi merupakan satu lingkungan yang bebas dan bertentangan dengan Negara tetapi hanya satu masyarakat sivil yang terkawal (*managed civil society*).

Namun begitu, politik krisis harus diambil kira untuk menilai pengembangan kuasa Negara dan pengecutan masyarakat sivil kerana politik krisis itu telah memberi sumbangan kepada penghasilan ideologi dominan melalui pembentukan model “naratif krisis” yang berlandaskan kedua-dua faktor yang dibincangkan tadi.

Dalam konteks kajian ini, politik krisis diambil kira sebagai satu fenomena yang amat menarik dalam politik Malaysia. Ia berfungsi sebagai teras pembentukan model “naratif krisis” dan merupakan pendekatan untuk memperkukuh dan menghimpun kuasa kelas pemerintah. Kejayaan politik krisis membawa kepada sebuah kerajaan yang kuat umumnya dan pemegang kuasa autoritarian khususnya.

Fenomena politik krisis semakin kelihatan dalam zaman pemerintahan Mahathir memandangkan Mahathir adalah seorang pemimpin yang pandai menggunakan model “naratif krisis” sebagai satu cara untuk menghasilkan kekuatan kepaduan (*cohesive force*) dan seterusnya memperkukuhkan kekuasaan kelas pemerintah umumnya dan kekuasaan beliau khususnya (Chin 1995).

Dalam model naratif krisis yang digunakan, Mahathir mengemukakan pelbagai kemungkinan dan tanda-tanda yang “menemui krisis”, sambil mengumumkan cara-cara dan langkah-langkah untuk “menyelesaikan krisis”. Dalam proses ini, Mahathir bertindak sebagai “penemu krisis” yang memaklum atau menginterpretasikan apakah krisis yang sedang melanda seluruh negara. Pada ketika lain, “penemu krisis” ini mengesyorkan langkah untuk menyelesaikan krisis yang ditemui dan pada peringkat akhir, “penemu krisis” itu turut “berjaya” bertindak sebagai “penyelamat krisis” yang menyelamatkan seluruh negara daripada ancaman krisis tersebut. Kejayaan “penyelamat krisis” dalam penyelesaian krisis akan menjadikan golongan yang diperintah semakin bergantung kepada elit berkuasa ini ketika krisis berlaku. Maka tidak sukar difahami bahawa ketika sesuatu krisis dicipta kelak, kedudukan elit

berkuasa itu menjadi lebih kukuh. Maka, kejayaan model naratif krisis, pada analisis akhir, akan membawa kepada pengembangan dan pengukuhan kekuasaan kelas pemerintah.

Dalam zaman pemerintahan beliau, Mahathir telah melanjutkan model “naratif krisis” ke pelbagai bidang, mahupun politik, keagamaan dan diplomatik. Merujuk kepada sentimen nasionalisme anti-Barat yang begitu ketara dalam politik Mahathir sebagai contoh, jelas kelihatan bahawa kenyataan-kenyataan anti-Barat yang dikeluarkan Mahathir selama ini pada hakikatnya memperalatkan sentimen xenophobia untuk menjayakan “naratif krisis”, iaitu menonjol semula semangat menentang kekerasan yang pernah dialami ketika zaman penjajahan Barat supaya mencergaskan proses “kepaduan”. Melalui langkah ini, Mahathir bukan sahaja memperolehi kewibawaan diplomatik di peringkat antarabangsa, malah membina imej beliau sebagai wira autoritarian di kalangan warga Malaysia.

Dalam model “naratif krisis” ini, sesetengah “musuh” harus diciptakan sebagai sasaran rujukan untuk merangsang kepaduan dalaman. Kewujudan musuh ini dapat menimbulkan kesedaran golongan yang diperintah akan bahaya semasa dan perlunya seorang penyelamat untuk menentang musuh tersebut. Dalam konteks politik Malaysia, musuh itu biasanya merujuk kepada negara-negara Barat, termasuk pemimpin-pemimpin dan media massa negara-negara Barat, yang dikatakan sentiasa berniat jahat untuk menguasai dunia dan menggagalkan rancangan pembangunan negara-negara Timur. Musuh itu juga dirujuk kepada kumpulan dan gerakan yang tidak mematuhi ideologi dan batasan yang digariskan oleh kelas pemerintah, umpamanya parti-parti pembangkang, organisasi-organisasi bukan kerajaan yang kritikal kepada kerajaan dan pertubuhan-pertubuhan lain. Mereka ini sentiasa dilabelkan sebagai anti pembangunan atau tidak menghargai kesejahteraan dan kepentingan nasional sekiranya gerakan yang dilancarkan tidak disenangi oleh kerajaan. Mereka juga dilabelkan sebagai alat kepada kuasa asing.

Selain daripada kewujudan musuh ciptaan tersebut, kejayaan “naratif krisis” bergantung kepada sama ada ia menjadi satu set naratif tanpa tandingan dan mendominasi ruangan pendapat umum. Model “naratif krisis” akan berjaya sekiranya

“naratif krisis” yang dihasilkan menjadi “wacana publik”, iaitu satu peringkat di mana, secara relatif, apa yang digelar sebagai media “publik” pada hakikatnya tidak wujud lagi dan semakin sukar untuk membezakan pendapat umum daripada fikiran para pemimpin. “Naratif krisis” mengaburkan perbezaan di antara kenyataan kerajaan dan kenyataan masyarakat dan sebaliknya menunjukkan seakan-akan ada keselarasan di antara kenyataan kerajaan dan masyarakat.

Untuk menjayakan “naratif krisis”, perbezaan pendapat (*dissent*) harus disingkirkan dari lingkungan publik supaya ia tidak menjadi pesaing kepada pandangan dominan. Proses penyingkiran perbezaan ini memerlukan “kerjasama” dari media massa yang bertindak sebagai agen propaganda, sama ada kerjasama itu adalah secara sukarela atau terpaksa. “Kerjasama” ini bukan satu situasi yang semulajadi tetapi harus diusahakan melalui penggunaan pelbagai peralatan Negara. Memandangkan hakikat ini, mereka yang ingin memandu media massa supaya ia menjadi agen sokongan dan bukan halangan, haruslah mahir dengan cara dan pendekatan untuk menguasai media massa. Inilah syarat perlunya.

Berdasarkan premis ini dan memandangkan corak pemerintahan yang bersifat autoritarian dan elitis selama 20 tahun ini, pemikiran elit berkuasa mengenai kawalan media di Malaysia harus diambil kira untuk meneliti langkah-langkah yang dilaksanakan untuk memeralatkan media sebagai agen yang menyingkir perbezaan pendapat dan agen propaganda yang berkhidmat kepada pembentukan hegemoni.

3.3. MAHATHIR DAN KAWALAN MEDIA

Sungguhpun Malaysia hanya mencapai Kemerdekaan 45 tahun lalu, perkembangan industri media di Malaysia telah bermula sejak abad ke-19 ketika zaman penjajahan British, berikutan dengan penerbitan akhbar pertama di sini, iaitu *The Prince of Wales*, pada 1805. Malaysia mewarisi sistem akhbar yang ditinggalkan oleh British apabila ia mencapai kemerdekaan pada 1957, termasuk mewarisi undang-undang akhbar yang dibentuk pada zaman penjajahan British (Mohd. Safar Hashim 1996a: 5).

Sungguhpun soal kebebasan akhbar telah menjadi prihatin pengendali akhbar dan pentadbir menjelang kemerdekaan, bukan seluruh industri akhbar memberi perhatian kepada soal tersebut (Mohd Safar Hashim 1996a: 367). Ketika itu, akhbar berseteru dengan kerajaan kolonial tetapi merupakan rakan kepada kepimpinan Melayu untuk mencapai satu objektif yang sama iaitu membebaskan negara ini daripada belenggu penjajah (Mohd Safar Hashim 1996b: 24). Berikutan dengan kemerdekaan pada 1957, akhbar-akhbar mendapati perlunya mereka menyesuaikan diri kepada realiti politik yang baru (Syed Arabi Idid 1993: 44). Ini telah juga membawa perubahan kepada suasana kemesraan yang dinikmati kian lama oleh akhbar-akhbar dan kerajaan Perikatan yang baru terbentuk umumnya dan UMNO khususnya. *Utusan Melayu*, sebuah akhbar bahasa Melayu yang begitu rapat berganding bahu dengan pemimpin-pemimpin UMNO dalam gerakan menentang rancangan *Malayan Union* sehingga dapat “memaksa British membatalkan konsep itu” (Syed Arabi Idid 1993: 44), telah juga bertengkar dengan UMNO pada suatu ketika dalam 1960an. Namun begitu, tidak lama kemudian, UMNO yang menerajui pucuk pimpinan kerajaan Perikatan telah dapat memulakan langkah pertama untuk menguasai industri akhbar tempatan berikutan dengan pengambilan alih *Utusan Melayu* pada 1960an dan *The Straits Times* pada 1970an.

Bukanlah sesuatu yang aneh jika sebuah negara yang baru mencapai Kemerdekaan ingin mengawal industri media. Di Dunia Ketiga, kelas pemerintah secara umumnya berpendapat bahawa media seharusnya “dipandu” (*guided*) dengan sedar dan kemudian digunakan sebagai peralatan untuk memajukan “pembangunan nasional” dan memelihara “keselamatan nasional” (Loh & Mustafa 1996: 96). Oleh sebab itu, kerajaan melihat media bukan sahaja sebagai rakan tetapi juga musuh dan berusaha untuk meneutral atau memaksa media supaya menunjukkan komitmen terhadap nilai-nilai yang ditegakkan oleh Kerajaan (Shad & Sankaran 1998: 1).

Falsafah ini sekali lagi diulangi oleh Mahathir di Persidangan Dialog Antarabangsa Langkawi 1999 bahawa para pengamal media tidak sekadar menjadi pemerhati tetapi boleh menjadi **rakan kongsi** kerajaan yang bijak dengan memainkan peranan sebagai penasihat kepada kerajaan demi kepentingan negara dan kesejahteraan rakyat (Yazid 1999: 3). Pandangan seperti ini tidak terhad kepada elit-

elit politik yang memegang kuasa, tetapi turut dikongsi oleh sesetengah sarjana komunikasi tempatan. Sebelum kenyataan Mahathir dikeluarkan, Mohd. Safar Hashim (1995: 100; 1996: 18-9) telah mengemukakan konsep “**akhbar rakan**” yang bermaksud akhbar yang tidak dimiliki terus oleh kerajaan, tetapi oleh parti politik yang mendukung kerajaan, atau pemilikan bebas, **berkongsi dalam aspirasi nasional dan mendukung kerajaan yang dipilih oleh rakyat secara demokrasi.**

Sungguhpun kawalan media bukan satu isu baru di Malaysia, zaman pemerintahan Mahathir adalah satu tempoh yang begitu mustahak sekali dalam perkembangan industri media dan peninjauan tentang kebebasan akhbar di Malaysia. Saranan ini adalah berdasarkan dua faktor yang wujud dalam konteks Malaysia.

Pertama, pentadbiran Malaysia bersifat demokrasi *statist* di mana elit-elit politik memainkan peranan definitif dalam proses penentuan keputusan dan kuasa Negara semakin berkembang. Perdana Menteri adalah penentu utama keputusan bagi dasar-dasar kerajaan, sebagaimana yang diperhatikan oleh Ho (1992: 229) bahawa,

Perdana Menteri membentuk nada dan gaya kerajaan serta membekalkan teras utama tentang dasar-dasar tertentu. Beliau menyampaikan nada dan angin (*temper*) beliau ke atas kerajaan serta mempengaruhi inisiatif dasar dan pembuatan keputusan secara mendalam. Secara umumnya, personalisasi (*personalization*) jabatan Perdana Menteri amat berkaitan dengan watak dan pembawaan individu Perdana Menteri. Sifat politik beliau bukan sahaja mempengaruhi pemilihan dasar dan rancangan beliau tetapi juga tahap beliau melaksanakan kuasa.²⁵

Kedua, Mahathir memegang jawatan Perdana Menteri selama dua dekad, iaitu tempoh jawatan yang paling lama setakat ini, dan lebih-lebih lagi ketika Mahathir memegang jawatan Perdana Menteri pada 1980an Malaysia mula mengalami transformasi. Dengan tempoh yang begitu panjang tentu sekali Mahathir telah banyak meninggalkan kesan pemerintahan beliau ke atas politik Malaysia umumnya dan

²⁵ Teks asal berbunyi, “*The Prime Minister sets the tone and style of government and provides the main thrust on certain policies. He imparts his tone and temper to the government and influences the policy-initiatives and decision making to a large extent. In general, it appears that the personalization of the Prime Minister’s office has a great deal to do with the character and temperament of the individual Prime Minister. His political make-up not only influences his choice of policies and programmes but also the extent to which he exercises his power.*”

industri media khususnya. Andaian ini adalah berasaskan pandangan Khoo (1995: 2 & 7) bahawa Mahathir adalah “*the most articulate ideologist*” dan “politik Mahathir dapat dianggap sebagai pelaksanaan praktis bagi idea-idea dan ideologi beliau”. Adalah wajar kita meninjau bagaimana Mahathir yang memainkan peranannya sebagai “intelektual” dalam maksud Gramsci, menguasai industri media di Malaysia dan dengan itu membentuk hegemoni kelas pemerintah.

Mahathir memang seorang ahli politik yang amat memahami fungsi media dalam pembentukan hegemoni kelas pemerintah memandangkan beliau pernah mengakui bahawa “sesiapapun dapat menjalankan fungsi-fungsi upacara seseorang Perdana Menteri, tetapi ‘keimpinan’ sebenar adalah ‘keupayaan untuk menawarkan panduan...sesuatu yang *superior* kepada apa yang dapat dilakukan oleh rakyat dengan sendirinya” (Khoo 1995: 200). Kenyataan ini secocok dengan pandangan tipikal Gramsci seperti mana yang telah dibincangkan. Mahathir (1991: 204) mendapati bahawa, “Orang Jerman yang paling lemah lembut pun boleh dijadikan seekor haiwan jika diberi maklumat terpilih sebagaimana yang dilakukan oleh jentera propaganda Dr. Goebbels.”²⁶ Ini membuktikan bahawa Mahathir mengetahui dengan jelasnya bahawa beliau dapat membentuk hegemoni yang memanfaatkan regim beliau dan lebih-lebih lagi memandu golongan publik sekiranya beliau menguasai media.

3.3.1 Zaman Awal Pentadbiran Mahathir

Sejak waktu muda lagi, Mahathir adalah seorang pengkritik kerajaan. Dengan memakai nama samaran C.H.E. Det, Mahathir menyuarakan pandangan beliau melalui akhbar *The Straits Times* ketika beliau melanjutkan pelajaran di Singapura. Ketika zaman pemerintahan Tunku Abdul Rahman, Mahathir adalah seorang pengkritik kerajaan yang paling lantang, sehingga beliau disingkir dari UMNO.

Berdasarkan latar belakang ini, terdapat jangkaan di kalangan ramai bahawa beliau akan mengamalkan dasar-dasar yang lebih liberal terhadap pengkritik kerajaan

²⁶ Ketika berucap di Majlis Malam Wartawan Malaysia pada 19 November 1988, Mahathir juga mengulangi pandangan Dr. Goebbels dengan mengatakan bahawa, “Goebbels, Menteri Propaganda Nazi Jerman, biasa berkata sesuatu yang tidak benar, jika berulang kali dikatakan benar, akhirnya akan diterima sebagai benar oleh masyarakat” (Mahathir 1988: 155).

dan proses politik yang lebih terbuka (Means 1991: 85). Tetapi tindakan politik Mahathir memang di luar jangkaan ramai. Khoo (1995: 275) mencatatkan bahawa Mahathir bukan model yang bertoleransi dengan perbezaan pendapat. Ketika memegang jawatan sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Mahathir tidak keberatan menggunakan Akta Keselamatan Dalam Negeri untuk menahan ahli-ahli kesatuan sekerja Malaysia Airlines System-Airline Employees Union yang mengambil tindakan perusahaan pada 1979.

Pentadbiran Mahathir digelarkan dengan pelbagai gelaran umpamanya “Machiavelli Malaysia”²⁷, autoritarian mahupun diktator, malah dikecam oleh Jawatankuasa Melindung Wartawan (*Committee to Protect Journalists*) sebagai salah seorang daripada sepuluh musuh utama kepada akhbar (*10 Enemies of the Press*), bagi tahun 1999, 2000 dan 2001.²⁸ Tetapi apa jua gelaran yang diberikan kepada Mahathir tidak begitu penting memandangkan pentadbiran Mahathir telah menerima penilaian yang berlainan dari pelbagai pihak. Apa yang penting adalah satu hakikat bahawa

Tidak kira sama ada kita melihat pemerintahannya sebagai satu pentadbiran yang popular atau *dictatorship*, kita tidak dapat nafikan bahawa kerajaan di bawah pemerintahan beliau telah banyak meminda perlembagaan, dasar, undang-undang dan tatacara pentadbiran yang telah mempengaruhi bukan hanya industri media bahkan segala aspek kehidupan yang dilalui oleh semua sektor penduduk di negara ini (Zaharom & Ramli 1989: 128).

²⁷ Lihat, Zakry Abadi. 1990. *Mahathir “Machiavelli” Malaysia?*. Kuala Lumpur: Sarjana Enterprise. Penulis berpendapat bahawa Mahathir, “sekali pun di dalam beberapa ciri perjuangan dan tindakannya tidak sama, namun cara dia membangunkan dinamika bangsanya hampir-hampir menyamai Niccolo Machiavelli” (Zakry Abadi 1990: 87). Namun begitu, penulis tidak bersetuju dengan tuduhan sesetengah parti pembangkang bahawa kepimpinan Mahathir yang bercorak jahat, keja, zalim dan diktator itu samalah seperti apa yang dituduh kepada Machiavelli sebagai lambang iblis dan syaitan di Itali.

²⁸ CPJ menamakan “Sepuluh Musuh Akhbar” setiap tahun sempena Hari Kebebasan Akhbar Sedunia (3 Mei). Mahathir bertempatan kelapan pada 1999, kesepuluh pada 2000 dan 2001. Senarai-senarai musuh akhbar bagi tahun 1999-2000 boleh diperolehi daripada rencana-rencana CPJ seperti berikut: (i) “Enemies of the press: the 10 worst offenders of 1999”, www.cpj.org/enemies/enemies_99.html; (ii) “Spotlight on press tyrants: CPJ names 10 worst enemies of the press on World Press Freedom Day”, www.cpj.org/enemies/enemies_00.html; (iii) “CPJ names 10 enemies of the press on World Press Freedom Day”, www.cpj.org/enemies/enemies_01.html.

Pandangan Zaharom dan Ramli membangkitkan persoalan tentang kebebasan akhbar sepanjang masa zaman Mahathir dan juga persoalan tentang apakah sebab-sebab Mahathir mengamalkan kawalan media yang lebih ketat. Jawapan kepada persoalan ini, berkait rapat dengan suasana politik yang dialami Mahathir sepanjang 1980an.

Mahathir dilantik sebagai Perdana Menteri keempat pada 1981 dan beliau berjaya mendapat mandat yang begitu kuat sekali dalam Pilihanraya Umum 1982.²⁹ Tempoh “bulan madu” bagi kerjaya politik Mahathir ini tamat tidak lama kemudian. Setelah itu beliau menemui banyak sekali masalah, termasuk kemerosotan ekonomi, skandal-skandal kewangan yang berturut-turut, krisis perlembagaan ketika beliau berusaha untuk mengurangkan kuasa Sultan, berkonflik dengan badan kehakiman, kebangkitan ekstremisme Islam dan masalah dalaman UMNO setelah Musa Hitam meletak jawatan sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Timbalan Presiden UMNO pada Februari 1986 (Funston 1998:17). Means (1991) dan Ho (1992) juga mempunyai pandangan yang sama.

Means (1991: 110) berpendapat bahawa Pentadbiran Mahathir telah memasuki peringkat kedua pada 1983. Tempoh “bulan madu” pada peringkat awal pentadbiran Mahathir telah tamat dan setelah itu Mahathir meletakkan cap dominan ke atas dasar kerajaan dan membentuk gaya pimpinan yang berbeza dengan beliau sendiri. Manakala Ho (1992: 234) berpendapat bahawa pentadbiran Mahathir memasuki fasa kedua setelah 1985 dan berikutan dengan itu, tindakan-tindakan Mahathir menjadi lebih kontroversial. Pentadbiran beliau digegarkan oleh tuduhan-tuduhan rasuah dalam kerajaan, perlawanan politik dalam UMNO, dan salahguna kuasa eksekutif untuk menentang pembangkang yang menyangkal di dalam dan di luar Barisan Nasional.

²⁹ Barisan Nasional telah memenangi nisbah sokongan undi yang lebih tinggi daripada pilihanraya umum sebelumnya. Ia memperolehi sokongan daripada 60.5% pengundi dan 130 daripada 154 kerusi Parlimen.

Cabaran-cabaran yang dihadapi oleh Mahathir di antara 1984 dan 1986 boleh diklasifikasikan sebagai “skandal kewangan” dan “krisis politik”, manakala ketika itu beliau bagaikan seorang “populist yang terkepung” (*Populist under siege*) (Khoo 1995: 209-230). Skandal-skandal kewangan yang dihadapi oleh Mahathir termasuk Skandal BMF³⁰, Maminco Sdn. Bhd.³¹, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Makuwasa Sdn. Bhd.³², Pan-Electric Industries (Pan-El)³³, dan Koperasi-koperasi Pengambilan Deposit (*DTCs*)³⁴. Akibat daripada itu, Mahathir, Perdana Menteri yang memulakan jawatannya berdasarkan perjuangan anti-rasuah, mendapati beliau telah berada dalam tempoh yang paling kotor sekali dalam sejarah kewangan Malaysia. (Khoo 1995: 233).

³⁰ Skandal BMF telah menjadi isu hangat di antara 1984-1986. Skandal ini membawa kepada kerugian sebanyak RM2000 juta dan seorang penolong pengurus besar Bank Bumiputra terbunuh ketika beliau menjalankan siasatan di Hong Kong.

³¹ Maminco adalah sebuah syarikat yang ditubuhkan oleh Hussein Onn, lapan hari sebelum Mahathir menjadi Perdana Menteri, sebagai alat sokong-harga (*price-support vehicle*) pasaran bijih timah. Mahathir menjadikan Maminco sebagai satu rancangan sulit untuk memborong dan mengawal harga pasaran antarabangsa bijih timah. Akibat daripada perubahan peraturan London Metal Exchange, Maminco mengalami kerugian sebanyak RM660 juta dan Mahathir hanya mengakui kerugian Maminco pada 18 September 1986, ketika Perhimpunan Agung UMNO kali ke-37 dilangsungkan.

³² Pertengahan 1985, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja bersama-sama dengan institusi-institusi awam yang lain melabur lebih kurang RM150 juta di dana umum (*common fund*) yang ditubuhkan oleh Kementerian Kewangan dan diuruskan oleh Jawatankuasa Penyelarasan Pelaburan, supaya memasuki pasaran saham. Kemerosotan harga saham BSKL pada November 1985 mengakibatkan KWSP mengalami “kerugian kertas” (*paper losses*) sebanyak RM141 juta. Di samping itu, terdedah pula isu Makuwasa di mana menjual semula saham-saham yang diperuntukkan oleh 13 syarikat kepada Makuwasa Sdn Bhd dengan harga yang lebih rendah daripada harga pasaran dan ini menyebabkan KWSP mengeluarkan lebih kurang RM10 juta. Mahathir, pada 18 September 1986, mengakui bahawa Makuwasa ditubuhkan dengan tujuan untuk membayar ganti kerugian kerajaan dalam kes Maminco.

³³ Pan-El yang di bawah pengurusan Tan Koon Swan, presiden baru MCA, telah digantung uruniaga oleh Bursa Saham Singapura (*Stock Exchange of Singapore*) akibat daripada gagalnya menjelaskan hutang sebanyak S\$400 juta. Pan-El akhirnya teruntuh dan Tan Koon Swan dijatuhkan hukuman penjara dua tahun dan denda S\$500 000 oleh mahkamah Singapura, di bawah 14 tuduhan penipuan dan pecah amanah.

³⁴ Isu ini tercetus pada 1986 ketika Koperasi Beliau Bersatu Berhad (Kosatu) dilaporkan mengalami ketidakstabilan kewangan dan penyimpan-penyimpan deposit mengeluarkan simpanan mereka secara beramai-ramai. Satu bulan kemudian, koperasi-koperasi lain yang juga mengalami masalah kewangan menghadapi tekanan pengeluaran wang secara beramai-ramai. Siasatan Bank Negara menunjukkan bahawa hanya tiga daripada 24 buah koperasi mampu membayar hutang dan yang lain mengalami modal negatif sejumlah RM629.5 juta. Konsep penubuhan koperasi kuat dipromosikan oleh MCA dan Tan Koon Swan. Berikutan ini, ramai penyimpan deposit, kebanyakannya kaum Cina, kehilangan simpanan yang agak besar jumlahnya.

Sehubungan krisis politik, telah berlakunya krisis Tambunan (Sabah)³⁵, krisis pembuangan sisa radioaktif di Papan³⁶, Penentangan PAS³⁷, Peristiwa Memali³⁸ dan peletakan jawatan Musa Hitam³⁹. Di bawah kepungan skandal-skandal kewangan dan krisi-krisi politik, Mahathir cuba mengekang pengaliran maklumat yang beliau melihat telah digunakan untuk mendedahkan skandal-skandal dan memheboh-hebohkan krisis-krisis yang memalukan kerajaan.

³⁵ Krisis Tambunan berlaku di antara Disember 1984 hingga Mei 1986. Krisis ini berlaku setelah Joseph Pairin Kitingan meletak jawatan sebagai Naib Presiden Parti Berjaya, iaitu parti pemerintah di Sabah, akibat daripada perselisihan dengan Presiden parti yang merangkap Ketua Menteri Sabah, Harris Salleh. Pairin terpaksa meletak jawatan sebagai ADUN bagi kawasan Tambunan, tetapi beliau telah memenangi semula kerusi itu dalam pilihanraya kecil yang dilangsungkan pada 29 Disember 1984. Pairin kemudiannya menubuhkan Parti Bersatu Sabah (PBS) dan mengalahkan Parti Berjaya dalam pilihanraya negeri, yang sengaja diadakan oleh Harris Salleh dengan niat menghancurkan tindakan Pairin. Sunnguhpun kalah dalam pilihanraya negeri, Harris Salleh, dengan sokongan Mustapha Harun, Presiden United Sabah National Organization (USNO), mengadakan *coup d'etat*. Mereka mengadakan Yang Di-pertua Negeri Sabah pada pukul 6.00 pagi, 22 April 1985, dan menjadikan Mustapha dilantik sebagai Ketua Menteri. Walau bagaimanapun, tindakan mereka digagalkan akibat daripada campur tangan pemangku perdana menteri, Musa Hitam, yang mengakui Pairin yang memenangi pilihanraya negeri sebagai Ketua Menteri. Namun begitu, krisis Tambunan berterusan selama setahun setelah PBS berkuasa.

³⁶ Kerajaan berancangan untuk menjadikan Papan, sebuah pekan kecil di Perak, sebagai tempat pembuangan sisa radioaktif bagi sebuah kilang yang beroperasi di Kawasan Perindustrian Bukit Merah, Asian Rare Earth Sdn. Bhd. (ARE). Rancangan ini dibuat tanpa berunding dengan penduduk di Papan dan rancangan ini telah menghadapi bantahan sekeras-kerasnya dari komuniti tempatan. Jawatankuasa Anti Keradioaktifan Perak, yang ditubuhkan oleh penduduk-penduduk tempatan, membawa kes ini ke mahkamah dan mahkamah telah memutuskan supaya ARE memberhentikan pengeluaran. Namun begitu, ARE telah mengadakan pengeluaran semula setelah diberikan lesen setahun oleh Jabatan Pelesenan Tenaga Atom. Penduduk-penduduk kemudiannya mengadakan demonstrasi besar-besaran dan memohon injunksi baru di Mahkamah.

³⁷ PAS yang gagal menguasai kerajaan Kelantan setelah 1977, telah pulih kembali mulai pertengahan 1980an, berikutan dengan kebangkitan pemimpin PAS yang berpengaruh seperti Haji Abdul Hadi Awang. PAS ketika itu melancarkan percubaan untuk menjalinkan pujukan kepada kaum Cina dengan mengemukakan kenyataan bahawa “di bawah Islam orang Cina boleh menjadi Perdana Menteri Malaysia” dan telah juga menubuhkan “Jawatankuasa Perundingan Cina”. Inisiatif PAS telah mengancam kedudukan UMNO sebagai sekutu kepada kaum Cina.

³⁸ Peristiwa Memali berlaku pada 19 September 1985 dan mengakibatkan 18 orang terbunuh, 29 orang terluka dan 160 orang tertahan. Tragedi ini berlaku akibat daripada tindakan polis menangkap seorang guru Islam tempatan dan bekas calon pilihanraya PAS, Ibrahim bin Mahmood, yang dituduh oleh kerajaan sebagai seorang ekstremis agama.

³⁹ Musa Hitam, yang selaku timbalan kepada Mahathir dalam UMNO dan kerajaan, meletak kedua-dua jawatan beliau pada 26 Februari 1986 akibat daripada perselisihan di antara kedua-dua orang pemimpin kerajaan “2M” ini. Namun begitu, Musa akhirnya menarik balik peletakan jawatan sebagai Timbalan Presiden UMNO.

Cabaran politik yang lebih mengancamkan Mahathir telah wujud sepanjang 1987-1988. Perebutan dalaman UMNO yang begitu hebat sekali menjadikan Mahathir hampir-hampir digulingkan daripada pucuk pimpinan UMNO dan Barisan Nasional. Dalam pilihanraya UMNO pada 1987, beliau mengalahkan Tengku Razaleigh Hamzah dan mempertahankan jawatan Presiden UMNO dengan hanya 41 undi majoriti sahaja dan ini telah mengancam kedudukan politik beliau. Dalam tempoh yang sama, akibat daripada isu perjawatan guru-guru tanpa kelayakan bahasa Cina di SRJK Cina dan sikap Pemuda UMNO yang begitu tegas sekali terhadap isu ini, bukan sahaja hubungan UMNO dan MCA menjadi tegang, hubungan antara kaum bagi seluruh negara turut terjejas.

Di samping itu, kerajaan memperuntukkan kontrak penswastaan Projek Lebuhraya Utara-Selatan kepada Hatibudi Sdn. Bhd.⁴⁰, sebuah syarikat UMNO di bawah kawalan Menteri Kewangan Daim Zainuddin, telah menerima kritikan yang hebat daripada Pasukan B UMNO dan parti-parti pembangkang.⁴¹ Ketua Pembangkang di Parlimen, Lim Kit Siang, memohon perintah mahkamah untuk menghalang kedua-dua pihak kerajaan dan Hatibudi menandatangani kontrak tersebut.⁴² Peristiwa-peristiwa yang berturut-turut ini diakhiri dengan pelancaran Operasi Lalang yang dikecam hebat oleh pertubuhan-pertubuhan hak asasi manusia. Dalam operasi tangkapan beramai-ramai ini, 106 orang telah ditahan tanpa perbicaraan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri dan tiga akhbar digantungkan permit penerbitan masing-masing. Sekali lagi Mahathir dapat menyelamatkan kedudukan dan kuasa politik beliau.

⁴⁰ Hatibudi Sdn. Bhd. ditubuhkan pada 16 Mei 1984 dengan modal berbayar sebanyak RM2.00 dan didaftarkan sebagai sebuah syarikat pemegang pelaburan. Syarikat ini adalah sebuah syarikat milikan UMNO, di mana empat orang pemimpin UMNO, yakni Presiden Mahathir Mohamad, Timbalan Presiden Ghafar Baba, Setiausaha Agung Sanusi Junid dan Bendahari Daim Zainuddin adalah pemegang-pemegang amanah. Lihat, Edmund Terence Gomez. 1990. *Politik Dalam Perniagaan: Pelaburan Korporat UMNO*. Kuala Lumpur: Forum. Halaman 120-123.

⁴¹ Dalam perlawanan dalaman pada 1987, UMNO telah berpecah belah kepada dua pecahan (*fraction*), iaitu Pasukan A yang diketuai Mahathir dan Pasukan B yang diketuai Tengku Razaleigh.

⁴² Permohonan Lim Kit Siang ditolak oleh Mahkamah dengan alasan bahawa beliau tidak menikmati *locus standi*, sungguhpun beliau adalah seorang pembayar cukai (Nijar 1990: 51).

Sungguhpun Operasi Lalang telah melenyapkan tekanan dalaman dan luaran yang dihadapi oleh Mahathir buat sementara waktu, namun sehingga 1988, pimpinan Mahathir masih terganggu dengan peristiwa-peristiwa yang diakibatkan daripada perebutan dalaman parti. Sebelas orang ahli UMNO yang tidak puas hati dengan hasil pilihanraya parti telah membuat permohonan di Mahkamah supaya pilihanraya parti April 1987 diisytiharkan tidak sah (*null*), tetapi keputusan mahkamah begitu mengejutkan, iaitu UMNO diumumkan oleh mahkamah sebagai pertubuhan haram (*illegal*)⁴³.

Keputusan mahkamah yang di luar jangkaan ramai ini, sekali lagi menggoncangkan kedudukan Mahathir. Tengku Razaleigh berusaha untuk mendaftarkan UMNO Malaysia sebagai parti gantian UMNO, tetapi permohonan beliau ditolak oleh Pendaftar Pertubuhan, iaitu salah satu jabatan di bawah Jabatan Perdana Menteri, dengan alasan bahawa UMNO belum lagi digugurkan pendaftarannya. Tidak lama kemudian, Mahathir berjaya mendaftarkan UMNO Baru. Berikutan ini Mahathir mempertahankan jawatan sebagai Presiden Barisan Nasional dan Perdana Menteri Malaysia. Namun begitu, sebelas orang ahli tersebut terus membuat rayuan terhadap keputusan Mahkamah. Jika mahkamah memulihkan kedudukan UMNO maka Mahathir akan jatuh kuasa kerana beliau telah menubuhkan UMNO Baru. Menurut perlembagaan UMNO, ahli yang menyertai parti lain akan kehilangan taraf keahlian secara automatik. Perkembangan selanjutnya pergolakan politik ini telah menyebabkan Ketua Hakim Negara, Tun Salleh Abas, dipecat daripada jawatan, buat pertama kali dalam sejarah Malaysia.⁴⁴

Sementara itu, pada 1980an, pentadbiran Mahathir telah melancarkan dasar-dasar baru untuk membangunkan ekonomi, terutamanya dasar “Pandang Timur” yang kontroversial, konsep “Pensyarikatan Malaysia”, dasar penswastan dan dasar perindustrian berat, malah pertumbuhan ekonomi yang rendah pada penghujung 1980an telah menyebabkan kerajaan lebih bergantung kepada modal asing. Oleh

⁴³ Pada peringkat awal terdapat 12 orang perwakilan UMNO menfailkan rayuan di mahkamah supaya perhimpunan tahunan dan pilihanraya April 1987 diumumkan tidak sah, tetapi salah seorang daripadanya, Hussein bin Manap, telah menarik diri daripada kes itu (Salleh Abas & K. Das 1989: 55).

⁴⁴ Selain daripada Tun Salleh Abas, dua orang hakim Mahkamah Agung turut dilucutkan jawatan, iaitu Wan Suleiman Pawan Teh dan George Seah Kim Seng.

demikian, penentangan terhadap dasar-dasar tersebut, mahupun dengan apa-apa bentuk, adalah dijangka akan mendatangkan kawalan sosial dan politik yang berterusan oleh kerajaan (Saravanamuttu 1987: 61).

Terdapat dua sebab utama Mahathir memperketatkan kawalan media pada 1980an (Zaharom & Ramli 1989: 137-8):

Pertama, keperluan untuk menarik pelabur asing yang hanya akan mencari kawasan melabur yang mempunyai keadaan politik yang tenteram menyebabkan kerajaan ingin mewujudkan satu imej negara yang positif. Oleh kerana media memainkan peranan penting untuk membentuk imej-imej dan simbol-simbol, maka kawalan ke atas media menjadi lebih ketat.

Kedua, lebih berkaitan dengan keadaan di dalam negara yang membawa kepada krisis “kuasa” atau krisis hegemoni semasa pemerintahan Mahathir.

Pandangan Zaharom dan Ramli secara umumnya telah membangkitkan faktor-faktor politik dan ekonomi yang bertindak sebagai mangkin yang menyebabkan Mahathir mengamalkan kawalan media yang lebih ketat. Namun begitu, memandangkan Mahathir adalah seorang “*most articulate ideologist*” dan intelektual menurut ertikata Gramsci, adalah wajar jika meninjau pandangan atau idea peribadi Mahathir mengenai isu-isu yang berkaitan dengan media massa dan seterusnya meninjau cara bagaimana beliau mengawal media supaya lebih memanfaatkan kelas pemerintah berdasarkan pandangan atau idea tersebut.

3.3.2 Pemikiran Mahathir Mengenai Isu Media

Perbincangan tentang pemikiran Mahathir mengenai isu-isu media dilakukan melalui penelitian teks ucapan dan rencana beliau sejak beliau memegang jawatan Timbalan Perdana Menteri pada 1976 sehingga 1997, tahun ke-16 beliau memegang jawatan Perdana Menteri.

Sungguhpun ramai sarjana dan tokoh politik melihat media massa sebagai salah satu institusi yang penting sekali bagi sistem demokratik, sehingga menggelarkannya sebagai “Kuasa Keempat” untuk menonjolkan kepentingan media dalam politik masyarakat moden, tetapi bagi Mahathir, kedudukan akhbar tidaklah begitu unggul. Sebaliknya, media hanya satu institusi yang dibentuk dan dikendalikan oleh manusia yang mempunyai perasaan dan keperluan yang hina (Mahathir 1981: 74). Maka menurut beliau,

Dalam sesebuah demokrasi hakikat bahawa semua sistem dan insitituti direka bentuk untuk berkhidmat kepada keunggulan demokrasi tidak bermakna semuanya akan berkhidmat kepada keunggulan ini....Sistem dan institusi banyak bergantung kepada orang yang bekerja atau memberikan khidmat untuk menentukan fungsinya berjalan lancar (Mahathir 1981: 83).

Lebih-lebih lagi, Mahathir berpendapat bahawa seseorang yang menjadi wartawan bukan kerana mereka mempunyai kebolehan untuk membezakan apa yang betul dan bukan mengikut perasaan, tidak juga kerana mereka mempunyai kelebihan moral (Mahathir 1981: 83, 1989: 177). Sebaliknya, kebanyakan masa pemberita bekerja di *sleazy bar* sambil meminum banyak alkohol dan bercakap dengan orang yang mereka pilih (Mahathir 1981: 79). Seseorang menjadi wartawan semata-mata

kerana keperluan mereka untuk bekerja dan kebolehan mereka untuk menulis dan menarik minat pembaca. Keunggulan (*righteousness*) mereka biasanya hanyalah satu gimik yang mereka gunakan untuk kepentingan kerja mereka - bukan kerana demokrasi (Mahathir 1981: 74).

Sungguhpun Mahathir tidak mempunyai tanggapan yang positif terhadap wartawan dan media, beliau terpaksa mengakui bahawa media mempunyai pengaruh yang besar dalam masyarakat politik moden. Kuasa yang dimiliki media, menurut Mahathir, seperti pisau yang tajam boleh juga mengukir sesuatu yang cantik dan mempesona (Mahathir 1979: 68). Dari segi politik, Mahathir melihat media sebagai agensi yang paling berkesan dalam menentukan pendapat umum, dan pendapat umum menentukan bukan sahaja dasar dan nilai sesebuah negara tetapi juga nasib para pemimpin sesebuah masyarakat demokratik di semua peringkat (Mahathir 1981: 73). Apa yang membimbangkan Mahathir ialah kuasa dan pengaruh media terlalu besar

“sehingga ada presiden dan kerajaan yang jatuh kerana pendedahan dan rencana dalam akhbar” (Mahathir 1984: 128).

Tanggapan Mahathir terhadap media lebih cenderung kepada perspektif fungsionalis yang menekankan fungsi-fungsi sistem media untuk mengekalkan keseimbangan dan konsensus. Seandainya pengaruh kuat yang dimiliki media digunakan pada aspek yang “baik” dan “positif”, Mahathir mendapati ia dapat membantu pembangunan sesebuah negara. Mahathir berpendapat bahawa fikiran dan nilai-nilai rakyat berperanan penting dalam proses pembinaan negara, “selagi kita tidak dapat memiliki nilai-nilai yang sesuai untuk kemajuan, kita tidak akan maju” (Mahathir 1988: 160). Maka apa yang diperlukan ialah perubahan sikap untuk mewujudkan rakyat yang lebih rajin, berdikari dan sanggup mempertahankan maruah. Untuk mencapai matlamat ini segala alat pelajaran dan pengetahuan adalah penting dan di antaranya ialah akhbar dan wartawan (Mahathir 1982: 100).

Malah, “Jika Malaysia ingin maju maka peranan semua pihak mestilah disesuaikan dengan dasar-dasar dan usaha-usaha membangun negara” (Mahathir 1988: 157), dan media juga bertanggungjawab memastikan agar kegiatan mereka tidak bercanggah dan tidak menghalang arus pembangunan negara (Mahathir 1983b: 120). Sebaliknya, jika media tidak digemblengkan ke arah yang “baik” dan “positif”,

Penipuan boleh direka atas nama kebebasan akhbar. Dengan senjata yang terus bertambah kuasa di tangan akhbar, adalah sepenuhnya mungkin bagi akhbar bukan saja untuk mewujudkan pandangan dan pendapat yang seluruhnya salah, tetapi sebenarnya menjejaskan kestabilan dan begitu juga ekonomi negara (Mahathir 1991: 204).

Oleh sebab itu, peranan dan operasi media harus diberi panduan supaya memainkan peranan yang positif. Jika tidak, media akan “mengabaikan tanggungjawab sosial negara dan rakyat” serta “cuba memberi interpretasi mereka semata-mata, yang berasaskan nilai-nilai mereka sendiri atau nilai kebaratan yang mungkin tidak sejajar dengan nilai-nilai kebangsaan” (Mahathir 1983: 112).

Persoalannya, siapakah yang sesuai memberi panduan supaya media menunai tanggungjawab sosial? Bagi Mahathir, tugas itu tidak sesuai dilaksanakan oleh rakyat biasa kerana rakyat biasa tidak mencari kebenaran secara rasional seperti mana yang disarankan oleh ahli falsafah Inggeris John Milton (1608-1674). Mahathir menegaskan bahawa, “idea yang mengatakan manusia menghabiskan kebanyakan masa mereka, sebahagian besar masa mereka atau sebahagian daripada masa mereka dalam usaha mencari kebenaran adalah tidak benar dan bodoh” (Mahathir 1989: 173-4). Tugas ini tidak patut juga diserahkan kepada disiplin diri sendiri kerana “mereka (media) tidak dipilih melalui undi popular, dan mereka juga tidak menghadapi ancaman hilang kedudukan secara berkala jika mereka tidak memenuhi keperluan rakyat sebagaimana para pemimpin sesebuah demokrasi”, maka “hari ini tidak ada penapisan secara sukarela di mana-mana yang boleh dicakapkan” (Mahathir 1981: 84-6). Berdasarkan persepsi ini, Mahathir mencadangkan bahawa,

Selagi akhbar sedar mengenai dirinya sebagai satu potensi ancaman kepada demokrasi dan secara baik menghadkan pelaksanaan haknya, ia patut dibenarkan berfungsi tanpa gangguan kerajaan. Tetapi apabila akhbar dengan jelas menyalahgunakan haknya dengan mengapi-apikan rakyat tanpa perlu, dalam keadaan itu **kerajaan demokrasi patut mempunyai hak untuk mengawal**nya (Mahathir 1981: 87).

Hanyalah kerajaan berhak dan mempunyai keabsahan untuk mengawal media. Logik Mahathir tidak sukar difahami: oleh kerana institusi yang dipilih melalui proses pengundian ialah kerajaan dan bukan media, maka “kerajaan berperwakilan yang dipilih secara popular mesti mempunyai hak untuk mengawal akhbar yang tidak bertanggungjawab untuk mengekalkan demokrasi” dan tindakan kawalan akhbar ini “tidaklah sebegitu tidak demokratik sebagaimana bunyinya” (Mahathir 1981: 84). Maksudnya, mandat yang diberikan kepada kerajaan melalui pilihanraya umum dijustifikasikan sebagai asas keabsahan kawalan media oleh kerajaan.⁴⁵ Oleh itu,

⁴⁵ Chandra Muzaffar juga memerhatikan hujah ini. Dalam rencana yang diterbitkan di *Aliran Monthly*, Chandra mencatatkan bahawa “(wartawan-wartawam, secara kebetulan, bukan dipilih oleh massa) inilah satu pokok perbincangan yang penting yang menjadikan Perdana Menteri kita, seperti pemimpin-pemimpin yang lain, sangat suka menghujahkan bahawa wartawan-wartawan, ahli-ahli akademik, aktivis sosial dan seumpamanya tidak mempunyai tanggungjawab mengkritik kerajaan yang dipilih rakyat kerana mereka bukan dipilih oleh rakyat!” (Chandra 1985: 4).

dalam sesebuah negara demokrasi yang kerajaannya dipilih rakyat, kawalan media adalah tugas kerajaan yang dipilih oleh rakyat (Mahathir 1989: 178).

Berdasarkan idea ini, Mahathir sentiasa mengulangi kenyataan bahawa sistem akhbar bermodel “tanggungjawab sosial” adalah model akhbar yang terbaik, bukan sahaja untuk Malaysia tetapi seluruh dunia. Dalam ucapan yang disampaikan di Konvesyen Akhbar Dunia (*World Press Convention*) pada 1 September 1989, Mahathir menegaskan bahawa,

Sebagaimana demokrasi bukanlah suatu sistem yang sempurna bagi pemerintahan manusia, yang merupakan bentuk yang paling baik yang pernah direka manusia untuk pemerintahannya, doktrin tanggungjawab sosial, dengan seluruh ketidaksempurnanya ialah bentuk yang terbaik yang pernah dibentuk untuk memandu amalan kebebasan akhbar. Yang lain-lain adalah lebih buruk (Mahathir 1989: 168).

Dalam ucapan tersebut, Mahathir telah menyampaikan ulasan-ulasan tentang masalah-masalah yang wujud di kalangan pelbagai model akhbar, iaitu Model Autoritarian, Model Libertarian, Model Komunis dan Model Tanggungjawab. Ulasan-ulasan yang disampaikan adalah “dipinjam”, tanpa pengakuan yang jelas, daripada sebuah buku yang bertajuk “Empat Teori Akhbar” (*Four Theories of the Press*) yang ditulis oleh Fred S. Siebert, Theodore Peterson dan Wilbur Schramm pada 1956. Namun begitu, ketika ulasan tersebut disampaikan ia telah diubah maksud dengan interpretasi Mahathir sendiri bahawa kerajaan berhak untuk mengawal akhbar berdasarkan model tanggungjawab. Dalam “Empat Teori Ahkbar”, apa yang diutarakan oleh penulis mengenai tanggungjawab sosial adalah berbeza, iaitu,

Kerajaan hanya perlu campur tangan apabila keperluan yang wujud itu begitu besar dan pertaruhannya adalah tinggi. Walau bagaimanapun, kerajaan harus berhati-hati. Kerajaan tidak seharusnya bertujuan untuk bersaing atau untuk menghapuskan media milik persendirian... Secara ringkasnya, **kerajaan tidak harus bertindak dengan kekerasan** (Peterson 1987: 110).

Kenyataan Peterson bahawa kerajaan tidak harus bertindak dengan kekerasan sengaja diabaikan oleh Mahathir. Malah seperti yang telah dibincangkan tadi, Mahathir mengutarakan bahawa kawalan media bukanlah tindakan yang tidak demokratik. Namun begitu, adalah tidak begitu penting seandainya kawalan media adalah tidak demokratik, kerana bagi Mahathir, sungguhpun kebebasan akhbar adalah penting untuk mempertahankan hak mengetahui yang harus dinikmati rakyat, tetapi hak mengetahui hanyalah sesuatu yang “dicipta dan dipuja oleh orang yang berkepentingan, orang yang mahu menjadikan tugas mereka begitu *essential*” (1990a: 183). Mahathir melanjutkan pandangan beliau mengenai hak mengetahui dengan menegaskan bahawa “memang kita harus mengetahui perkara-perkara tertentu yang akan mempengaruhi kita. Tetapi kebanyakan peristiwa yang berlaku tidak mempengaruhi kita langsung. Hanya minat terhadap satu skandal, sesuatu skandal yang mungkin berlaku mengghairahkan kita” (Mahathir 1997: 3). Berdasarkan pandangan ini Mahathir menegaskan bahawa “kita tidak akan mati kalau kita tidak mengetahui sesuatu hal itu” (Mahathir 1990a: 183).

Dengan ini adalah tidak sukar difahami mengapa Mahathir dengan tegasnya menyampaikan pandangan bahawa “yang penting bukanlah akhbar bebas atau tidak, tetapi apakah alat yang begitu berkesan diguna untuk kebaikan” (Mahathir 1986: 136). Apakah lagi kebaikan yang lebih penting daripada kebebasan akhbar? Jawapan Mahathir bahawa, “bagi negara kita, perkara yang utama ialah kestabilan politik atau lebih tepat lagi persepsi rakyat serta orang asing terhadap kestabilan ini” (Mahathir 1988: 158) dan jika “kita amalkan *deregulation* secara meluas di negara ini, huru-hara akan berlaku” (Mahathir 1986: 138). Oleh demikian, “jika untuk kepentingan ini kita perlu mengawal sedikit kebebasan satu golongan yang mengancam kestabilan kita, kita perlulah melakukan pengawalan ini” (Mahathir 1987: 153).

Berbanding dengan konsep tanggungjawab sosial, kebebasan akhbar ala Barat adalah satu konsep yang tidak murni dan akan mendatangkan pelbagai keburukan. Mahathir sentiasa menyalahkan masalah sosial di negeri-negeri Barat sebagai akibat daripada kebebasan yang diamalkan. Sehubungan ini beliau mengatakan bahawa

Hari ini mereka (Barat) mendewa-dewakan kebebasan surat khabar mereka, tetapi ada tanda-tanda bahawa tiada siapa dalam masyarakat mereka senang hati dengan kebebasan ini. Sebabnya ialah surat khabar mereka kerap menyalahgunakan kebebasan ini untuk menjayakan perniagaan mereka (Mahathir 1996: 3).

Bukan itu sahaja, kebebasan akhbar dianggap sebagai taktik Barat yang bertujuan untuk menjajah semula negara-negara sedang membangun, dan tugas ini sedang dilaksanakan oleh media antarabangsa yang digelar oleh Mahathir sebagai “konspirator negara-negara Barat”. Dalam satu ucapan yang disampaikan pada 1979, ketika beliau memegang jawatan Timbalan Perdana Menteri, Mahathir menjelaskan bahawa,

Sejak tamatnya penjajahan dunia secara menakluk wilayah, bekas-bekas imperialis tidak pernah berhenti mencari jalan menjajah dengan cara lain. Di antara cara-cara lain yang berkesan mengekalkan imperialisme ialah *world press*. Untuk menjadikan *world press* ini berkesan untuk menjajah dunia, kuasa-kuasa Barat memerlukan kebebasan membuat laporan sesuka hati mereka. Dasar ini ditafsirkan sebagai *freedom of the press*. Kadang-kadang kita nampak tangan Yahudi dalam kegiatan ini (Mahathir 1979: 68).

Selain itu, sekali lagi Mahathir mengulangi peranan orang Yahudi dengan menegaskan bahawa,

Kebanyakan daripada media antarabangsa yang terkenal, umpamanya, dikuasai oleh orang Yahudi yang sekarang menjadi warganegara banyak negara Barat. Mereka menjadi pemilik atau memegang jawatan penting termasuk menjadi pengarang dan wartawan. Akibatnya ialah akhbar-akhbar ini tidak bebas tetapi terpaksa tunduk kepada kepentingan zionis (Mahathir 1986: 135).

Sementara menghubungkan kebebasan akhbar dengan konspirasi Barat dan orang Yahudi, Mahathir menolak kebebasan akhbar dengan cara mempromosikan sentimen patriotik.

Saya masih bercakap berkenaan patriotisme.....Di zaman ini patriotisme dianggap kolot. Ramai dari anak Malaysia tidak segan-segan memburukkan nama negara sendiri di luar negeri supaya dapat tepukan belakang dari orang Barat khususnya (Mahathir 1982: 100-101).

Berdasarkan wacana “patriotisme” ini, Mahathir mengkritik rakyat Malaysia yang mengkritik ketiadaan kebebasan akhbar di Malaysia adalah bermentaliti kolonial dan menjadi burung tiung yang pandai berkata-kata tetapi tidak mampu melahirkan fikiran sendiri (Mahathir 1990a: 191-2). Malah sehingga 17 tahun kemudian, Mahathir menyeru warga Malaysia bahawa

Jika kita ingin bangunkan negara kita, jika kita ingin bersaing dengan negara-negara maju, kita harus tentukan sikap kita yang tersendiri dalam apa juga usaha kita, termasuklah sikap kita terhadap kebebasan persuratkhabaran (Mahathir 1996: 5).

3.4 PELAKSANAAN IDEA KAWALAN MEDIA

Menerusi tanggapan-tanggapan Mahathir terhadap isu media, dapat diketahui cara Mahathir mengawal media. Selaku ketua kerajaan, Mahathir tidak ragu-ragu menggunakan institusi perundangan untuk mengawal media. Kecenderungan ini dapat dibuktikan melalui kekerapan tindakan kerajaan Mahathir meminda undang-undang media, terutamanya ketika kedudukan Mahathir terancam dengan pelbagai krisis sepanjang 1980an. Sebelum Mahathir mewarisi jawatan Perdana Menteri, beliau berkata, “hari ini tidak ada penapisan secara sukarela di mana-mana yang boleh dicakapkan. **Satu-satunya alternatif yang berjalan ialah penapisan oleh kerajaan sebagaimana yang ditakrifkan oleh undang-undang**” (Mahathir 1981: 86). Undang-undang media yang mengalami pindaan sepanjang tempoh Mahathir memegang jawatan Perdana Menteri termasuk Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960, Akta Rahsia Rasmi 1986 dan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984.

Selain daripada sekatan undang-undang, adalah wajar diperhatikan bahawa Mahathir amat mengetahui penguasaan milikan media sebagai salah satu langkah kawalan media yang berkesan. Ketika membentangkan rang undang-undang Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984, beliau mengatakan bahawa, “di mana-mana juga akhbar *dicontrol* bukan sahaja oleh kerajaan tetapi juga oleh pengarang dan kakitangan lain dalam akhbar berkenaan, oleh pengiklan dan juga oleh pemilik akhbar” (Mahathir 1987: 153). Sebaliknya, mereka yang miskin, sekalipun berupaya

memiliki sebuah akhbar, tidak boleh mencapai dan mempengaruhi sejumlah besar orang ramai (Mahathir 1981: 77).

Bagi Mahathir siapa yang memegang pemilikan akhbar adalah mustahak seperti mana yang disarankan beliau bahawa,

[Akhbar] Di tangan orang yang tidak bertanggungjawab ia boleh menggugat dan memusnahkan demokrasi. Oleh yang demikian akhbar sendiri bukanlah suatu jaminan tentang perjalanan demokrasi yang betul (Mahathir 1981: 82-3).

Mahathir bukan sahaja memahami bahawa mereka yang mengawal maklumat, secara tidak langsung juga memegang kuasa (Mahathir 1983a: 109), malah jauh lebih berkemahiran untuk mempengaruhi cara bagaimana media membuat liputan berita. Dengan begitu jelas sekali Mahathir menyarankan bahawa

Berita boleh dibesarkan atau dkecilkan, dikeluarkan atau dimasukkan, ditulis dari sudut tertentu (*slant*) atau diwarnai, disalah petik dan seribu satu perkara dilakukan kepada berita untuk mencapai apa saja kesan akhbar tertentu atau apa yang dikehendaki oleh wartawan itu (Mahathir 1981: 75).

Seandainya terdapat seseorang yang dapat memberikan arahan kepada wartawan atau editor secara langsung, adalah lebih berkesan untuk memandukan media supaya melaksanakan penentuan agenda yang ditetapkan oleh kelas pemerintah. Sehubungan itu dapat kita melihat pandangan Mahathir tentang soal pemilikan media mendasari salah satu perkembangan industri media tempatan, iaitu pemilikan media oleh korporat swasta yang dimiliki oleh part-parti komponen Barisan Nasional dan ahli-ahli korporat yang rapat dengan Barisan Nasional. Melalui sistem peruntukan permit penerbitan akhbar, kerajaan menentukan hanya mereka yang berkhidmat untuk kepentingan kelas pemerintah diberi peluang untuk menerbitkan akhbar.

Maka, kawalan media bukan sahaja bergantung kepada undang-undang yang ketat, tetapi diadakan dengan dua cara serentak (*work along both lines*), yakni undang-undang dengan hukuman berat bukan sahaja diharapkan untuk menghasilkan rasa ketakutan (*sense of fear*), tetapi juga untuk menentukan siapakah yang layak diberikan

hak untuk memiliki dan menguruskan media. Adalah secara umumnya dipersetujui oleh sarjana-sarjana komunikasi bahawa terdapat sekurang-kurangnya dua trend utama dalam industri media setelah 1980an, atau lebih tepat lagi, dengan bermulanya pemerintahan Mahathir. Trend pertama, sekatan undang-undang diperketatkan lagi dan trend kedua, pemusatan dan pengkonglomeratan pemilikan media. Tidak perlu sesiapa berasa hairan dengan perkembangan ini terutama setelah meneliti pemikiran Mahathir berkenaan isu-isu akhbar seperti yang dibincangkan secara panjang lebar dalam bab ini.

BAB IV

KAWALAN PERUNDANGAN TERHADAP MEDIA DI MALAYSIA

4.1 PENDAHULUAN

Bab ini meninjau undang-undang yang dipinda dan dikenakan ke atas industri media sepanjang zaman pemerintahan Mahathir. Perbincangan ini bertujuan untuk mendedahkan langkah penggubalan dan penguatkuasaan undang-undang media memberi sumbangan kepada pembentukan hegemoni kelas pemerintah di Malaysia. Penguatkuasaan undang-undang media memastikan media tempatan berfungsi dengan mengikut kehendak kelas pemerintah dalam peringkat persediaan pembentukan hegemoni.

Adalah disarankan di sini bahawa penguatkuasaan undang-undang bukan sahaja meninggalkan kesan “paksaan” (*coercive*) tetapi juga kesan ideologi. Maka perbincangan seterusnya akan menghujahkan bahawa kedua-dua fungsi itu telah mengakibatkan media tempatan berkhidmat, sama ada sukarela atau separuh sukarela, sebagai alat hegemoni kelas pemerintah.

4.2 UNDANG-UNDANG MEDIA DI MALAYSIA

Hamdan Adnan menyenaraikan 47 jenis undang-undang yang mempengaruhi industri media di Malaysia (Syed Arabi Idid 1993: 47), manakala Shad dan Sankaran (1998: 2) mengklasifikasikan undang-undang media di Malaysia kepada dua kategori, iaitu kategori pertama, undang-undang yang mengawal akses kepada maklumat (*access to information*) dan kategori kedua, undang-undang yang mengenakan batasan kepada penerbitan dan pengaliran maklumat. Dalam bab ini, undang-undang yang

dibangkitkan ialah undang-undang yang semakin menarik perhatian ramai sejak 1980an, iaitu Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960, Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984, Akta Rahsia Rasmi 1986, Akta Hasutan 1948 dan Akta Fitnah 1957. Akta-akta ini merangkumi kedua-dua kategori saranan Shad dan Sankaran.

4.2.1 Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960

Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960, atau lebih dikenali sebagai “ISA” (*Internal Security Act*), adalah satu tindakan awal yang diambil untuk menjaga keselamatan dan ketenteraman awam ketika tamatnya Darurat pada 1960 (Mohd Safar Hashim 1995: 243), dengan tujuan untuk menentang kegiatan bawah tanah Parti Komunis Malaya.

Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 memberikan Menteri Dalam Negeri bidang kuasa yang agak luas sehingga Mahkamah, selaku badan kehakiman, tidak dibenarkan mempertikaikan keputusan yang dibuat oleh Menteri di bawah undang-undang tersebut. Antara peruntukan yang paling kerap menerima kritikan ialah Seksyen 8 (1) yang membenarkan menteri untuk mengadakan “penahanan pencegahan” (*preventive detention*). Peruntukan itu berbunyi,

Jika menteri berpuas hati bahawa tahanan mana-mana orang adalah perlu dengan tujuan untuk mencegah orang itu dari bertindak dalam apa-apa cara yang mendatangkan mudarat kepada keselamatan Malaysia atau bahagiannya atau senggaran perkhidmatan-perkhidmatan perlu di dalamnya atau pada kedudukan ekonominya dia boleh membuat surat perintah (kemudian dari itu dirujuk perintah tahanan) mengarahkan supaya orang itu ditahan bagi mana-mana tempoh tidak melebihi dua tahun.

Perintah tahanan yang dikeluarkan oleh Menteri Dalam Negeri tidak perlu didengar oleh Mahkamah, malah boleh dilanjutkan dua tahun demi dua tahun dengan alasan yang sama atau tidak sama (Seksyen 8 [7]). Orang yang tertahan boleh membuat rayuan kepada Lembaga Penasihat dan kemudiannya Lembaga Penasihat akan mengemukakan cadangan kepada Yang Dipertuan Agung (Seksyen 12 [1]). Yang Dipertuan Agung boleh memberi arahan kepada Menteri Dalam Negeri berdasarkan cadangan yang diterima dan keputusan Baginda adalah muktamad dan tidak boleh dipersoalkan di Mahkamah (Seksyen 12 [2]). Sungguhpun perintah

tahanan yang dikeluarkan oleh Menteri akan disemak setiap enam bulan (Seksyen 13 [1]), tetapi Menteri boleh menolak cadangan Lembaga Penasihat. Ini bermakna terdapat kemungkinan di mana seseorang ditahan di bawah ISA tanpa had tempoh.

Bab Tiga, Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960, mengandungi peruntukan-peruntukan yang berkait rapat dengan nasib akhbar. Peruntukan-peruntukan di Bab Tiga memberi kuasa kepada Menteri untuk mengharamkan bahan-bahan terbitan yang mengandungi unsur-unsur berikut: (a) pengapian kepada keganasan; (b) mengesyorkan keingkaran kepada undang-undang atau mana-mana perintah yang sah di sisi undang-undang; (c) adalah dimaksudkan untuk atau mungkin menyebabkan pecahan keamanan, atau mengembangkan perasaan permusuhan antara kaum atau golongan penduduk yang berlainan; atau (d) memudaratkan kepentingan negara, ketenteraman awam, atau keselamatan Malaysia (Seksyen 22 [1]).

Sesiapa yang menerbitkan bahan-bahan tersebut boleh dijatuhkan hukuman denda tidak melebihi RM2,000 atau penjara tidak melebihi tiga tahun, atau kedua-duanya (Seksyen 24). Mereka yang mengimportkan bahan-bahan tersebut boleh dihukum denda tidak melebihi RM1,000 atau penjara tidak melebihi dua tahun, atau kedua-duanya, dan yang mengulangi kesalahan ini dengan hukuman tidak melebihi tiga tahun (Seksyen 26). Pemilik bahan-bahan tersebut boleh mengemukakan rayuan kepada Yang Dipertuan Agung dan keputusan Agung adalah muktamad dan tidak boleh dipersoalkan di mana-mana Mahkamah (Seksyen 23).

ISA juga memperuntukkan bahawa adalah menjadi satu kesalahan jika seseorang mengedarkan laporan palsu atau kenyataan palsu, sama ada dalam apa-apa bentuk, yang mungkin mengakibatkan kecemasan awam (Seksyen 28).

Malaysia tidak lagi terdedah kepada ancaman gerila Parti Komunis Malaya berikutan dengan perjanjian damai triparti yang ditandatangani oleh PKM, kerajaan Malaysia dan kerajaan Thailand pada hujung tahun 1989. Namun begitu, ISA tidak dimansuhkan berikutan dengan perkembangan ini, malah digunakan oleh kerajaan

untuk menahan orang yang berlainan pendapat dan penjenayah-penjenayah biasa.⁴⁶ Dalam 27 October hingga 11 November 1987, dengan kuasa yang diperuntukkan oleh ISA, Mahathir, ketika itu merangkap jawatan Menteri Dalam Negeri, melancarkan penangkapan beramai-ramai yang digelar “Operasi Lallang”. Dalam operasi ini, seramai 106 orang yang “dipercayai telah memudaratkan keselamatan” ditahan tanpa percabaran⁴⁷, dan tiga akhbar, iaitu *The Star*, *Sin Chew Jit Poh* dan *Watan* telah digantungkan permit penerbitan masing-masing.

Pada bulan Mac 1988, iaitu hampir lima bulan setelah Operasi Lallang, Mahathir mengemukakan Kertas Putih di Parlimen. Dalam dokumen yang bertajuk “Ke Arah Memelihara Keselamatan Negara” ini, akhbar-akhbar yang digantungkan permit dituduh

begitu ghairah memuat dan menonjolkan berita, pendapat dan rencana yang menyemarakkan perasaan perkauman dan melagakan pemimpin-pemimpin satu kaum atau pertubuhan dengan pemimpin-pemimpin kaum atau pertubuhan lain.

Kesemua akhbar-akhbar ini telah sengaja menonjolkan isu-isu sensitif termasuk isu pelajaran, isu bahasa, isu agama, isu hak masing-masing kaum, dan sebagainya, untuk memajukan kepentingan politik pihak-pihak yang memiliki atau mengurus akhbar-akhbar itu dan memperjuangkan kepentingan kaum masing-masing tanpa menghirau kesannya ke atas keharmonian kaum, ketenteraman awam dan keselamatan negara.” (dipetik dari Aliran 1988: 68)

Merujuk kepada Kertas Putih yang dikemukakan oleh kerajaan, Aliran mencabar tuduhan-tuduhan kerajaan dengan mengemukakan satu kenyataan yang bertajuk “Kertas Putih: Di Mana Kebenaran?”. Dalam kenyataan tersebut, Aliran membidas bahawa Kertas Putih tidak menyatakan secara khususnya berita-berita jenis

⁴⁶ Kementerian Dalam Negeri (KDN) pula mengakui bahawa “penguatkuasaan undang-undang tersebut tidak terhad kepada ancaman komunis sahaja”. Ungkapan ini dipetik daripada Kertas Putih KDN bagi Operasi Lallang, yang dicetak semula dalam Aliran (1988), *ISA dan Keselamatan Negara*, halaman 48. ISA telah digunakan untuk menahan mereka yang disyaki melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti pemalsuan kad pengenalan, penipuan telekomunikasi, penyebaran pengajaran Shi’ite dan penipuan bank (*Malaysian Country Report on Human Rights Practices for 1997*, http://www.state.gov/www/global/human_rights/1997_hrp_report/malaysia.html).

⁴⁷ Antaranya, 40 orang yang tertahan diberikan perintah penahanan dua tahun.

apakah dan laporan-laporan yang bagaimanakah telah “menyemarakkan perasaan kaum”. Aliran juga mendakwa bahawa akhbar-akhbar digantung permit adalah akibat daripada “keengganan mereka untuk mengabdikan diri sepenuhnya kepada orang-orang yang berkuasa” dan “memberi ruang kepada pandangan-pandangan alternatif mengenai isu-isu sosial daripada badan-badan di luar kerajaan” (Aliran 1988: 94-95).

Bapa Kemerdekaan Malaysia, juga Perdana Menteri pertama, Tunku Abdul Rahman mengkritik bahawa “Malaysia telah menjadi negara polis dalam sekelip mata” (Das & SUARAM 1989: 13). Operasi Lallang meninggalkan kesan yang agak buruk ke atas industri media tempatan sungguhpun permit penerbitan akhbar-akhbar berkenaan diberi semula dalam 1988. Lesen percetakan *The Star* dikeluarkan semula hanya setelah pengurusan editorial disusun semula.⁴⁸ Tunku Abdul Rahman meletak jawatan sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah dan akhbar itu berjanji memberhentikan penerbitan kolum mingguan beliau (Means 1991: 137).⁴⁹ Akibatnya, media tidak lagi bebas seperti yang sebelum Operasi Lallang dan laporan media jelas diperhatikan telah menyesuaikan diri kepada kerajaan di semua aspek sosial dan ekonomi (Shamala Velu 1995).

4.2.2 Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984

Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 bertujuan untuk mengawal pemilikan mesin cetak dan segala bentuk penerbitan termasuk dokumen, akhbar, buku, majalah berkala dan rakaman suara. Akta yang mempengaruhi industri media ini telah mengalami pindaan yang penting dalam 1987. Pindaan 1987 telah memperluaskan lagi bidang kuasa Menteri Dalam Negeri untuk mengawal akhbar dan justeru itu mengakibatkan kawalan ke atas industri media dan pencetakan dalam empat aspek berikut:

⁴⁸ Namun begitu, seorang editor kanan veteran *Sin Chew Jit Poh*, yang tidak ingin namanya dipetik, telah memberitahu penulis bahawa tiada syarat seperti ini dikenakan ketika *Sin Chew Jit Poh* diberi semula permit penerbitan pada April 1988. Katanya, hanya “syarat-syarat biasa” dikenakan seperti apa yang biasanya dikenakan kepada akhbar-akhbar lain.

⁴⁹ Sejak tahun 1975, rencana Tunku muncul setiap hari Isnin dalam akhbar *The Star* dan beliau telah menjadi kolumnis yang paling digemari di Malaysia (Aliran 1989: 97).

i. Kawalan lesen mesin cetak

Menteri Dalam Negeri dengan kebijaksanaan mutlak boleh meluluskan lesen kepada sesiapaupun untuk menyimpan dan mengguna mesin cetak serta menolak mana-mana permohonan lesen atau menarik balik atau menggantungkan lesen yang dikeluarkan (Seksyen 3 [3]). Pemilik mesin cetak tanpa lesen yang sah boleh dijatuhkan hukuman penjara tidak melebihi tiga tahun atau denda tidak melebihi RM20 000, atau kedua-duanya (Seksyen 3 [4]).

ii. Kawalan permit penerbitan akhbar

Menteri Dalam Negeri boleh dengan kebijaksanaan mutlak meluluskan permit kepada sesiapaupun untuk menerbit dan mencetak akhbar di Malaysia (Seksyen 6 [1a]), atau meluluskan permit untuk pemilik akhbar di Singapura supaya akhbarnya diimport dan diedarkan di Malaysia (Seksyen 6 [1b]), tetapi permit-permit yang dikeluarkan boleh ditarik balik atau digantungkan pada bila-bila masa (Seksyen 6 [2]). Kegiatan menerbit dan mengedar akhbar (termasuk akhbar yang dicetak di Singapura) di Malaysia tanpa permit boleh menghadapi hukuman penjara tidak melebihi tiga tahun atau denda tidak melebihi RM20 000, atau kedua-duanya (Seksyen 5 [2]).

iii. Kawalan “penerbitan yang tidak diingini”

Ketika Akta Mesin Cetak dan Penerbitan dipinda pada 1987, peruntukan “kawalan penerbitan yang tidak diingini” diperkenalkan. Peruntukan ini memberi kuasa kepada Menteri untuk mengharamkan bahan-bahan penerbitan yang memudarat atau mungkin memudaratkan keamanan awam, moral, keselamatan negara, perhubungan dengan mana-mana negara atau kerajaan asing, atau yang bercanggah dengan kepentingan negara dan kepentingan awam (Seksyen 7 [1]). Mencetak, menerbit atau mengedarkan bahan-bahan penerbitan yang diharamkan boleh dijatuhkan hukuman penjara tidak melebihi tiga tahun atau denda tidak melebihi RM20 000, atau kedua-duanya (Seksyen 8 [2]).

iv. Kawalan “berita palsu”

Peruntukan mengenai kesalahan yang menerbitkan “berita palsu” juga diperkenalkan dalam pindaan 1987. Seksyen 8A (1) yang baru diperkenalkan ketika itu, menjelaskan bahawa jika bahan-bahan penerbitan didapati menerbitkan berita palsu dengan niat jahat, maka pencetak, penerbit, editor dan penulis yang disabitkan bersalah boleh dihukum dengan penjara tidak melebihi tiga tahun atau denda tidak melebihi RM20 000, atau kedua-duanya.

Selain daripada itu, dua peruntukan lagi harus diberi perhatian. Pertama, sebarang keputusan yang dibuat oleh Menteri supaya tidak memberi, membatalkan atau menggantung lesen atau permit adalah muktamad dan tidak boleh dipersoalkan oleh mana-mana mahkamah dengan apa-apa alasan (Seksyen 13A [1]).⁵⁰ Maksud “keputusan” yang disebutkan dalam peruntukan itu termasuk segala perintah atau arahan yang dibuat oleh Menteri mengikut Akta ini (Seksyen 13A [2]). Kedua, Seksyen 13B memperuntukkan bahawa tidak sesiapa pun diberi peluang supaya didengar (*to be heard*) mengenai permohonan lesen atau permit, atau berkaitan dengan pembatalan atau penggantungan lesen atau permit yang diberikan.⁵¹ Segala ini membawa implikasi bahawa kuasa eksekutif telah mengatasi bidang kuasa kehakiman Mahkamah.

Mohd Safar Hashim (1996: 6-7) berpendapat bahawa terdapat tiga peristiwa menyebabkan kerajaan meminda Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984. Peristiwa-peristiwa yang disebutkan adalah seperti berikut:

⁵⁰ Teks asal berbunyi, “*Any decision of the Minister to refuse to grant or to revoke or to suspend a licence or permit shall be final and shall not be called in question by any court on any ground whatsoever.*”

⁵¹ Teks asal berbunyi, “*No person shall be given an opportunity to be heard with regard to his application for a licence or permit or relating to the revocation or suspension of the licence or permit granted to him under this Act.*”

i. Pengusiran keluar dua orang wartawan *The Asian Wall Street Journal (AWSJ)*

Pada 26 September 1986, permit pendedaran *The Asian Wall Street Journal (AWSJ)* digantung selama tiga bulan dan dua orang wartawan *AWSJ* yang bertugas di Kuala Lumpur, John Peter Berthelsen dan Rafael Roy Pura diusir kerana Mahathir tidak puas hati terhadap empat buah rencana yang menghentam beliau dan Menteri Kewangan (Daim Zainuddin) menjelang mesyuarat Dana Kewangan Antarabangsa (*International Monetary Fund*, atau *IMF*) yang diadakan di Washington.

Kedua-dua orang wartawan yang diusir memohon perintah *certiorari* di Mahkamah Tinggi supaya perintah usir itu diketepikan. Hakim Harun Hashim meluluskan permohonan Pura tetapi menolak permohonan Berthelsen atas alasan bahawa keputusan eksekutif adalah berdasarkan keselamatan. Namun begitu, Berthelsen membuat rayuan di Mahkamah Agung dan Mahkamah Agung mengetepikan keputusan kerajaan membatalkan permit kerja Berthelsen dengan alasan bahawa “peluang untuk didengar harus diberikan kepada wartawan itu”.

Sementara itu, penerbit *AWSJ*, Dow Jones Publishing Company (Asia) Inc., juga mengemukakan permohonan di Mahkamah Tinggi supaya mengetepikan keputusan penggantungan permit pendedaran. Walau bagaimanapun, Menteri Dalam Negeri menarik balik penggantungan itu pada 13 November 1986 sebelum sebarang keputusan dibuat oleh Mahkamah Tinggi.

ii. Permohonan Persatuan Aliran Kesedaran Negara (Aliran) untuk menerbitkan sebuah majalah Bahasa Malaysia

Aliran memohon permit untuk menerbitkan sebuah majalah bulanan bahasa Malaysia, pada 13 November 1983, tetapi permohonan ditolak oleh Kementerian Dalam Negeri pada 17 Mac 1984 dan tiada alasan diberikan. Berikutan ini, Aliran membuat rayuan kepada Yang Di-pertuan Agong supaya keputusan tersebut disemak, tetapi tidak mendapat sebarang jawapan dari Istana.

Aliran membuat permohonan lagi pada 12 November 1986 untuk menerbitkan sebuah majalah dwimingguan bahasa Malaysia yang bertajuk *Seruan Aliran*, tetapi

permohonan ini ditolak lagi pada 27 April 1987. Ketika itu, Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 telah berkuatkuasa dan peruntukan rayuan kepada Yang Di-pertuan Agung telah juga dimansuhkan. Aliran mengemukakan kes ini ke Mahkamah, iaitu memohon perintah *certiorari* untuk menetepikan keputusan bertulis Menteri dan perintah *mandamus* untuk mewajibkan Menteri mendengar dan menentukan permohonan permit Aliran dalam masa 30 hari. Mahkamah Tinggi meluluskan permohonan Aliran pada 4 September 1987.

Berikutan dengan kes ini, kerajaan meminda Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 pada 3-4 Disember 1987. Kemudian itu, Kementerian Dalam Negeri mengemukakan rayuan di Mahkamah Agung pada 28 Ogos 1989. Mahkamah Agung membuat keputusan pada 4 Januari 1990, iaitu mengekalkan keputusan Menteri Dalam Negeri untuk menolak permohonan permit penerbitan *Seruan Aliran* dengan alasan bahawa Seksyen 12 (2) Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 memberi Menteri “budi bicara mutlak untuk menolak sesuatu permohonan untuk sesuatu lesen atau permit”.

Walau bagaimanapun, pada 21 Disember 1990, Kementerian Dalam Negeri meluluskan permit kepada Aliran untuk menerbit sebuah majalah bulanan bahasa Malaysia yang dikenali sebagai *Majalah Aliran*.

iii. Penangkapan 106 orang dan penarikan balik permit penerbitan empat akhbar (Operasi Lallang)

Dalam peristiwa itu, tiga akhbar, *The Star*, *Sin Chew Jit Poh* dan *Watan* telah digantungkan permit masing-masing oleh Kementerian Dalam Negeri dengan tuduhan bahawa akhbar-akhbar itu “sengaja menonjolkan isu-isu sensitif” dan “memperjuangkan kepentingan kaum masing-masing tanpa menghirau kesannya ke atas keharmonian kaum, ketenteraman awam dan keselamatan negara”. Akhbar-akhbar tersebut diberi semula permit masing-masing pada 1988.

4.2.3 Akta Rahsia Rasmi 1986

Bentuk asal Akta Rahsia Rasmi adalah disalin hampir kata demi kata (*word for word*) daripada undang-undang yang diluluskan di British ketika waktu peperangan pada 1911 (National Union of Journalists Malaysia 1987: 68). Tujuan asal undang-undang rahsia rasmi ialah mencegah kegiatan pengintipan. Undang-undang bertulis yang paling awal tentang perlindungan rahsia rasmi kerajaan yang diperkenalkan di sini ialah Ordinan Rahsia Rasmi 1920 (Negeri-negeri Selat) dan Enakmen Rahsia Rasmi 1920 (Negeri-negeri Melayu Bersekutu) (Abdul Aziz Hussein 1997: 4-5). Pada 1952, semua undang-undang tersebut disatukan dan diseragamkan sebagai Ordinan Rahsia Rasmi 1952.

Selepas Kemerdekaan, undang-undang rahsia rasmi di Persekutuan Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak diseragamkan dan digelar sebagai Akta Rahsia Rasmi 1972. Akta Rahsia Rasmi 1972 telah mengalami pindaan sebanyak dua kali sepanjang 1980an sejak Mahathir memegang jawatan sebagai Perdana Menteri pada 1981. Pindaan pertama dilakukan pada 1983 di mana hukuman bagi aktiviti pengintipan ditambahberat. Pindaan kedua dikemukakan pada 1986, ketika “puncak pertikaian ke atas skandal BMF dan krisis perlembagaan dengan pemerintah-pemerintah Melayu begitu hebat sekali” (Means 1991: 122), bertujuan untuk memberi takrif yang lebih luas terhadap rahsia rasmi (Zaharom & Ramli 1989: 133). Pindaan 1986 telah mencetuskan kempen “anti-OSA” yang meluas yang diiniciatiskan oleh *National Union of Journalists* dan disokong oleh banyak NGO, parti-parti pembangkang serta kesatuan-kesatuan sekerja (Khoo 1995: 277).⁵² NUJ telah mengumpul sebanyak 36 000 tandatangan dari orang ramai (Saravanamutu 1987: 71n). Namun begitu, kempen ini digagalkan akibat daripada penguasaan kuat Barisan Nasional ke atas Parlimen (Khoo 1995: 277).

Berikutan dengan pindaan itu, bahan-bahan yang dikategorikan sebagai “rahsia rasmi” tidak lagi terhad kepada dokumen-dokumen yang disenaraikan dalam Jadual. Menteri, Menteri Besar, Ketua Menteri atau pegawai-pegawai awam yang dilantik

⁵² Gurmit Singh telah mencatat secara terperinci perkembangan isu anti-OSA dalam sebuah buku yang bertajuk *No to Secrecy*. Lihat, Gurmit Singh, K. S. 1987. *No To Secrecy*. Petaling Jaya: Aliran.

oleh mereka diberi kuasa untuk mengkelaskan atau menggugurkan sesuatu dokumen rasmi sebagai “rahsia rasmi”, sama ada Rasmi Besar (*Top Secret*), Rahsia (*Secret*), Sulit (*Confidential*) dan Terhad (*Restricted*), dari masa ke masa (Seksyen 2, 2A, 2B dan 2C). Pengakuan mereka ini adalah keterangan konklusif (*conclusive evident*) dan tidak boleh dipersoalkan di mana-mana mahkamah dengan apa-apa jua alasan (Seksyen 16A).

Pindaan 1986 mendapat bantahan tegas kerana hukuman penjara mandatori tidak kurang daripada satu tahun dikenakan. Sesiapa yang memiliki sesuatu rahsia rasmi dan menyampaikan rahsia rasmi itu kepada pihak yang tidak patut memilikinya, atau tidak menjaga dengan cara yang berpatutan (Seksyen 8 [1]), atau sesiapa yang menerima dan mengetahui rahsia rasmi yang disampaikan (Seksyen 8 [2]), boleh dijatuhkan hukuman penjara tidak kurang daripada satu tahun tetapi tidak melebihi tujuh tahun. Selain itu, seseorang yang dihampiri oleh mana-mana orang untuk mendapatkan rahsia rasmi, adalah diwajibkan melaporkan perhubungan itu kepada pihak polis, atau jika ia seorang pegawai awam, melaporkan secara bertulis kepada ketua jabatan (Seksyen 7A [1]). Mereka yang gagal membuat demikian dianggap melakukan kesalahan dan boleh dihukum dengan penjara tidak kurang daripada satu tahun tetapi tidak melebihi lima tahun. Ketika mengemukakan rang undang-undang ini, Mahathir mengakui bahawa “kami (kerajaan) mahu semua pihak menyedari dengan sepenuhnya hukuman bagi mendedahkan rahsia” (Mahathir 1986: 27).

Salah satu peruntukan yang harus diambil perhatian ialah Seksyen 16 yang memperuntukkan bahawa dalam sesuatu pendakwaan atas sesuatu kesalahan di bawah Akta ini, tidaklah perlu ditunjukkan bahawa orang yang dituduh itu telah bersalah atas sesuatu perbuatan tertentu yang mungkin menunjukkan sesuatu maksud yang mudarat kepada keselamatan dan kepentingan Malaysia.

4.2.4 Akta Hasutan 1948

Rusuhan kaum 13 Mei 1969 telah mengakibatkan Akta Hasutan 1948 dipinda pada 1969 untuk memastikan supaya kesensitifan kaum tidak akan dibangkitkan lagi dalam operasi proses demokratik biasa (Shad & Sankaran 1998: 49). Berikutan dengan

pindaan ini, Akta Hasutan memperuntukkan bahawa mana-mana tindakan, ucapan, kata-kata atau penerbitan adalah menghasut jika ia mempunyai “kecenderungan menghasut” (*seditionous tendency*) (Seksyen 2). “Kecenderungan menghasut” telah diberi gambaran yang sangat meluas seperti berikut:

i. menimbulkan kebencian atau penghinaan atau bagi membangkitkan perasaan tidak suka terhadap mana-mana Raja atau Kerajaan.

ii. Membangkitkan rakyat atau penduduk supaya cuba mengubah apa-apa jua yang tertubuh menurut undang-undang, dengan cara yang tidak sah.

iii. Mendatangkan perasaan benci, penghinaan atau tidak suka terhadap pentadbiran keadilan.

iv. Menimbulkan perasaan tidak puas hati atau tidak suka di kalangan rakyat atau penduduk.

v. Mengembangkan perasaan jahat dan permusuhan antara kaum atau golongan penduduk.

vi. Mempersoalkan apa-apa perkara, hak, status, kedudukan, keistimewaan, kedaulatan atau prerogatif yang diwujudkan atau dilindungi di bawah Perlembagaan, iaitu kewarganegaraan, bahasa kebangsaan atau bahasa-bahasa lain yang digunakan secara tidak rasmi, hak istimewa orang Melayu dan Bumiputera di Sabah dan Sarawak serta kedaulatan Raja-Raja.

Bagi mereka yang buat pertama kali disabitkan kesalahan menghasut di bawah Akta Hasutan 1948, boleh dijatuhkan hukuman denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya (Seksyen 4 [1]). Mereka yang mengulangi kesalahan ini boleh dijatuhkan hukuman penjara tidak melebihi lima tahun (Seksyen 4 [1]).

Seksyen 9 adalah satu peruntukan yang berkaitan dengan industri akhbar, iaitu menyentuh isu penggantungan penerbitan akhbar yang mengandungi perkara-perkara hasutan. Seksyen ini memperuntukkan bahawa sesiapa yang menerbitkan perkara-perkara yang mengandungi kecenderungan menghasut di mana-mana akhbar, mahkamah dapat melarang penerbitan masa depan akhbar berkenaan selama tempoh tidak melebihi satu tahun, atau melarang penerbit, pemilik atau editor akhbar berkenaan daripada menerbit, menyunting atau menulis untuk mana-mana akhbar atau membantu sama ada melalui wang, bahan, perkhidmatan peribadi dan sebagainya (Seksyen 9 [1][a] dan 9 [1][b]). Sesiapa yang melanggar perintah tersebut boleh dijatuhkan hukuman denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya (Seksyen 9 [2]).

Sehubungan ini, mahkamah juga diberi kuasa untuk melarang pengeluaran dan pendedaran penerbitan-penerbitan hasutan (Seksyen 10 [1]). Mereka yang dikenakan perintah ini harus menyerahkan penerbitan-penerbitan hasutan tersebut kepada pegawai polis yang ditugaskan untuk menyampaikan perintah, jika mereka gagal membuat demikian, boleh dijatuhkan hukuman denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya. Sesiapa yang memiliki penerbitan hasutan, tanpa alasan yang sah menurut undang-undang, boleh dijatuhkan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara tidak melebihi 18 bulan atau kedua-duanya bagi kesalahan kali pertama. Kesalahan yang diulangi boleh dijatuhkan hukuman penjara tidak melebihi tiga tahun (Seksyen 4 [2]).

4.2.5 Akta Fitnah 1957

Akta Fitnah 1957 harus diberi perhatian setelah berlaku kes seorang ahli korporat, Vincent Tan Chee Yioun, membuat tuntutan ganti rugi terhadap penerbit majalah *Malaysian Industry* dan enam pihak lain pada tahun 1992.⁵³

⁵³ Tujuh pihak defendan ialah penerbit dan ketua pengarang *Malaysian Industry*, Hasan Hamzah, penulis staf, Soh Eng Lim, tiga orang penulis rencana, iaitu M.G.G. Pillai, V. Thavanesan dan Dr. Barjoyai Bardi, pemilik/penerbit Media Printext (M) Sdn Bhd dan pencetaknya Ling Wah Press Sdn Bhd.

Dalam kes itu, Vincent Tan mendakwa bahawa defendan menerbitkan empat buah rencana yang memusnahkan reputasi komersial beliau dan menjejaskan kerjaya serta kedudukannya sebagai Ketua Pegawai Eksekutif sebuah kumpulan syarikat tempatan.⁵⁴ Vincent Tan menuntut gantirugi sebanyak RM20 juta pada tujuh pihak defendan dan akhirnya Mahkamah memutuskan bahawa Vincent Tan harus dibayar gantirugi sejumlah RM10 juta.⁵⁵ Jumlah ini disifatkan sebagai “satu angka yang menakjubkan dan menempah sejarah undang-undang fitnah di Malaysia” dan kes Vincent Tan “perlu diberi perhatian secara teliti oleh semua pihak yang menganggotai profesion kewartawanan – sama ada penulis, pemberita, pengarang, penerbit atau pencetak” (Salleh Buang 1995).

Berikutan dengan kes Vincent Tan, beberapa kes “tuntutan jutaan” (*mega suits*) telah dibawa ke Mahkamah sepanjang penghujung 1990an⁵⁶, dan kebanyakannya melibatkan ahli-ahli politik parti-parti pemerintah dan ahli-ahli korporat yang rapat dengan kelas pemerintah. Trend mengambil tindakan saman malu yang menuntut gantirugi sebanyak jutaan ringgit telah wujud dan mempunyai implikasi negatif terhadap kebebasan bersuara (SUARAM 1999: 21). Trend ini didapati menjadikan negara ini sebagai satu masyarakat bersifat “*sue-happy*” dan mengakibatkan kos sosial semakin berat.⁵⁷ Berikutan dengan perkembangan ini, Akta Fitnah 1957, yang melibatkan kes sivil, muncul sebagai salah satu alat yang digunakan

⁵⁴ Keempat-empat rencana berkenaan adalah bertajuk seperti berikut: i) “Vincent Tan’s Media Forays” (karya Soh Eng Lim), “Press Manoeuvres” (karya M.G.G. Pillai), “Berjaya Industrial/Textile Shares Sale – Unanswered Question?” (karya V. Thavanesan) dan “Financial Analysis/Berjaya Textile Probing” (karya Dr. Barjoyai Bardai) telah menyebabkan beliau mengalami kecemuhan terbuka (*public ridicule*), kebencian ramai (*odium*) dan penghinaan (*contempt*) (*The Star* 11 October 1994 & Salleh Buang 1995).

⁵⁵ Hakim Mahkamah Tinggi Mokhtar Sidin memerintah supaya Hassan membayar RM3 juta, Pillai RM2 juta, Soh RM750 000, Thavanesan RM1 juta, Barjoyai RM250 000, Media Printext RM2 juta dan Ling Wah Press RM1 juta, kepada Vincent Tan sebagai gantirugi. (*New Straits Times* 23 October 1994) Namun begitu, pihak defendan membuat rayuan dan kes ini belum lagi diselesaikan setakat ini.

⁵⁶ Adalah jelas bahawa amalan di Malaysia agak berbeza dengan British sungguhpun undang-undang di Malaysia berasal daripada undang-undang British. Menurut seorang pakar undang-undang fitnah, iaitu profesor pelawat *University of New South Wales* dan *Warwick University*, Geoffrey Robertson, di British, plaintif tuntutan fitnah tidak dibenarkan mengemukakan kuantiti gantirugi dan jumlah gantirugi yang diperuntukkan tidak melebihi £150 000 (lebih kurang RM930 000) (*The Star* 19 Mei 1999, *Sin Chew Jit Poh* 20 Mei 1999).

⁵⁷ Lihat, “Masyarakat *Sue-happy* Semakin Terbentuk” (*yige xingsong shehui zhujian xingcheng*), lidah pengarang *Nanyang Siang Pau*, 3 Mei 1999.

untuk mengongkong kebebasan akhbar dan kebebasan bersuara di Malaysia, terutamanya ketika dikaitkan dengan soal kedudukan kehakiman di Malaysia.

4.3 IMPLIKASI NEGATIF UNDANG-UNDANG MEDIA TERHADAP PERANAN MEDIA

Undang-undang media yang dibincangkan bukan sahaja berfungsi secara paksaan (*coercive*), tetapi juga secara ideologi. Kedua-dua fungsi paksaan dan ideologi ini saling melengkapi satu sama lain untuk mempertingkatkan lagi keberkesanan kawalan media. Ini adalah kerana dengan berfungsi ideologi, undang-undang berkenaan bukan sahaja lebih mudah dijustifikasi secara sempurna (*be perfectly justifiable*) oleh kerajaan di peringkat penggubalan, tetapi menjaminkan keabsahan undang-undang tersebut daripada dicabar oleh media dan kumpulan-kumpulan pendesak.

Fungsi ideologi undang-undang tersebut dilaksanakan menerusi dua peringkat. Peringkat pertama, ketika gubalan atau pindaan undang-undang dikemukakan ke Parlimen untuk diluluskan. Peringkat kedua, ketika tindakan undang-undang dikenakan terhadap pihak-pihak yang dituduh telah melanggar undang-undang.

Di peringkat pertama, undang-undang media sentiasa dikaitkan dengan konsep-konsep yang kabur dan samar-samar seperti kepentingan negara, keselamatan negara, keamanan awam dan sebagainya. Sebaliknya ancaman terhadap golongan-golongan perbezaan pendapat disembunyikan. Ketika pindaan Akta Rahsia Rasmi 1986 dikemukakan, Mahathir memberitahu Dewan Rakyat bahawa

Kerajaan tidak menggunakan Akta ini untuk mendakwa orang ramai atau wartawan dengan kemahuan dan kesukaan. **Kes-kes yang dihadapkan ke Mahkamah melibatkan pembocoran rahsia yang menjejaskan kepentingan awam atau keselamatan nasional** (Mahathir 1986: 28).

Dalam ucapan yang sama, Mahathir menegaskan lagi,

Pembocoran rahsia seperti ini boleh mengancam **keselamatan nasional** atau **kestabilan sesuatu negara** tetapi tidak menegah wartawan-wartawan daripada menerbitkan rahsia-rahsia kerajaan (Mahathir 1986: 29).

Ketika pindaan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 dikemukakan di Parlimen pada 3 Disember 1987, sekali lagi “kepentingan negara” diujahkan untuk menjustifikasikan tindakan memperluaskan bidang kuasa eksekutif dan mempertingkatkan hukuman. Mahathir jelas menekankan bahawa

Peruntukan-peruntukan dalam akta itu adalah bertujuan mencegah pemilik mesin cetak dan penerbit akhbar dan majalah daripada melakukan **perkara-perkara yang boleh menjejaskan ketenteraman awam dan kepentingan keselamatan negara** (Mahathir 1987: 141).

Di peringkat kedua pula, ketika kerajaan ingin mengambil tindakan atau mengugut bahawa tindakan akan diambil, kepentingan atau keselamatan negara dijadikan dalih untuk membuat demikian. Ini jelas dibuktikan dalam tuduhan-tuduhan yang diujahkan dalam Kertas Putih yang menerangkan sebab kerajaan menggantungkan permit tiga akhbar dalam Operasi Lallang 1987.

Satu lagi contoh ialah ketika Barisan Nasional tewas dalam Pilihanraya Kecil bagi kerusi Parlimen kawasan Teluk Intan, Perak, pada 1997. Dalam pilihanraya kecil itu, calon DAP menewaskan calon Parti Gerakan. Presiden Parti Gerakan, Lim Keng Yaik, menyalahkan sebuah akhbar bahasa Cina, *China Press*, sebagai punca kekalahan Barisan Nasional. Lim menuduh bahawa akhbar itu salah memetik kenyataan beliau dalam sebuah laporan yang secara kebetulan diterbitkan pada 13 Mei 1997. Dalam rencana tersebut, Lim Keng Yaik dilaporkan berkata bahawa Barisan Nasional tidak harus bergantung kepada undi dari masyarakat Cina dan India untuk memenangi pilihanraya kecil Teluk Intan.

Peristiwa itu hanya melibatkan kepentingan sebuah parti politik yang mengalami kekalahan dalam pilihanraya kecil, tetapi ketika akhbar tersebut

disalahkan, tuduhan yang ditujukan agak serius. Timbalan Menteri Dalam Negeri ketika itu, Megat Junid Megat Ayob, mendakwa bahawa laporan tersebut

telah mencuba untuk meniup perasaan buruk di kalangan orang Cina dan India...Ia membayangkan sikap perkauman. Mereka ada niat jahat di sebalik penerbitan laporan itu pada suatu hari di mana semua orang sedang cuba melupainya (*The Star* 19 Mei 1997).

Akhirnya, *China Press* terpaksa memohon maaf secara rasmi dan terbuka kepada Parti Gerakan. Peristiwa ini membuktikan bahawa dengan menghubungkan soal kepentingan dan keselamatan negara, mereka yang memegang kuasa mendapat asas keabsahan bagi tindakan yang diambil untuk membela kepentingan peribadi dan parti. Sehubungan ini, istilah “KESBAN” (keselamatan dan pembangunan) kini digunakan dalam pelbagai kempen kerajaan sebagai “taktik takut” (*scare-tactics*) supaya kehendak kerajaan dapat diperdayakan ke atas rakyat (Mohd. Nasir Hashim 1990: 115). Di samping itu, “memudaratkan keselamatan Malaysia” telah menjadi satu istilah umum yang sentiasa dihebahkan sebagai asas penangkapan dan penahanan tanpa bicara di Malaysia (Rais Yatim 1995: 246). Pandangan Mohd Nasir Hashim dikongsi oleh ahli-ahli akademik, umpamanya, Vincent Lowe (1982: 132-133) mendapati bahawa terdapat tiga jenis hujah utama bagi menjustifikasikan kawalan media oleh pihak berkuasa. Pertama, Malaysia adalah sebuah negara berbilang kaum; kedua, keselamatan negara; dan ketiga, Malaysia masih berada di peringkat “demokrasi yang tidak matang” (*immature democracy*).

Dengan mencipta aura seolah-olah negara ini begitu lemah dan rapuh sekali sehingga soal kepentingan dan keselamatan serta pembangunan bagaikan perkara yang harus diutamakan, kawalan media diinterpretasikan sebagai tindakan yang “seharusnya” di ambil oleh kerajaan yang sentiasa “berniat baik”. Maka persetujuan dicapai melalui, antaranya, penyuburan budaya “journalisme pembangunan yang bertanggungjawab” (*responsible development journalism*) (Loh & Mustafa 1996: 100). Arus perkembangan ini dibuktikan melalui pandangan-pandangan yang diluahkan oleh media dan wartawan-wartawan veteran, umpamanya, Ketua Pengarang Kumpulan *Sin Chew Jit Poh*, C. C. Liew (1999: 25), telah menyarankan bahawa “jika sesuatu dasar dan isu itu membabitkan kepentingan negara atau yang diterima oleh

rakyat, suratkhbar Cina tentu akan bekerjasama dan memberi dorongan, memainkan peranan media yang berkesan dan membina”. Maka tidak hairanlah kawalan media disambut baik atau sekurang-kurangnya tidak menerima bantahan hebat jika ia diamalkan atas nama “kepentingan negara”. Umpamanya, ketika Operasi Lallang diadakan, *Utusan Melayu* memuji tindakan kerajaan sebagai satu tindakan yang “tepat pada masanya” demi keselamatan negara ini (Rais Yatim 1995: 245, n.1).⁵⁸

Kesan paksaan undang-undang media berfungsi kerana wujud dua jenis kuasa yang mempengaruhi tingkahlaku komunikasi di antara kelas pemerintah dengan akhbar. Kuasa-kuasa itu ialah, i) Kuasa Paksaan (*Coercive Power*), iaitu kemampuan sesuatu sumber untuk melaksanakan sekatan negatif (hukuman) jika penerima tidak mematuhi kehendaknya; dan ii) Kuasa Sah (*Legitimate Power*) yang berdasarkan nilai-nilai *internalized* pada penerima yang mengabsahkan bahawa sumber itu mempunyai “hak” untuk mempengaruhinya.

Undang-undang media yang dibincangkan merupakan sumber kepada kedua-dua jenis kuasa tersebut. Kewujudan kedua-dua kuasa ini mempengaruhi bagaimana pihak akhbar melihat dan melayan kenyataan atau tindakan yang dikenakan oleh kelas pemerintah ke atas industri akhbar. Sama ada penggunaan kuasa tersebut dimaksimumkan bergantung kepada persepsi akhbar terhadap tiga jenis keputusan, iaitu i) kawalan yang dirasai (*perceived control*); ii) perhatian yang dirasai (*perceived concern*); dan iii) penelitian yang dirasai (*perceived scrutiny*).

Pertama, “kawalan yang dirasai” bermaksud keputusan yang dibuat oleh pihak pengurusan untuk memastikan sama ada pihak berkuasa sanggup mengenakan sekatan positif (ganjaran) atau sekatan negatif (hukuman) terhadap mereka jika mereka tidak mematuhi kehendak pihak berkuasa. Seandainya pihak pengurusan akhbar mempercayai bahawa pihak berkuasa memiliki kuasa untuk melakukan apa yang ingin dilakukan, maka akhbar akan mematuhi kehendak pihak berkuasa. Adalah jelas bahawa akhbar dan wartawan di Malaysia agak memahami tentang bidang kuasa yang

⁵⁸ Di samping itu, Aliran juga mendapati bahawa ketika pindaan kepada Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 diusahakan, sesetengah akhbar telah menulis lidah pengarang mempertahankan pindaan akta itu (Aliran 1988: 5).

dimiliki oleh pihak berkuasa kerana undang-undang media yang sedia ada, umpamanya ISA dan PPPA, telah memperuntukkan dengan jelas bidang kuasa Menteri Dalam Negeri untuk mengambil tindakan hukuman terhadap pemilik akhbar, misalnya penggantungan permit penerbitan atau mengharamkan sesuatu bahan penerbitan.

Kedua, “perhatian yang dirasai” bermaksud keputusan yang diambil oleh akhbar untuk memastikan sama ada pihak berkuasa benar-benar mengambil berat sama ada akhbar tertentu mematuhi kehendak mereka atau tidak. Akhbar akan mematuhi kehendak pihak berkuasa jika mereka mendapati bahawa pihak berkuasa bukan sahaja memiliki kuasa malah bersikap dan bertindak dengan serius tentang kehendak mereka dipatuhi atau tidak. Berdasarkan pengalaman lalu, industri akhbar di Malaysia telah banyak menyaksikan Kementerian Dalam Negeri (KDN) menggantungkan permit penerbitan akhbar dan mengusir keluar wartawan-wartawan asing, maka industri akhbar tidak mungkin menganggap amaran atau “nasihat” yang dikeluarkan oleh KDN adalah sia-sia.

Ketiga, “penelitian yang dirasai” bermaksud keputusan tentang sama ada pihak berkuasa berkebolehan untuk meneliti akhbar bertindak selaras dengan kehendak pihak berkuasa atau tidak. Akhbar akan bertindak selaras dengan kehendak pihak berkuasa jika ia mendapati bahawa pihak berkuasa tentu akan mengetahui sekiranya ia tidak mematuhi kehendak mereka. Akhbar sebagai bahan penerbitan yang diedarkan secara terbuka, tidak mungkin KDN tidak dapat meneliti sama ada akhbar tertentu telah mematuhi kehendaknya, lebih-lebih lagi penerbit akhbar adalah diwajibkan untuk menyerahkan lapan naskah setiap keluaran akhbar kepada KDN sebaik sahaja akhbar itu diterbitkan.⁵⁹

Di samping itu, kawalan undang-undang menjadi jauh lebih berkesan memandangkan dua arus perkembangan di bidang kehakiman dalam zaman Mahathir. Arus pertama ialah kuasa eksekutif mengatasi kuasa kehakiman. Arus kedua ialah kebebasan kehakiman terancam. Kedua-dua arus perkembangan ini menjadikan

⁵⁹ No.2, Syarat-syarat Permit, Borang B, Jadual Pertama, Peraturan-peraturan Mesin Cetak dan Penerbitan (Lesen dan Permit), 1984.

media dan wartawan-wartawan kehilangan keyakinan bahawa mereka dapat menuntut keadilan melalui mahkamah dan menentang segala keputusan kerajaan.

Arus pertama jelas diperlihatkan dengan pindaan undang-undang seperti Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960, Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 dan Akta Rahsia Rasmi 1986. Berikutan dengan pindaan undang-undang, seperti yang telah dibincangkan di bahagian awal bab ini, sesetengah keputusan yang dibuat oleh menteri-menteri tidak boleh dipersoalkan oleh mana-mana Mahkamah. Sungguhpun sesetengah peruntukan mewajibkan bahawa rayuan boleh dibuat kepada Yang Dipertuan Agung, tetapi Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa Yang Dipertuan Agung harus bertindak mengikut nasihat Jemaah Menteri atau atas nasihat seseorang Menteri yang bertindak di bawah kuasa am Jemaah Menteri.⁶⁰ Maka akhbar yang melakukan sesuatu yang tidak disenangi kerajaan dan dikenakan tindakan, umpamanya digantungkan permit penerbitan, kemungkinan bagi akhbar itu mempertahankan nasibnya melalui tindakan undang-undang dan merayu kepada Yang Dipertuan Agung adalah tipis. Ia mungkin terpaksa bermuka-muka dengan pihak berkuasa dengan cara meminta maaf dan mengaku kesalahan kepada KDN.

Kemerosotan kedudukan Kehakiman harus diimbaz kembali ketika Akta Perlembagaan (Pindaan) 1988 diluluskan di Parlimen pada 18 Mac 1988. Rang undang-undang itu membawa pelbagai perubahan yang mempertingkatkan kuasa eksekutif di beberapa bidang manakala mengecilkan kuasa kehakiman (Rais Yatim 1995: 102). Salah satu pindaan yang penting ialah “kuasa kehakiman Persekutuan” (*judicial power of the Federation*) yang terkandung dalam Perkara 121 (1) telah digugurkan dan memperuntukkan bahawa dua Mahkamah Tinggi dan mahkamah bawahan hanya mempunyai bidang kuasa yang diberikan oleh undang-undang Persekutuan. Ini bermakna kuasa-kuasa kehakiman telah dipindahkan daripada Mahkamah kepada undang-undang biasa yang dibentukkan oleh Parlimen. Maka, seperti yang disarankan oleh bekas Hakim Mahkamah Tinggi, Tun Suffian Hashim, Parlimen yang dari segi kesannya bermaksud kerajaan, boleh membuat undang-undang untuk mengurangkan bidang kuasa kehakiman (Mohd. Safar Hashim 1996: 370). Bekas Ketua Hakim Negara, Tun Salleh Abas, mengulas bahawa pindaan itu


⁶⁰ Lihat, Perkara 40 (1), Bab 3, Bahagian 4, Perlembagaan Persekutuan.

adalah satu kutukan (*anathema*) kepada Hakim dan ia mengacukan pembuluh leher (*jugular vein*) kepada kebebasan kehakiman (Salleh Abas & Das 1989: 68).


Di samping itu, satu lagi pindaan dalam Akta Perlembagaan (Pindaan) 1988 ialah memperluaskan bidang kuasa Peguam Negara dengan memperuntukkan supaya Peguam Negara mempunyai kuasa untuk menentukan mahkamah yang beliau mahu memulakan sesuatu perbicaraan atau memindahkan sesuatu perbicaraan (Rais Yatim 1995: 106). Pindaan ini mengakibatkan bidang kuasa Mahkamah diambil alih oleh Peguam Negara kerana kuasa untuk memindahkan sesuatu kes adalah kuasa kehakiman yang diamalkan secara khasnya oleh mahkamah seperti mana yang termaktud dalam seksyen 138, 177 dan 417, Kanun Prosedur Jenayah (Rais Yatim 1995: 106). Adalah wajar mencatatkan di sini bahawa Jabatan Peguam Negara adalah sebuah jabatan yang terletak di bawah bidang kuasa Jabatan Perdana Menteri.

Pindaan Perlembagaan 1988 mengakibatkan perhubungan ketiga-tiga kuasa perundangan, kehakiman dan eksekutif yang bersusunan horizon menjadi satu susunan tegak di mana kuasa eksekutif mengatasi kedua-dua kuasa perundangan dan kehakiman (Yang Pei Keng 1998: 64). Rajah 4.1 menerangkan kedudukan ketiga-tiga kuasa setelah Pindaan 1988.

Secara Teoritikal



Secara Praktikal



RAJAH 4.1 Kedudukan Tiga Cabang Kuasa Setelah Pindaan Perlembagaan 1988

Sumber: Yang Pei Keng 1998: 63

Bagi arus kedua pula, terdapat dua peristiwa yang berlaku sepanjang 1980an dan 1990an meletakkan kebebasan dan keadilan kehakiman di bawah keraguan orang ramai. Pertama, krisis Kehakiman 1988 yang mengakibatkan pelucutan Ketua Hakim Negara, Tun Salleh Abas dan dua orang hakim Mahkamah Tinggi. Kedua, skandal surat layang Kehakiman yang berlaku pada 1996 mengakibatkan seorang hakim mahkamah tinggi meletak jawatan.

Tun Salleh Abas telah diberitahu oleh Mahathir pada 27 Mei 1988 bahawa beliau digantungkan jawatan sebagai Ketua Hakim Negara kerana Yang Dipertuan Agung tidak gembira dengan kelakuan beliau, terutamanya beliau mengirim surat yang ditandatangani oleh 20 orang hakim yang menyentuh isu kecaman eksekutif terhadap kehakiman. Tun Salleh Abas kemudian dilucutkan jawatan secara rasmi pada 8 Ogos 1988 atas cadangan Tribunal yang ditubuhkan oleh Yang Di-pertuan Agung untuk mendengar kes beliau.⁶¹ Di samping itu, lima orang Hakim Mahkamah

⁶¹ Dakwaan salah laku yang dihadapi kepada Salleh Abas termasuk mengambil bahagian dalam politik, mengkritik kerajaan dan bersumpah bohong (*committing perjury*). Dakwaan juga merangkumi tuduhan bahawa Tun Salleh Abas dalam ucapan-ucapannya telah “menunjukkan bias dan prasangka” terhadap kerajaan dan “mencuba melemahkan kepercayaan awam kepada pentadbiran kerajaan” dengan menuduh kerajaan tidak menghormati undang-undang dan mengganggu kebebasan kehakiman” (Means 1991: 241).

Tertinggi yang mengadakan sidang kecemasan untuk mendengar permohonan Tun Salleh Abas dan meluluskan perintah pengetepian (*stay order*) untuk menghalang Tribunal tersebut daripada mengemukakan laporan kepada Yang Dipertuan Agung, turut digantung jawatan masing-masing.

Akhirnya dua daripada lima orang Hakim dilucutkan jawatan. Pelucutan jawatan Tun Salleh Abas dan dua orang hakim Mahkamah Tertinggi dikenali sebagai krisis kehakiman.⁶² Berikutan dengan tindakan-tindakan hebat (*forceful actions*) ini, kerajaan akhirnya menguasai bidang kehakiman dan pengkritik-pengkritik kerajaan mendakwa bahawa kehakiman telah digertak sepenuhnya oleh tindakan-tindakan kerajaan (Means 1991: 242).

Pelucutan jawatan Tun Salleh Abas dan dua orang hakim lagi dilihat sebagai satu keputusan politik sungguhpun *modus operandi* kes ini mungkin mematuhi peruntukan Perlembagaan (Rais Yatim 1995: 360). Krisis kehakiman ini berhubungkait dengan krisis kuasa yang berlaku ketika itu, terutamanya kes rayuan “UMNO 11” untuk memulihkan kedudukan UMNO. Eksekutif melancarkan serangan hebat ke atas kehakiman adalah kerana kesangsian mereka bahawa Mahkamah Tertinggi mungkin meluluskan rayuan “UMNO 11” dan mengakibatkan pilihanraya UMNO dilangsungkan semula (Rais Yatim 1995: 322). Tun Salleh Abas juga menegaskan bahawa, “Saya tidak meragui – dan kini sedikit sahaja yang tidak bersetuju – bahawa adalah saga UMNO yang mengakibatkan kemusnahan saya sebagai seorang hakim” (Salleh Abas & Das 1989: xx).⁶³

⁶² Lima orang Hakim Mahkamah Tinggi yang terlibat adalah seperti berikut: Wan Suleiman Pawan Teh, George Edward Seah Kim Seng, Haji Mohamed Azmi Kamaruddin, Eusoffe Abdoolcader dan Wan Hamzah Haji Wan Mohamed Salleh. Akhirnya, Wan Suleiman dan George Edward Seah dilucutkan daripada jawatan dan hakim-hakim lain tidak.

⁶³ Teks asal berbunyi, “*I have no doubt – and few would now disagree – that it was the UMNO saga that led to my destruction as a judge.*” Tun Salleh Abas juga mencatatkan bahawa, “*the revival of UMNO meant the end of not only Dr. Mahathir Mohamad but every UMNO Baru Ministers in his Government: they would instantly cease to be members of the majority party in Parliament. It was thus very clear that for Dr. Mahathir the ‘UMNO 11’ must not win, whatever the cost*” (Salleh Abas & Das 1989: 288). Sehari selepas Tun Salleh Abas dilucutkan jawatan secara rasmi, iaitu pada 9 Ogos 1988, rayuan “UMNO 11” yang telah ditangguhkan ketika Tun Salleh Abas digantung jawatan, didengar di Mahkamah Tertinggi dan digugurkan (Khoo 1996: 293).

Badan kehakiman sekali lagi terbenam dalam kontroversi “surat layang” yang diedarkan oleh seorang Hakim Mahkamah Tinggi sepanjang tempoh Disember 1996 dan Januari 1997. Surat Layang itu mengemukakan sebanyak 112 tuduhan terhadap 12 orang Hakim. Jabatan Peguam Negara mengklasifikasikan tuduhan-tuduhan yang dikemukakan, antaranya, 21 tuduhan penyalahgunaan kuasa, 39 tuduhan rasuah dan 52 tuduhan salahlaku, keruntuhan moral serta kecaman peribadi terhadap hakim-hakim individu (*New Straits Times* 10 Julai 1996). Peguam Negara, Mokhtar Abdullah kemudian mengumumkan kes ini diselesaikan di mana identiti hakim Mahkamah Tinggi yang terlibat telah dikenalpasti dan hakim itu telah meletak jawatan.⁶⁴ Peguam Negara mengatakan bahawa semua tuduhan itu tidak benar, tetapi hakim tersebut tidak akan diambil tindakan undang-undang.

Sungguhpun kes ini diselesaikan tetapi masalah tertinggal. Keputusan tidak mengambil tindakan terhadap hakim itu telah menimbulkan keraguan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan. Pengarah Just World Trust, Chandra Muzaffar mengulas bahawa kenyataan Peguam Negara dan komen Ketua Hakim tidak akan menyakinkan khalayak ramai bahawa kehakiman Malaysia adalah bersih dan tidak tercemar (*spotlessly clean*) (*New Straits Times* 11 Julai 1997). Komen Chandra Muzaffar menepati satu fenomena yang nyata dilihat kita sepanjang 1990an, iaitu

terdapat sejumlah keputusan kehakiman dalam tahun-tahun kebelakangan ini telah memberi tanggapan kepada orang ramai bahawa terdapat hakim-hakim yang hanya terlalu sanggup berbuat apa-apa sahaja untuk menyesuaikan kepentingan dan kehendak hati elemen-elemen yang berkuasa dalam politik dan ekonomi di masyarakat kita (*New Straits Times* 11 Julai 1997).⁶⁵

⁶⁴ Mokhtar Abdullah tidak mengumumkan identiti hakim yang terlibat tetapi membayangkan bahawa hakim itu ialah Syed Ahmad Idid Syed Abdullah, hakim Mahkamah Tinggi yang telah meletak jawatan lapan hari sebelum Mokhtar Abdullah mengumumkan kes surat layang ditutup secara rasmi. Ketika ditanya oleh wartawan sama ada Syed Ahmad Idid ialah hakim yang menulis surat layang, Mokhtar menjawab, “*In recent history, the only other judge who has resigned (for other than medical reasons) is myself*” (*The Star* 10 Julai 1996).

⁶⁵ Teks asal berbunyi, “*there have been a number of judicial decisions in recent years which have given the impression to the public that there are judges who are only too willing to bend over backwards to accommodate the interests and the inclinations of certain politically and economically powerful elements in our society.*”

Perbincangan tentang kawalan undang-undang dan pertikaian tentang kebebasan kehakiman memberikan satu gambaran bagaimana industri akhbar beroperasi di bawah suasana ketakutan. Pengkritik-pengkritik kerajaan (umpamanya, Chandra 1985: 3; Das 1990: 36) menggunakan istilah *Sword of Democles* untuk menjelaskan ancaman undang-undang media terhadap kebebasan akhbar di negara ini. Pada hakikatnya istilah *Sword of Democles* tidak cukup tepat sekali untuk menggambarkan tahap kongkongan undang-undang terhadap kebebasan akhbar. Adalah dicadangkan di sini bahawa kawalan undang-undang di Malaysia telah menghasilkan kesan *Panopticon*, iaitu kesan pengawasan yang sempurna ke atas media. *Panopticon* merujuk kepada konsep penjara bulatan ciptaan seorang ahli falsafah British yang bernama Jeremy Bentham. Michel Foucault (1979: 200) menggambarkan rekabentuk *Panopticon* seperti berikut

Di pinggiran, terdapat satu bangunan anulus; di bahagian tengah, terdapat satu menara; menara ini ditembusi dengan tingkap lebar yang terbuka dan berhadapan dengan sebelah dalam bangunan bulatan; bangunan pinggiran itu dibahagikan menjadi bilik-bilik kurungan kecil, setiap bilik itu terbentang dengan sepanjang lebar bangunan; mereka mempunyai dua tingkap, satu berada di sebelah dalam, bersepadan dengan tingkap-tingkap menara; tingkap lain, berada di sebelah luar, membenarkan cahaya menyeberangi bilik itu dari satu hujung ke hujung lain. Apa yang diperlukan, ketika itu, ialah menugaskan seorang penyelia di dalam menara pusat itu dan mengurungkan dalam setiap bilik seorang orang gila, seorang pesakit, seorang banduan, seorang pekerja atau seorang murid. Dengan kesan pencahayaan latar, seseorang itu dapat memerhati dari menara, berdiri di tempat bertentangan tepat dengan sumber cahaya, bayang-bayang tawanan kecil yang berada di dalam bilik-bilik kurungan periferi itu.⁶⁶

⁶⁶ Teks asal berbunyi, “at the periphery, an annular building; at the centre, a tower; this tower is pierced with wide windows that open onto the inner side of the ring; the peripheric building is divided into cells, each of which extends the whole width of the building; they have two windows, one on the inside, corresponding to the windows of the tower; the other, on the outside, allows the light to cross the cell from one end to the other. All that is needed, then, is to place a supervisor in a central tower and to shut up in each cell a madman, a patient, a condemned man, a worker or a schoolboy. By the effect of backlighting, one can observe from the tower, standing out precisely against the light, the small captive shadows in the cells of the periphery.”

Rekebentuk *Panopticon* memastikan segala gerak geri banduan diawasi oleh penyelia yang bertugas di menara itu, tetapi pada masa yang sama, banduan tidak dapat melihat keadaan di dalam menara. Banduan tidak berani dan tidak mampu melakukan sesuatu yang melanggar peraturan, umpamanya melakukan usaha melarikan diri dari penjara, kerana mereka sentiasa menyedari bahawa apa yang mereka lakukan sentiasa diawasi, sungguhpun pada suatu ketika penyelia penjara mungkin tidak berada di dalam menara itu. Maka *Panopticon* menghasilkan pengawasan yang sempurna dan ketat seperti yang disarankan Foucault bahawa ia

...untuk mencetuskan ke atas banduan satu keadaan keterlihatan yang berkesedaran dan berterusan yang menjaminkan kuasa itu berfungsi dengan automatik. Dengan itu, menjadikan pengawasan sebagai kesan kuasa yang berterusan, sungguhpun tindakannya adalah terputus-putus; maka penyempurnaan kuasa sepatutnya mirip kepada menjadikan pengamalan sebenarnya tidak perlu lagi; maka alat seni bina ini sepatutnya menjadi jentera untuk mencipta dan mengekalkan satu hubungan kuasa yang bebas daripada orang yang mengamalkannya; secara ringkas, banduan itu sepatutnya disangkut ke dalam hubungan kuasa yang mana mereka sendiri adalah pembawa itu (Foucault 1979: 201).⁶⁷

Berdasarkan konsep *Panopticon*, adalah menarik jika dibandingkan situasi media di Malaysia dengan orang banduan dalam *Panopticon*. Andaikan undang-undang media bagaikan penjara *Panopticon*, Menteri Dalam Negeri atau pegawai-pegawai KDN bagaikan penyelia di pusat menara dan akhbar-akhbar tempatan bagaikan orang banduan, maka begitu jelas sekali dilihat bagaimanakah media diawasi secara sempurna. Undang-undang media, bagaikan *Panopticon* yang digunakan untuk mengurung banduan, telah menetapkan batasan yang tidak boleh dilangkah oleh media dan wartawan.

⁶⁷ Teks asal berbunyi, “...to induce in the inmate a state of conscious and permanent visibility that assures the automatic functioning of power. So to arrange things that the surveillance is permanent in its effects, even if it is discontinuous in its action; that the perfection of power should tend to render its actual exercise unnecessary; that this architectural apparatus should be a machine for creating and sustaining a power relation independent of the person who exercises it; in short, that the inmate should be caught up in a power situation of which they are themselves the bearers.”

Menteri Dalam Negeri dan pegawai-pegawai KDN, yang berperanan sebagai penyelia yang bertugas di menara, diberi kuasa untuk mengawasi sama ada aktiviti media dan wartawan melanggar batasan itu dan menghukum mereka yang dikatakan telah mengatasi batasan yang ditetapkan. Lama kelamaan terwujudnya kesan *panopticon* di mana media dan wartawan, berkedudukan seperti banduan dalam *panopticon*, terpaksa sentiasa berhati-hati ketika menjalankan tugas mereka kerana mereka tidak dapat mengetahui apakah dan bilakah tindakan akan dikenakan oleh pegawai-pegawai yang mengawasi mereka. Ini adalah kerana kekaburan batasan yang ditetapkan ketika sesuatu undang-undang diperuntukkan. Mereka hanya sedar bahawa aktiviti mereka sentiasa diawasi oleh KDN dan sama ada mereka melanggar peraturan adalah bergantung kepada “kebijaksanaan mutlak” seorang menteri.

Keadaan ini selaras dengan prinsip kuasa yang berfungsi di *panopticon* yang disarankan Bentham, iaitu kuasa seharusnya nyata (*visible*) dan tidak dapat diketahui (*unverifiable*). “Nyata” membawa maksud bahawa banduan sentiasa menyedari kewujudan menara pusat yang tinggi itu di depan mata, manakala “tidak dapat diketahui” bermaksud banduan itu tidak mengetahui sama ada dia diawasi pada mana-mana ketika, tetapi dia sudah pasti bahawa dia memang sentiasa diawasi. Oleh sebab itu, cara yang terbaik bagi media melindungi diri ialah mengamalkan dasar pemberitaan yang paling konservatif dan tidak berkritikan kepada pihak berkuasa. Amalan ini nampaknya diadakan secara sukarela kerana mereka tidak yakin keadilan dan pembelaan dapat dituntut melalui mahkamah sungguhpun kritikan mereka adalah kritikan membina dan munasabah. Keadaan ini mungkin dapat mengingatkan kami pandangan Hannah Arendt (1967:464) bahawa ketiadaan jenayah di dalam mana-mana masyarakat tidak bermakna undang-undang adalah berlebihan tetapi sebaliknya, menunjukkan bahawa kawalan undang-undang yang paling sempurna sekali.

Kawalan sempurna itu mengakibatkan kewujudan “penapisan diri” (*self-censorship*). Penapisan diri adalah satu bentuk penindasan yang paling buruk dan keterlaluan wujud di Malaysia (Kua 1990: 4). Kawalan media yang semakin ketat mengakibatkan media mengamalkan dua bentuk penapisan diri. Bentuk pertama ialah penapisan menonjolan (*salient censorship*) iaitu penyingkiran maklumat dan imej yang dianggap menghina citarasa dan moral awam. Manakala bentuk penapisan diri yang

kedua ialah penapisan larangan (*proscribed censorship*) iaitu penyingkiran maklumat yang tidak selaras dengan wacana kerajaan (*governmental discourse*) (Loo 1998).

Amalan penapisan diri diperkukuhkan melalui pengajaran sejarah di mana birokrat mengehadkan kepelbagaian wacana publik sama ada melalui menteri sesiri undang-undang media atau secara tersembunyi, melalui perhubungan peribadi yang rapat di antara mereka dengan wartawan-waratwan (Loo 1998). Salah satu misalan penapisan diri berlaku dalam krisis Perlembagaan 1983. Sebelum pindaan Perlembagaan 1983 diluluskan, Perdana Menteri berjumpa dengan wakil akhbar dan memberi amaran tentang laporan terperinci mengenai pindaan atau mana-mana ucapan yang kritikal di Parlimen.⁶⁸ Akhirnya, akhbar tempatan tidak melaporkan ucapan Ketua Pembangkang di Parlimen, Lim Kit Siang, yang menyentuh tentang akibat undang-undang pindaan tersebut dan bahaya Perdana Menteri diperuntukkan kuasa yang tidak terbatas. Kenyataan ketua pembangkang itu tidak disiarkan kerana

akhbar tempatan tertakluk kepada pembaharuan lesen tahunan dan takut kepada pelaporan satu “isu sensitif” yang melanggar amaran Dr Mahathir, dalam tempoh masa melebihi dua bulan akhbar domestik tidak melaporkan apa-apa langsung mengenai pertikaian itu dan isu-isu yang menimbulkan pertikaian (Means 1991: 115).⁶⁹

4.4 KESIMPULAN

Memandangkan kawalan perundangan yang agak sempurna dan berkesan dikenakan ke atas media, tidak sukar memahami bahawa media tidak mampu beroperasi dengan penuh autonomi tetapi tertunduk kepada kepentingan kelas pemerintah. Media yang bagaikan banduan di bawah pengawasan rapi *Panopticon* tidak mungkin berfungsi sebagai agen menentang hegemoni tetapi sebagai lidah kepada kerajaan atau kelas

⁶⁸ Pindaan yang dikemukakan di Parlimen mencadangkan bahawa jika rang undang-undang Parlimen gagal memperolehi persetujuan Yang Dipertuan Agung setelah 15 hari akan digazetkan tanpa persetujuan baginda. Di samping itu, kuasa untuk mengumumkan Darurat dipindah daripada Yang Dipertuan Agung kepada Parlimen tanpa dirujuk kepada Kabinet atau Parlimen. Akhirnya krisis ini diselesaikan berikutan dengan kerajaan mengubah sedikit pindaan tersebut.

⁶⁹ Teks asal berbunyi, “*With the local press subject to annual license renewals and fearful of reporting a ‘sensitive issue’ in contravention of Dr Mahathir’s warning, for over two months the domestic press reported nothing about the dispute or the controversial issues.*”

pemerintah yang ingin memanipulasikan pendapat umum demi mencapai tujuan dan kepentingan masing-masing.

Berikutan ini, kelas pemerintah bukan sahaja mengelakkan diri daripada kritikan hebat sehingga menggugat kestabilan kuasa, malah mendominasi pasaran pendapat umum dengan satu set ideologi atau cara pemikiran yang memanfaatkan pencapaian persetujuan aktif dan seterusnya pembentukan hegemoni.

BAB V

KAWALAN DAN PEMILIKAN MEDIA DI MALAYSIA

5.1 PENDAHULUAN

Kawalan dan pemilikan media adalah satu langkah penting dalam proses pembentukan hegemoni kerana penguasaan “peralatan pengeluaran mental” (*means of mental production*) adalah pengaruh utama dan paling nyata untuk menentukan sifat sumbangan media massa terhadap klimaks politik (Miliband 1973: 203).

Namun begitu, kelas hegemoni tidak harus menghapuskan langsung autonomi sesuatu institusi social, tetapi hanya perlu “melemahkan” tahap keautonomian masing-masing. Kelemahan autonomi meletakkan media di bawah bentuk manipulasi yang lebih halus tetapi berkesan. Seperti mana saranan Mosco (1996: 262) bahawa

Kuasa media, memberikan mereka yang menguasai pasaran kebolehan untuk memenuhi saluran-saluran dengan bahan-bahan yang menjelma kepentingan-kepentingan mereka, cenderung kepada menstrukturkan bentuk dan isi polisemi (*polysemy*), dan dengan itu membataskan kepelbagaian interpretasi dan hanya kecenderungan-kecenderungan utama yang berulang-ulangan dapat menonjol di kalangan pelbagai kemungkinan, manakala yang menyimpang daripada norma terpaksa dipinggirkan.⁷⁰

⁷⁰ Teks asal berbunyi, “*Media power, which gives those with control over markets the ability to fill channels with material embodying their interests, tends to structure the substance and form of polysemy, thereby limiting the diversity of interpretations to certain repeated central tendencies that stand out among the range of possibilities, including those marginalized few that diverge substantially from the norm.*”

Kawalan dan pemilikan media mewujudkan trend “penswastaan penapisan” (*privatization of censorship*), iaitu kuasa untuk mengenakan penapisan ke atas media sedang beralih daripada Negara kepada individu-individu dan korporat-korporat awam dalam dunia moden ini.

Sungguhpun penapisan ini tidak semutlak seperti yang dikenakan oleh Negara, ia amat berkesan ketika sumber maklumat atau pandangan alternatif tidak disediakan. Dengan kata lain, jika penguatkuasaan undang-undang media adalah satu langkah kawalan media yang **pasif** untuk mengelakkan media massa daripada melapor atau menyuarakan sesuatu yang mengancam kestabilan sesuatu rejim, maka kawalan pemilikan media merupakan langkah **aktif** yang menggalakkan media massa lebih inisiatif dalam melapor atau menyuarakan sesuatu yang memanfaatkan pembentukan dan/atau pengekal hegemoni rejim itu. Kawalan undang-undang membolehkan kelas pemerintah mengenakan **campur tangan luaran** ke atas operasi media massa, maka kawalan pemilikan membolehkan kelas pemerintah mengadakan **pengarahan dalaman** ke atas dasar kewartawanan media massa.

Oleh sebab itu, begitu ramai sarjana komunikasi dan ahli teori ekonomi mengambil berat soal kawalan dan pemilikan media massa bukan kerana soal harga atau keuntungan, tetapi membimbangkan pemusatan pemilikan akan menyekat pengaliran maklumat akibat daripada pengurangan jumlah penerbit dan pengedar bahan-bahan media yang berfungsi sebagai penjaga pintu (*gatekeepers*) (Compaine et al. 1979: 320; Mosco 1996: 182).

Akibatnya, perbezaan pendapat sukar disampaikan kepada orang ramai kerana telah tersekat oleh konglomerat media swasta yang besar. Sebagai misalan, jika tiga akhbar dimiliki secara berasingan oleh tiga buah syarikat, sekurang-kurangnya terdapat tiga orang ketua pengarang yang bertanggungjawab kepada pemilik-pemilik yang berasingan, dengan ini kriteria dan kepentingan yang dipertimbangkan untuk menentukan apakah mesej media yang akan ditapis turut berbeza.

Sebaliknya, ketika akhbar A mengambil alih akhbar B dan C, ketua pengarang ketiga-tiga akhbar ini bertanggungjawab kepada seorang ketua pengarang kumpulan yang bertanggungjawab kepada pemilik syarikat yang sama, maka pemegang kuasa penapisan telah berkurangan daripada tiga kepada satu sahaja. Pemusatan kuasa ini mempertingkatkan dengan nyata keberkesanan penapisan. Penapisan dalaman ini tidak mudah dikesan oleh orang ramai tetapi pada masa yang sama elit berkuasa dengan mudah sekali menyembunyikan peranan mereka dalam kawalan media.

Dengan kata lain, pemusatan pemilikan mengakibatkan mesej media yang disampaikan semakin homogenius, sungguhpun pelbagai bentuk produk media dihasilkan. Memandangkan penghasil-penghasil mesej media adalah berasal daripada kem yang sama, media yang berlainan mengandungi dan menyampaikan mesej, nilai-nilai, ideologi politik, mahupun prejudis yang serupa dan tidak mengancam kepentingan-kepentingan pemilik yang sama. Maka, jelasnya bahawa “kebanyakan” (*multiplicity*) tidak membawa maksud yang sama dengan “kepelbagaian” (*diversity*).

5.2 PEMILIKAN, PEMUSATAN DAN PENGKONGLOMERATAN

Berdasarkan perbincangan tersebut, bab ini meninjau corak pemilikan media (akhbar) oleh kelas pemerintah di Malaysia sejak tahun 1960an. Kelas pemerintah menguasai pemilikan media supaya media berkhidmat kepada kepentingan kelas pemerintah bukan satu langkah baru, tetapi berlaku dengan lebih ketara dan secara besar-besaran sepanjang 1980an dan 1990an. Trend pemusatan (*concentration*) dan pengkonglomeratan (*conglomeration*) pemilikan media di tangan agensi-agensi pelaburan parti pemerintah dan korporat-korporat proksi mereka semakin kelihatan dalam 1980an dan 1990an. Trend yang bermula sejak 1960an ini banyak dibincangkan oleh pemerhati media tempatan mahupun luar negeri (lihat, Lent 1978; 1982; Das 1990; Loh & Mustafa 1996; Zaharom & Mustafa 1998; Wang 1999).

Dalam konteks kajian ini, konsep pemilikan media merujuk kepada pemilikan ekonomi (*economic ownership*), iaitu bukan sahaja saham yang diperolehi oleh pemegang saham adalah “saham mengundi” (*voting share*) yang membolehkan pemegang saham itu mengundi dalam pilihan lembaga pengarah, malah pemegang

saham seharusnya dapat menjadikan kuasa mengundi mereka sebagai peranan yang berkesan dalam proses penentuan keputusan pengagihan (*allocative decisions*) lembaga pengarah (Murdock 1982: 122-123).

Dengan memperolehi kedudukan pemilikan ekonomi ini, pemegang saham dapat mengenakan kawalan ke atas media massa yang dimiliki di dua peringkat iaitu peringkat pengagihan (*allocative*) yang secara langsung dan peringkat pengendalian (*operational*) yang secara tidak langsung. Adalah wajar diingati bahawa kawalan merupakan satu perhubungan sosial di mana satu pihak mempunyai keupayaan untuk mempengaruhi keputusan dan tindakan pihak yang lagi satu, walaupun pihak tersebut membantah (Gomez 1990: 25). Mereka yang menguasai kuasa kawalan tidak semestinya memegang saham majoriti antara 50 hingga 80 peratus daripada saham sesuatu syarikat. Mereka yang menguasai kawalan minoriti yang banyak iaitu memegang antara 20 hingga 50 peratus saham syarikat boleh juga menguasai kuasa kawalan bergantung kepada agihan saham syarikat tersebut.

Kawalan di peringkat pengagihan merangkumi kuasa untuk menentukan matlamat-matlamat keseluruhan dan skop korporat serta menentukan cara mengatur penggunaan sumber-sumber produktif. Kawalan di peringkat ini melibatkan empat bidang utama aktiviti-aktiviti korporat: i) pembentukan dasar dan strategi keseluruhan; ii) keputusan tentang sama ada dan ke mana mengembang (melalui penyatuan dan perolehan atau pembangunan pasaran baru) serta bila dan bagaimana mengurangkan kos dengan menjual harta perusahaan atau mengurangkan buruh; iii) pembangunan dasar asas kewangan, umpamanya bila mengeluarkan saham baru dan sama ada mendapatkan pinjaman utama, daripada siapa dan dengan apakah syaratnya; iv) kawalan ke atas pembahagian keuntungan, termasuk saiz dividen yang dibayar kepada pemegang-pemegang saham dan tahap gaji yang dibayar kepada ahli-ahli lembaga pengarah dan eksekutif-eksekutif utama (Murdock 1982: 122).

Manakala kawalan di peringkat pengendalian merujuk kepada penentuan tentang penggunaan secara berkesan sumber-sumber yang diagihkan dan pelaksanaan dasar-dasar yang digariskan di tahap pengagihan. Sungguhpun mereka yang berada di peringkat pengendalian menikmati sedikit sebanyak autonomi, tetapi keputusan yang

dibuat bergantung kepada matlamat-matlamat organisasi yang mereka berkhidmat dan juga sumber-sumber yang diagihkan oleh lembaga pengarah. Justeru itu, ketika kita membincangkan hubungan kawalan dan pemilikan, maka kita adalah membincangkan tentang perkaitan di antara kawalan pengagihan dan pemilikan ekonomi (Murdock 1982: 123), di mana mereka yang memperolehi pemilikan ekonomi menguasai kuasa kawalan pengagihan sesebuah organisasi media dan seterusnya dapat menentukan dasar pemberitaan media itu khususnya.

Kesan kawalan pemilikan ke atas kepelbagaian maklumat jauh lebih membimbangkan jika pemilikan media semakin tertumpu dalam tangan segelintir elit berkuasa atau ekonomi. Pengintegrasian (*integration*) adalah salah satu proses yang mengakibatkan peningkatan pemusatan pemilikan media di tangan beberapa syarikat besar (Murdock & Golding 1973: 213). Terdapat dua bentuk proses pengintegrasian, iaitu integrasi mendatar (*horizontal*) dan integrasi menegak (*vertical*) yang masing-masing melibatkan mekanisme penyatuan (*mergers*) dan pengambilalihan (*take-overs*). Integrasi mendatar adalah satu proses di mana sesebuah syarikat induk mengambil alih syarikat-syarikat tambahan pada tahap pengeluaran yang sama. Berikutan dengan ini, syarikat induk itu dapat menggabung dan melanjutkan kawalan mereka dalam satu sektor pengeluaran media tertentu dan memaksimumkan ekonomi skala dan sumber berkongsi (Murdock & Golding 1973: 213).

Terdapat dua contoh tipikal pemusatan mendatar (Mosco 1996: 176). Pertama, pemusatan *cross-media* di mana sebuah syarikat dalam bidang media lama, misalnya sebuah akhbar, membeli sebuah syarikat dalam bidang media baru, umpamanya radio atau stesyen televisyen. Kedua, ketika sebuah syarikat media membeli sebuah syarikat yang sama sekali di luar bidang perniagaan media atau sebuah syarikat media diserap oleh syarikat bukan perniagaan media. Bentuk pemusatan mendatar akan membawa kepada kewujudan atau pengembangan pemilikan konglomerat (*conglomerate ownership*), yang merupakan produk penggabungan (*amalgamation*) syarikat-syarikat yang mempunyai perniagaan dalam bidang yang berlainan.

Integrasi menegak berlaku ketika sebuah syarikat yang mempunyai kepentingan dalam satu tahap proses pengeluaran melanjutkan operasi ke tahap-tahap lain umpamanya pembekalan bahan-bahan mentah, penawaran peralatan modal (*capital equipment*) dan pengorganisasian pengedaran dan pemasaran (Murdock & Golding 1973: 214). Integrasi menegak ini terbahagi kepada integrasi ke hadapan (*forward integration*) dan integrasi ke belakang (*backward integration*) (Mosco 1996: 176). Integrasi ke hadapan berlaku umpamanya sebuah syarikat perfileman menguasai sebuah syarikat pengedaran filem, manakala integrasi ke belakang berlaku apabila sebuah akhbar memperoleh sebuah kilang pembuat kertas.

5.3 KAWALAN DAN PEMILIKAN MEDIA DI MALAYSIA

Dalam konteks Malaysia, kelas pemerintah yang menguasai kuasa Negara sejak Kemerdekaan Malaya pada 1957 mempunyai pengetahuan tentang pentingnya kawalan pemilikan media dalam usaha pengekalan *status quo* umumnya dan kestabilan rejim Barisan Nasional khususnya. Pemerhatian ini dapat dibuktikan dengan tindakan mengambil alih *Utusan Melayu* oleh UMNO dalam zaman pemerintahan Tunku Abdul Rahman dan pengambilalihan *The Straits Times* oleh UMNO dalam zaman pemerintahan Tun Razak.

Trend dan kesan kawalan pemilikan media jauh lebih kelihatan dalam zaman pemerintahan Mahathir. Ucapan-ucapan Mahathir membayangkan bahawa beliau amat memandang berat tentang kawalan pemilikan media massa dan berniat membuat demikian. Dalam ucapan yang bertajuk “Peranan Akhbar dalam Demokrasi” yang disampaikan pada 1981, ketika beliau masih memegang jawatan Timbalan Perdana Menteri, Mahathir mengatakan bahawa hanya kumpulan yang cukup kaya boleh mendapat kebebasan akhbar, manakala yang miskin, sekalipun mereka berupaya mempunyai sebuah akhbar, tidak dapat mencapai dan mempengaruhi sejumlah besar orang ramai (Mahathir 1981: 77). Ketika membentangkan rang undang-undang Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984, Mahathir mengulangi nada yang sama dengan mengatakan bahawa, “di mana-mana juga akhbar *dicontrol* bukan sahaja oleh kerajaan tetapi juga oleh pengarang dan kakitangan lain dalam akhbar berkenaan, oleh pengiklan dan juga oleh **pemilik akhbar**” (Mahathir 1987: 153).

Sesungguhnya kajian ini berasaskan kajian kes yang berlaku pada 1997 dan bab ini akan memberi tumpuan kepada perubahan pemilikan media massa pada 1990an memandangkan dalam dekad ini industri media massa semakin mengalami trend pemusatan (*concentration*) dan pengkonglomeratan (*conglomeration*) yang meninggalkan kesan negatif kepada kepelbagaian maklumat dan pendapat umum, namun adalah dicadangkan bahawa proses kawalan pemilikan media massa adalah satu “projek” yang telah diusahakan sejak 1960an dan berterusan sehingga dewasa ini. Berdasarkan pertimbangan ini, penulis bersetuju dengan pandangan Zainudin Maidin (1994: 208) bahawa Tunku Abdul Rahman yang selaku Perdana Menteri Malaysia pertama telah merintis jalan ke arah penguasaan parti ke atas akhbar.

Kawalan pemilikan media di Malaysia mempunyai tiga ciri utama. Pertama, wujudnya pelbagai bentuk integrasi iaitu integrasi menegak, integrasi mendatar dan pemilikan melintas media (*cross media ownership*). Pengintegrasian ini menghasilkan trend “pemusatan” dan “pengkonglomeratan” pemilikan media, iaitu sesetengah korporat terpilih, sama ada aktiviti utamanya perniagaan media atau tidak, mengoligopolikan pelbagai jenis media arus perdana di negara ini, mahupun media cetakan atau elektronik. Umpamanya Kumpulan New Straits Times Press bukan sahaja sebuah kumpulan penerbitan akhbar yang terbesar di negara ini malah menguasai pecahan saham dalam rangkaian televisyen.

Kedua, kedudukan oligopoli yang wujud dalam industri media bukan satu hasil “semulajadi” yang dibawa oleh mekanisme pasaran bebas, tetapi lebih merupakan hasil daripada campur tangan kuasa Negara dan elit politik. Pada 21 Januari 1974, Dewan Rakyat meluluskan pindaan Akta Mesin Cetak 1948. Pindaan itu merupakan salah satu langkah untuk “meMalaysiakan” pemilikan sesebuah akhbar yang dikuasai oleh warga asing kerana pindaan itu memberi kuasa kepada kerajaan untuk menolak penerbitan sesebuah akhbar jika ia dimiliki warga asing.⁷¹

⁷¹ Secara terperinci, pindaan tersebut memberi kuasa kepada Menteri Dalam Negeri supaya engan memberi atau membaharui atau membatalkan atau menarik balik bagi apa-apa tempoh yang difikirkannya patut sesuatu lesen cetak atau permit penerbitan jika pada pendapat Menteri semua atau apa-apa bahagian daripada modal, saham, aset atau apa-apa jua kepentingan lain mengenai mesin cetak atau akhbar itu adalah dipunyai, dipegang atau dengan apa-apa cara dikawal oleh seorang atau orang-orang yang bukan warganegara (Mohd Safar Hashim 1996: 281).

Lebih-lebih lagi, seperti yang dibincangkan dalam Bab IV, Seksyen 6 Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 memberi kuasa mutlak kepada Menteri Dalam Negeri untuk melulus atau menolak permohonan lesen mesin cetak dan permit penerbitan. Selain itu, Seksyen 13 mewajibkan bahawa perubahan pemilikan lesen mesin cetak dan permit penerbitan harus mendapatkan kelulusan daripada Menteri Dalam Negeri. Dengan adanya undang-undang ini, kelas pemerintah menguasai sepenuhnya keupayaan untuk menentukan mana-mana individu atau korporat diberikan hak untuk menguruskan sebuah akhbar. Korporat-korporat swasta, mahupun mempunyai modal besar-besaran, tidak mungkin menguasai dan mengkonglomeratkan pelbagai tanpa mendapat kebenaran daripada pihak berkuasa.

Ketiga, kuasa politik jelas kelihatan dalam proses pemusatan dan pengkonglomeratan industri media. Sebagai salah satu akibat daripada peruntukan kuasa Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 kepada Menteri Dalam Negeri, memang menjadi satu perkara biasa parti-parti komponen Barisan Nasional diberi kebenaran untuk memiliki kepentingan dalam industri media, selain daripada menerbitkan lidah rasmi (*mouthpiece*) masing-masing. Kebanyakan korporat swasta yang dibenarkan memiliki sesuatu media terdiri daripada ahli-ahli korporat yang berhubungan rapat dengan elit-elit politik Barisan Nasional.

Saiz dan kawalan pemilikan akhbar-akhbar oleh parti-parti komponen Barisan Nasional semakin besar sepanjang 1980an hingga 1990an, berikutan dengan pelantikan Mahathir sebagai Perdana Menteri keempat dan pelaksanaan Dasar Penswastaaan. Proses pemusatan dan pengkonglomeratan pemilikan industri media bertambah pesat sepanjang tempoh ini dan menjadi sempurna dalam tahun 1990an.

Pemusatan dan pengkonglomeratan pemilikan media bukan sahaja wujud dalam industri media cetakan seperti akhbar dan majalah, tetapi media elektronik seperti televisyen dan radio. Sungguhpun wujud juga pemilikan melintas media (*cross media ownership*), kajian ini hanya menitikberatkan pemusatan dan pengkonglomeratan industri akhbar tempatan dengan menumpu perhatian kepada tiga kumpulan penerbit akhbar sebagai sasaran kajian ini, iaitu Kumpulan Utusan Melayu,

Kumpulan New Straits Times Press dan Kumpulan Akhbar Sin Chew, sebagai misalan perbincangan dalam bahagian ini.

Pengambilalihan *Utusan Melayu* oleh UMNO adalah contoh pertama di Malaysia sejak Kemerdekaan di mana sebuah parti politik mengambil alih sebuah akhbar (Mustafa 2000: 101), manakala penglibatan UMNO dalam bidang kewartawanan menjadi lebih nyata pada 1972 ketika ia memperolehi 80 peratus kepentingan dalam Straits Times Sdn Bhd (Loh & Mustafa 1996: 101).

5.3.1 Pengkonglomeratan Kumpulan Utusan Melayu dan Kaitannya dengan UMNO

Utusan Melayu adalah sebuah akhbar bahasa Melayu yang mempunyai sejarah paling lama di kalangan akhbar-akhbar bahasa Melayu yang masih wujud di negara ini. *Utusan Melayu* ditubuhkan pada 1939 dengan modal yang dikutipkan daripada masyarakat Melayu. *Utusan Melayu* diasaskan dengan matlamat yang terang iaitu mahu menjadi pembela kepada bangsa Melayu yang pada waktu itu berada di bawah jajahan British (Chamil Wariya 1988: 255). Matlamat nasionalisme ini menjadikan *Utusan Melayu* bagaikan “duri dalam daging” kepada penjajah British (Said Zahari 2001), tetapi menjalinkan hubungan yang rapat dengan pertubuhan-pertubuhan Melayu yang menentang rancangan *Malayan Union*. *Utusan Melayu* merupakan antara pihak yang awal-awal lagi mengesyorkan para pemimpin Melayu yang menentang *Malayan Union* supaya menubuhkan sebuah persatuan untuk menyuarakan pandangan politik mereka (Chamil Wariya 1988: 258).

Berdasarkan sejarah ini, diperakui bahawa UMNO, parti tunjang Barisan Nasional yang ditubuhkan pada 1946, merupakan hasil daripada seruan *Utusan Melayu* ketika itu. Ketika memberi ucapan dalam perhimpunan yang dilangsungkan pada 1 Mac 1946, Yang Dipertua UMNO yang pertama, Dato’ Onn Jaafar sendiri mengakui peranan dan sumbangan *Utusan Melayu* dalam usaha penubuhan UMNO

dengan mengatakan bahawa “perhimpunan kita hari ini terbit di *Utusan Melayu*, dari *Utusan Melayu*” (Chamil Wariya 1988: 258, Mohd Safar Hashim 1996: 249).⁷²

Catatan sejarah ini menyaksikan hubungan rapat di antara *Utusan Melayu* dan UMNO dalam perjuangan menentang *Malayan Union* dan Kemerdekaan. Namun begitu, setelah pemergian penjajah British dan UMNO menjadi pemegang kuasa kerajaan yang baru, hubungan *Utusan Melayu* dan UMNO semakin tegang. Liputan-liputan dan kritikan-kritikan *Utusan Melayu* tentang dasar-dasar kerajaan Perikatan yang diterajui oleh UMNO tidak disenangi UMNO, sehingga dalam satu pertemuan dengan Tunku Abdul Rahman dan menteri-menteri UMNO lain, Tunku tidak berselindung-selindung lagi mengatakan bahawa *Utusan Melayu* berlaku tidak adil terhadap kerajaan dan UMNO (Said Zahari 2001: 65).⁷³ Berikutan dengan pertemuan itu, Tunku mula “mengundang” Pengurus Besar dan Ketua Pengarang *Utusan Melayu* ketika itu, Yusof Ishak pergi ke kediaman rasmi Perdana Menteri dan “bersarapan” pagi dengan Tunku, dan dalam setiap sesi “sarapan” itulah Tunku menghujani Yusof Ishak dengan kritikan demi kritikan dan kecaman (Said Zahari 2001: 66).⁷⁴ Akibat daripada tekanan demi tekanan yang dikenakan oleh UMNO, pengasas *Utusan Melayu* yang memegang jawatan Pengurus Besar dan Ketua Pengarang selama 20 tahun itu terpaksa meninggalkan *Utusan Melayu*.⁷⁵

⁷² Perhimpunan ini diadakan di Kuala Lumpur selama empat hari mulai 1 Mac 1946 dan dihadiri oleh 41 buah pertubuhan Melayu. Berikutan dengan perhimpunan ini, tertubuhnya Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (*United Malaya National Organisation*, UMNO).

⁷³ Sungguhpun dalam pertemuan itu *Utusan Melayu* berjanji akan mengambil kira kritikan yang ditimbulkan oleh UMNO dan memenuhi kemahuan kerajaan, tetapi menurut pandangan Said Zahari (2001: 66), janji itu rupanya tidak cukup bagi meredakan tekanan ke atas *Utusan Melayu*.

⁷⁴ Menurut memoir Said Zahari (2001: 66) lagi, pengalaman “bersarapan” pagi ini telah mengakibatkan daya tahan dalaman dan daya sabar Yusof Ishak diuji hingga ke kemuncaknya. Yusof Ishak bercakap dengan Said Zahari bahawa “*I can’t take it anymore, Said. It’s too much. In my years of journalistic career, I have never been so humiliated. Not even by the British colonialist, never. Enough is enough...*”

⁷⁵ Menurut Said Zahari, semua saham *Utusan Melayu* kepunyaan Yusof Ishak, Aziz Ishak (adik kepada Yusof Ishak), ayah dan kakak mereka dijual kepada Tunku (Said Zahari. 2001: 69).

Selain daripada pelbagai bentuk tekanan, salah satu langkah penting yang diambil oleh UMNO ialah mengambil alih pemilikan *Utusan Melayu* dan meletakkan orang UMNO ke dalam pengurusan *Utusan Melayu*. Proses pengambilalihan dan penguasaan ke atas *Utusan Melayu* bermula sejak penghujung 1950an dan menjadi sempurna pada 1961. *Utusan Melayu* mengadakan penjualan saham buat kali kedua pada tahun 1956 supaya memungut modal sejumlah RM2 juta untuk membeli mesin cetak yang baru sebagai langkah pemodenan *Utusan Melayu*. Berikutan dengan penjualan saham itu kebanyakan saham dibeli oleh UMNO dan kebanyakan ahli lembaga pengarah adalah orang UMNO (Mohd Safar Hashim 1996: 254).

Pemegang saham majoriti ialah Federal Transport yang berlokasi di Butterworth. Sungguhpun pengerusi Federal Transport, Hashim Awang, juga seorang pemimpin UMNO di Pulau Pinang, beliau memiliki saham majoriti *Utusan Melayu* bukan sebagai proksi UMNO (Mohd Safar Hashim 1996: 254-255). Walau bagaimanapun, saham yang dimiliki oleh Federal Transport itu dibeli oleh seorang peniaga Johor, Mansor Bakri, yang **kemudiannya diketahui dibuat bagi pihak UMNO** (Mohd Safar Hashim 1996: 255).

Mulai awal 1961, sekali lagi “beberapa orang individu yang diketahui mempunyai hubungan rapat dengan parti yang memerintah” mula membeli saham *Utusan Melayu* dari pemegang-pemegang saham sehingga saham majoriti akhbar yang diasaskan oleh masyarakat Melayu ini jatuh ke tangan UMNO (Mohd Safar Hashim 1996: 254). Berikutan dengan perkembangan ini, bukan sahaja lembaga pengarah dikuasai sepenuhnya oleh beberapa individu UMNO, malah seorang ahli jawatankuasa tertinggi UMNO, Ibrahim Fikri Mohamed, dilantik sebagai Pengarah Urusan dan Ketua Pengarang, pada pertengahan tahun 1961 (Mohd Safar Hashim 1996: 255; Said Zahari 2001: 81).

Setelah mengambil alih jawatan tersebut, Ibrahim Fikri Mohamed mengumumkan empat dasar baru yang bertujuan untuk menjadikan *Utusan Melayu* sebagai sebuah akhbar yang memberi sokongan penuh kepada parti pemerintah dan menukar Said Zahari yang ketika itu pengarang *Utusan Melayu* ke pejabat *Utusan*

Melayu di Singapura.⁷⁶ Kakitangan *Utusan Melayu* menuntut supaya Lembaga Pengarah menarik balik empat dasar baru tersebut dan keputusan menukar Said Zahari ke Singapura. Lembaga Pengarah *Utusan Melayu* enggan menerima tuntutan tersebut dan akhirnya mogok berlaku pada 21 Julai 1961 (Said Zahari 2001: 83).

Sungguhpun mogok itu telah dijalankan selama 93 hari, tetapi gagal membela *Utusan Melayu* sebagai satu institusi media yang bebas. Pada saat-saat terakhir mogok itu, Said Zahari dilarang masuk ke Malaya buat selama-lamanya setelah beliau mengunjungi pemogok-pemogok di Singapura. Serentak dengan larangan memasuki Malaya, perpecahan mula berlaku di kalangan pemogok (Said Zahari 2001: 83) dan akhirnya mogok tersebut digagalkan oleh pihak berkuasa. Berikutan dengan itu, *Utusan Melayu* dikuasai sepenuhnya oleh UMNO sehingga hari ini. Semenjak itu, hampir seratus peratus ahli lembaga pengarah *Utusan Melayu* dianggotai oleh orang-orang UMNO yang perlantikan mereka secara langsung atau tidak langsung ditentukan oleh Presiden UMNO sendiri (Chamil Wariya 1988: 262).

Kumpulan *Utusan Melayu* yang menjadi syarikat tersenarai pada 16 Ogos 1994 kini masih dikuasai oleh UMNO di mana 58.31 peratus saham kumpulan akhbar itu dimiliki oleh UMNO. Selain daripada segi agihan saham, kaitan Kumpulan *Utusan Melayu* dengan kepentingan UMNO juga dibayangkan dari segi keahlian Lembaga Pengarah (Lihat Jadual 5.1).

⁷⁶ Empat dasar baru yang diumumkan adalah seperti berikut: 1. Memberikan sokongan penuh kepada parti yang memerintah, kerana itu akan lebih menguntungkan dari segi perniagaan. 2. Menyiarkan berita-berita yang benar tetapi membatasi kepala-kepala berita kepada parti-parti lain. 3. Menyiarkan lebih banyak berita dengan kepala berita yang besar mengenai menteri-menteri Perikatan di mana ia dapat dilakukan, termasuk kenyataan-kenyataan dasar penting. 4. Menyokong Perikatan apabila perbuatan sudah dilakukan dan mengkritik secara membina sesuatu keputusan yang buruk dibuat (Said Zahari 2001: 82; Mohd Safar Hashim 1996: 248; Zainudin Maidin 1994: 210). Walau bagaimanapun, sebelum ini, menurut Said Zahari lagi, kira-kira dalam tahun 1959, Yusof Ishak telah secara tiba-tiba diarahkan oleh Tunku Abdul Rahman supaya melaksanakan satu dasar baru yang pada hakikatnya bertujuan menamatkan peranan *Utusan Melayu* sebagai sebuah akhbar bebas. Oleh kerana dasar baru ini tidak dipersetujui oleh Jabatan Pengarang *Utusan Melayu*, ia ditarik balik kemudiannya (Said Zahari 2001: 67).

JADUAL 5.1 Keahlian Lembaga Pengarah Kumpulan Utusan Melayu
Bagi Tahun 1997

Nama Ahli-ahli Lembaga Pengarah	Jawatan-jawatan dalam Kerajaan dan UMNO yang dipegang
Tan Sri Kamarul Ariffin Mohamed Yassin	Bekas senator.
Tan Sri Abdul Samad Idris	Tokoh veteran UMNO, Timbalan Menteri Pertanian (1972), Pengerusi FINAS.
Dato' Abdullah Ahmad	Bekas ahli Parlimen UMNO.
Dato' Haji Nasir Haji Mat Piah	Bekas Pegawai Daerah Temerloh (1971).
Tan Sri Dato' Haji Husein Ahmad	Pengerusi Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KADA).
Raja Ahmad Aminollah Raja Abdullah	Naib Ketua Bahagian UMNO Ipoh Timor.
Senator Dato' Saad Haji Man	
Ruhanie Haji Ahmad	Ahli Parlimen Parit Sulong, Ketua Bahagian UMNO, Presiden Penyokong-penyokong Kerajaan Parlimen Malaysia.
Datuk Jalaludin Bahaudin	Bekas Setiausaha Akhbar kepada Menteri Penerangan, bekas Setiausaha Akhbar dan Pembantu Khas kepada Perdana Menteri (Mahathir).
Senator Datuk Zainuddin Maidin	Setiausaha Parlimen, Kementerian Penerangan.
Aziz Meor Ngah	Pengerusi FAMA, Pengarah Eksekutif Kumpulan Utusan Melayu.

Sumber: Laporan Tahunan Kumpulan Utusan Melayu 1997 dan lain-lain

Pengkonglomeratan Kumpulan Utusan Melayu nyata terlihat dari segi bidang perniagaan yang diceburi. Kumpulan Utusan Melayu berkembang sebagai sebuah konglomerat yang mempunyai sebanyak 24 buah anak syarikat (*subsidiary companies*) dan 6 buah syarikat bersekutu (*associated companies*). Aktiviti-aktiviti syarikat-syarikat tersebut merangkumi bidang penerbitan akhbar dan majalah, teknologi maklumat dan multimedia, pengangkutan, pembuatan alat-alat tulis, periklanan *outdoor*, perakaman dan pengeluaran audio, dan sebagainya.

Dari segi pengeluaran bahan-bahan media, Kumpulan Utusan Melayu merupakan sebuah gergasi media yang berpengaruh dengan menerbitkan 13 jenis penerbitan, di mana empat daripada penerbitan kumpulan itu, iaitu *Utusan Malaysia*, *Mingguan Malaysia*, *Mangga* dan *Mastika*, menduduki tempat teratas dalam tinjauan yang dijalankan oleh AC Nielson (Laporan Tahunan Kumpulan Utusan Melayu 1999: 20, Lihat Jadual 5.2 untuk senarai anak-anak syarikat Kumpulan Utusan Melayu; Jadual 5.3 untuk senarai penerbitan Kumpulan Utusan Melayu).

Dalam tempoh 1 Julai 1997 hingga 30 Jun 1998, *Utusan Malaysia* mencatatkan jumlah jualan sebanyak 267 765 naskah bagi terbitan harian (atau 44.42 peratus berbanding dengan jumlah jualan akhbar-akhbar bahasa Malaysia) dan 522 857 naskah bagi terbitan Ahad (atau 49.39 peratus berbanding dengan jumlah jualan akhbar-akhbar bahasa Malaysia), dan sebagai akhbar yang paling laris di kalangan akhbar-akhbar bahasa Malaysia.

JADUAL 5.2 Anak-anak Syarikat Kumpulan Utusan Melayu

Nama Syarikat	Kepentingan Berkesan (%)		Aktiviti-aktiviti Utama
	2000	1999	
Utusan Publications and Distributions Sdn Bhd	100	100	Penerbitan dan pengedaran buku
USP Techno Printer Sdn Bhd	100	100	Pencetakan dokumen sekuriti
Juasa Holdings Sdn Bhd	100	100	Pemegangan Pelaburan
Utusan Printcorp Sdn Bhd	100	100	Percetakan komersial
Utusan Melayu (Singapura) Private Limited	100	100	Dorman
Utusan Teknologi Maklumat Sdn Bhd	70	70	Dorman
UPD Sdn Bhd	100	100	Periklanan luar (<i>outdoor advertising</i>)
Digital Conference Sdn Bhd	100	100	Pengurusan acara khas
Utusan Digital Sdn Bhd	100	100	Dorman
Forum Exposition Sdn Bhd	70	70	Penganjur pameran dan esposisi
Net Space Learning Sdn Bhd	100	100	Teknologi maklumat dan multimedia
Utusan City Berhad	100	100	Dorman
Advanced Web Print Sdn Bhd	100	100	Dorman
Utustar (Malaysia) Sdn Bhd	100	100	Dorman
Net Space Production Sdn Bhd	62.5	100	Teknologi maklumat dan multimedia
UPD Productions Sdn Bhd	100	100	Pengeluaran poster periklanan

Sambungan Jadual 5.2

Utusan Binders Sdn Bhd	100	100	Penjilidan buku dan bahan penerbitan
Utusan Media Sales Sdn Bhd	100	100	Periklanan radio dan cetakan
KL Recorder Sdn Bhd	100	100	Dorman
Utusan Audio Sdn Bhd	100	100	Perakaman dan pengeluaran audio
Utusan Sight and Sound Sdn Bhd	100	100	Penyuntingan bahan-bahan video
Advance Screen Sdn Bhd	51	51	Percetakan poster <i>silkscreen</i>
Utusan Colourscan Sdn Bhd	100	100	Dorman
Juasa Properties Sdn Bhd	100	100	Dorman

Sumber: Laporan Tahunan Kumpulan Utusan Melayu 2000

JADUAL 5.3 Senarai Penerbitan Kumpulan Utusan Melayu

Akhbar	Majalah
1. <i>Utusan Malaysia</i>	1. <i>Al-Islam</i>
2. <i>Mingguan Malaysia</i>	2. <i>Cerdas Pintar</i>
3. <i>Utusan Melayu</i>	3. <i>Kawan</i>
4. <i>Utusan Zaman</i>	4. <i>Mangga</i>
	5. <i>Massa</i>
	6. <i>Mastika</i>
	7. <i>Pemikir</i>
	8. <i>Saji</i>
	9. <i>URTV</i>
	10. <i>Wanita</i>

Sumber: Information Malaysia 1997

5.3.2 Pengkonglomeratan Kumpulan New Straits Times Press dan Kaitannya dengan UMNO

Sebelas tahun selepas *Utusan Melayu* dikuasai UMNO, satu lagi akhbar yang berpengaruh, iaitu *The Straits Times* yang ditubuhkan oleh orang British pada 1845, terjatuh ke tangan UMNO yang ketika itu diketuai Tun Razak.⁷⁷ Pengambilalihan *The Straits Times* dijalankan atas nama bahawa “orang tempatan harus menguasai akhbar-akhbar utama di dalam sebuah negara yang merdeka” (Loh & Mustafa 1996: 101), memandangkan ketika itu kebanyakan akhbar tempatan dimiliki oleh pemilik asing.⁷⁸ Umpamanya, sungguhpun pendaftaran *The Straits Times Press* dipindahkan ke Kuala Lumpur pada 1959 dan mempunyai cawangan pemberitaan yang berasingan, melebihi 70 peratus saham syarikat itu masih dipegang oleh pemegang-pemegang saham Singapura (Mohd Safar Hashim 1994: 276).

Niat untuk “meMalaysiakan” pemilikan akhbar tempatan terutamanya *The Straits Times* telah disuarakan secara lantang sekali dalam Persidangan Agung Pemuda dan Persidangan Perwakilan dalam bulan Jun 1972 (Mohd Safar Hashim 1994: 276). Pemuda UMNO meluluskan sebulat suara satu usul yang menekankan bahawa akhbar-akhbar tempatan mesti dimiliki oleh rakyat tempatan begitu juga para kakitangannya “untuk menentukan sumbangan kewartawanan yang sesuai dengan identiti nasional” (Mohd Safar Hashim 1994: 281).⁷⁹ Berikutan dengan “seruan” Pemuda UMNO, Presiden UMNO merangkap Perdana Menteri ketika itu, Tun Razak,

⁷⁷ Tun Razak yang selaku Presiden UMNO selepas Tunku Abdul Rahman, antara pemimpin UMNO yang dikatakan tidak senang dengan *Utusan Melayu* pada penghujung 1950an dan awal 1960an sebelum akhbar itu dikuasai penuh oleh UMNO. Lihat Said Zahari 2001: 73.

⁷⁸ Kajian kerajaan mendapati bahawa hanya 13 daripada 34 buah akhbar tempatan pada tahun 1973 adalah dimodali 100 peratus oleh warganegara, 16 lagi dimodali oleh modal asing kurang daripada 50 peratus, manakala lima buah dimodali 100 peratus oleh modal asing (Mohd Safar Hashim 1994: 281).

⁷⁹ Usul Pemuda UMNO adalah seperti berikut: (Mohd Safar Hashim 1994: 282)

- i. Semua pemilik akhbar (pemegang saham, rakan kongsi, dan individu) mestilah warganegara.
- ii. Semua pekerja, termasuk mereka yang memegang jawatan pengurusan, pengarang dan kewartawanan, mestilah warganegara, dan
- iii. Akhbar yang tidak mencerminkan identiti nasional mestilah mengubah sikap mereka dan memahami kedudukan mereka dalam membentuk perpaduan negara dan juga identiti nasional yang tulen.

mengatur langkah untuk mengambil alih pemilikan *The Straits Times* daripada pemilik asing.⁸⁰

Tun Razak meminta Tengku Razaleigh, yang disifatkan sebagai “teman perniagaan besar” kepada beliau, membeli blok saham yang strategik dalam syarikat tersebut (Gomez 1990: 58). Tengku Razaleigh, selaku Pengerusi Perbadanan Nasional Berhad (Pernas), membeli 80 peratus kepentingan dalam The Straits Times Press di bawah nama Pernas.⁸¹ Walau bagaimanapun, kepentingan ini dipindah milik kepada sebuah syarikat pelaburan UMNO utama yang ditubuhkan oleh Tengku Razaleigh pada 1972, iaitu Fleet Holdings Sdn Bhd.⁸² Berikutan dengan ini, The Straits Times Press (M) Sdn Bhd ditukar nama sebagai New Straits Times Press (Malaysia) Sdn Bhd (NSTP).

Hakmilik dipindah ke Fleet Holdings menunjukkan kawalan UMNO ke atas akhbar bahasa Inggeris itu telah menjadi penguasaan secara langsung. Sungguhpun NSTP telah menjadi sebuah syarikat tersenarai pada 31 Januari 1973 dan Fleet Holdings menawarkan 3444 000 saham syarikat itu kepada orang ramai, Fleet Holdings masih menguasai akhbar itu. Kepentingan UMNO dalam NSTP bertambah lagi ketika Daza Sdn Bhd (ditukar nama sebagai Tekal kemudiannya) yang dimiliki Daim Zainuddin memperolehi lagi 20 peratus kepentingan NSTP daripada Times

⁸⁰ Saranan “meMalaysiakan” *The Straits Times* memperlihatkan perebutan puak-puak dalaman UMNO yang dijalankan atas nama “kepentingan nasional”. Saranan itu ditimbulkan oleh Ketua Pemuda UMNO ketika itu, Harun Idris, yang memang salah seorang penentang Tun Razak dan Hussein Onn, dengan tujuan untuk memalukan Tun Razak (Gomez 1990: 59). Maka tidak hairan melihat ketika perhimpunan agung Pemuda UMNO dilangsungkan, seorang anggota Exco Pemuda UMNO yang rapat dengan Harun Idris, iaitu Haji Suhaimi Kamaruddin, dengan suara lantang memberi amaran kepada pucuk pimpinan UMNO bahawa “Kesabaran kami ada hadnya. Kami mahu tindakan dalam masa dua bulan. Saya tidak akan menerima sebarang alasan jika tiada tindakan diambil selepas tarikh itu” (Mohd Safar Hashim 1996: 283). Suhaimi Kamaruddin ialah anak saudara kepada Harun Idris dan telah juga dipilih sebagai Ketua Pemuda UMNO pada 1978, sebagai pengganti kepada Harun Idris yang dijatuhkan hukuman penjara dua tahun di bawah kesalahan rasuah dalam zaman pemerintahan Hussein Onn (Means 1991: 57).

⁸¹ Pernas dan Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah sebuah agensi amanah (*trust agencies*) yang ditubuhkan oleh kerajaan untuk membeli aset korporat bagi pihak komuniti Bumiputra (Wang 1999: 74).

⁸² Kepentingan UMNO dalam Fleet Holdings diwakili melalui syarikat-syarikat amanah dan nominee. Di samping itu, Fleet Holdings mengambil alih kepentingan di *The Straits Times* dengan harga RM32 juta yang dipinjam oleh Bank Bumiputra yang ketika itu diketuai oleh Tengku Razaleigh sendiri (Gomez 1990: 55-58).

Publishing Bhd, Singapura, pada Jun 1984. Hampir dua bulan kemudian, sebuah anak syarikat Fleet Group, Fleet Trading & Manufacturing Sdn Bhd, mengambil alih Daza dengan modal RM1 juta (Gomez 1997: 55). Setakat ini, NSTP bukan sahaja dimiliki seratus peratus oleh korporat tempatan, malah dikuasai oleh elit berkuasa UMNO.

Pengembangan saiz Kumpulan New Straits Times Press merupakan satu contoh konkrit yang membuktikan proses pemusatan dan pengkonglomeratan pemilikan media di Malaysia. NSTP berkembang pesat dalam 1980an ketika Daim Zainuddin mengambil alih pengurusan Fleet Holdings pada 1982. Gaya pengurusan Daim amat berbeza dengan Tengku Razaleigh. Ini mungkin salah satu faktor Mahathir melantik Daim Zainuddin untuk menggantikan Tengku Razaleigh kerana dikatakan bahawa Mahathir tidak berpuas hati dengan prestasi Fleet Holdings ketika itu dan mahu melihat pengurusan serta kawalan kewangan syarikat tersebut diperbaiki (Gomez 1990: 66).⁸³

Semasa era Razaleigh (1977-1982), pengintegrasian kumpulan NSTP bertujuan untuk meneguhkan kawalan terhadap sektor akhbar memandangkan pengambilalihan yang dilakukan oleh NSTP bersifat menegak atau mendatar, iaitu hanya memperolehi syarikat-syarikat yang mempunyai aktiviti yang berkaitan dengan perniagaan NSTP (Gomez 1990: 69). Perubahan corak pengintegrasian telah berlaku ketika Daim menguasai Fleet Holdings. Daim memperolehi 20 peratus saham NSTP daripada Times Publishing Berhad, Singapura, dalam Jun 1984, melalui sebuah syarikat milikan beliau, Daza Sdn Bhd. Dua bulan kemudian, sebuah anak syarikat milikan sepenuh Fleet Group, Fleet Trading & Manufacturing Sdn Bhd telah mengambil alih Daza Sdn Bhd dengan modal RM1 juta (Gomez & Jomo 1997: 55).

Pemilikan NSTP bukan sahaja dikuasai sepenuh oleh warga Malaysia, tetapi dikuasai sepenuh oleh kepentingan UMNO. Kalau ini langkah pertama bagi Daim membangunkan kumpulan NSTP, maka langkah kedua yang diambil ialah memperkembangkan kumpulan NSTP sebagai sebuah konglomerat yang menceburi

⁸³ Salah satu sebab lagi Daim dilantik untuk menggantikan Razaleigh adalah kerana pengaruh Razaleigh dalam UMNO dan kerajaan merosot akibat daripada kekalahan beliau di tangan Musa Hitam untuk jawatan Timbalan Presiden UMNO (Gomez 1990: 65-66).

pelbagai bidang perniagaan. Kajian Gomez (1990: 68) mendapati bahawa semasa era Daim, terdapat satu perubahan yang jelas iaitu berpindahnya anak-anak syarikat terpenting Fleet Group kepada sebuah syarikat awam tersenarai yang terpenting, iaitu NSTP dan menjadikan NSTP muncul sebagai satu konglomerat milikan UMNO yang merangkumi pelbagai bidang perniagaan.

Dalam bulan April 1990, kebanyakan kepentingan itu diserahkan kepada Renong Bhd, sebuah syarikat pelaburan yang baru dan dimiliki oleh UMNO Baru (Loh & Mustafa 1996: 102).⁸⁴ Perkembangan ini membayangkan bahawa puak Mahathir yang menguasai UMNO (Lama) terus menguasai penuh dua kumpulan penerbitan yang terbesar di Malaysia iaitu Kumpulan NSTP dan Kumpulan Utusan Melayu.

Setakat tahun 2000, NSTP memiliki sebanyak 20 buah anak syarikat (*subsidiary companies*) dan 8 buah syarikat bersekutu (*associated companies*) merangkumi bidang penerbitan akhbar dan majalah, insuran am (*general insurance*), perkhidmatan perundingan (*consultancy services*), perkhidmatan pengurusan kesihatan (*healthcare management services*), pembangunan harta benda, pelaburan dan sebagainya (Lihat Jadual 5.4 untuk senarai anak-anak syarikat Kumpulan NSTP).

⁸⁴ Secara rasmi, UMNO Baru adalah sebuah parti baru yang didaftarkan akibat daripada UMNO diumumkan sebagai pertubuhan haram oleh Mahkamah, tetapi pada hakikatnya, UMNO Baru didominasi oleh pasukan A yang dipimpin oleh Mahathir yang telah mempertahankan kedudukan pimpinan beliau dalam pilihanraya UMNO pada 1987, sebelum keputusan pilihanraya itu dibawa ke Mahkamah. Beberapa tahun kemudian, UMNO Baru bukan sahaja telah diluluskan untuk menukar nama kepada nama asal "UMNO", malah mewarisi aset-aset yang dimiliki oleh UMNO lama.

JADUAL 5.4 Anak-anak Syarikat Kumpulan New Straits Times Press

Nama Syarikat	Kepentingan Berkesan (%)		Aktiviti-aktiviti Utama
	1999	1998	
AMI Insurans Berhad	100	100	Penaja jamin insurans
Asia Pacific Enterprise Computing Sdn Bhd	100	100	Dorman
Asia Pacific Risk Management Centre Sdn Bhd	71	71	Perkhidmatan perundingan
Basshill Holdings Limited (British Virgin Island)	100	100	Pemegangan pelaburan
Berita Book Centre Sdn Bhd	100	100	Dorman
Rampaian Media Sdn Bhd	100	100	Pengedaran akhbar dan majalah
Berita Harian Sdn Bhd	100	100	Persiapan perkhidmatan editorial Bahasa Malaysia
Berita Information Systems Sdn Bhd	100	70	Pemasaran dan pembekalan peralatan pemprosesan data dan persiapan perkhidmatan pemprosesan data
Berita Publishing Sdn Bhd	100	100	Penerbitan majalah, buku dan terbitan berkala
Beriteks Sdn Bhd	100	70	Persiapan perkhidmatan data pandang (<i>view data</i>) melalui media elektronik
Bisofware Sdn Bhd	100	100	Dorman
Bistech Sdn Bhd	100	100	Dorman

Sambungan Jadual 5.4

BT Information Sdn Bhd	100	100	Dorman
Business Times (Malaysia) Sdn Bhd	100	100	Penerbitan akhbar kewangan harian, <i>Business Times</i>
IT Publications Sdn Bhd	100	100	Persiapan perkhidmatan editorial dan penerbitan tabloid komputer
IT Press (Singapore) Pte Ltd	100	100	Dorman
Idab Wamac International AB (Sweden)	51	55	
Marican Sdn Bhd	92.5	92.5	Pengedaran akhbar dan terbitan-terbitan berkala
New Straits Times Sdn Bhd	100	100	Persiapan perkhidmatan editorial Bahasa Inggeris
New Straits Times Technology Sdn Bhd	100	100	
NSTP Interactive Sdn Bhd	70	70	Perkhidmatan on-line berasaskan Internet
Open Solutions Sdn Bhd	100	100	Dorman
Pitisan Sdn Bhd	100	100	Pemegangan pelaburan
Prosakti Sdn Bhd	100	100	Perkhidmatan pengurusan kesihatan
Shin Min Publishing (M) Sdn Bhd	89.6	89.6	Dorman
The New Straits Times Properties Sdn Bhd	100	100	Pembangunan dan pelaburan harta tanah
Times of Malaysia Limited (United Kingdom)	100	100	Dorman
Worldbase Investments Limited (British Virgin Island)	100	100	Pemegangan pelaburan

Akademi Penulisan dan Penerbitan Pena Sdn Bhd	50	50	Mengendali kursus dan menganjur seminar dalam bidang kewartawanan
Asia Magazine Limited (Hong Kong)	26.9	26.9	Dorman
Business Day Co. Ltd (Thailand)	30.9	30.9	Penerbitan akhbar kewangan harian di Thailand, <i>Business Day</i>
Enesty Hire & Drive Sdn Bhd	40	40	Penyewaan kenderaan dan perjalanan serta pelancongan
Thailand Metro Media Group Co. Ltd (Thailand)	49	49	Pemegangan pelaburan
Laras Perkasa Sdn Bhd	30	-	Pemegangan pelaburan

Sumber: Laporan Tahunan Kumpulan New Straits Times 1999

Dari segi pengeluaran bahan media, NSTP menerbitkan 20 jenis penerbitan dengan jumlah pengedaran akhbar harian melebihi 650 000 naskah dan 950 000 naskah pada hari Ahad (Lihat Jadual 5.5 untuk senarai penerbitan NSTP). Bagi tempoh 1 Julai 1997 hingga 30 Jun 1998, terbitan harian *New Straits Times* sahaja mencatatkan jumlah jualan sebanyak 155 977 naskah (36.70 peratus berbanding dengan jumlah jualan akhbar-akhbar bahasa Inggeris) dan 179 143 naskah bagi terbitan Ahad (35.28 peratus berbanding dengan jumlah jualan akhbar-akhbar bahasa Inggeris), iaitu jumlah jualan kedua tinggi dalam industri akhbar bahasa Inggeris.

JADUAL 5.5 Senarai Penerbitan Kumpulan New Straits Times Press

Akhbar	Majalah
1. <i>New Straits Times (New Sunday Times)</i>	1. <i>Anjung Seri</i>
2. <i>Berita Harian (Berita Minggu)</i>	2. <i>Dataniaga</i>
3. <i>The Malay Mail (The Sunday Mail)</i>	3. <i>Her World</i>
4. <i>Business Times</i>	4. <i>Her World Cookbook</i>
5. <i>Harian Metro (Metro Ahad)</i>	5. <i>Investers Digest</i>
6. <i>Citra</i>	6. <i>Jelita</i>
7. <i>Didik</i>	7. <i>Sajian Jelita</i>
8. <i>Minda Pelajar</i>	8. <i>Malaysian Business</i>
	9. <i>New Straits Times Annual</i>
	10. <i>G2</i>
	11. <i>Computimes Shopper</i>

Sumber: Information Malaysia 1997

Satu peristiwa yang harus diambil perhatian mengenai peralihan pemilikan New Straits Times Press adalah pembelian pengurusan (*management buy-out*) yang berlaku pada Januari 1993. Dalam pembelian pengurusan itu, empat orang eksekutif kanan di NSTP membeli 48.01 peratus saham NSTP dan 43.22 peratus saham TV3 dengan tunai RM800 juta melalui Realmind Sdn Bhd, sebuah syarikat yang hanya mempunyai modal berbayar sejumlah RM100 ribu.⁸⁵ Sungguhpun kedua-dua kumpulan media itu terlepas daripada pemilikan Renong Group, tetapi melalui proses pembelian yang rumit, mereka masih dikuasai oleh elit politik UMNO.

⁸⁵ Keempat-empat eksekutif tersebut ialah Pengarah Urusan NSTP, Khalid Haji Ahmad, Pengurus Besar Kumpulan Kanan NSTP, Mohd Noor Mutalib, Ketua Pengarang Kumpulan *New Straits Times*, Abdul Kadir Jasin dan Editor Kumpulan *Berita Harian*, Ahmad Nazri Abdullah. Walau bagaimanapun, hampir satu tahun selepas Anwar dilucutkan jawatan, Ahmad Nazri Abdullah, Mohd Noor Mutalib dan Khalid Ahmad terpaksa meletak jawatan mereka dalam lembaga pengarah NSTP dan TV3 berikutan dengan pengambilalihan 95 peratus saham Realmild (M) Sdn Bhd oleh Abdul Rahman Maidin yang pro-Mahathir. Ketiga-tiga orang itu dipercayai terpaksa menjual saham-saham mereka di Realmild akibat daripada tekanan politik (Lihat "Anwar ally under pressure to sell media-related holdings: report", *AFP* 20 November 1998; "Shakeup at Malaysia's biggest media group following ownership change", *AFP* 27 Julai 1999).

Oleh kerana pemilik Hong Leong Group, Quek Leng Chan, yang dikatakan salah seorang kroni kepada Anwar Ibrahim, turut memainkan peranan penting dalam menyempurnakan pembelian tersebut, maka dipercayai bahawa pembelian itu “dipengaruhi kuat oleh niat Anwar Ibrahim untuk menyerkap NSTP dan TV3” (Gomez 1993a: 3; 1993b: 10). Pada hakikatnya, setelah pembelian itu disempurnakan, NSTP dan TV3 secara tidak langsung terletak di bawah kawalan Anwar Ibrahim melalui HICOM dan Ministry Finance Inc.⁸⁶

Penguasaan ke atas kedua-dua kumpulan media itu dikatakan memanfaatkan Anwar Ibrahim dalam kempen pilihanraya parti. Gomez (1993c: 38) mendapati bahawa sungguhpun liputan-liputan dalam *New Straits Times* tidak menunjukkan sokongan kepada Anwar secara terang-terangan, pendekatan yang lebih halus dan memanfaatkan Anwar telah digunakan, umpamanya, dengan menonjol dan memainkan isu Ghafar Baba menyalahgunakan agensi kerajaan untuk kempen politik, akhbar itu telah memaparkan imej Anwar dari sudut yang menguntungkan.

Apa yang harus diberi perhatian ialah, Anwar menafikan kepentingan beliau dalam pembelian pengurusan tersebut setelah beliau dilucutkan daripada jawatan Timbalan Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan dipecat daripada UMNO. Ketika memberi keterangan dalam perbicaraan tuduhan kesalahan sodomi yang diadakan pada 28 Oktober 1999, Anwar mendedahkan bahawa pembelian itu adalah didorong oleh niat Mahathir dengan mengatakan bahawa, “Perdana Menteri Mahathir Mohamad telah meminta supaya mengakhiri kumpulan media itu daripada dikuasai oleh individu-individu korporat yang diketuai oleh Daim.” Beliau mendedahkan lagi bahawa 70 peratus saham Realmind Sdn Bhd adalah dimiliki oleh Mahathir (*AFP* 28 Oktober 1999).⁸⁷ Walaupun siapa yang sebenarnya mendalangi pembelian pengurusan tersebut, hakikat penguasaan elit politik dan parti pemerintah ke atas gergasi media itu kekal.

⁸⁶ Penulisan Gomez (1993a: 2-6) menganalisis secara terperinci mengenai kaitan yang rumit di antara ahli-ahli perniagaan, syarikat-syarikat UMNO dan Hong Leong Group serta kawalan tidak langsung NSTP dan TV3 oleh Anwar Ibrahim.

⁸⁷ Dalam keterangan tersebut, Anwar mendedahkan bahawa kehilangan penguasaan ke atas kumpulan media itu mengakibatkan Daim berkomplot dengan konsiprasi peringkat atasan (*top-level conspiracy*) yang bertujuan untuk menjatuhkan kerjaya politik beliau.

5.3.3 Pengkonglomeratan Kumpulan Sin Chew dan kaitannya dengan Barisan Nasional

Akhbar *Sin Chew Jit Poh* diterbitkan buat pertama kali pada 15 Januari 1929. Kini dimiliki oleh Kumpulan Rimbunan Hijau yang beribu pejabat di Sibul, Sarawak. Dari segi jumlah pengedaran dan pembacaan, *Sin Chew Jit Poh* telah muncul sebagai akhbar bahasa Cina yang terpengaruh dalam masyarakat Cina sejak pertengahan 1990an.

Pengasas akhbar itu, Aw Boon Haw, adalah seorang saudagar yang terkenal dengan *Tiger Balm* yang dihasilkan. Beliau menubuhkan *Sin Chew Jit Poh* dengan tujuan untuk mengiklankan barangan yang dihasilkan, manakala *Sin Chew Jit Poh* adalah salah sebuah akhbar dalam kumpulan akhbar-akhbar Cina yang ditubuhkan oleh beliau di Asia Tenggara (Tan Eng Teik 1988: 102).⁸⁸

Seperti nasib akhbar-akhbar lain yang diterbitkan di Singapura, *Sin Chew Jit Poh* tidak terkecuali daripada proses *Malaysianization* pemilikan. Setelah pertengahan 1970an, pemilikan *Sin Chew Jit Poh* yang dimiliki keluarga Aw dialihkan kepada rakyat Malaysia (Tan Eng Teik 1988: 112).⁸⁹

Mulai 1982, seorang saudagar bernama Lim Kheng Kim mengambil alih Sin Poh Amalgamated (M) Sdn Bhd dan dengan itu menguasai *Sin Chew Jit Poh*. Ini menamatkan sama sekali penguasaan keluarga Aw ke atas pemilikan akhbar itu.⁹⁰ Walau bagaimanapun, penguasaan Lim ke atas *Sin Chew Jit Poh* tidak kekal lama. Lim adalah seorang pemaju perumahan dan perniagaan beliau menghadapi masalah

⁸⁸ Akhbar-akhbar yang telah diterbitkan oleh Aw Boon Haw termasuk *Harian Rangoon* di Rangoon, *Xiang Bao* di Singapura, *Xing Hua Ri Bao* di Swatow (Negeri China), *Xiang Guang Ri Bao* di Amoy, *Xing Dao Ri Bao* di Hong Kong dan *Sing Pin Jit Poh* di Pulau Pinang.

⁸⁹ *Nanyang Siang Pau*, pesaing utama kepada *Sin Chew Jit Poh*, telah juga membuat pengumuman pada 25 Ogos 1972 bahawa mereka akan menjual 51 peratus saham kepada rakyat Malaysia. Edisi Singapura kedua-dua *Sin Chew Jit Poh* dan *Nanyang Siang Pau* masih wujud sebagai akhbar yang berasingan sehingga awal 1980an kedua-dua akhbar itu dicantumkan sebagai *Lianhe Zaobao*. Antara lain yang turut mengikuti perkembangan keMalaysiaan itu ialah *Shin Min Daily News* yang diasaskan dan dimiliki oleh seorang penulis terkenal di Hong Kong, Zha Liangyong.

⁹⁰ Dengan mengambil alih Sin Poh Amalgamated (M) Sdn Bhd, Lim bukan sahaja menguasai *Sin Chew Jit Poh*, tetapi sebuah lagi akhbar bahasa Cina, *Sin Pin Jit Poh*. *Sin Pin Jit Poh* telah berhenti operasi pada 31 Disember 1988 akibat daripada kerugian teruk.

kewangan ketika kemelesetan ekonomi berlaku pada pertengahan 1980an. *Sin Chew Jit Poh* mengalami kesulitan kewangan satu tahun sebelum ia digantungkan permit penerbitan dalam Operasi Lallang yang dilancarkan mulai 26 Oktober 1987.

Ketika permit penerbitan *Sin Chew Jit Poh* dikeluarkan semula oleh Kementerian Dalam Negeri dan diterbit semula pada 8 April 1988, pemilikan akhbar ini telah diambil alih oleh pemilik Kumpulan Rimbunan Hijau, Tiong Hiew King, dengan modal sebanyak RM21 juta, melalui Pemandangan Sinar Sdn Bhd (Yap Koon See 1996: 141). Dari segi pengagihan saham, sekurang-kurangnya 65.9 peratus saham Pemandangan Sinar Sdn Bhd dikuasai keluarga Tiong.⁹¹ Dari segi keahlian lembaga pengarah, empat daripada lapan orang pengarah adalah ahli keluarga Tiong, manakala empat orang yang lain adalah pegawai kanan *Sin Chew Jit Poh*.⁹² Dengan kata lain, Tiong mempunyai kuasa penuh ke atas pengurusan *Sin Chew Jit Poh*.

Rimbunan Hijau yang dimiliki oleh keluarga Tiong adalah sebuah konglomerat yang aktif dalam industri pembalakan di Sarawak. Keluarga Tiong menguasai kira-kira 800 000 hektar konsesi pembalakan di Sarawak.⁹³ Selain daripada itu, Rimbunan Hijau juga memperluaskan kepentingan pembalakannya ke negara-negara seperti Brazil, Cameroon, Equatorial Guinea, Gabon, Vanuatu, New Zealand dan Timur Jauh Rusia (*Russian Far East*). Rimbunan Hijau adalah syarikat pembalakan yang terbesar di Papua New Guinea dan, melalui rangkaian syarikat-syarikat yang rumit dan legap, dijangkakan telah menguasai 50 hingga 80 peratus pengeluaran kayu balak di Papua New Guinea, dengan konsesi-konsesi yang dijangka hampir 2 juta hektar. Pada 1992, perolehan tahunan (*turnover*) syarikat-syarikat Rimbunan Hijau di Papua New Guinea

⁹¹ Lihat Maklumat Syarikat daripada Pejabat Pendaftar Syarikat Malaysia.

⁹² Keempat-empat orang pegawai kanan tersebut ialah Liew Kam Chean (Pengaroh Eksekutif, dan juga bekas Ketua Pengarah Kumpulan yang masih berpengaruh di *Sin Chew Jit Poh*), Gan Chin Kew (Pengurus Besar), Siew Nyoke Chow (Ketua Pengarah Kumpulan) dan Liew Peng Chuan (Ketua Pegawai Eksekutif). Lihat Maklumat Syarikat daripada Pejabat Pendaftar Syarikat Malaysia.

⁹³ Lihat, Ana Toni. 1997. "An Overview of Asian Companies: Malaysia" (www.greenpeace.org/~comms/97/forest/asian_companies_malaysia.html); "Corporate profiles compiled by George Draffan" (www.endgame.org/dtc/r.html). Di samping itu, *Asian Wall Street Journal* melaporkan Keluarga Tiong menguasai, secara langsung atau tidak langsung, 1.98 juta ekar (bersamaan dengan 792 000 hektar) konsesi pembalakan di Sarawak (Lihat "Secretive Family: Planned Malaysian Listing Draws Attention to Tiongs", *Asian Wall Street Journal* 21 Februari 1994).

dijangka pada K700 juta (AS\$722 juta) berbanding dengan K800 (AS\$825 juta) juta industri kayu balak negara itu.

Kejayaan dalam industri pembalakan menjadikan kekayaan Tiong meningkat secara berlipat ganda. Dewasa ini adalah dijangkakan bahawa Tiong memiliki kekayaan sebanyak AS\$1.5 - 1.6 bilion.⁹⁴ Sungguhpun kejayaan Rimbunan Hijau adalah berteraskan aktiviti pembalakan, Tiong telah mempelbagaikan perniagaan dengan menceburi bidang-bidang lain seperti peladangan kelapa sawit, pembangunan harta dan perbankan.⁹⁵

Tiong mengambil alih *Sin Chew Jit Poh* bukan sahaja menandakan satu era baru bagi akhbar bahasa Cina itu, malah satu era baru bagi Tiong sendiri. Setelah pengambilalihan itu, *Sin Chew Jit Poh* berkembang pesat dan mengalahkan *Nanyang Siang Pau* dengan mencatatkan jumlah pagedaran dan pembacaan yang paling tinggi mulai 1992 sehingga dewasa ini.⁹⁶ Di samping itu, terbentuknya “Kumpulan Akhbar Sin Chew” yang melanjutkan aktiviti-aktiviti penerbitan akhbar bahasa Cina dan bahasa Inggeris di Malaysia, Hong Kong, Kampuchea dan Papua New Guinea. Kejayaan Kumpulan Akhbar Sin Chew menjadikan Tiong seorang pengusaha media yang terkenal sehingga dikatakan bahawa “jika terdapat seorang Malaysia bersaing dengan Turners dan Murdoch dalam dunia ini, dialah peniaga Sarawak, Tan Sri Tiong Hiew King” (*The Edge* 18 Jun 2001).⁹⁷

⁹⁴ *The Australian* menyenaraikan “100 Keluarga Paling Kaya di Asia” (*Asia’s 100 Richest Families*) dan Tiong Hiew King bertempatan ke-58, dengan harta sebanyak AS\$1.6 bilion (28 Jan 2000). Manakala, menurut buku berjudul *Asia’s Wealth Club: Who’s Really Who in Business – 97 The Top 100 Billionaires in Asia*, Tiong memiliki harta bernilai AS\$1.5 bilion (9 Jun 1997) (<http://st-www.cs.uiuc.edu/users/chai/berita/970601-970630/0032.html>).

⁹⁵ Umpamanya Tiong memiliki 20 peratus saham dalam EON Bank Bhd. Operasi anak-anak syarikat Rimbunan Hijau termasuk projek pembangunan ladang kayu lembut yang bernilai AS\$58.5 juta di New Zealand, sebuah kilang papan di Shanghai (Negeri China), sebuah ladang ternak lembu di Australia, harta di Singapura dan kepentingan di sektor perbankan dan perladangan kelapa sawit.

⁹⁶ Dalam tempoh 1 Julai 1997 hingga 30 Jun 1998, *Sin Chew Jit Poh* mencatatkan jumlah jualan sebanyak 264,283 naskah, iaitu jumlah tertinggi dalam industri akhbar bahasa Cina atau 37.31% berbanding dengan jumlah jualan di kalangan akhbar-akhbar bahasa Cina.

⁹⁷ Teks asal berbunyi, “*if ever there was a Malaysian to rival the Turners and Murdochs of this world, it would have to be low-profile Sarawakian businessman, Tan Sri Tiong Hiew King.*”

Setelah diambil alih Tiong, *Sin Chew Jit Poh* semakin rapat dengan kepentingan-kepentingan politik Barisan Nasional jika berbanding dengan era Lim Kheng Kim. Perubahan ini berlaku kerana Tiong dan Kumpulan Rimbunan Hijau mempunyai hubungan rapat dengan elit berkuasa di negeri Sarawak, terutamanya Ketua Menteri Sarawak, Taib Mahmud, dan juga di peringkat kerajaan pusat.

Hubungan politik Tiong dikenalpasti melalui dua dimensi. Pertama, beliau sendiri seorang pemimpin sebuah parti komponen Barisan Nasional yang agak berpengaruh di kalangan komuniti Cina di Sarawak, iaitu Sarawak United People's Party (SUPP). Beliau bukan sahaja memegang jawatan sebagai Naib Presiden dan Bendahari parti itu, malah dengan jawatan parti yang dipegang, Tiong telah juga dilantik sebagai senator sebanyak dua kali. Salah seorang adiknya, Tiong Thai King, juga seorang ahli jawatankuasa SUPP dan ahli Dewan Rakyat bagi kawasan Lanang setelah beliau memenangi kerusi itu dalam pilihanraya umum 1995 dan 1999.⁹⁸

Kedua, hubungan politik Tiong harus diperiksa melalui hubungan perniagaan-politik yang dijalinan di antara Tiong dengan elit-elit politik dan keluarga mereka masing-masing. Hubungan rapat di antara Tiong dan keluarga Taib Mahmud dan bekas Timbalan Ketua Menteri Sarawak, Wong Soon Kai, bukan satu perkara rahsia. Umpamanya, saudara kepada Ketua Menteri Sarawak Taib Mahmud (yang menguasai kuasa peruntukan konsesi pembalakan), Mohamad Arip bin Mahmud, telah dilantik sebagai ahli lembaga pengarah Jasa Tiasa Holdings Berhad, sebuah syarikat awam tersenarai yang dimiliki keluarga Tiong, pada 13 April 1995.⁹⁹ Seorang kakak kepada Taib Mahmud juga salah seorang rakan perniagaan kepada Tiong. Manakala Wong Soon Kai telah dilantik sebagai pengerusi Subur Tiasa Holdings Berhad, sebuah lagi syarikat awam tersenarai yang dimiliki Tiong, setelah gagal mempertahankan kerusi Dewan Undangan Negeri Sarawak dalam pilihanraya negeri Sarawak 1996.

⁹⁸ Tiong Thai King memenangi kerusi parlimen kawasan Lanang (Sarawak) dengan undi majoriti 6790 dalam pilihanraya umum 1999 dan 2408 dalam pilihanraya umum 1995.

⁹⁹ Lain-lain ahli lembaga pengarah termasuk Tiong Thai King (adik kepada Tiong Hiew King), seorang ahli parlimen, dan Abu Talib bin Othman, bekas Peguam Negara.

Tiong juga merupakan rakan perniagaan kepada Menteri Alam Sekitar dan Kesihatan Awam, Negeri Sarawak, James Wong Kim Min, di mana Rimbunan Hijau memiliki 40 peratus saham dalam Limbang Trading Sdn Bhd yang memperolehi 310 000 hektar konsesi pembalakan di Sarawak sehingga tahun 2009 (55 peratus saham Limbang adalah dimiliki oleh James Wong Kim Min). Hubungan rapat di antara Tiong dan kelas pemerintah di Sarawak tidak harus menjadi sesuatu yang menghairankan memandangkan Rimbunan Hijau menikmati kedudukan dominan dalam industri pembalakan negeri itu.

Di peringkat Persekutuan pula, Tiong dikatakan berhubung rapat dengan Mahathir dan pada suatu ketika, beliau pernah juga mengadakan perkongsian dengan Mukhriz Mahathir, anak ketiga kepada Mahathir, untuk menubuhkan sebuah kilang *optical fiber* yang dinamakan Optical Communications Engineering Sdn Bhd. Namun begitu, kilang yang bertempat di sebelah ibu pejabat *Sin Chew Jit Poh* itu mengalami kerugian dan Tiong dikatakan ingin menarik diri daripada usahasama itu tetapi akhirnya gagal membuat demikian. Khabar angin mengatakan bahawa kegagalan Tiong menarik diri daripada kilang usahasama itu adalah berkait rapat dengan suatu peristiwa yang berlaku dalam bulan November 1993, iaitu ibu pejabat Rimbunan Hijau di Sibu diserbu polis dan Lembaga Hasil Dalam Negeri. Dikatakan polis telah menahan pekerja-pekerja di dalam bangunan selama beberapa jam ketika pegawai-pegawai memeriksa premis dan memperolehi sejumlah fail. Walau bagaimanapun, tiada sebarang laporan siasatan diumumkan berikutan dengan serbuan tersebut.

Kemunculan Kumpulan Akhbar Sin Chew bermula ketika Tiong mengambil alih *Guang Ming Daily* pada tahun 1993. Seterusnya, pada 10 November 1993, Tiong menerbitkan sebuah akhbar bahasa Inggeris, *The National*, di Papua New Guinea, iaitu salah satu lokasi penting bagi kepentingan pembalakan Rimbunan Hijau. Dua tahun kemudian, Tiong memperolehi 35.9 peratus saham sebuah kumpulan penerbitan akhbar yang terkenal dan terpengaruh di Hong Kong, Ming Pao Enterprise, yang menerbitkan *Ming Pao Daily News*, *Ming Pao Weekly*, *Ming Pao Monthly*,

Yazhou Zhoukan, Mingpao.com dan sebagainya.¹⁰⁰ Pada tahun 2000, Tiong menerbitkan *Sin Chew Jit Poh Kampuchea* di Kampuchea.

Di Malaysia pula, selain daripada *Guang Ming Daily* yang diperolehi pada 1993, Kumpulan Akhbar Sin Chew menerbitkan beberapa penerbitan lagi termasuk *Sin Chew Jit Poh Sarawak*, *Business World*, *Sinaran Sin Chew*, *Cahaya Sin Chew*, *Bintang Sin Chew*, laman berita *Sin Chew Interactive* dan sebagainya (Lihat Jadual 5.6 bagi senarai penerbitan di bawah Kumpulan Akhbar Sin Chew).

JADUAL 5.6 Senarai Penerbitan Kumpulan Akhbar Sin Chew

Akhbar	Majalah
1. <i>Sin Chew Jit Poh (Malaysia)</i>	1. <i>Business World (Malaysia)</i>
2. <i>Guang Ming Daily (Malaysia)</i>	2. <i>Yazhou Zoukan (Hong Kong)</i>
3. <i>Sinaran Sin Chew (Malaysia)</i>	3. <i>Ming Pao Weekly (Hong Kong)</i>
4. <i>Bintang Sin Chew (Malaysia)</i>	4. <i>Ming Pao Monthly (Hong Kong)</i>
5. <i>Cahaya Sin Chew (Malaysia)</i>	5. <i>City Children's Weekly (Hong Kong)</i>
6. <i>Sin Chew Jit Poh (Kampuchea)</i>	6. <i>Hi-TECH Weekly (Hong Kong)</i>
7. <i>The National (Papua New Guinea)</i>	
8. <i>Ming Pao Daily News (Hong Kong)</i>	
9. <i>Ming Pao Daily News (Toronto)</i>	
10. <i>Ming Pao Daily News (Vancouver)</i>	
11. <i>Ming Pao Daily News (New York)</i>	

Sumber: Laman Sin Chew Interactive, Laporan Tahunan Mingpao 2001

¹⁰⁰ Ming Pao Enterprise Limited telah mengembangkan operasinya di New York dengan menerbitkan *Ming Pao New York Edition*, dan di Kanada dengan menerbitkan *Ming Pao Toronto Edition* serta *Ming Pao Vancouver Edition*. Manakala *Yazhou Zhoukan*, yang membawa maksud "Asia Week" dalam bahasa Mandarin, adalah sebuah majalah berita mungguan (*newsmagazine*) yang mempunyai jumlah pengedaran melebihi 100 ribu naskah di peringkat antarabangsa, termasuk Malaysia (Lihat laporan Alice Poon, "Ming Pao Enterprise: Sale of Magazine Has Intangible Benefits", SHfn Financial News, http://eng.stockhome.com.hk/shfn/dec00/122200hk_mingpao.asp). Senarai penerbitan Ming Pao Enterprise boleh diperolehi dalam Laporan Tahunan 2001 syarikat itu.

Di samping itu, dikatakan Tiong akan memperolehi sebahagian saham Nanyang Press Holdings Berhad daripada Huaren Management Sdn Bhd yang dimiliki oleh sebuah parti komponen Barisan Nasional, Malaysian Chinese Association (MCA). Sungguhpun Presiden MCA, Ling Liong Sik mengakui bahawa Tiong merupakan “seorang rakan baik” (*friendly partner*), namun pembelian saham Nanyang Press oleh Tiong belum dipastikan lagi setakat ini. Ini kemungkinan besar kerana bukan sahaja MCA menjadi sasaran kritikan dalam isu pengambilalihan Nanyang Press, malah Tiong dan *Sin Chew Jit Poh* turut menerima kritikan yang begitu hebat sekali daripada pelbagai pihak yang menentang pengambilalihan itu.¹⁰¹

5.3.4 Pengambilalihan Akhbar-akhbar Lain oleh Parti Pemerintah

Selain daripada *Utusan Melayu* dan *New Straits Times*, kerajaan dan parti-parti komponen Barisan Nasional juga mengambil alih akhbar-akhbar lain. MCA menguasai Star Publications (M) Sdn Bhd yang menerbitkan sebuah akhbar berbahasa Inggeris yang amat berpengaruh, *The Star*, setelah syarikat pelaburan (*investment subsidiary*) MCA yang dinamakan Huaren Holdings Sdn Bhd memperolehi 67.35 peratus saham Star Publications pada 1979 (Loh & Mustafa 1996: 102-103).¹⁰² Pecahan pemilikan ini bertambah kepada 75 peratus pada 1982 (Means 1991: 137) dan 78 peratus pada 1987 (Loh & Mustafa 1996: 103).

¹⁰¹ Salah satu tuduhan yang ditujukan kepada *Sin Chew Jit Poh* ialah akhbar itu tidak menerbitkan sebarang berita dan komen yang dianggap memihak kepada kempen anti pembelian Nanyang Press oleh MCA. Cara *Sin Chew Jit Poh* menangani isu pembelian Nanyang Press telah mendalami kepercayaan umum di kalangan mereka yang membantah pembelian itu bahawa Tiong terlibat atau akan melibatkan diri dalam pembelian itu. *Malaysiakini* telah melaporkan bahawa Presiden MCA, Ling Liong Sik, mengakui bahawa lebih kurang separuh daripada jumlah saham yang dimiliki oleh Huaren akan dibahagikan kepada seorang “rakan baik”, yang dipercayai sebagai Tiong, ketika memberi taklimat kepada pemimpin-pemimpin Perhubungan Negeri MCA Selangor (Lihat “MCA plans to divest half of Nanyang stake to ‘friendly partner’”, *Malaysiakini* 1 Jun 2001, www.malaysiakini.com). Penglibatan Tiong dalam pembelian itu dilihat sebagai satu langkah “berpakat” dengan MCA untuk menguasai sebuah akhbar bebas parti politik.

¹⁰² *The Star* mula diterbitkan pada 9 September 1971 sebagai sebuah akhbar tempatan di Pulau Pinang. Penedaran *The Star* bertambah pesat dalam awal 1976 sehingga menjadi akhbar utama di Pulau Pinang dan mengatasi *New Straits Times* yang mempunyai sejarah 139 tahun. *The Star* berkembang sebagai sebuah akhbar kebangsaan pada 3 Jan 1976 dan dua tahun kemudian ibu pejabatnya dipindah ke Kuala Lumpur. Lihat, *A Brief History of The Star*, <http://thestar.com.my/info/thestar.asp>.

Star Publications telah menjadi syarikat tersenarai awam pada 1994 dan pada tahun 2000, sungguhpun Huaren Holdings Sdn Bhd memiliki hanya 43.52 peratus saham dalam Star Publications, ia masih kekal sebagai pemegang terbesar dalam pengagihan saham syarikat penerbitan itu (Laporan Tahunan 2000 Star Publications: 98-99). Setelah pengambilalihan itu, aktiviti politik pemimpin-pemimpin MCA dan perspektif politik MCA diliputi dengan jauh lebih halus dan bersimpati oleh *The Star* (Means 1991: 59).

Salah satu kisah yang harus diperhatikan ialah, penguasaan kuasa politik ke atas *The Star* sudah wujud jauh lebih awal sebelum MCA mengambil alih saham majoriti akhbar itu. Pada peringkat awal, pemilikan *The Star* dikongsi oleh *Utusan Melayu* (yang dimiliki UMNO) dan MCA, manakala Tunku Abdul Rahman memegang jawatan sebagai Pengerusi syarikat itu (Means 1991: 137). Perebutan kuasa di antara puak-puak UMNO mengakibatkan akhbar itu pada suatu ketika menjadi sasaran perebutan. Ketika itu puak “*old guard*” yang taat kepada Tunku Abdul Rahman telah menjadi salah satu puak yang paling lantang mengkritik Tun Razak. Tunku Abdul Rahman yang masih kuat berpengaruh menyumbangkan kritikan beliau terhadap hal ehwal politik Malaysia dalam sebuah kolum mingguan yang diterbitkan dalam *The Star*. Di satu pihak lagi, Tun Razak berniat untuk mengongkong sumber kritikan ini dengan membeli saham penguasaan (*controlling stake*) akhbar itu, tetapi Tunku Abdul Rahman melalui sekutu politik beliau, Tun Mustapha yang selaku Ketua Menteri Sabah, dengan cepatnya membeli saham yang mencukupi supaya akhbar itu masih dimiliki oleh mereka yang sanggup menerbitkan kritikan sederhana tetapi secara terbuka terhadap kerajaan (Means 1991: 55).

Setakat ini, Huaren Holdings menguasai akhbar *The Star* dengan memiliki 43.52 peratus saham majoriti Star Publications.¹⁰³ Sungguhpun pemilikan saham

¹⁰³ Star Publications juga menerbitkan lima buah majalah iaitu *Kuntum*, *Shang Hai*, *Galaxie*, *Flavours* dan *Day & Night*. *Kuntum* adalah sebuah majalah pendidikan bulanan yang mula diterbitkan pada Februari 1980; *Shang Hai* adalah sebuah majalah perniagaan bulanan yang mula diterbitkan pada Mac 1979; *Galaxie* adalah sebuah majalah pembacaan ringan (*light-reading*) yang mula diterbitkan pada Oktober 1974; *Flavours* adalah sebuah majalah masakan yang mula diterbitkan pada Julai 1995; manakala *Day & Night* ialah sebuah majalah panduan hiburan dan kelapangan yang mula diterbitkan pada Januari 1996. Lihat, *A Brief History of The Star*, <http://thestar.com.my/info/thestar.asp>.

Huaren dalam Star Publications tidak melebihi 50 peratus, ia memang pemilik saham tunggal yang terbesar dan menguasai syarikat penerbitan akhbar itu kerana jumlah saham yang dimiliki oleh 19 pemegang saham terbesar yang disenaraikan hanya 31.17 peratus, di mana pemegang saham kedua besar hanya memilik 7.73 peratus saham sahaja (Laporan Tahunan Star Publications 1998: 97-98).

Pada tahun 1981, melalui Star Publications, MCA mengambil alih akhbar bahasa Cina, *Malayan Tung Pao* yang kemudiannya ditukar nama sebagai *Thung Bao* (Mustafa 2000: 103). Pengedaran *Thung Bao* mengalami kemerosotan teruk setelah diambil alih oleh MCA dan kerugian besar mengakibatkan MCA melepaskan *Thung Bao* pada 1991. *Thung Bao* ditamatkan penerbitan pada 1994 akibat daripada kerugian yang berterusan.

Di samping itu, Tan Koon Swan, bekas Presiden MCA, menguasai sebuah akhbar Cina, *Shin Ming Daily News*, mulai 1976. Sebanyak 70 peratus saham *Shin Ming Daily News* diambil alih oleh NSTP pada 1986 ketika Tan Koon Swan terlibat dalam krisis PAN-El dan menghadapi tuduhan penipuan dan pecah amanah di Singapura. Pemilikan NSTP terhadap *Shin Ming Daily News* bertambah kepada 89.11 peratus pada Disember 1988 (Gomez 1990: 71). Namun begitu, *Shin Ming Daily News* juga mengulangi nasib *Thung Bao* iaitu diberhentikan penerbitan pada 1994 akibat daripada kemerosotan pengedaran dan kerugian besar.

Sungguhpun telah dua kali mengalami kegagalan dalam menceburi industri akhbar bahasa Cina, niat MCA untuk menguasai akhbar bahasa Cina tidak lenyap. Perkembangan terkini ialah MCA, melalui Huaren Management Sdn Bhd, memperolehi 71.5 peratus saham Nanyang Press Holdings Berhad dari Hume Industries pada penghujung Mei 2001. Nanyang Press adalah sebuah kumpulan penerbitan bahasa Cina yang terbesar di Malaysia, ia menerbitkan dua buah akhbar harian yang bersejarah dan berpengaruh di kalangan masyarakat Cina, iaitu *Nanyang Siang Pau* dan *China Press*, serta 15 jenis penerbitan lain. Dengan naungan dan sokongan pucuk pimpinan tertinggi kerajaan, proses pengambilalihan Nanyang Press

telah disempurnakan pada 31 Mei 2001 dalam suara bantahan masyarakat Cina.¹⁰⁴ Berikutan dengan tutupnya tawaran wajib tanpa syarat (*unconditional mandatory offer*), jumlah saham Nanyang Press yang dimiliki oleh Huaren Management meningkat kepada 92.14 peratus pada pertengahan bulan Ogos 2001.¹⁰⁵

Kuasa politik juga menceburi industri akhbar Tamil. Parti komponen Barisan Nasional yang mewakili kaum India, Malaysian Indian Congress (MIC), juga pada suatu ketika menguasai tiga akhbar bahasa Tamil iaitu *Thinamurasu*, *Tamil Osai* dan *Tamil Nesan*. Antaranya, *Tamil Nesan* dimiliki oleh isteri kepada Presiden MIC Samy Vellu dan ahli-ahli keluarga mereka (Loh & Mustafa 1996: 103; Mustafa 2000: 103).

5.4 KESAN PEMILIKAN DAN PENGKONGLOMERATAN MEDIA OLEH PARTI-PARTI PEMERINTAH

Berdasarkan tinjauan hakmilik kumpulan-kumpulan akhbar, begitu nyata sekali kelihatan pengaruh dan kepentingan parti-parti pemerintah terlibat dalam perubahan corak pemilikan media tempatan, terutamanya proses pemusatan pemilikan dan pengkonglomeratan syarikat-syarikat media. Penglibatan agensi-agensi Negara dan parti-parti pemerintah dalam industri media tempatan membuktikan bahawa pemusatan dan pengkonglomeratan industri media di Malaysia bukan satu proses dan hasil yang dibawa oleh mekanisme pasaran bebas, tetapi hasil daripada dorongan kepentingan politik kelas pemerintah dengan campur tangan alat-alat Negara.

¹⁰⁴ Perdana Menteri Mahathir Mohamad telah mengakui bahawa beliau bersetujui tindakan MCA untuk membeli Nanyang Press ketika Perhimpunan Agung UMNO dilangsungkan pada 21 Jun 2001. Di samping itu, Mahathir turut menuduh Nanyang Press yang menerbitkan *Nanyang Siang Pau* dan *China Press* bersikap menentang kerajaan dengan menonjolkan pandangan-pandangan “esktremis” umpamanya tuntutan Suqiu ketika pilihanraya kecil Lunas dilangsungkan dalam penghujung 2000. Dalam pilihanraya itu, calon Barisan Nasional telah dikalahkan oleh calon Parti Keadilan. Lihat, “PM: I gave greenlight for MCA to take over Nanyang Press”, *The Edge* 21 Jun 2001, www.theedge.com.my; “Nanyang was against us: Dr M”, *Malaysiakini* 22 Jun 2001, www.malaysiakini.com; “Mahathir attacks Chinese papers before crucial vote on takeover”, *Malaysiakini* 23 Jun 2001, www.malaysiakini.com; “Mahathir says he approved controversial Chinese paper takeover”, *AFP* 22 Jun 2001.

¹⁰⁵ Lihat “Huaren now Owns 92.14 per cent of Nanyang Press”, *The Edge* 20 Ogos 2001, www.theedge.com.my.

Penguasaan ke atas alat Negara membolehkan kelas pemerintah menyediakan pelbagai bentuk kemudahan dalam menyempurnakan proses pemusatan pemilikan media. Dalam konteks kajian ini, dasar ekonomi dan kemudahan undang-undang diambilkira dan dibincangkan seperti berikut.

Dari segi dasar ekonomi, **Dasar Ekonomi Baru** yang bermatlamat untuk menghapuskan kemiskinan dan menyusun semula struktur sosial telah menghasilkan sebilangan besar kapitalis Melayu dalam tempoh 30 tahun pelaksanaan dasar tersebut. Pertumbuhan kelas kapitalis Melayu ini bertindak sebagai pembekal kemudahan modal untuk menguasai pemilikan industri media bagi pihak kelas pemerintah. Pengambilalihan syarikat-syarikat media oleh parti-parti Barisan Nasional dijalankan secara beransur-ansur dari peringkat awal (1970an) dan menjadi semakin pesat dalam 1980an sebelum menjadi sempurna dalam 1990an. Tahap perkembangan ini selaras dengan tahap pertumbuhan kelas kapitalis Melayu. Oleh kerana kelas kapitalis Melayu yang dihasilkan melalui pelaksanaan DEB telah banyak mendapat manfaat melalui pelbagai bentuk naungan dan bantuan Negara, hubungan *patron-client* turut terjalin di antara kapitalis Melayu dengan kelas pemerintah, iaitu UMNO yang mendominasi kuasa Negara dan bertindak sebagai pembela nasib kaum Melayu. Hubungan *patron-client* itu adalah satu bentuk hubungan simbiotik (*symbiotic*) di antara kelas kapitalis Melayu dan kelas pemerintah Barisan Nasional. Maka, media yang dikuasai oleh kapitalis-kapitalis Melayu ini, pada analisis akhir, sanggup berkhidmat kepada kepentingan kelas pemerintah.

Di samping itu, satu lagi realiti yang tidak harus diabaikan ialah Malaysia tidak mengamalkan sistem pasaran bebas atau sistem ekonomi *laisser faire* yang bebas mutlak daripada campur tangan pembuat dasar. Sebaliknya, kaitan ekonomi dengan politik sentiasa wujud dalam sistem ekonomi negara ini, di mana peranan pembuat dasar dan pengaruh elit politik adalah penting dalam menentukan pengagihan sumber dan peluang perniagaan.

Secara keseluruhannya, kapitalis-kapitalis yang menguasai korporat gergasi terpaksa memelihara "hubungan mesra" dengan kelas pemerintah supaya memperolehi kepentingan perniagaan yang dapat membawa keuntungan besar-besaran

kepada korporatnya, umpamanya konsesi projek-projek kerajaan atau lesen untuk mengambil bahagian dalam projek-projek penswastaan. Kaitan ekonomi-politik ini menjejaskan autonomi kelas kapitalis daripada pengaruh politik kelas pemerintah. Justeru itu, adalah wajar dijangkakan bahawa kelas kapitalis yang dibenarkan untuk mengurus operasi media tidak mungkin membenarkan media yang dimiliki melakukan sesuatu yang mengancam kestabilan kelas pemerintah kerana kelakuan ini akan menjejaskan kepentingan mereka sendiri. Sebagai misalan, tidak mungkin Tiong Hiew King yang telah mengaut keuntungan besar-besaran daripada konsesi pembalakan di Sarawak membiarkan akhbar-akhbar milikan beliau, umpamanya *Sin Chew Jit Poh*, bebas mengkritik atau mengecam Barisan Nasional dan SUPP.

Selain daripada faktor ekonomi, institusi perundangan juga dimanipulasikan untuk menjayakan kawalan pemilikan media oleh kelas pemerintah. Seperti mana yang telah dibincangkan, kerajaan telah mengadakan pindaan kepada Akta Mesin Cetak dan Penerbitan pada 1974 supaya diwajibkan majoriti saham syarikat media dimiliki oleh pemodal-pemodal tempatan. Sehubungan ini, agensi-agensi pelaburan yang ditubuhkan oleh kerajaan telah menikmati legitimasi untuk mengambil alih pemilikan syarikat-syarikat media daripada pemilik asing dan selepas itu pemilikan itu ditukar tangan kepada korporat atau agensi pelaburan yang dimiliki part-parti pemerintah khususnya UMNO yang menjadi tulang belakang Barisan Nasional.

Dengan kata lain, pemilikan media oleh pemilik asing dipindah kepada agensi-agensi pelaburan yang mewakili Negara atas nama *Malaysianization*, tetapi akhirnya dipindah ke tangan parti politik yang berkuasa. Proses ini menunjukkan bahawa kawalan pemilikan media sebenarnya terletak pada segelintir elit politik yang mendominasi parti politik itu dan bukan terletak pada tangan warganegara.

Kaedah perundangan ini juga memberikan kuasa eksekutif kuasa penuh dalam menentukan hak memiliki dan mengurus operasi sesuatu akhbar. Seperti mana yang dibincangkan dalam Bab IV, Seksyen 6, Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984, memberikan Menteri Dalam Negeri kuasa mutlak untuk mempertimbangkan pemberian permit penerbitan akhbar atau menarik atau menggantung permit yang dikeluarkan. Selain daripada pemberian permit, tukar tangan permit penerbitan harus

diluluskan oleh Menteri Dalam Negeri sebelum proses tukar tangan dijalankan. Lebih-lebih lagi, seksyen 13A memperkukuhkan lagi kuasa Menteri Dalam Negeri untuk menentukan hak mengurus sesebuah akhbar memandangkan seksyen ini memperuntukkan bahawa sebarang keputusan, termasuk mana-mana perintah dan arahan, yang dibuat oleh Menteri Dalam Negeri adalah muktamad dan tidak boleh dipertikaikan oleh mana-mana mahkamah dengan apa jua alasan. Akibatnya, permit penerbitan akhbar telah menjadi salah satu bentuk “hak istimewa” yang dinikmati oleh sesetengah korporat terpilih yang “tidak merbahaya” di bawah tanggapan pihak berkuasa. Sehubungan ini, hak untuk menentukan siapakah diberi “hak istimewa” ini dikuasai sepenuhnya oleh kelas pemerintah.

Kawalan media melalui ekonomi dan perundangan mendatangkan kesan manipulasi media dengan begitu nyata sekali. Pertama, pemilikan media oleh elit politik meninggalkan kesan negatif ke atas kebebasan akhbar dan kepelbagaian pendapat umum. Pemusatan pemilikan media memudahkan kawalan dikenakan oleh kelas pemerintah untuk menyekat maklumat atau pandangan yang tidak memanfaatkan kestabilan kedudukan mereka. Fenomena ini jelas terbukti dalam pilihanraya-pilihanraya yang lalu, mahupun pilihanraya umum, pilihanraya negeri ataupun pilihanraya kecil bagi kerusi-kerusi tertentu. Kajian-kajian (Mustafa 1990, 1995; Chang 1995) yang meninjau peranan media tempatan dalam pilihanraya-pilihanraya mendapati bahawa media tempatan yang dikawal ketat oleh kelas pemerintah telah menjayakan propaganda politik yang dilancarkan oleh Barisan Nasional untuk memenangi pilihanraya. Media sentiasa dimanipulasikan untuk menonjolkan imej positif dan mesej-mesej pembangunan yang memanfaatkan Barisan Nasional, di samping memburuk-burukkan imej pemimpin-pemimpin parti pembangkang dan kerap kali liputan palsu disiarkan untuk mencapai tujuan ini.¹⁰⁶

Salah satu contoh yang sentiasa ditimbulkan telah berlaku ketika Pilihanraya Umum 1990 dilangsungkan. Dalam pilihanraya itu, Barisan Nasional menghadapi cabaran hebat memandangkan perpecahan dalaman UMNO pada 1987 membawa kepada penubuhan Parti Semangat 46 dan Gagasan Rakyat yang terdiri daripada parti-

¹⁰⁶ Lihat beberapa misalan yang dibincangkan dalam Bab II.

parti pembangkang iaitu DAP, PAS dan PBS yang menarik diri daripada Barisan Nasional menjelang hari pengundian Pilihanraya Umum 1990. Kempen pilihanraya itu mencapai kemuncak ketika Tengku Razaleigh melawat Sabah pada 13 Oktober 1990 setelah PBS menarik diri daripada Barisan Nasional.

Kehadiran Tengku Razaleigh disambut oleh pemimpin PBS, Joseph Pairin Kettingan. Dalam majlis sambutan, beliau memakai sebuah tengkolok Kadazan yang dihadiahkan oleh Pairin dan terdapat lambang salib di bahagian hadapan tengkolok itu. Media arus perdana sengaja menonjolkan kewujudan lambing salib di atas tengkolok itu, umpamanya, *Utusan Malaysia* (19 Oktober 1990) memaparkan tajuk utama muka pertama yang berbunyi “Orang ramai marah Razaleigh pakai tengkolok bersalib”. Liputan media arus perdana memberi tanggapan bahawa Tengku Razaleigh, seorang pemimpin Melayu yang beragama Islam, bersekongkol dengan sebuah parti politik yang majoriti keahliannya terdiri daripada orang Kristian dan ramai pengundi Muslim Melayu telah dilukai oleh Razaleigh (Mustafa 1990: 88). Apa yang harus diperhatikan ialah penonjolan tengkolok bersalib itu dipaparkan satu hari sebelum hari pengundian, Tengku Razaleigh dan Parti Semangat 46 tidak dapat membuat sebarang penjelasan kerana kenyataan-kenyataan kempen tidak dibenarkan wujud lagi pada hari pengundian.

Kedua, penglibatan korporat dalam industri media membawa kepada kewujudan trend komersialisasi. Komersialisasi bukan sahaja wujud dari segi persaingan hebat di antara satu sama lain untuk merampas pasaran, terutamanya pasaran periklanan, tetapi wujud juga dari segi pengeluaran isi kandungan. Dalam trend komersialisasi ini, kerajaan membenarkan lebih banyak media ditubuhkan dan mengeluarkan lebih banyak permit untuk penerbitan bahan-bahan media, mahupun media cetakan atau elektronik. Umpamanya, dari segi penerbitan media cetakan, terdapat sebanyak 56 jenis akhbar, jurnal dan majalah tempatan diterbitkan dalam 1981, jumlah ini meningkat kepada 102 pada 1985 (Zaharom 1991: 40) dan 143 pada 1995 (Information Malaysia 1995: 115-117).¹⁰⁷ Pertambahan bilangan ini tidak membayangkan peningkatan kepelbagaian mesej media.

¹⁰⁷ Selain daripada media cetakan, rangkaian televisyen juga bertambah berikutan dengan penubuhan Sistem Televisyen Malaysia (atau dikenali sebagai TV3) pada 1984, antara lain,

Selain daripada kawalan undang-undang, hakikat ini disebabkan oleh logik pasaran. Pertambahan media dan bahan-bahan penerbitan dalam pasaran mendatangkan persaingan hebat di antara pengusaha-pengusaha media, lebih-lebih lagi mereka ini terdiri daripada korporat-korporat gergasi yang mempunyai kedudukan kewangan yang kuat. Persaingan hebat mengakibatkan penghasilan bahan-bahan media yang berteraskan keperluan dan kemahuan pasaran, iaitu bahan-bahan penerbitan yang berpotensi menarik minat golongan audiens, misalnya dari segi penyiaran rancangan televisyen, lipur lara, drama, musik, sukan, kuiz dan rancangan-rancangan komersial semakin membanjiri slot-slot televisyen.

Ketiga, penglibatan kepentingan-kepentingan parti politik dalam industri media meningkatkan keberkesanan kawalan media melalui pelantikan dan penukaran eksekutif-eksekutif kanan di sesebuah syarikat media. Fenomena pelantikan dan penukaran pegawai-pegawai kanan media di bawah pengaruh faktor politik adalah begitu biasa sekali dalam industri media di Malaysia, terutamanya gergasi media yang dikuasai sepenuh oleh parti-parti politik. Beberapa contoh berlaku sepanjang 1990an dan kebanyakannya melibatkan kepentingan politik elit-elit politik UMNO.

Contoh pertama, bekas Ketua Pengarang Kumpulan *Utusan Malaysia*, Zainuddin Maidin, ditukar jawatan menjadi “Penasihat Jabatan Pengarang” pada penghujung tahun 1992, berikutan dengan *Utusan Malaysia* mengkritik Mahathir menggunakan bahasa Inggeris dalam wawancara dengan sebuah stesyen televisyen Indonesia sempena Sidang Negara-negara Berkecuali dilangsungkan di Jakarta.¹⁰⁸ Selain penukaran jawatan Zainuddin Maidin, peristiwa itu telah diikuti dengan perombakan yang agak menyeluruh di peringkat atasan jabatan pengarang akhbar tersebut (Rustam A. Sani 1994: iv-v).

Metrovision (1995), Mega TV (1995), ASTRO (1996) dan ntv7 (1998). Rangkaian-rangkaian radio swasta turut ditubuhkan, antara lain, Suara Johor (1989), Time Highway Radio (1994), Radio Rediffusion FM (1996), CATS Radio FM (Sarawak) (1996), Hitz FM (1997), Mix FM (1997), Light & Easy FM (1997), Classic Rock (1997), Talk Radio FM (1997), Holiday Radio (1998).

¹⁰⁸ Mahathir agak memandang berat kritikan *Utusan Malaysia* dan beliau mengutus surat kepada akhbar tersebut untuk menjelaskan kedudukannya dalam perkara itu dan sikapnya berhubung dengan persoalan-persoalan bahasa dan budaya pada umumnya (Rustam A. Sani 1994: iv). Walau bagaimanapun, Zainuddin Maidin telah dilantik sebagai senator pada 1998 dan Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan pada 2000.

Contoh kedua, tiga orang staf kanan *New Straits Times*, *Berita Harian* dan TV3 yang dikatakan sebagai sekutu Anwar Ibrahim meletak jawatan masing-masing di bawah tekanan politik menjelang pelucutan Anwar Ibrahim daripada jawatan Timbalan Perdana Menteri pada September 1998. Ketua Pengarang Kumpulan *Utusan Malaysia*, Johan Jaafar, meletak jawatan pada 14 Julai 1998 dan empat hari kemudian, Editor Kumpulan *Berita Harian*, Ahmad Nazri Abdullah mengikut langkah beliau. Yang turut meletak jawatan ialah Pengarah Operasi TV3, Yunus Said.¹⁰⁹

Contoh ketiga, seorang ahli lembaga pengarah Kumpulan Utusan Melayu, Raja Ahmad Aminullah Raja Abdullah, meletak jawatan di bawah tekanan Perdana Menteri kerana beliau terlibat dalam mengusahakan inisiatif mengirim surat rayuan kepada Mahathir Mohamad supaya Anwar Ibrahim dibenarkan mendapatkan rawatan perubatan di luar negeri dan tindakan beliau tidak disenangi Mahathir.¹¹⁰ Menurut satu sumber, dalam surat peletakan jawatan yang ditujukan kepada Pengerusi Kumpulan Utusan Melayu, Kamarul Ariffin, Raja Ahmad Aminullah mendedahkan bahawa Kamarul Ariffin meminta beliau menulis surat kepada Mahathir untuk memohon maaf supaya Mahathir membenarkan beliau meneruskan kedudukannya dalam lembaga pengarah (*Malaysiakini* 6 Jun 2001).¹¹¹

¹⁰⁹ Mahathir dilaporkan berasa marah terhadap pendirian *Utusan Malaysian* dan *Berita Harian* yang menyarankan reformasi ekonomi dan politik, serta memberi liputan yang panjang lebar tentang rancangan kerajaan untuk menyelamatkan syarikat perkapalan yang dimiliki oleh anak kepada Mahathir, Mirzan Mahathir (Lihat "The Press Under Pressure: Two media resignations hit the Anwar camp", *Asiaweek* 31 Julai 1998, www.asiaweek.com/asiaweek/98/0731/nat_5.html). Misalnya, Ahmad Nazri Abdullah telah menulis beberapa buah komentar yang mengkritik Mahathir dalam kolumnya di *Berita Minggu*, antaranya, "Jangan menang sorak kampung tergadai", *Berita Minggu* 7 Disember 1997; "Mengkritik diri lebih mulia daripada dikritik", *Berita Minggu* 14 Disember 1997. Kedua-dua komentar ini jelas mengecam sikap Mahathir yang lantangnya menyalahkan krisis kewangan itu kepada pengurus-pengurus dana antarabangsa terutamanya George Soros. Selain itu, dilaporkan bahawa kedua-dua orang editor itu terpaksa meletak jawatan berikutan dengan Mahathir mengkritik media tempatan membuat liputan yang "negatif" dan "sensational" tentang masalah-masalah lapangan terbang baru, KLIA (1998 World Press Freedom Review, www.freemedia.at/wpfr/malaysia.htm). Lihat juga "Malaysian editor resigns after political pressure", *AFP* 14 Julai 1998.

¹¹⁰ Dalam inisiatif tersebut, seramai 108 orang yang mewakili pelbagai bidang profesional, pengalaman dan kepentingan telah menandatangani surat rayuan tersebut.

¹¹¹ Lihat "Utusan director quits due to 'pressure from PM'", *Malaysiakini* 6 Jun 2001 (www.malaysiakini.com).

Berdasarkan pemerhatian tersebut, jelas kelihatan bahawa dominasi ke atas kuasa Negara membolehkan kelas pemerintah menguasai media, mahupun melalui proses perundangan atau perolehan milikan media. Melalui pemilikan dan kawalan media, pembentukan hegemoni kelas pemerintah menjadi jauh lebih berkesan berbanding dengan keadaan di mana media bebas dimiliki oleh pelbagai golongan yang memajukan kepentingan dan fahaman politik yang berbeza-beza. Ini adalah kerana pemilikan bebas dapat menjadikan masyarakat sivil sebagai satu ruangan persaingan (*contested area*) dan wujudnya “kontra-hegemoni” (*counter-hegemony*). Ini mungkin menggagalkan usaha kelas pemerintah untuk membentuk hegemoni. Sehubungan ini adalah wajar diingati bahawa saranan Miliband (1973: 205) merupakan kesimpulan terbaik bagi bab ini. Saranan itu berbunyi

Hak pemilikan memperuntukkan hak untuk membuat propaganda, dan ketika hak itu diamalkan, ia mungkin sekali diamalkan untuk menghasilkan prejudis konservatif yang kuat, sama ada dengan cara penekanan positif atau mengeneipkan perkara yang mana pemilik-pemilik tidak ingin menerbitkannya.

BAB VI

ANALISIS KANDUNGAN MEDIA SEMASA KRISIS KEWANGAN 1997

6.1 PENDAHULUAN

Krisis kewangan melanda negara-negara Asia Tenggara mulai pertengahan 1997. Krisis ini bermula dengan krisis matawang baht Negara Thai yang menghadapi tekanan penjualan hebat (*intense selling*) dua bulan sebelum krisis kewangan merebak ke negara-negara lain di Asia Tenggara. Setelah berlakunya penjualan hebat baht Negara Thai, badan-badan berkuasa kewangan di Singapura, Malaysia, Hong Kong dan Jepun telahpun campur tangan dalam pasaran dengan modal sejumlah AS\$10 bilion. Tindakan ini telah menyelamatkan Negara Thai buat seketika daripada kesusahan itu (Ranjit 1998: 31).

Namun begitu, kerajaan Negara Thai gagal mempertahankan kedudukan baht tidak lama selepas itu dan terpaksa menurunkan nilai baht pada 2 Julai 1997. Perkembangan ini bukan sahaja membawa nasib yang jauh lebih buruk kepada negara ini, malah krisis Thai ini serupa sebatang peniti yang menusuk gelembung merentasi Asia (Pearlstein 1998: A32). Berikutan dengan perkembangan ini, keadaan ekonomi di rantau Asia Timur dan Asia Tenggara berubah dengan begitu pesat sekali (Ishak Shari 1998: 2), di mana Korea Selatan, Filipina dan Indonesia telah menerima impak yang paling teruk sekali dari krisis ekonomi ini. Perubahan ekonomi ini telah juga mengakibatkan kewujudan pergolakan politik di beberapa negara Asia Tenggara, umpamanya Perdana Menteri Negara Thai, Chavalit Yongchaiyudh, dan Presiden

Indonesia Soeharto, masing-masing tunduk kepada tuntutan golongan massa dan meletakkan jawatan sebagai ketua kerajaan.¹¹²

Malaysia tidak terkecuali daripada dampak krisis kewangan Asia Tenggara sungguhpun ia bukan negara yang paling teruk diancam. Dalam masa enam bulan sejak pertengahan Julai 1997 ke Januari 1998, ringgit Malaysia tersusut nilai dengan nyata terhadap dolar Amerika Syarikat, iaitu daripada paras tinggi RM2.47 = AS\$1 pada Julai 1997 kepada RM4.88 = AS\$1 pada 7 Januari 1998 (Jomo 1998: 181; Ishak Shari 2000: 88; Rujhan Mustafa 2000: 86), iaitu paras terendah yang pernah dialaminya. Di pasaran saham pula, indeks komposit utama di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) telah jatuh kepada 263 mata pada 1 September 1998, daripada 1,332 mata pada suku tahun pertama 1997 (Rasiah 2000: 377). Perkembangan ini telah mengakibatkan ekonomi Malaysia mencatatkan pertumbuhan negatif dalam tiga suku pertama 1998 dan inilah kemerosotan ekonomi yang paling teruk dialami oleh Malaysia dalam tempoh 13 tahun lalu (Rujhan Mustafa 2000: 86).

Walau bagaimanapun, kepimpinan Mahathir dan Barisan Nasional tidak mengalami nasib seteruk seperti kerajaan pimpinan Chavalit di Thailand dan Soeharto di Indonesia ketika itu. Kerajaan Barisan Nasional dan pimpinan Mahathir “nampaknya” bukan sahaja tidak banyak menerima kritikan dan dipertikaikan keupayaan mengurus ekonomi, seolah-olah kerajaan tidak perlu dipersalahkan langsung ke atas kelemahan ekonomi dalam menghadapi krisis ekonomi serantau. Sehubungan ini, terbentuk juga satu gambaran bahawa kerajaan Barisan Nasional dan pimpinan Mahathir telah mendapat mandat penuh dari keseluruhan warga Malaysia yang bersatu padu untuk menentang “ancaman” yang dihadapi.

Fenomena ini bererti kestabilan dan kekuatan kedudukan Mahathir dan Barisan Nasional dalam krisis kewangan 1997. Akhbar-akhbar tempatan telah memainkan peranan masing-masing untuk “mempositifkan” kedudukan ekonomi Malaysia dan meminimumkan tanggungjawab yang harus ditanggung oleh kerajaan dan Mahathir ke atas prestasi ekonomi yang teruk. Kajian ke atas liputan-liputan *New Straits Times*,

¹¹² Menteri Kewangan Negara Thai, Amunav Virvan telah juga meletak jawatan pada 19 Jun 1997, ketika negara itu telah mengalami kerugian sejumlah AS\$6 billion (Ranjit 1998: 33).

Utusan Malaysia dan *Sin Chew Jit Poh* mengenai isu-isu krisis kewangan mendapati bahawa gambaran yang positif dan baik mengenai kedudukan ekonomi Malaysia telah ditonjolkan, iaitu sungguhpun dilandai krisis kewangan serantau, ekonomi Malaysia dijangka pulih dalam masa yang singkat kerana kerajaan yang diberi sokongan penuh telah membina asas ekonomi yang kuat selama ini dan mampu mengatasi cabaran ini. Di samping itu, liputan akhbar-akhbar tersebut membantu kerajaan Barisan Nasional melepaskan tanggungjawab mereka ke atas kelemahan ekonomi dengan mencipta “musuh luar” sebagai sasaran gantian yang dipersalahkan.

Analisis kandungan yang dikemukakan dalam Bab ini terbahagi kepada dua bahagian, iaitu analisis kuantitatif dan analisis kualitatif. Analisis kuantitatif dijalankan dengan menganalisis kekerapan isu-isu yang ditonjolkan oleh akhbar-akhbar untuk memenuhi fungsi penentuan agenda masing-masing. Penonjolan isu-isu tertentu membentuk satu klimaks pendapat umum supaya mempengaruhi pandangan rakyat jelata terhadap krisis kewangan secara keseluruhan.

Analisis kualitatif dijalankan untuk menganalisis tentang bagaimanakah wacana krisis yang dimanipulasikan oleh Barisan Nasional, khususnya Mahathir Mohamad, boleh menyakinkan rakyat jelata. Analisis bahagian ini menumpu kepada liputan-liputan akhbar yang mengulangi kewujudan “musuh luar” yang berniat jahat.

6.2 ANALISIS KUANTITATIF LIPUTAN AKHBAR

Dari segi analisis kuantitatif, dalam tempoh enam bulan dari 1 Julai hingga 31 Disember 1997, ketiga-tiga akhbar *New Straits Times*, *Utusan Melayu* dan *Sin Chew Jit Poh* telah menerbitkan sebanyak 1603 buah liputan mengenai isu-isu yang berkaitan dengan krisis kewangan. Dari segi tajuk liputan, liputan-liputan yang diterbitkan ini dapat dibahagikan kepada enam kategori isu utama:

1. Memberi penjelasan tentang punca utama yang mengakibatkan krisis kewangan 1997. Sehubungan ini, liputan akhbar menonjolkan bahawa serangan yang dilancarkan oleh spekulator-spekulator mata wang Barat, terutamanya George Soros,

untuk melemahkan ekonomi negara-negara Asia Tenggara, merupakan punca utama yang mengakibatkan Malaysia mengalami krisis kewangan.

2. Memberi gambaran positif bahawa kedudukan ekonomi semasa krisis kewangan adalah kukuh dan masa depan adalah cerah.

3. Memaparkan Mahathir dan kerajaan pimpinan beliau masih mendapat sokongan yang kuat daripada keseluruhan warga Malaysia walaupun negara dilanda krisis kewangan.

4. Kerajaan Barisan Nasional mempunyai komitmen yang kuat untuk menangani krisis kewangan.

5. Langkah-langkah dan keputusan-keputusan yang diambil oleh kerajaan untuk mengatasi krisis kewangan mendapat sokongan umum.

6. Memobilisasikan warga Malaysia supaya bersepadu menyokong kerajaan dan menyesuaikan diri dengan langkah-langkah mengatasi krisis kewangan.

6.2.1 Kekerapan Isu-isu Utama Disiarkan

Secara keseluruhan, kekerapan keenam-enam isu yang diterbitkan itu agak berhampiran melainkan liputan-liputan yang menjelaskan kedudukan ekonomi Malaysia dan komitmen kerajaan mengatasi krisis kewangan diberi keutamaan yang lebih tinggi berbanding dengan empat isu yang lain. Jadual 6.1 mencatatkan kekerapan isu-isu tersebut diterbitkan oleh ketiga-tiga akhbar *New Straits Times*, *Utusan Malaysia* dan *Sin Chew Jit Poh*.

JADUAL 6.1 Keckerapan Isu-su Utama Diterbitkan Sepanjang Krisis Kewangan 1997

Isu-isu yang Diutamakan	Bilangan Liputan	Peratusan (%)
Penjelasan punca krisis kewangan 1997	181	11.29%
Kedudukan ekonomi semasa krisis kewangan	572	35.69%
Sokongan kepada Mahathir dan kerajaan	198	12.35%
Komitmen kerajaan mengatasi krisis kewangan	300	18.71%
Sokongan kepada langkah atau keputusan kerajaan mengatasi krisis kewangan	163	10.17%
Mobilisasikan warga Malaysia supaya menyokong kerajaan dan menyesuaikan diri dengan langkah mengatasi krisis kewangan	189	11.79%
Jumlah	1603	100.00%

Isu-isu tersebut, secara keseluruhan, ditonjolkan dengan cara yang menguntungkan kerajaan Barisan Nasional. Tinjauan ke atas keenam-enam isu yang ditonjolkan itu mendapati bahawa tiga agenda utama telah dibentuk melalui liputan akhbar.

Agenda pertama, kerajaan Barisan Nasional tidak harus dipersalahkan ke atas kegagalan Malaysia mengelakkan diri daripada dilandai krisis kewangan. Sebaliknya, pembaca-pembaca akhbar aliran perdana telah disuapkan jawapan tentang siapakah “pesalah utama” itu. Agenda ini berfungsi untuk membebaskan kerajaan Barisan Nasional dan pimpinan Mahathir daripada menerima kritikan seperti mana yang dihadapi oleh ketua-ketua kerajaan di Thailand, Korea Selatan dan Indonesia. Untuk menyempurnakan fungsi ini, sasaran gantian harus dicipta, ditonjol dan diulangi melalui liputan-liputan akhbar supaya pembaca “mengingati” wajah pesalah utama itu. Sehubungan ini, liputan-liputan akhbar telah mengutamakan pedagang-pedagang mata wang Barat sebagai punca utama yang mengakibatkan krisis kewangan.

Agenda kedua ialah menghasilkan satu gambaran positif untuk menyakinkan warga Malaysia bahawa kedudukan ekonomi Malaysia adalah baik dan kukuh, malah

kekukuhan ekonomi ini adalah hasil daripada kerajaan Barisan Nasional yang mementingkan kepentingan negara itu mempunyai kebolehan dan komitmen yang kuat untuk mengatasi krisis kewangan.

Agenda ketiga, kedudukan kerajaan dan pimpinan Mahathir adalah kukuh dan diberi sokongan penuh oleh pelbagai lapisan warga Malaysia dan masyarakat antarabangsa. Malah, untuk menjayakan langkah-langkah penyelamatan ekonomi, sokongan yang berterusan adalah dialu-alukan. Kerajaan Barisan Nasional dan pimpinan Mahathir telah memperolehi sokongan yang kuat mahupun kepada pendirian kerajaan dalam isu serangan matawang dan kawalan perniagaan matawang, cara menangani krisis kewangan, ataupun langkah-langkah dan dasar-dasar yang dilaksanakan untuk memulihkan ekonomi Malaysia.

Ketiga-tiga agenda utama ini mempunyai kesinambungan yang bermakna. Adalah wajar untuk meninjau secara kasar bagaimanakah akhbar-akhbar tersebut menonjolkan agenda-agenda yang dibincangkan sebelum perbincangan tentang kesinambungan agenda-agenda yang disentuh.

6.2.2 Punca-punca Utama Krisis Kewangan

Sungguhpun kejatuhan nilai Ringgit dan pasaran saham bukan satu krisis yang dicipta oleh Mahathir, tetapi ketika kerajaan gagal menyelamatkan Malaysia daripada serangan krisis kewangan secara berkesan dan mengakibatkan kepentingan ahli-ahli korporat terancam, Mahathir telah memanipulasikan naratif krisis dan sentimen nasionalisme untuk menyelamatkan beliau daripada mengulangi nasib perdana menteri Thailand. Naratif krisis Mahathir menggambarkan krisis kewangan sebagai akibat daripada konspirasi yang sengaja dilancarkan oleh spekulator-spekulator Barat, khususnya George Soros, untuk melemahkan ekonomi negara-negara Asia Tenggara yang menerima Myanmar memasuki ASEAN, di samping beriri hati dengan kecemerlangan yang dicapai oleh negara-negara Asia Tenggara.

Melalui liputan yang ditonjolkan, media tempatan telah bertindak untuk mengalihkan tumpuan orang ramai kepada satu “krisis” lagi yang diciptakan iaitu

ancaman niat jahat golongan kapitalis dan negara-negara Barat, sebelum mereka menyalahkan kegagalan kerajaan Barisan Nasional menyelamatkan Malaysia daripada ancaman krisis kewangan.

Tidak lama setelah kejatuhan nilai Ringgit berlaku, pada 27 Julai 1997, Mahathir melepaskan kritikan tegas terhadap pengurus dana terkenal, George Soros, dan menyalahkan Soros sebagai pesalah yang merancang serangan mata wang Malaysia dan lain-lain negara Asia Tenggara. Setelah kritikan ini dilepaskan, Mahathir telah beberapa kali mengulangi nada yang sama di dalam dan luar negeri, termasuk di mesyuarat agung tahunan Bank Dunia dan Dana Kewangan Antarabangsa yang dilangsungkan di Hong Kong.

Ketiga-tiga akhbar yang dikaji, tanpa pengecualian, menggambarkan secara besar-besaran “peranan” Soros dalam krisis kewangan, mahupun dari segi kuantiti atau cara pemaparan yang dipersembahkan. Dalam tempoh kajian, iaitu enam bulan dari 1 Julai hingga 31 Disember 1997, sejumlah 181 liputan yang diterbitkan menyentuh punca-punca yang mengakibatkan krisis kewangan. Majoriti liputan yang diterbitkan, iaitu sebanyak 153 liputan atau 84.53% daripada kesemua liputan, menyalahkan Soros dan spekulator-spekulator lain serta negara-negara Barat yang berkonspirasi sebagai punca utama yang menyebabkan krisis kewangan. Dengan kata lain, pembaca-pembaca ketiga-tiga akhbar yang dikaji telah disuapkan dengan gambaran yang homogen iaitu Soros dan spekulator-spekulator mata wang Barat yang harus dipersalahkan ke atas krisis kewangan. Sebaliknya, pembaca-pembaca kurang berkesempatan untuk mendekati kenyataan-kenyataan yang selain daripada menyalahkan Soros dan spekulator-spekulator Barat.

Pada hakikatnya, pelbagai pihak, mahupun ahli-ahli akademik atau pegawai-pegawai di pertubuhan-pertubuhan antarabangsa seperti Bank Dunia dan Dana Kewangan Antarabangsa telah mengemukakan teori masing-masing untuk menjelaskan sebab musabab berlakunya krisis kewangan 1997. Selain daripada “teori konspirasi” yang dimajukan oleh Mahathir dan pengikutnya, sekurang-kurangnya terdapat dua teori lain telah dikemukakan oleh pihak lain seperti berikut.

i. Krisis kewangan 1997 merupakan akibat daripada proses berintegrasi dengan liberalisasi kewangan peringkat global tanpa langkah pengawasan yang mencukupi (Gates 1998; Ishak Shari 2000; Jomo 1998; Rasiah 2000). Ahli-ahli sarjana ekonomi yang mengesyorkan teori ini menolak penjelasan bahawa aktiviti-aktiviti spekulasi matawang sebagai punca utama krisis kewangan 1997.

ii. Salah pengurusan (*mismanagement*) kewangan merupakan “punca langsung yang pertama” (*the first proximate cause*) yang mengakibatkan Malaysia mengalami krisis kewangan 1997 (Gates 1998). Gates (1998: 6) mengulaskan bahawa dasar-dasar kewangan yang tidak lestari (*unsustainable*) mencetuskan panik perbankan, manakala kesan-kesan ini tidak lama kemudian telah melimpahi pasaran-pasaran kewangan lain serta ekonomi benar (*real economy*). Selain itu, pengurusan dasar kadar pertukaran yang tidak mencukupi adalah komponen kedua yang mengakibatkan Malaysia tidak dapat dikecualikan daripada krisis kewangan.

Walau bagaimanapun, kedua-dua teori tersebut atau teori-teori seumpamanya jarang ditonjol atau dibincangkan dalam ketiga-tiga akhbar yang dikaji. Jadual 6.2 mencatatkan kecenderungan liputan ini.

JADUAL 6.2 Punca-punca Utama Krisis Kewangan 1997 Yang Dilaporkan Oleh SCJP, NST Dan UM

Punca-punca yang dilaporkan	Jumlah	Peratusan (%)
Soros, spekulator dan negara Barat	153	84.5
Kecacatan sistem atau mekanisme pasaran bebas	12	6.7
Masalah asas ekonomi dalaman dan lain-lain	16	8.8
Jumlah	181	100.0

Melalui liputan yang “berat sebelah” ini, agenda yang dibentuk adalah jelas, iaitu Soros dan spekulator Barat yang tamak dan berniat jahat merupakan punca utama krisis kewangan 1997. Manakala kenyataan-kenyataan yang menyentuh punca-punca

lain, seperti mana yang telah dibincangkan, telah diketepikan daripada ruangan awam akhbar tempatan.

Bukan begitu sahaja, ketiga-tiga akhbar yang dikaji amat jarang menerbitkan kenyataan-kenyataan yang membela Soros, mahupun kenyataan yang dikeluarkan oleh Soros sendiri atau pihak-pihak lain, umpamanya kerajaan Amerika Syarikat. Jadual 6.3 menunjukkan betapa “berat sebelah” akhbar-akhbar tempatan menangani isu Soros, yakni secara keseluruhan terdapat 87.93 peratus daripada liputan-liputan mengenai peranan Soros dan spekulator-spekulator Barat menyampaikan mesej kritikan manakala hanya 12.07 peratus daripada liputan-liputan tersebut menyampaikan mesej yang membela Soros.

JADUAL 6.3 Perbandingan Liputan-liputan Mengkritik Dan Membela Soros Serta Spekulator-spekulator Barat

Akhbar	Liputan mengenai Soros dan spekulator Barat	
	Mengkritik	Membela
<i>New Straits Times</i>	29 (93.55%)	2 (6.45%)
<i>Utusan Malaysia</i>	51 (94.44%)	3 (5.56%)
<i>Sin Chew Jit Poh</i>	73 (82.02%)	16 (17.98%)
Jumlah	153 (87.93%)	21 (12.07%)

Perlu diberi perhatian bahawa peratusan bagi liputan-liputan yang mengkritik Soros adalah jauh lebih tinggi di akhbar-akhbar Bahasa Malaysia (*Utusan Malaysia*) dan Bahasa Inggeris (*New Straits Times*), manakala akhbar Bahasa Cina (*Sin Chew Jit Poh*) memberi liputan yang jauh lebih banyak kepada pihak-pihak yang mengeluarkan kenyataan membela Soros. Dengan kata lain, peratusan keseluruhan bagi liputan-liputan mengkritik Soros akan menjadi lebih tinggi jika liputan-liputan di akhbar Bahasa Cina tidak diambil kira.

6.2.3 Kedudukan Ekonomi Malaysia Dalam Krisis Kewangan

Kebanyakan liputan yang diterbitkan oleh ketiga-tiga akhbar tersebut memberi gambaran bahawa kedudukan ekonomi Malaysia adalah kukuh dan masa depan masih cerah sungguhpun dilandai krisis kewangan. Menerusi liputan-liputan akhbar, kejatuhan nilai Ringgit dan pasaran saham Malaysia adalah sesuatu fenomena yang sementara dan pasti dapat diatasi kelak. Jadual 6.4 mencatatkan jumlah dan nisbah liputan yang menekankan gambaran positif dan negatif tentang kedudukan ekonomi Malaysia dalam krisis kewangan.

JADUAL 6.4 Kedudukan Ekonomi Malaysia Dalam Krisis Kewangan 1997

Akhbar	Kedudukan Ekonomi Malaysia	
	Positif	Negatif
<i>New Straits Times</i>	62 (75.61%)	20 (24.39%)
<i>Utusan Malaysia</i>	92 (76.03%)	29 (23.97%)
<i>Sin Chew Jit Poh</i>	199 (53.93%)	170 (46.07%)
Jumlah	353 (61.71%)	219 (38.29%)

Secara keseluruhan, hampir dua pertiga, iaitu 61.72 peratus daripada liputan-liputan yang menyentuh kedudukan ekonomi Malaysia memberi gambaran positif dan optimis. Walau bagaimanapun, sepertimana dengan isu pertama yang dibincangkan, kedua-dua akhbar Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris yang dimiliki oleh UMNO jauh lebih sanggup menerbitkan liputan-liputan yang melakarkan gambaran positif dan optimis tentang kedudukan ekonomi semasa krisis kewangan, berbanding dengan akhbar Bahasa Cina. *Sin Chew Jit Poh*, secara relatif, menerbitkan liputan yang agak seimbang dalam isu ini berbanding dengan *New Straits Times* dan *Utusan Malaysia*, di mana 199 daripada 369 liputan yang menyentuh prestasi ekonomi menyampaikan mesej bahawa ekonomi Malaysia adalah baik dan kukuh, manakala 170 liputan lagi menyampaikan gambaran negatif mengenai prestasi ekonomi semasa dan masa depan.

Jika berbanding dengan *New Straits Times* dan *Utusan Malaysia*, *Sin Chew Jit Poh* menerbitkan paling banyak liputan yang menyentuh soal prestasi ekonomi semasa dan masa depan. Keadaan ini jelas dibayangkan di Jadual 6.4. Beberapa faktor mengakibatkan keadaan ini. Pertama, *Sin Chew Jit Poh* amat mementingkan perubahan semasa pasaran saham dan mata wang dan hampir setiap hari menerbitkan berita-berita berkenaan di halaman pertama. Kedua, selain daripada sumber rasmi, *Sin Chew Jit Poh* mendapatkan komen-komen melalui wawancara, dari ahli-ahli professional ekonomi, ahli-ahli korporat, pemimpin-pemimpin pertubuhan-pertubuhan sivil dan organisasi antarabangsa, orang ramai dan sebagainya. Ketiga, dari segi pemprosesan berita, telah menjadi amalan biasa bagi akhbar bahasa Cina, termasuk *Sin Chew Jit Poh*, mengasingkan kenyataan yang dikeluarkan oleh sesuatu sumber kepada beberapa buah tajuk liputan yang berasingan mengikut isu yang disentuh.

6.2.4 Kedudukan Mahathir dan Barisan Nasional Tetap Disokong

Ketiga-tiga akhbar tersebut juga menerbitkan banyak sekali liputan berita, lidah pengarang dan rencana untuk menyuara dan menggambarkan pimpinan Mahathir dan Barisan Nasional tetap diberi sokongan penuh oleh seluruh warga Malaysia, termasuk parti-parti pembangkang yang biasa mengkritik pimpinan Mahathir dan Barisan Nasional. Jadual 6.5 menunjukkan kesemua liputan yang diterbitkan memberi satu gambaran selaras bahawa pimpinan Barisan Nasional dan Mahathir mendapat sokongan yang kuat dari warga Malaysia dan masyarakat antarabangsa, tanpa sebarang liputan mengkritik diterbitkan.

JADUAL 6.5 Kedudukan Mahathir Dan Barisan Nasional Tetap Disokong

Akhbar	Liputan Tentang Kedudukan Pimpinan Mahathir dan Barisan Nasional			Jumlah
	Sokongan Warga Malaysia	Sokongan Masyarakat Antarabangsa	Menerima Kritikan	
<i>New Straits Times</i>	34 (82.93%)	7 (17.07%)	0	41
<i>Utusan Malaysia</i>	44 (58.67%)	31 (41.33%)	0	75
<i>Sin Chew Jit Poh</i>	48 (58.54%)	34 (41.46%)	0	82
Jumlah	126 (63.64%)	72 (36.36%)	0	198

Sehubungan isu ini, jelas kelihatan *Sin Chew Jit Poh* lebih banyak menerbitkan liputan yang menyampaikan sokongan kepada Barisan Nasional dan Mahathir, diikuti dengan *Utusan Malaysia* serta *New Straits Times*. Walau bagaimanapun, perbezaan ini tidak memberi sumbangan yang penting bagi membezakan pendirian editorial di antara akhbar Bahasa Cina dan akhbar-akhbar Bahasa Malaysia serta Bahasa Inggeris. Secara keseluruhannya, liputan dalam isu ini dikira memihak kepada Barisan Nasional.

6.2.5 Langkah Kerajaan Menangani Krisis Kewangan Disambut Baik

Sepanjang krisis kewangan 1997, kerajaan telah mengambil beberapa langkah kewangan untuk menanganinya. Langkah-langkah yang diambil termasuk:

Campur tangan dalam pasaran - Pada awal bulan Julai 1997, Bank Negara Malaysia (BNM) campur tangan dalam pasaran untuk mempertahankan kedudukan ringgit dan berjaya menaikkan nilai ringgit kepada paras RM2.47=AS\$1. Namun, dua minggu kemudian, BNM melepaskan tindakan mempertahankan ringgit dan mengakibatkan nilai ringgit mengalami kejatuhan teruk sehingga RM2.6530=AS\$1.

Pemilihan 100 Stok di BSKL (*Designation of 100 stocks on KLSE*) - Akibat daripada kejatuhan yang teruk nilai ringgit dan indeks BSKL, kerajaan melaksanakan

langkah polisi “pemilihan 100 stok di BSKL” (*designation of 100 stocks on KLSE*), iaitu mewajibkan penjualan kaunter-kaunter paling popular yang digemari oleh pelanggan (*punters*) dan spekulator harus dijalankan dengan penyerahan skrip serta-merta manakala pembelian harus dijalankan dengan wang tunai.

Perolehan RM600 bilion - Mahathir Mohamad mengumumkan bahawa kerajaan sedang memperolehi modal sejumlah RM600 bilion untuk menyelamatkan pasaran. Langkah ini diambil sebagai langkah gantian kepada langkah “pemilihan 100 stok di BSKL” yang ditarik balik oleh Mahathir sebelum Perhimpunan Agung UMNO dilangsungkan pada 5 September 1997.

Belanjawan 1998 yang berjimat cermat - Menteri Kewangan ketika itu, Anwar Ibrahim, membentangkan Belanjawan 1998 yang bersifat jimat cermat pada 17 Oktober 1997.

Potongan perbelanjaan kerajaan - Awal bulan Disember 1997, Anwar Ibrahim mengambil langkah untuk memotong perbelanjaan kerajaan sebanyak 18 peratus, menahan projek-projek mega dan mengehendkan kredit-kredit bank serta pengumpulan modal pasaran saham. Di samping itu, Anwar turut mengubahsuaikan kadar pertumbuhan ekonomi yang bersesuaian dengan inflasi (*inflation-adjusted economic growth*), iaitu diperlahankan dari 7.5 peratus pada 1997 kepada 4-5 peratus pada 1998. Langkah-langkah yang diambil ini disifatkan oleh sesetengah penganalisis sebagai “program domestik IMF tanpa IMF” (*domestic program of IMF without IMF*).

Langkah-langkah tersebut telah mendapat layanan yang cukup baik daripada dua buah akhbar yang dikaji, iaitu *New Straits Times* dan *Utusan Malaysia*. Kesemua liputan yang diterbitkan oleh *New Straits Times* mengenai isu ini adalah positif kepada kerajaan yakni menyampaikan mesej bahawa langkah-langkah dan keputusan-keputusan yang diambil telah disambut baik oleh pelbagai lapisan warga Malaysia. *Utusan Malaysia*, sungguhpun memberi ruang untuk menerbitkan kenyataan yang bertentangan, juga jauh lebih menitikberatkan liputan-liputan yang positif kepada kerajaan, iaitu 89.02 peratus daripada liputan yang diterbitkan mengenai isu ini menyampaikan mesej sambutan baik. *Sin Chew Jit Poh*, sebaliknya, menerbitkan

liputan-liputan positif dan negatif dengan kadar yang jauh lebih seimbang berbanding dengan *New Straits Times* dan *Utusan Malaysia*, sungguhpun liputan negatif (24 buah liputan) adalah sedikit lebih banyak daripada liputan positif (21 buah liputan). Adalah wajar disarankan bahawa tidak disiarkan kritikan mengenai langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk menangani krisis kewangan, tidak bermakna kritikan tidak berwujud langsung.

Jadual 6.6 mencatatkan perbandingan di antara liputan positif dan negatif yang diterbitkan oleh ketiga-tiga akhbar yang dikaji.

JADUAL 6.6 Sambutan Kepada Langkah Atau Keputusan Yang Dibuat Oleh Kerajaan

Akhbar	Liputan tentang sambutan kepada langkah kerajaan	
	Positif	Negatif
<i>New Straits Times</i>	36 (100.00%)	0 (0.00%)
<i>Utusan Malaysia</i>	73 (89.02%)	9 (10.98%)
<i>Sin Chew Jit Poh</i>	21 (46.67%)	24 (53.33%)
Jumlah	130 (80.12%)	33 (19.88%)

Sungguhpun terdapat perbezaan yang agak ketara di antara *Sin Chew Jit Poh* dengan *New Straits Times* dan *Utusan Malaysia*, adalah disarankan di sini bahawa liputan-liputan mengenai sambutan kepada langkah-langkah dan keputusan kerajaan menangani krisis kewangan adalah secara keseluruhannya positif kepada kerajaan, memandangkan nisbah di antara liputan positif dan liputan negatif di kedua-dua *New Straits Times* dan *Utusan Malaysia* adalah jauh lebih tinggi. Di samping itu, jumlah pembacaan dan pengedaran kedua-dua akhbar itu jauh lebih luas daripada *Sin Chew Jit Poh* adalah salah satu faktor yang harus diambil kira.

6.2.6 Kerajaan Komited Kepada Mengatasi Krisis Kewangan

Liputan-liputan akhbar telah mempamerkan bahawa kerajaan Barisan Nasional adalah sebuah kerajaan yang begitu komited dalam mengatasi krisis kewangan demi kepentingan negara dan rakyat jelata. *Utusan Malaysia* menerbitkan banyak sekali liputan untuk menyampaikan kenyataan bahawa kerajaan mempunyai komitmen yang kuat untuk mengatasi krisis kewangan, diikuti dengan *Sin Chew Jit Poh* dan *New Straits Times*. Jadual 6.7 mencatatkan kedudukan tiga akhbar itu dalam melaporkan komitmen kerajaan mengatasi krisis kewangan.

JADUAL 6.7 Komitmen Kerajaan Mengatasi Krisis Kewangan

Akhbar	Bilangan Liputan	Peratusan (%)
<i>New Straits Times</i>	73	24.33%
<i>Utusan Malaysia</i>	146	48.67%
<i>Sin Chew Jit Poh</i>	81	27.00%
Jumlah	300	100.00%

6.2.7 Mobilisasikan Warganegara Menyokong Kerajaan dan Langkah Mengatasi Krisis Kewangan

Akhbar-akhbar yang dikaji juga banyak menerbitkan seruan ahli-ahli politik, terutamanya mereka yang berasalkan parti-parti komponen Barisan Nasional dan pertubuhan-pertubuhan sivil, supaya rakyat bersabar dengan kegawatan ekonomi yang tidak menyenangkan, bersepadu menyokong kerajaan dan menyesuaikan diri dengan langkah-langkah yang dilaksanakan untuk mengatasi krisis kewangan. Sehubungan ini, *Sin Chew Jit Poh* mendahului kedua-dua akhbar lain dengan menerbitkan sebanyak 86 buah liputan yang menyeru warga Malaysia menyokong kerajaan, diikuti dengan *Utusan Malaysia* (67 buah liputan) dan *New Straits Times* (36 buah liputan). Jadual 6.8 mencatatkan kedudukan tiga akhbar itu menerbitkan liputan-liputan menyeru warga menyokong kerajaan dan langkah-langkah mengatasi krisis kewangan.

JADUAL 6.8 Mobilisasi Warganegara Menyokong Kerajaan
Menangani Krisis Kewangan

Akhbar	Bilangan Liputan	Peratusan (%)
<i>New Straits Times</i>	36	27.00%
<i>Utusan Malaysia</i>	67	24.33%
<i>Sin Chew Jit Poh</i>	86	48.67%
Jumlah	189	100.00%

6.2.8 Ketepatan Masa Liputan Selaras dengan Perkembangan Krisis Kewangan

Kajian ini mendapati bahawa terdapatnya hubungan positif di antara perkembangan semasa krisis kewangan dengan trend liputan akhbar, yakni tumpuan liputan akhbar menepati perkembangan keadaan ekonomi semasa.

Kedudukan ekonomi Malaysia menjadi semakin teruk mengikut perkembangan semasa mulai Julai 1997 hingga Disember 1997. Kadar pertukaran Ringgit terjatuh daripada RM2.6530=AS\$1 pada 24 Julai 1997, kepada RM3.4080=AS\$1 pada 1 Oktober, dan akhirnya kepada RM3.8650=AS\$1 pada 5 Disember 1997. Beberapa langkah telah diambil oleh kerajaan untuk menangani tekanan kejatuhan nilai Ringgit dan pasaran saham menjelang penghujung tahun 1997. Langkah-langkah menangani krisis kewangan termasuk Belanjawan 1998 (Oktober), Pelan Tindakan 12 Perkara yang menekankan penjimatan drastik (November) dan penubuhan Majlis Bertindak Ekonomi Malaysia (Disember).

Berdasarkan perkembangan kronologi krisis kewangan, trend liputan akhbar dapat dibezakan kepada dua tahap. Tahap pertama merangkumi tempoh Julai hingga September dan tahap kedua merangkumi tempoh Oktober hingga Disember.

Pada tahap pertama, akhbar-akhbar lebih mementingkan dua kategori liputan. Kategori pertama ialah liputan-liputan yang “mencari pesalah”, iaitu kenyataan-kenyataan yang mengkritik pedagang-pedagang mata wang Barat sebagai punca

utama yang mengakibatkan negara-negara Asia Tenggara, khususnya Malaysia, dilanda krisis kewangan. Kategori kedua ialah penerangan positif tentang kedudukan ekonomi juga dilayani dalam tahap ini. Manakala isu-isu lain, umpamanya komitmen kerajaan menangani krisis kewangan dan seruan supaya rakyat menyokong kerajaan, kurang ditonjolkan berbanding dengan kedua-dua isu tersebut. Walau bagaimanapun, adalah wajar diperhatikan bahawa kritikan kepada Soros dan pedagang-pedagang mata wang Barat terus dilaporkan sepanjang enam bulan sehingga Disember 1997.

Tahap kedua merupakan satu tempoh di mana ekonomi semakin buruk dan kerajaan terpaksa mengemukakan langkah demi langkah untuk mengatasi tekanan itu. Dalam tahap ini, akhbar-akhbar semakin menonjolkan liputan-liputan seperti berikut:

- i. Kedudukan ekonomi Malaysia tetap baik dan kukuh;
- ii. Pujian dan sokongan langkah-langkah kerajaan menangani krisis kewangan;
- iii. Kerajaan Barisan Nasional dan pimpinan Mahathir terus disokong penuh;
- iv. Kerajaan komited mengatasi krisis kewangan; dan
- v. Memobilisasi warga Malaysia menyokong kerajaan.

Diperhatikan bahawa kenyataan-kenyataan yang menyuarakan bahawa “kedudukan ekonomi baik dan kukuh” tetap diberi keutamaan sama ada di tahap pertama atau tahap kedua. Ini menunjukkan bahawa akhbar-akhbar tempatan ini memberi kerjasama kepada elit berkuasa, iaitu menonjolkan mesej-mesej yang positif supaya membantu memulihkan keyakinan orang ramai.

Di samping itu, kenyataan-kenyataan yang menunjukkan “Mahathir dan kerajaan disokong penuh” telah diberi keutamaan pada tahap kedua. Kempen menyokong Mahathir semakin hangat pada tahap kedua kerana terdapat desakan-desakan dari media asing dan 34 orang ahli kongres Amerika Syarikat supaya Mahathir meletak jawatan. Berikutan dengan desakan dari luar negeri, respons kerajaan dan kenyataan-kenyataan menyokong pimpinan Mahathir yang dikeluarkan

parti-parti politik dan pertubuhan bukan kerajaan banyak diterbitkan tetapi kenyataan 34 orang ahli kongres tersebut tidak diterbitkan langsung di akhbar-akhbar yang dikaji.

Jadual 6.9 menunjukkan perbandingan titik berat liputan akhbar bagi tahap pertama dan tahap kedua yang dibincangkan.

JADUAL 6.9 Bilangan Liputan Isu-isu Bagi Tahap Pertama Dan Tahap Kedua

Isu-isu yang Diterbitkan	Bilangan Liputan Yang Diterbitkan	
	Tahap Pertama	Tahap Kedua
Pedagang-pedagang mata wang Barat sebagai punca utama krisis kewangan	102	51
Kedudukan ekonomi baik dan kukuh	144	209
Mahathir dan kerajaan disokong penuh	6	192
Kerajaan komited mengatasi krisis kewangan.	52	248
Langkah kerajaan mengatasi krisis kewangan disokong	12	118
Mobilisasikan warga Malaysia supaya menyokong kerajaan	49	140
Jumlah	365	958

6.2.9 Peranan Lidah Pengarang

Kajian ini juga mendapati bahawa lidah pengarang memainkan peranan yang agak penting dalam menyokong kenyataan dan keputusan yang dilakukan oleh kerajaan. Hampir kesemua lidah pengarang yang diterbitkan oleh akhbar-akhbar yang dikaji menyampaikan sokongan kepada kenyataan, keputusan dan langkah kerajaan yang berkaitan dengan krisis kewangan. Lidah pengarang akhbar-akhbar tersebut berfungsi demi memujuk pembaca supaya terus menyokong kerajaan dan memajukan sentimen anti pedagang-pedagang mata wang yang majoritinya berasal dari negara-negara Barat.

Fenomena lidah pengarang ini jauh lebih ketara kelihatan di *New Straits Times* dan *Utusan Malaysia*. Lidah pengarang *Sin Chew Jit Poh*, sungguhpun komennya tidak mengkritik kerajaan dan mirip kepada menyokong tindakan kerajaan, tetapi tidak sebanyak *New Straits Times* dan *Utusan Malaysia* dari segi kuantiti. Jadual 6.10 menyenaraikan bilangan lidah pengarang yang diterbitkan untuk menyokong kenyataan-kenyataan dan tindakan-tindakan kerajaan.

JADUAL 6.10 Penyelarasan Di Antara Lidah Pengarang Dan Kenyataan Kerajaan

Isu-isu yang dimajukan	Jumlah Lidah Pengarang			Jumlah
	<i>New Straits Times</i>	<i>Utusan Malaysia</i>	<i>Sin Chew Jit Poh</i>	
Pedagang-pedagang mata wang Barat sebagai punca utama krisis kewangan	2	3	2	7
Lain-lain punca mengakibatkan krisis kewangan	0	1	1	2
Kedudukan ekonomi baik dan kukuh	6	4	0	10
Kedudukan ekonomi terancam	0	0	3	3
Mahathir dan kerajaan disokong penuh	0	2	0	2
Kerajaan komited mengatasi krisis kewangan.	6	5	4	15
Langkah kerajaan mengatasi krisis kewangan disokong	1	2	1	4
Mobilisasikan warga Malaysia supaya menyokong kerajaan	10	17	8	35
Isu-isu Lain	5	7	4	16

6.3 ANALISIS KUALITATIF LIPUTAN AKHBAR

Merujuk kepada hasil analisis kuantitatif, jelas ditunjukkan bahawa Barisan Nasional telah memanipulasikan naratif krisis dengan memeralatkan watak George Soros dan spekulator-spekulator Barat. Soros dan spekulator-spekulator Barat lain dijadikan sasaran untuk menunjukkan bahawa krisis kewangan 1997 adalah hasil serangan “musuh luar” yang berniat jahat dan bukan salah urusan kerajaan.

Namun begitu, analisis kuantitatif tidak menunjukkan bagaimanakah naratif krisis yang ditonjolkan boleh memperoleh kedudukan dalam konteks Malaysia atau sekurang-kurangnya tidak dipertikaikan kerasionalannya. Adalah memadai jika analisis kualitatif dijalankan untuk memahami “kerasionalan” naratif krisis yang digunakan oleh elit politik Barisan Nasional.

Secara keseluruhannya, satu faktor penting yang membawa kepada kejayaan naratif krisis yang berteraskan kehadiran “musuh luar” adalah naratif krisis yang digunakan menepati dengan konteks sosial dan politik di Malaysia, iaitu sebuah negara pasca kolonial yang pernah dijajah oleh kuasa-kuasa Barat. Pendek kata, naratif krisis yang dimajukan dalam krisis kewangan 1997 boleh difahami sebagai salah satu wacana pasca kolonial.

Liputan-liputan yang menyentuh peranan Soros (dan spekulator-spekulator Barat lain), aktiviti dan motif spekulasi serta peranan negara-negara Barat telah memberikan pembaca gambaran-gambaran seperti berikut:

Peringkat pertama, menonjolkan identiti orang yang terlibat dalam serangan mata wang dan juga niat mereka membuat demikian. Liputan peringkat pertama ini memberi gambaran bahawa spekulator-spekulator Barat, terutamanya Soros, adalah orang yang menyerang mata wang negara-negara Asia Tenggara dengan mempunyai agenda politik, iaitu terutamanya, menghalang kemasukan Myanmar sebagai anggota ASEAN. Maksudnya, kuasa-kuasa Barat telah memanipulasikan kekayaan mereka untuk mencampur urusan hal ehwal negara-negara Asia Tenggara. Ini dibuktikan dalam petikan *New Straits Times* (22 Julai 1997) bahawa

Perdana Menteri berkata terdapat alasan untuk mempercayai bahawa aktiviti-aktiviti spekulatif adalah berhubung kait dengan satu “agenda” yang dirancangkan (*a deliberate “agenda”*).

...Beliau berkata ahli kewangan itu adalah terkenal kerana telah cuba menggunakan pengaruh kewangan beliau di Amerika Syarikat untuk menghalang kemasukan Myanmar (sebagai ahli ASEAN).

Naratif krisis yang berteraskan “musuh luar” ini dimulakan oleh Mahathir ketika beliau mengambil inisiatif untuk menghujahkan, pada peringkat awal krisis kewangan, bahawa krisis ini adalah akibat daripada serangan negara-negara Barat dengan niat menjatuhkan nilai ringgit. Kenyataan-kenyataan Mahathir untuk mendedahkan watak spekulator-spekulator Barat dan niat jahat mereka telah diterbitkan secara berturutan dalam minggu ketiga dan keempat bulan Julai 1997. “Pendedahan” Mahathir diberi layanan yang cukup menonjol iaitu kesemua liputan tersebut dipaparkan sebagai tajuk utama di halaman pertama. Tajuk-tajuk berita yang menonjolkan aktiviti spekulasi Soros mempunyai agenda politik disenaraikan dalam Jadual 6.11.

JADUAL 6.11 Tajuk-tajuk Berita Yang Menonjolkan Soros Mempunyai Agenda Politik

Tarikh	<i>Utusan Malaysia</i>	<i>New Straits Times</i>	<i>Sin Chew Jit Poh</i>
22 Julai 1997	Serangan dari luar dengan tujuan politik Niat jahat jatuhkan RM	Tekanan spekulatif pada mata wang Asean ditujukan kepada seorang ahli kewangan Amerika, kata PM Dr M: Itulah satu agenda yang dirancang <i>(Spekulative pressure on Asean currencies points to a certain American financier, says PM Dr M: It's a deliberate agenda)</i>	Mata wang negara-negara Asean diserang satu demi satu PM mengesyaki ada faktor politik <i>(Liputan Sin Chew Jit Poh diterbitkan pada 23 Julai 1997, iaitu satu hari lebih lewat daripada dua akhbar yang lain.)</i>
25 Julai 1997	Asean perlu bersatu halang spekulasi mata wang PM: Perangi “penyangak”	Mereka yang melemahkan mata wang Asean adalah spekulator penyangak dan anarkis, kata PM Dr M: Cari jalan menentang balik <i>(Those out to undermine Asean currencies are rogue speculators and anarchists, says PM Dr M: Find ways to fight back)</i>	Spekulator berniat memusnah ekonomi Asean Negara-negara Asean mungkin gubal undang-undang mata wang
27 Julai 1997	Bertanggungjawab gugatkan mata wang negara-negara Asean PM dedahkan nama Soros	Ahli kewangan AS dinamakan sebagai manipulator mata wang rantau ini Dr M: Dialah George Soros <i>(US financier named as manipulator of region's currencies Dr M: It's George Soros)</i>	PM sebutkan nama dan tegur memusnah ekonomi Soros menyerang RM

Pada peringkat kedua, liputan media membina imej Soros dan spekulator-spekulator Barat lain sebagai manusia yang tamak dan mementingkan diri. Mereka ghairah mengaut kekayaan dari negara-negara miskin tanpa mempedulikan hidup mati penduduk-penduduk di negara-negara miskin ini.

Sejak awal peranan Soros dan spekulator-spekulator lain dikecam, akhbar-akhbar tempatan turut melabelkan mereka sebagai penjenayah berdasarkan kenyataan Mahathir. Akhbar tempatan, umpamanya *New Straits Times*, telah mengulangi kenyataan-kenyataan yang menyamakan aktiviti spekulasi mata wang dengan pencurian dalam liputan demi liputan yang diterbitkan. Beberapa contoh petikan akhbar disenaraikan dalam Jadual 6.12.

JADUAL 6.12 Petikan Akhbar Dari *New Straits Times* Yang Menyamakan Aktiviti Spekulasi Dengan Pencurian Dan Jenayah

Tarikh	Petikan akhbar
28 Julai 1997	Mereka bertindak seperti Robin Hoods yang mencuri daripada orang dan memberi kepada orang lain...orang-orang ini adalah penjenayah. ¹¹³
8 Ogos 1997	Orang kaya dari luar boleh mendominasi orang miskin di negara-negara seperti Asean. Kita sedang melihat dalam cara yang telah dicuba oleh Soros untuk melemahkan Asean (dengan menyahstabilkan mata wang mereka) ¹¹⁴
20 Ogos 1997	Terdapat penyangak antarabangsa yang sedang mencuba untuk sabotaj kita. Mereka bukan Robin Hood. Sekurang-kurangnya Robin Hood merompak dari orang kaya dan memberi kepada orang miskin, tetapi orang-orang ini merompak dari orang miskin dan memperkayakan orang kaya. ¹¹⁵

¹¹³ Teks asal berbunyi, “*They are acting like Robin Hoods who stole from people to give others...these people are criminal.*”

¹¹⁴ Teks asal berbunyi, “*The rich people from outside can dominate the poor people in countries like Asean. Already we are seeing it in the way (US financier, George) Soros had tried to undermine Asean (by destabilising their currencies).*”

¹¹⁵ Teks asal berbunyi, “*There are international crooks who are trying to sabotage us. They are not ever Robin Hoods. At lease Robin Hoods robbed from the rich to give to the poor but these people rob from the poor to enrich the rich.*”

Sambungan Jadual 6.12

- 24 Ogos 1997 Bila kamu menjadi kaya bantulah orang yang miskin. Tetapi ini, bila kamu menjadi kaya tetapi mencuri dari orang miskin dan inilah sebenarnya apa yang Soros telah lakukan...mencuri dari orang miskin.¹¹⁶
- 31 Ogos 1997 Orang tamak yang berasal dari negara-negara kaya mencuri dari orang dan negara miskin atas nama pasaran bebas.¹¹⁷

Pada peringkat ketiga, liputan media memberi makna yang jauh lebih luas terhadap aktiviti spekulasi dengan mengaitkan aktiviti spekulasi dengan konspirasi antarabangsa yang didorong bersama oleh negara-negara Barat. Naratif yang dimajukan ialah negara-negara Barat yang kaya raya berpakat untuk melemahkan ekonomi negara-negara Asia Tenggara kerana mereka iri hati dengan kecemerlangan prestasi ekonomi di negara-negara Asia Tenggara. Di samping itu, negara-negara Barat, yang pernah menjadi kuasa imperialis, kini berpakat untuk melemahkan negara-negara Asia Tenggara supaya menjajah semula negara-negara bekas tanah jajahan satu hari nanti. Naratif sebegini ditunjukkan melalui tajuk-tajuk berita dan isi kandungan berita seperti mana yang disenaraikan dalam Jadual 6.13 dan 6.14.

JADUAL 6.13 Tajuk-tajuk Berita Yang Membayangkan Negara Barat Berniat Menjajah Semula Negara-negara Asia Tenggara

Akhbar dan Tarikh	Tajuk Berita
<i>Utusan Malaysia</i> , 14 Ogos 1997	Bersuhabat dengan penyayang serang mata wang – PM Pakatan negara kaya
<i>Utusan Malaysia</i> , 31 Ogos 1997	Jika rakyat tidak memelihara kemerdekaan – PM Negara dijajah semula
<i>New Straits Times</i> , 9 Ogos 1997	Tiada negara akan selamat dengan adanya orang-orang seperti Soros (<i>No nation safe with the likes of Soros around</i>)

¹¹⁶ Teks asal berbunyi, “*When you are rich you help the poor. But this, when you are rich you steal from the poor and that is exactly what Soros has done...steal from the poor.*”

¹¹⁷ Teks asalnya berbunyi, “*The greedy from rich countries steal from poor people and countries in the name of free market.*”

JADUAL 6.14 Petikan Akhbar Yang Membayangkan Aktiviti Spekulasi Disokong Oleh Kuasa-kuasa Barat

Akhbar dan Tarikh	Petikan akhbar
<i>New Straits Times</i> , 14 Ogos 1997	Mereka adalah disokong oleh negara-negara yang sangat berkuasa dan berfikiran bahawa memusnahkan ekonomi negara-negara sedang membangun adalah sesuatu yang penuh dengan keseronokan. Mereka tidak mempeduli. ¹¹⁸
<i>New Straits Time</i> , 6 September 1997	Mereka (spekulator) sangat gembira kerana tindakan mereka telah memaksa Kerajaan menangguhkan sesetengah projek besar. ¹¹⁹
<i>New Straits Times</i> , 18 Ogos 1997	Mereka (nujum sangka mara, di sini merujuk kepada orang Barat) sentiasa memberitahu Malaysia supaya mengambil langkah-langkah perlu untuk melambatkan pembangunan pesat yang mungkin pada akhirnya mengakibatkan ekonomi terlampau panas. Iri hati dengan kejayaan Malaysia, Dr Mahathir berkata nujum-nujum sangka mara ini telah mencuba seupaya untuk melemahkan ekonomi Malaysia. Sungguhpun mereka menasihatkan kita supaya lambat, kita tidak melambatkan. Ini pastinya mengecewakan mereka, oleh itu mereka melemahkan ekonomi kita dengan cara menurunkan nilai ringgit kita. ¹²⁰

¹¹⁸ Teks asal berbunyi, “*They are being backed by very powerful countries which think that destroying the economies of developing countries are great fun.*”

¹¹⁹ Teks asal berbunyi, “*They (the speculators) are very happy because their action had forced the Government to delay some of its mega projects.*”

¹²⁰ Teks asal berbunyi,

“They (prophets of doom) constantly tell Malaysia to take the necessary measures to slow down the rapid development which may eventually result in the economy overheating.

Jealous of Malaysia’s success, Dr Mahathir said these doomsayers were trying their best to undermine Malaysian economy.

Despite their advice for us to slow down, we did not slow down. This must have been frustrating to them, so they undermine our economy by forcing down the value of our ringgit.”

Perbincangan di atas adalah satu penemuan yang penting dalam kajian ini kerana tajuk-tajuk berita dan petikan isi kandungan berita yang dihuraikan membuktikan bahawa kenyataan-kenyataan yang dikeluarkan oleh elit berkuasa Barisan Nasional merupakan salah satu bentuk wacana pasca kolonial. Huraian-huraian sebelum ini menyarankan bahawa naratif krisis yang dimanipulasikan semasa krisis kewangan adalah berasaskan sentimen anti-Barat. Keberkesanan sentimen anti-Barat kerana pengalaman Malaysia sebagai sebuah bekas tanah jajahan kuasa Barat dan peringatan serta pengenalan warga Malaysia mengenai penjajahan kuasa Barat. Dengan kata lain, pengalaman sebagai sebuah negara bekas tanah jajahan menjadikan kenyataan-kenyataan yang bersifat anti-Barat dengan mudahnya menjadi wacana arus perdana di Malaysia. Saranan ini dibuat kerana pengalaman ini berfungsi sebagai satu peringatan bersama (*collective memory*) di kalangan warga Malaysia, tanpa mengira kaum dan agama.

Warga Malaysia, baik generasi tua atau muda, berkongsi pengalaman penjajahan tersebut. Bagi warga berumur tinggi, kebanyakan mereka mengalami zaman penjajahan British sebelum Kemerdekaan, manakala sesetengah mempunyai ingatan mengenai penjajahan kuasa Barat di negara asal nenek moyang mereka, umpamanya di Negeri China dan India, melalui penceritaan ibu bapa mereka. Bagi generasi muda, sukatan matapelajaran sejarah di peringkat sekolah menengah memberi keterangan dan gambaran stereotaip mengenai keadaan zaman penjajahan dan kuasa-kuasa penjajah. Oleh itu, sungguhpun tidak pernah mengalami zaman penjajahan, generasi muda tidak terasa asing mengenai senario zaman penjajahan kerana sukatan pelajaran telah menawarkan mereka satu “imajinasi” mengenainya.

Secara keseluruhan, bekas penjajah telah diberikan imej stereotaip, iaitu mereka menakluki sesebuah tanah jajahan dengan tujuan mengaut kekayaan tanah jajahan itu, terutamanya bahan-bahan mentah yang terdapat di tanah jajahan, untuk memenuhi keperluan perindustrian di negara mereka. Di samping itu, bekas penjajah sentiasa bersikap sombong, menghina dan mengeksploitasikan penduduk-penduduk tempatan, dan sebagainya.

Gambaran oleh elit berkuasa mengenai Soros dan aktiviti spekulasi dan direpresentasikan melalui akhbar-akhbar tempatan semasa krisis kewangan 1997 agak berselaras dengan imej stereotaip yang dikenakan ke atas bekas penjajah. Spekulator-spekulator Barat (bagaikan kuasa penjajah) datang ke negara-negara miskin (bagaikan tanah jajahan) dan mengaut kekayaan di sini melalui aktiviti-aktiviti spekulasi (bagaikan merampaskan bahan-bahan mentah tanah jajahan). Prosesnya adalah serupa, hanya caranya berbeza; penjajahan bentuk lama dijalankan dengan kuasa ketenteraan manakala penjajahan bentuk baru dijalankan dengan kuasa ekonomi.

Keserupaan tersebut merupakan hasil konteksualisasi liputan-liputan akhbar berkenaan. Konteksualisasi ini adalah penting seperti mana yang disarankan oleh Hall dan rakan-rakan (1978: 54) bahawa konteksualisasi adalah salah satu proses yang penting di mana peristiwa-peristiwa “diberi makna” (*made to mean*) oleh media kerana sesuatu peristiwa mempunyai makna (*makes sense*) hanya jika ia boleh ditempatkan ke dalam satu bidang identifikasi sosial dan kebudayaan yang diketahui. Meletakkan sesuatu peristiwa ke dalam konteks sosial yang diketahui oleh audiens adalah merujukkan peristiwa itu kepada “peta-peta pemaknaan” (*maps of meaning*), di mana bukan sahaja kita semua berupaya memanipulasikan “peta-peta pemaknaan” untuk memahami sesuatu peristiwa, malah mempunyai kepentingan asas, nilai-nilai dan kebimbangan yang sama, di mana ia dijelma dan dibayangkan melalui peta-peta tersebut (Hall et al. 1978: 54-55).

“Pengalaman” bersama mengenai penjajahan menjadikan warga Malaysia berkongsi satu kerangka rujukan (*frame of reference*) untuk memahami kuasa Barat. Oleh itu, proses konteksualisasi tersebut membantu menjadikan kenyataan-kenyataan yang menamakan Soros sebagai wakil kuasa Barat yang berniat jahat untuk melemahkan ekonomi negara-negara Asia Tenggara supaya dapat menjajah semula negara-negara tersebut, lebih mudah difahami dan dirasai. Maka, naratif krisis yang berteraskan “musuh luar” dan wacana pasca kolonial itu mampu menjadi satu naratif yang “masuk akal” kepada orang ramai.

Di samping itu, majoriti kenyataan yang menuduh Soros dan negara-negara Barat adalah dikeluarkan oleh Mahathir dan media hanya menyampaikan minda Mahathir kepada khalayak ramai dengan mengulangi kata-kata yang dicakap oleh Mahathir. Sehubungan ini, Mahathir memainkan peranan sebagai “pentakrif utama” yang memberi makna kepada krisis kewangan dengan cara yang mudah difahami.

6.4 KESIMPULAN

Berdasarkan analisis ke atas liputan-liputan yang diterbitkan oleh *New Straits Times*, *Utusan Malaysia* dan *Sin Chew Jit Poh*, disarankan akhbar-akhbar tersebut melakukan fungsi penentuan agenda masing-masing melalui dua pendekatan. Pendekatan pertama, liputan-liputan berita yang diterbitkan bertindak sebagai pembesar suara untuk menyebarkan kenyataan-kenyataan sumber rasmi dan mereka yang menyokong kerajaan. Pendekatan kedua, lidah pengarang yang diterbitkan bertindak untuk memperkukuhkan interpretasi terhadap liputan-liputan yang diterbitkan sebagai pendekatan pertama.

Melalui kedua-dua pendekatan ini, akhbar-akhbar tersebut telah merepresentasikan krisis kewangan 1997 melalui fungsi penentuan agenda dengan sebegitu cara seperti berikut.

Pada satu pihak, liputan akhbar-akhbar tempatan menonjolkan peranan yang dimainkan oleh pedagang-pedagang mata wang Barat yang bertindak sebagai “musuh luar” dalam krisis kewangan. Penonjolan ini membentuk agenda bahawa pedagang-pedagang mata wang Barat yang tamat dan berniat jahat adalah pesalah utama yang mengakibatkan krisis kewangan dan membawa penderitaan kepada warga Malaysia. Sebaliknya, kerajaan pimpinan Mahathir, yang sekali-kala mengulangi kritikan terhadap George Soros, merupakan penemu krisis yang mengenalpastikan ancaman ekonomi yang tersembunyi di belakang penjajahan bentuk baru. Bukan itu sahaja, kerajaan pimpinan Mahathir juga bertindak sebagai penyelamat krisis yang komited kepada membebaskan negara ini daripada ancaman konspirasi negara-negara Barat.

Pada satu pihak lain, akhbar-akhbar tempatan ini berusaha untuk menenangkan rasa tidak puas hati warga Malaysia dengan menyuapkan pembaca kenyataan-kenyataan yang menyakinkan bahawa kedudukan dan masa depan ekonomi Malaysia adalah kukuh dan cerah sungguhpun dilandai krisis kewangan. Di samping itu, akhbar-akhbar tempatan itu menonjolkan gambaran bahawa kerajaan Barisan Nasional bukan sahaja mendapat sokongan daripada warganya sendiri, malah diberi sokongan daripada masyarakat antarabangsa. Gambaran ini terbentuk melalui liputan-liputan yang melaporkan kenyataan-kenyataan pelbagai pertubuhan sivil yang menyuarakan sokongan dan pujian kepada kerajaan dan kenyataan-kenyataan yang dikeluarkan oleh negara-negara luar yang menyokong cadangan Malaysia untuk mengenakan kawalan ke atas perdagangan mata wang. Dengan ini seolah-olah kerajaan Barisan Nasional tidak dipesalahkan langsung, umpamanya salah urusan ke atas pembangunan ekonomi, ke atas krisis kewangan yang dihadapi Malaysia. Maka sekali lagi “dikenalpastikan” bahawa faktor luaran sebagai pesalah utama krisis kewangan dan Malaysia sebagai mangsa kepada konspirasi antarabangsa yang berasaskan penjajahan bentuk baru.

BAB VII

KEDUDUKAN MEDIA ARUS PERDANA DALAM MENDUKUNG HEGEMONI BARISAN NASIONAL

7.1 PENDAHULUAN

Kajian ini mengkaji peranan media dalam proses pembentukan hegemoni Barisan Nasional ketika krisis kewangan 1997. Kajian ini dengan khususnya meninjau fungsi penentuan agenda akhbar-akhbar tempatan arus perdana untuk merepresentasikan agenda politik Barisan Nasional melalui liputan-liputan yang diterbitkan. Tinjauan tentang peranan media membantu kelas pemerintah membentuk hegemoni yang dilakukan ini sekaligus juga merupakan satu usaha mengkaji hubungan tiga pihak iaitu Negara, kelas pemerintah dan media. Pandangan ini dikemukakan kerana penulis mendapati proses pembentukan dan/atau pengekal hegemoni semasa sesuatu krisis berlaku, adalah hasil daripada usaha yang berterusan di mana pelbagai alat Negara (*state apparatuses*) telah dikuasai dan dimobilisasikan oleh kelas pemerintah sepanjang masa sebelum apa jua krisis berlaku. Usaha tersebut, antara lainnya, telah menempatkan media dalam kedudukan yang memanfaatkan kepentingan politik kelas pemerintah.

Dalam usaha tersebut, kelas pemerintah menguasai Negara secara proaktif dan berkesan sehingga kontra-hegemoni (*counter-hegemony*) agak sukar diusahakan oleh gerakan-gerakan sosial yang menentang Barisan Nasional. Beberapa penemuan tentang kedudukan elit berkuasa, alat Negara dan media massa dalam proses yang rumit dan besar itu telah diperolehi dalam keseluruhan kajian ini.

Berdasarkan analisis kandungan yang dilakukan dalam Bab VI, Bab VII ini selanjutnya menganalisis secara kualitatif kedudukan media arus perdana dalam mendukung hegemoni Barisan Nasional semasa krisis kewangan 1997, berteraskan teori dan konsep hegemoni yang disarankan dalam penulisan Gramsci.

7.2 NARATIF KRISIS BERASASKAN “AGAMA POPULAR” (*POPULAR-RELIGION*) UNTUK MEMPEROLEHI PERSETUJUAN AKTIF

Sebagaimana yang telah dihuraikan dalam bahagian kerangka teori (Bab II), menurut teori hegemoni Gramsci, sesuatu kelas yang ingin mewujudkan hegemoni, ia haruslah membangunkan dirinya dengan wajah nasional dan menjadikan “patriotisme” dan “nasionalisme” sebagai “agama popular” (*popular-religion*) yang dianuti ramai. Maksud “agama popular” di sini bukanlah suatu agama dalam ertikata satu set kepercayaan ketuhanan atau set kepercayaan etika, tetapi sebagai satu set kepercayaan semasa yang digambar-gambarkan oleh pihak elit untuk tujuan mendapatkan sokongan massa rakyat. Dengan itu barulah kelas pemerintah itu mampu membina sesuatu “tekad nasional-popular kolektif” (*collective national-popular will*) yang dijangka dapat membawa kepada penyatuan di antara pemimpin dengan golongan yang dipimpin (Mouffe 1981: 232).

Sebagai sebuah negara pasca kolonial, kelas pemerintah di Malaysia telah mengusahakan supaya sentimen anti-Barat menjadi “agama popular” yang dianuti khalayak ramai. Usaha ini jelas kelihatan dalam krisis kewangan 1997. Sepanjang tempoh krisis kewangan 1997, kelas pemerintah, yang diwakili oleh Barisan Nasional dan khususnya Mahathir, berjaya memanipulasikan fungsi penentuan agenda media supaya pelbagai liputan akhbar yang diterbitkan, secara keseluruhannya, menepati agenda yang mahu dibentuk oleh elit berkuasa, iaitu “naratif krisis” yang berteraskan sentimen nasionalisme dan xenofobia (anti-Barat). Naratif krisis itu merupakan salah satu pendekatan bagi kerajaan pimpinan Mahathir untuk melepaskan tekanan dan tanggungjawab yang dihadapinya semasa krisis kewangan 1997. Naratif krisis ini bertindak sebagai alat penyatuan ideologi (*ideological unity*) supaya membentuk tekad kolektif dan memberi persetujuan aktif, tanpa bantahan keras, kepada kepimpinan kelas pemerintah semasa krisis kewangan.

Naratif krisis tersebut adalah berteraskan sentimen nasionalis dan dipersembahkan dengan menggunakan watak George Soros sebagai “musuh luar” yang merancang serangan mata wang ke atas pasaran Asia Tenggara dengan agenda-agenda atau motif-motif tersirat. Antaranya, dikatakan membalas dendam ke atas keputusan ASEAN menerima Myanmar sebagai ahli dalam pertubuhan serantau ini, tamakkan pulangan yang lumayan melalui manipulasi pasaran mata wang dan pasaran saham, serta didorong oleh konspirasi untuk menjajah semula negara-negara bekas tanah jajahan dengan cara memusnahkan ekonomi negara-negara rantau ini.

Walau bagaimanapun, interpretasi tentang “musuh luar” ini tidak semata-mata merujuk kepada salah satu personaliti tertentu, sungguhpun pada kebanyakan masa ia ditujukan kepada Soros. Sebaliknya, Soros merupakan salah satu watak utama yang melambangkan kepentingan Barat yang memang kian lama distereotaipkan dengan ciri-ciri tamak, berniat jahat dan mahu menghalang negara-negara Asia daripada mengatasi pencapaian Barat.

Selain daripada kuasa-kuasa Barat, orang Yahudi turut “disenaraikan” sebagai “musuh luar” yang wujud untuk memusnahkan Malaysia yang majoriti populasinya terdiri daripada orang Islam. Pada 10 Oktober 1997, ketika memberi ucapan di Kuala Trengganu, di mana majoriti penduduknya Melayu dan Islam, Mahathir menegaskan bahawa beliau mengesyaki masyarakat Yahudi mempunyai agenda dan rencana tertentu untuk menjatuhkan umat Islam dengan mengatur pelbagai usaha jahat termasuk melemahkan ekonomi dan mata wang negara-negara Islam (*Utusan Malaysia* 11 Oktober 1997).¹²¹ Unsur kebencian terhadap orang Yahudi adalah jelas memandangkan liputan akhbar yang berbunyi bahawa,

¹²¹ Kenyataan Mahathir yang mengecam “orang Yahudi” bukan sahaja dilaporkan oleh *Utusan Malaysia*, malah diterbitkan juga di muka-muka nyata beberapa akhbar tempatan, termasuk *Utusan Malaysia*, *The Star*, *Berita Harian*, *Sin Chew Jit Poh* dan agensi berita nasional, *Bernamea*. Mahathir telah menafikan bahawa beliau mengeluarkan kenyataan yang berbau anti-Yahudi seperti yang dilaporkan oleh media tempatan dan menyalahkan media mahu menjadikan beliau berkelahi dengan Yahudi. Walau bagaimanapun, penafian Mahathir tidak menjejaskan saranan bahawa Mahathir memanipulasikan sentimen kebencian terhadap Yahudi kerana penjelasan Mahathir masih memberi gambaran “kewujudan” Yahudi dan Muslim dalam krisis kewangan. Dalam penjelasan beliau, Mahathir mengatakan, “Saya tidak berkata ia adalah satu konspirasi Yahudi. Saya berkata secara kebetulan orang ini (spekulator mata wang George Soros, yang telah mengakibatkan mata wang Malaysai menjatuh nilai) adalah seorang Yahudi dan secara kebetulan kita adalah Muslim.” (*New Straits Time* 12 Oktober 1997).

Beliau (Mahathir) berkata, antara mangsa tindakan **orang Yahudi (Soros)** ialah negara seperti Malaysia yang **majoriti penduduknya beragama Islam**.

Malah, kata Perdana Menteri, negara jiran iaitu **Indonesia yang merupakan negara Islam terbesar di dunia** juga menghadapi krisis kejatuhan mata wang (*Utusan Malaysia* 11 Oktober 1997)

“Kewujudan” penyangak Barat dan orang Yahudi pada masa yang sama mengimplicasikan bahawa krisis kewangan bukan lagi satu peristiwa ekonomi yang tulen, tetapi satu krisis politik yang harus disedari dan ditentangi oleh keseluruhan negara, mahupun warga biasa atau ketua kerajaan. Krisis kewangan itu telah “dinaikkan taraf” daripada satu krisis pengurusan ekonomi sebuah kerajaan kepada satu krisis negara yang memerlukan perpaduan seluruh rakyat di bawah pimpinan sebuah kerajaan yang kuat untuk mengatasinya. Kepentingan yang boleh diperolehi dengan menaikkan taraf krisis kewangan kepada krisis negara ialah soal memberi sokongan kepada kerajaan tidak lagi satu pilihan mahu menyokong Barisan Nasional (yang merupakan sebuah komponen parti-parti politik) atau tidak, tetapi satu pilihan untuk membela nasib bangsa dan negara.

Dengan ini, kedudukan Mahathir dan Barisan Nasional diperakui sebagai pembela nasib negara yang patut diberi sokongan. Ini dapat dibuktikan ketika Nik Aziz, pemimpin PAS yang selaku “musuh politik” Mahathir dan UMNO, turut menyuarakan bahawa Mahathir “tidak harus dipersalahkan” (*Utusan Malaysia* 8 Oktober 1997) dan menyeru ahli-ahli partinya supaya “ketepi ideologi, berusaha pulihkan ringgit” (*Utusan Malaysia* 6 Oktober 1997).¹²²

Kejayaan proses “naik taraf” ini mengabsahkan seruan parti-parti pemerintah supaya diberikan sokongan penuh dan tanpa keraguan untuk mengatasi ancaman luaran yang berasalkan niat jahat blok Barat. Ini akan berlaku ketika menyelamatkan negara daripada “ancaman” kuasa-kuasa Barat yang berniat menjajah semula negara

¹²² Kenyataan Nik Aziz menerima kritikan daripada sesetengah pemimpin Pas dan beliau mempertahankan pendirian beliau dengan mengatakan bahawa sebagai Menteri Besar Kelantan, adalah menjadi tanggungjawab beliau untuk mempertahankan pemimpin pusat. Lihat laporan *Utusan Malaysia* pada 9 Oktober 1997 yang bertajuk “Tanggungjawab saya pertahan pemimpin pusat – Nik Aziz”.

ini telah menjadi satu bentuk “persetujuan aktif” (*active consent*) yang dikongsi di kalangan kelas yang diperintah. Maka, suara-suara alternatif dilenyapkan atas nama kepentingan negara seperti apa yang biasanya berlaku ketika peperangan.

Secara ringkas, naratif krisis merupakan salah satu strategi Mahathir dan Barisan Nasional untuk meringankan tekanan politik yang tercetis hasil krisis kewangan, manakala strategi ini adalah berasaskan konteks Malaysia sebagai sebuah negara pasca kolonial yang memudahkan pengapian sentimen nasionalisme. Strategi ini tidak akan mendatangkan pulangan politik tanpa kerjasama media untuk mengheboh-hebohkan wacana nasionalisme yang memperkukuhkan lagi “agama popular”. Pembentukan “agama popular”, menurut Gramsci, adalah elemen penting bagi kelas pemerintah memperoleh persetujuan aktif (*active consent*) daripada kelas yang diperintah. Dengan terbentuknya persetujuan aktif itu maka terbentuklah hegemoni kelas pemerintah. Sehubungan ini, akhbar-akhbar tempatan, dengan fungsi penentuan agenda yang ada, telah menjalankan “tugas” masing-masing untuk menyempurnakan usaha Barisan Nasional umumnya dan Mahathir khususnya untuk membina hegemoni mereka.

7.3 ELIT BERKUASA BERTINDAK SEBAGAI “INTELEKTUAL” YANG MENGHASILKAN “AGAMA POPULAR”

Dalam keseluruhan kajian ini, didapati bahawa elit berkuasa Barisan Nasional, khususnya Mahathir, memainkan peranan, secara aktif, sebagai “intelektual” yang bertindak sebagai pusat pembentukan dan penghebohan kesedaran kolektif (*collective consciousness*) yang bersifat anti-Barat. Kesedaran kolektif itu merupakan hasil daripada kejayaan “agama popular”. Para anggota elit berkuasa menjalankan tugas “intelektual” masing-masing dengan bertindak sebagai sumber maklumat atau jurucakap kepada media arus perdana. Mereka memberi komen ketika para wartawan menanyakan pandangan mereka tentang krisis kewangan. Dalam jawapan mereka, mesej-mesej yang selaras dengan pendirian rasmi disampaikan dan seterusnya media terus melaporkannya kepada para audien di seluruh negara. Oleh kerana media arus perdana amat bergantung kepada elit berkuasa sebagai sumber maklumat utama, mesej-mesej yang serupa akan dilaporkan berulang-ulang kerana elit berkuasa yang berlainan memberikan komen yang serupa. Dengan ini, anggota elit berkuasa, di satu

pihak, bertindak sebagai penghasil “kepercayaan” tertentu dan di pihak lain, media menerima “kepercayaan” yang diberikan tanpa mempersoalkan kebenarannya dan membantu menyebarkan “kepercayaan” ini di kalangan rakyat jelata. Elit berkuasa bertindak sebagai penghasil manakala media bertindak sebagai “pembesar suara” supaya naratif krisis dapat disampaikan ke segenap lapisan masyarakat.

Patut diperhatikan bahawa naratif krisis tersebut dan perwatakan Soros buat pertama kali ditimbulkan oleh Mahathir pada Julai 1997 dengan memerikan bahawa “mereka yang cuba melemahkan ekonomi ASEAN adalah ‘spekulator penyangak’ (*rogue speculator*) dan ‘anarkis’ (*anarchists*)” (*New Straits Times* 25 Julai 1997), manakala Soros pula dikatakan sebagai seorang yang “tidak bertimbang rasa” (*thoughtless*) dan juga seorang “penjenayah” (*criminal*) (*New Straits Times* 27 Julai 1997).¹²³ “Pendedahan” Mahathir dilaporkan oleh kesemua media arus perdana - *New Straits Times*, *Utusan Malaysia* dan *Sin Chew Jit Poh*.

Wacana krisis sebegitu cara bukan satu taktik politik yang terasing dalam politik Barisan Nasional, khususnya politik Mahathir. Dalam “Peristiwa *The Sunday Times*” yang berlaku pada 1994, warga Malaysia telah menyaksikan sentimen anti-Barat dimanipulasikan oleh Barisan Nasional pimpinan Mahathir. Dalam peristiwa tersebut, *The Sunday Times* yang beroperasi di London melaporkan bahawa sebuah syarikat pembinaan British, Wimpey Group, membayar AS\$50,000 kepada Mahathir supaya diberikan kontrak membina sebuah kilang pelebur aluminium dan kerajaan British memberi bantuan untuk membina projek empangan hidro-elektrik Pergau. Kerajaan Barisan Nasional membantah laporan *The Sunday Times* secara *high profile*, yakni memutuskan tidak akan melayani penyertaan syarikat British bagi memperoleh kontrak baru dan mengulangi kritikan keras terhadap media dan kerajaan British. Mahathir sendiri sekali-kala menginterpretasikan tindakan *The Sunday Times* sebagai salah satu langkah untuk memusnahkan kredibiliti para pemimpin negara-negara

¹²³ Lihat laporan tajuk utama halaman pertama *New Straits Times* pada 25 Julai 1997, “*Those out to undermine Asean economies are rogue speculators and anarchists, says PM. Dr M: Find ways to fight back*”, dan tajuk utama halaman pertama pada 27 Julai 1997, “*US financier named as manipulator of region’s currencies. Dr M: It’s George Soros*”.

sedang membangun dan beliau memberi amaran bahawa negara-negara Barat mahu menjajah semula Malaysia.¹²⁴

Warga Malaysia tidak merasa asing terhadap nada mengkritik Barat kerana kenyataan-kenyataan seperti “mereka mahu menjajah kita” kerap kali dikeluarkan oleh pemimpin-pemimpin Barisan Nasional ketika Malaysia berkonflik dengan negara-negara Barat berhubungan isu-isu kontroversi.

Dalam “Peristiwa *The Sunday Times*”, akhbar-akhbar tempatan tidak segan-segan bertindak sebagai pasukan pelopor yang mengulangi nada keras elit berkuasa menghentam media dan kerajaan British. Dalam krisis kewangan 1997, akhbar-akhbar tempatan sekali lagi bertindak sebagai “burung tiung” yang mengulangi apa sahaja yang dikatakan oleh elit berkuasa melalui liputan-liputan yang diterbitkan khususnya dalam rencana pengarang yang membayangkan pandangan dan pendirian masing-masing mengenai sesuatu isu yang timbul. Sebagai misalan, dalam sebuah rencana pengarang yang diterbitkan pada 23 Julai 1997, *Sin Chew Jit Poh* mengulangi nada Mahathir seperti berikut:

Seperti mana yang dikatakan Mahathir, spekulator mata wang menyerang Ringgit dan dolar Singapura ada motifnya, iaitu mereka mahu memusnahkan ekonomi ASEAN dengan cara mengganggu mata wang kita dan Singapura.

...Spekulator mata wang memanipulasi mata wang Malaysia dan Singapura adalah kerana ASEAN tidak mempedulikan amaran Amerika Syarikat malah menerima Myanmar menyertai keluarga ASEAN. Pihak Amerika Syarikat berasa marah dan cuba menjadikan mata wang [ASEAN] tidak stabil dan mensabotaj ekonomi ASEAN (*Sin Chew Jit Poh* 23 Julai 1997).

Selain *Sin Chew Jit Poh*, seawal bulai Julai 1997, dalam sebuah lidah pengarang, *Utusan Malaysia* bukan sahaja menghebohkan tentang “rancangan” musuh-musuh luar menyerang mata wang, malah menyampaikan mesej bahawa

¹²⁴ Lihat “PM: British Press out to mar leaders’ credibility”, *New Straits Times* 4 Mac 1994; “West wants to colonise, warns Dr M”, *The Star* 14 Mac 1994.

rancangan lain akan dilaksanakan pada masa depan. Lidah pengarang tersebut berbunyi,

Musuh-musuh di luar sana yang mahu menjatuhkan kita – kerana kita begitu lantang memperjuangkan kelemahan Dunia Ketiga dan amat komited membela kekurangan orang Islam – mencari pelbagai helah dan cara untuk melaksanakan niat mereka. Hari ini mata wang. Esok entah apa (*Utusan Malaysia* 6 Julai 1997).

Pengalaman Malaysia sebagai sebuah tanah jajahan kuasa Barat dan majoriti penduduk beragama Islam menyebabkan sentimen anti-Barat dan anti-Yahudi mendapat sambutan. Inilah satu “faedah” yang mudah dimanipulasikan oleh elit berkuasa untuk memobilisasikan sentimen nasionalisme supaya rakyat berdiri teguh di belakang kerajaan, manakala media terpaksa menyokong wacana nasionalisme ini untuk menunjukkan sifat “patriotik” mereka. Dengan kata lain, sunnguhpun sentimen nasionalisme anti-Barat dipromosikan oleh kelas pemerintah dan seterusnya menghasilkan kekuatan kepaduan (*cohesive force*) yang mendukung pemerintahan mereka, namun, sebelum pemikiran khalayak ramai dikuasai, pengusaha-pengusaha media arus perdana telah menjadi pendukung utama kepada apa yang dihasilkan oleh “intelektual” kelas pemerintah. Hanya dengan ini, iaitu berkongsi kepercayaan dengan kelas pemerintah, barulah media arus perdana berupaya melaksanakan tugas “indoktrinasi” supaya terbentuknya tekad kolektif di kalangan kelas yang diperintah.

7.4 PEMILIKAN MEDIA SEBAGAI HASIL “WAR OF POSITION”

Dalam penulisan Gramsci, konsep “*war of position*” telah dibincangkan, iaitu satu konsep yang menerangkan bahawa sesuatu kelas seharusnya berusaha supaya menakluki segala “kedudukan” hegemonik (*hegemonic positions*) sebelum menjadi kelas hegemonik. Dalam konteks Malaysia, konsep “*war of position*” adalah sesuai untuk menerangkan pengambilalihan milikan media oleh parti-parti pemerintah sejak 1960an.

Media tempatan memainkan peranan yang aktif dalam pembentukan hegemoni Barisan Nasional semasa krisis kewangan, tetapi pasif dalam memenuhi tanggungjawab sebagai media yang bebas memberi kepelbagaian pandangan tentang

isu semasa. Hakikat ini merupakan hasil daripada usaha berterusan yang dijalankan oleh Barisan Nasional sepanjang masa ia memegang kuasa. Usaha itu merujuk kepada tindakan mengambil alih syarikat-syarikat media yang strategik sejak zaman Tunku Abdul Rahman lagi. Kejayaan usaha itu mengakibatkan media tempatan telah biasa untuk menyesuaikan diri dengan kepentingan politik Barisan Nasional dan bertindak sebagai pelopor penghasilan sentimen nasionalisme yang bersifat anti-Barat. Dalam “Peristiwa *The Sunday Times*” yang telah dibincangkan tadi, akhbar-akhbar tempatan turut menerbitkan kritikan demi kritikan terhadap media dan kerajaan Barat, seperti mana yang kelihatan dalam krisis kewangan 1997.¹²⁵

Sebagaimana yang dibincangkan dalam bab-bab sebelum ini, kawalan pemilikan media merupakan salah satu usaha yang penting bagi kelas pemerintah menguasai media supaya media berkhidmat kepada kepentingan politik mereka. Kepentingan pemilikan media dalam pembentukan hegemoni kelas pemerintah terbukti juga dalam kajian ini. Analisis kandungan yang dilakukan jelas menunjukkan bahawa *New Straits Times* dan *Utusan Malaysia* yang dimiliki secara langsung oleh kepentingan UMNO, dengan begitu ketara sekali memberi liputan berat sebelah yang membela dan menguntungkan Barisan Nasional dan Mahathir. Sebaliknya, *Sin Chew Jit Poh*, sungguhpun dimiliki oleh ahli korporat yang memihak Barisan Nasional, telah menyediakan ruang untuk menerbitkan suara-suara yang tidak selaras dengan pendirian rasmi kelas pemerintah. Perbezaan ini menunjukkan kawalan pemilikan adalah satu faktor penting untuk menentukan cara dan arah media merepresentasikan sesuatu isu. Walaupun begitu, perbezaan tersebut juga menunjukkan bahawa kemungkinan wujudnya lingkungan publik dalam akhbar Bahasa Cina bagi persaingan hegemoni, sungguhpun lingkungan dan persaingan itu adalah terhad dan terkawal.

Sehubungan ini, perlu diingatkan bahawa usaha kelas pemerintah supaya mengambil alih pemilikan media telah bermula seawal 1960an dan 1970an ketika UMNO menguasai sepenuhnya ke atas *Utusan Malaysia* dan *New Straits Times*. Usaha pengambilalihan pemilikan tersebut tidak berhenti tetapi semakin aktif dan

¹²⁵ Lihat beberapa contoh berita, lidah pengarang dan komentar yang diterbitkan ketika itu, “Media massa Britain semakin angkuh”, *Utusan Malaysia* 1 Mac 1994; “A Case of Sour Grapes”, *New Straits Times* 1 Mac 1994; “Media still reflects colonial attitude”, *New Straits Times* 14 Mac 1994; “British Press – A Creature of Fancy”, *New Straits Times* 8 Mac 1994.

menjadi besar-besaran sepanjang 1980an dan 1990an. Usaha berterusan ini menunjukkan “*war of position*” telah dilancarkan di bidang media sebagai langkah persediaan untuk menjayakan pembentukan hegemoni. Maka tidak hairanlah pembentukan hegemoni Barisan Nasional begitu mudah sekali memandangkan media yang merupakan alat budaya-ideologi telah kian lama ditakluki oleh Barisan Nasional semenjak hampir 40 tahun yang lalu.

Selain daripada kawalan pemilikan media, sepertimana yang dibincangkan dalam Bab IV, Alat Represif Negara (*Repressive State Apparatuses*) iaitu penguatkuasaan undang-undang turut dimobilisasikan untuk menundukkan media supaya bertindak selaras dengan kepentingan pihak berkuasa. Pada penghujung Ogos 1997, pihak berkuasa mengugut hendak menggunakan Akta Keselamatan Dalam Negeri untuk menahan para penulis, penganalisis kewangan serta para penyelidik yang telah menulis apa yang dihuraikannya sebagai laporan yang “buruk” mengenai ekonomi Malaysia, ringgit Malaysia serta pasaran saham yang menjunam ke tahap paling rendah ketika itu.¹²⁶ Sungguhpun tiada mana-mana media diambil tindakan undang-undang sepanjang tempoh kajian ini atas “kesalahan” melaporkan laporan negatif tentang ekonomi Malaysia, tetapi kesan “ugutan” ini tetap wujud memandangkan tindakan undang-undang bukanlah sesuatu yang asing dihadapi oleh industri media tempatan. “Peringatan” tentang tiga akhbar digantungkan permit penerbitan mereka dalam Operasi Lallang 1987 telah meninggalkan kesan yang agak buruk ke atas kebebasan media. Lebih-lebih lagi, ketiadaan garis panduan yang jelas untuk membantu pengusaha media membezakan apa itu laporan yang berpotensi mensabotaj ekonomi telah menjadikan pengusaha-pengusaha media mengelakkan diri daripada melaporkan berita-berita yang bertentangan dengan kenyataan rasmi pihak berkuasa.

Kejayaan kedua-dua pendekatan yang “lembut” dan “keras” tersebut menjayakan “penaklukan” Barisan Nasional ke atas kubu-kubu pendapat umum yang berpengaruh di kalangan rakyat Malaysia yang terdiri daripada kaum-kaum berlainan.

¹²⁶ Dipetik daripada teks ucapan bekas Ketua Pembangkang Parlimen, Lim Kit Siang, di Dewan Rakyat atas Jabatan Perdana Menteri, Peringkat Jawatankuasa, Belanjawan 1998 pada 6 November 1997.

Inilah kejayaan “*war of position*”. Syarikat media yang dimiliki secara langsung oleh parti-parti komponen Barisan Nasional beroperasi selaras dengan kepentingan kelas pemerintah kerana editor-editor kanan adalah “perlantikan politik” dan mempunyai kewajiban untuk membela kepentingan orang atasan. Mereka yang gagal membuat demikian akan ditukar dan digantikan dengan orang yang taat setia kepada kepentingan elit berkuasa. Syarikat media yang bukan dimiliki secara langsung oleh parti-parti komponen Barisan Nasional terpaksa tunduk kepada kepentingan Barisan Nasional akibat daripada kesan “ugutan” yang berasakan undang-undang media yang ketat, dan di samping itu, pemilik-pemilik media itu terpaksa bergantung kepada elit berkuasa untuk mengaut kepentingan ekonomi memandangkan terjalannya hubungan “*patron-client*” di antara elit berkuasa dan ahli-ahli korporat.

7.5 PENGECILAN LINGKUNGAN AWAM DAN KESULITAN PEMBENTUKAN KONTRA-HEGEMONI (*COUNTER-HEGEMONY*)

Kepentingan-kepentingan yang bertentangan dengan kelas pemerintah menghadapi lingkungan awam yang semakin terhad untuk memajukan agenda masing-masing dan lingkungan awam ini menyusut lagi semasa krisis kewangan berlaku. Selain daripada akhbar Bahasa Cina yang sanggup menerbitkan kenyataan-kenyataan ahli-ahli politik kem pembangkang dan pihak-pihak lain yang menyuarakan pandangan yang bertentangan dengan kenyataan rasmi, akhbar-akhbar Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris hampir tidak memuatkan kenyataan-kenyataan tersebut.

Lingkungan awam semakin mengecil semasa krisis kewangan 1997 terutamanya setelah amaran dikeluarkan oleh pihak berkuasa supaya tidak menulis sesuatu yang “buruk” mengenai ekonomi Malaysia. Media yang melaporkan unsur negatif ekonomi Malaysia menghadapi risiko diambil tindakan dengan alasan mensabotaj ekonomi negara. Maka, adalah sukar bagi pihak pembangkang untuk menyampaikan agenda masing-masing kepada khalayak ramai secara meluas kerana media yang dimiliki oleh kepentingan Barisan Nasional tidak mahu dan tidak akan menerbitkannya. Pasaran pendapat umum dibanjiri dengan kenyataan-kenyataan berbau nasionalisme, dan kadang kala berbau kebencian, yang menyalahkan pedagang-pedagang mata wang Barat sebagai penyebab utama krisis kewangan. Sesiapa yang mengeluarkan kenyataan yang mengkritik kerajaan mudah sekali

dilabelkan sebagai pengkhianat, atau sekurang-kurangnya, dikecam sebagai anasir-anasir yang tidak bertanggungjawab dan tidak patriotik. Akhbar-akhbar yang menerbitkan kenyataan-kenyataan yang tidak selaras dengan kenyataan rasmi akan mengalami nasib yang sama juga.

Inilah hakikat politik di Malaysia yang telah banyak dipelajari oleh warga Malaysia. Hakikat ini bererti lingkungan awam semakin menyusut dan pasaran pendapat umum semakin homogen kerana “ketidakhadiran” kepercayaan dan ideologi yang berlainan menghapuskan sifat kepelbagaian pasaran pendapat umum. Inilah salah satu akibat daripada kejayaan Barisan Nasional dalam “*war of position*”. Kejayaan Barisan Nasional, sebaliknya, membayangkan kegagalan pihak-pihak penentang Barisan Nasional untuk “menakluki” dan mendapat layanan media sehingga mereka gagal memajukan ideologi masing-masing untuk menjadi “agama popular” bagi memperolehi persetujuan aktif terhadap perjuangan mereka. Sesungguhnya, parti-parti pembangkang dan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan turut menerbitkan media cetakan masing-masing, tetapi pengedaran bahan-bahan alternatif ini adalah terhad dan tidak boleh dianggap sebagai sumber maklumat yang autoritatif bagi kebanyakan orang. Sebaliknya, pihak pembangkang kadang kala terperangkap dalam wacana nasionalisme yang dimajukan oleh kelas pemerintah sehingga turut mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang mengikuti wacana hegemonik.

7.6 KESIMPULAN

Pembentukan dan/atau pengekalan hegemoni bukan satu usaha yang boleh dilihat hasilnya dalam sekelip mata. Kewujudan hegemoni sesuatu kelas pemerintah mungkin jelas kelihatan ketika sesuatu krisis berlaku atau kedudukan kelas pemerintah menghadapi cabaran tertentu, tetapi kewujudan hegemoni itu merupakan hasil daripada usaha-usaha yang dilakukan secara berterusan sebelum krisis itu berlaku. Ia mungkin mengambil masa berpuluh-puluh tahun dan menerusi beberapa generasi.

Perbincangan dan analisis dalam bab-bab sebelum ini membuktikan pembentukan hegemoni Barisan Nasional ketika krisis kewangan 1997, tetapi

hegemoni Barisan Nasional itu bergantung kepada usaha-usaha berterusan yang dilakukan oleh pemimpin-pemimpin Barisan Nasional khususnya UMNO sepanjang tempoh setelah Kemerdekaan pada 1957 hingga ke dewasa ini. Hegemoni Barisan Nasional tidak mungkin terbentuk dan/atau dikekalkan sekiranya elit berkuasa gagal mengusahakan wacana nasionalisme yang berteraskan sentimen anti-Barat dan mitos pembangunan di negara pasca kolonial ini. Hegemoni itu tidak mungkin terbentuk dan/atau kekal dengan begitu mudah sekali sekiranya usaha memiliki syarikat media tidak dilakukan sejak 1960an dan menjadi sempurna dalam 1990an.

Pembentukan dan/atau pengekalan hegemoni Barisan Nasional ketika krisis kewangan 1997 mengalami beberapa peringkat seperti berikut:

Pada asasnya, kelas pemerintah yang bertindak sebagai pentadbir negara yang sah dari segi undang-undang mempunyai kesempatan yang sah untuk menguasai Negara. Oleh kerana Negara dikuasai oleh kelas pemerintah, undang-undang yang berfungsi sebagai alat kekerasan mudah dipandukan sebagai alat pemerintahan khususnya digunakan untuk memanipulasikan institusi media yang berfungsi sebagai alat ideologi supaya memudahkan pemerintahan melalui pembentukan kesedaran kolektif.

Sehubungan ini, undang-undang menyempurnakan kawalan dan penguasaan media oleh kelas pemerintah melalui tiga pendekatan. Pertama, undang-undang media yang ketat, seperti mana yang dijelaskan dalam Bab IV, mengenakan kesan paksaan ke atas industri media arus perdana supaya pengusaha-pengusaha media tidak dapat menjadi institusi kuasa yang sanggup mencabar kuasa kelas pemerintah. Kedua, undang-undang media juga menjalankan fungsi ideologi kerana ucapan pembentangan rang undang-undang dan pengenalan dalam teks undang-undang menghasilkan gambaran umum bahawa pelaksanaan undang-undang tertentu adalah berasaskan kepentingan dan keselamatan negara. Ini bukan sahaja mengabsahkan kedudukan sesuatu undang-undang yang diluluskan, malah mengakibatkan kepercayaan kepada “kepentingan dan keselamatan negara” kepercayaan pokok bagi pengusaha-pengusaha media. Ketiga, undang-undang media di Malaysia, khususnya Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 dan Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960, adalah salah satu alat

yang penting dalam menjayakan usaha pengambilalihan milikan media oleh kelas pemerintah.

Oleh yang demikian, sebelum persetujuan aktif terhasil di kalangan kelas yang diperintah, ia telah terhasil dalam industri media arus perdana. Dengan kata lain, indoktrinasi telah berlaku dalam industri media ketika undang-undang menyempurnakan kedua-dua fungsi paksaan dan ideologi masing-masing. Ini bererti pengusaha-pengusaha media berkongsi kepercayaan dengan kelas pemerintah.

Dengan ini, kelas pemerintah berjaya menguasai media dan memanipulasikan media untuk mengenakan indoktrinasi di kalangan kelas yang diperintah, iaitu satu peringkat yang amat penting dalam pembentukan hegemoni. Kejayaan indoktrinasi membawa kepada penghasilan persetujuan aktif terhadap pemerintahan kelas pemerintah dan ini bermakna terbentuknya hegemoni kelas pemerintah.

BAB VIII

KESIMPULAN

Kajian ini meneliti peranan media arus perdana dalam pembentukan hegemoni Barisan Nasional ketika krisis kewangan 1997, dengan menganalisis kandungan liputan-liputan yang diterbitkan oleh *New Straits Times*, *Utusan Malaysia* dan *Sin Chew Jit Poh*, daripada 1 Julai 1997 sehingga 31 Disember 1997. Dari segi pelaksanaan fungsi penentuan agenda, akhbar-akhbar arus perdana ini telah menjalankan tugas masing-masing untuk mengalihkan tumpuan khalayak ramai daripada mempersoalkan tanggungjawab kerajaan dalam soal urusan ekonomi kepada menyalahkan pedagang-pedagang mata wang negara Barat dan aktiviti-aktiviti spekulasi mata wang yang dilakukan.

Hakikat bahawa hegemoni Barisan Nasional terpelihara dalam krisis kewangan merupakan hasil daripada kejayaan strategi pengurusan krisis yang diamalkan oleh Barisan Nasional dan khususnya Mahathir. Pengurusan krisis itu diamalkan dengan melancarkan naratif krisis di mana Soros dan pedagang-pedagang mata wang negara Barat lain dipamerkan sebagai “musuh luar” yang mengancam kepentingan Malaysia. Malaysia adalah sebuah negara yang mengalami penjajahan negara-negara Barat selama hampir 450 tahun, naratif krisis yang berteraskan xenofobia Barat mudah mendapat pasarannya. Sehubungan ini, akhbar-akhbar arus perdana, melalui fungsi penentuan agenda masing-masing, mempromosi dan mempopularkan naratif krisis tersebut melalui liputan berita, lidah pengarang dan komentar-komentar yang begitu banyak jumlahnya dalam tempoh tersebut. Dengan liputan akhbar yang diterbitkan dari masa ke masa dalam tempoh enam bulan tersebut, khalayak ramai disuapkan dengan gambaran bahawa pedagang-pedagang mata wang Baratlah yang berniat jahat

dan merupakan pensalah utama yang merancang krisis kewangan untuk melemahkan ekonomi Malaysia.

Oleh kerana tumpuan khalayak ramai telah dialihkan kepada peranan “musuh luar” yang diheboh-hebohkan oleh elit berkuasa dan media, sama ada kerajaan salah mengurus ekonomi Malaysia sehingga anasir-anasir seperti kronisme dan nepotisme melemahkan asas ekonomi Malaysia tidak dipersoalkan. Keberkesanan fungsi penentuan agenda menjadikan kritikan kepada kerajaan diabaikan oleh khalayak ramai dan diketepikan daripada pasaran pendapat umum sehingga terhasilnya satu gambaran bahawa Barisan Nasional dan Mahathir tidak harus dipersalahkan, sebaliknya mereka mendapat sokongan kuat daripada keseluruhan warga Malaysia.

Agenda yang diketengahkan oleh akhbar arus perdana itu nampaknya mendapat sambutan yang positif, atau sekurang-kurangnya, tidak menerima penentangan dari khalayak ramai. Kemungkinan besar “ketiadaan” tentangan ini dalam akhbar berkenaan disebabkan kontra wacana tidak diberi ruang dan peluang untuk ditonjolkan dalam akhbar tersebut. Kesimpulan ini dibuat memandangkan pelbagai jenis pertubuhan sivil telah membuat kenyataan umum untuk menyokong cadangan Mahathir supaya perniagaan mata wang dikawal selia dan lain-lain langkah yang diambil untuk memulihkan ekonomi. Tindakan pertubuhan-pertubuhan sivil berkenaan membayangkan bahawa naratif ancaman luar diterima umum.

Krisis kewangan 1997 bukan sahaja satu krisis ekonomi, tetapi juga satu “krisis negara” ciptaan kelas pemerintah. Selain itu, ia juga menunjukkan “krisis autonomi media”, yakni media arus perdana tidak bebas daripada pengaruh politik ketika melaporkan isu-isu kontroversi yang mungkin mengancam kedudukan dan kestabilan rejim kelas pemerintah. “Ketidakbebasan” ini ketara dalam pemaparan media arus perdana yang memberi keutamaan kepada pendapat pemimpin-pemimpin politik Barisan Nasional, terutamanya Mahathir yang kian lama disifatkan sebagai seorang pemimpin autoritarian. Sungguhpun “ketidakbebasan” memilih titik berat berita adalah akibat daripada kawalan media yang ketat, tetapi ia juga hasil prinsip pemberitaan yang diamalkan oleh industri kewartawanan. Kerja pemberitaan mementingkan “kenilaiberitaan” (*newsworthiness*) dan salah satu kriteria untuk

menilai kenalaiberitaan ialah “keterkenalan” (*prominence*) watak-watak berita, iaitu lebih terkenal dan berkuasa watak berita itu, lebih tinggi kenalaiberitaan apa yang dikatakan atau dilakukannya. Amalan tradisional bidang kewartawanan, khususnya di Malaysia, melihat ahli-ahli politik dari kem parti pemerintah sebagai sumber berita yang bernilai dan memberi keutamaan kepada kenyataan-kenyataan yang dikeluarkan oleh mereka, umpamanya Perdana Menteri dan menteri-menteri lain. “Kecacatan” prinsip kewartawanan ini memanfaatkan usaha pembentukan hegemoni yang dirancang oleh kelas pemerintah.

Satu penemuan yang penting dalam kajian ini ialah akhbar-akhbar yang dimiliki terus oleh kepentingan kelas pemerintah jauh lebih aktif dalam mempromosikan agenda kelas pemerintah dan mempertahankan kepentingan mereka. Kajian ini mendapati bahawa liputan-liputan *New Straits Times* dan *Utusan Malaysia*, yang dimiliki oleh kepentingan UMNO, jauh lebih berat sebelah ketika menangani isu-isu krisis kewangan, termasuk peranan Soros dalam krisis kewangan dan prospek ekonomi Malaysia sepanjang krisis kewangan. Sebaliknya, *Sin Chew Jit Poh*, yang bukan dimiliki secara langsung oleh UMNO, sanggup memberi tempat kepada mereka yang menyuarakan pandangan-pandangan alternatif. Namun begitu, analisis dalam kajian ini membuktikan bahawa *Sin Chew Jit Poh* juga memainkan peranan yang agak aktif dalam mempromosikan naratif krisis yang dimajukan oleh Barisan Nasional.

Kajian ini mendapati bahawa pembentukan kontra-hegemoni (*counter-hegemony*) oleh pihak-pihak penentang Barisan Nasional adalah misi yang sukar sungguhpun bukan “misi mustahil” jika kawalan dan pemilikan media terus dikuasai oleh kepentingan Barisan Nasional. Gagal menguasai industri media mengakibatkan pihak penentang Barisan Nasional ketiadaan platform untuk memajukan idea dan ideologi politik masing-masing sehingga menjadi kepercayaan yang dianuti oleh khalayak ramai. Suka atau tidak, inilah hakikat politik di Malaysia.

Pendek kata, kerangka teori hegemoni dan proses pembentukan hegemoni yang dibentangkan dalam Bab II adalah sesuai digunakan untuk menerangkan langkah-langkah pembentukan hegemoni Barisan Nasional, di samping memahami kerumitan hubungan di antara kelas pemerintah, Negara dan media. Sebagai parti

pemerintah yang berkuasa melebihi 40 tahun, Barisan Nasional mempunyai masa yang mencukupi untuk menawan alat-alat Negara satu demi satu dan kejayaan menguasai alat-alat Negara memberi sumbangan yang penting dalam pembentukan hegemoninya. Terbentuknya hegemoni Barisan Nasional adalah satu hakikat politik. Malah, hegemoni Barisan Nasional terbentuk bukan sahaja semasa krisis kewangan, tetapi sepanjang masa ia memegang tampuk pemerintahan. Kejayaan ini boleh dilihat sebagai salah satu faktor penting yang menjadikan Barisan Nasional tetap mendapat sokongan yang kukuh dalam pilihanraya-pilihanraya umum yang lalu.

Pembentukan dan/atau pengekalannya hegemoni kelas pemerintah semasa krisis berlaku membayangkan krisis autonomi media kerana media yang telah memberi persetujuan aktif kepada kelas pemerintah akan merepresentasikan nilai dan pandangan yang secocok dengan apa yang dimajukan oleh kelas pemerintah. Apa yang dianggap sebagai bertentangan dengan nilai-nilai itu dipinggirkan daripada pasaran pendapat.

Secara keseluruhan, kajian ini memberi sumbangan penting kepada bidang pengajian media tempatan, iaitu menawarkan satu perspektif yang kritis untuk menilai langkah-langkah kelas pemerintah dalam memanipulasikan media arus perdana sebagai alat ideologi untuk menjayakan proses pembentukan hegemoni. Sehubungan ini, gambaran tentang proses pembentukan hegemoni yang rumit dan melibatkan Negara, kelas pemerintah dan media arus perdana telah dilakarkan dan ditunjukkan juga kesempurnaan proses pembentukan hegemoni tersebut.

Walau bagaimanapun, ini tidak bermakna pembentukan kontra-hegemoni adalah pesimistik kerana gerakan Reformasi yang tercetus berikutan dengan episod pelucutan jawatan bekas Timbalan Perdana Menteri, Anwar Ibrahim, pada September 1998, telah membawa sedikit sebanyak harapan kepada pembentukan kontra-hegemoni. Sungguhpun kebebasan akhbar masih tersekat sepanjang gerakan Reformasi, tetapi gerakan massa tersebut membawa impak positif kepada kepelbagaian saluran pendapat umum dan kesedaran orang ramai akan pentingnya kebebasan akhbar serta kesempatan mendekati saluran alternatif untuk membezakan kebenaran daripada propaganda yang tidak benar faktanya.

Dari segi kepelbagaian saluran pendapat umum, gerakan Reformasi telah merangsangkan kewujudan dan populariti media alternatif, termasuk media cetak seperti *Harakah*, *Eksklusif*, *Wasilah*, *Detik*, *Berita Keadilan*, *Perspektif Pedas* (majalah bahasa Cina) dan laman-laman web seperti *Mahazalim2*, *Mahafiraun*, *Free Anwar Campaign*, *Reformasi Nasional*, *Laman Reformasi*, *Anwar Online*, *Harakahdaily*, *Malaysiakini* dan sebagainya.

Dari segi kesedaran orang ramai akan kepentingan kebebasan akhbar dan kesempatan mendekati saluran alternatif, gerakan Reformasi mencetuskan kesedaran bahawa media arus perdana sebagai sumber “penipuan” yang menyampaikan berita-berita yang tidak benar atau separuh benar untuk membela kepentingan dan kedudukan kelas pemerintah. Kesedaran ini dalam batas tertentu menjayakan kempen memboikot media yang ditujukan kepada *Utusan Malaysia*, *New Straits Times* dan TV3 yang mendapat sambutan positif semasa kemuncak gerakan Reformasi.¹²⁷ Selain itu, beberapa gerakan sosial yang memperjuangkan kebebasan akhbar turut diwujudkan, termasuk *Charter 2000* yang dimajukan oleh Aliran dan Kumpulan Aktivis Media Independen (KAMI).

Perkembangan ini mungkin memberi kesempatan kepada pertumbuhan kontra-hegemoni di Malaysia atau sekurang-kurangnya melemahkan hegemoni Barisan Nasional di masa depan. Walau bagaimanapun, ini amat bergantung kepada pelbagai usaha yang diadakan, termasuk gerakan sosial yang menentang monopoli dalam industri media tempatan dan memperjuangkan supaya undang-undang media yang ketat dimansuhkan, atau sekurang-kurangnya dimansuhkan peruntukan-peruntukan yang tidak munasabah.

¹²⁷ Tinjauan Audited Bureau of Circulations Malaysia, pendedaran akhbar-akhbar milikan UMNO telah menyusut dari Jun 1998 hingga Jun 1999. *Utusan Malaysia* menyusut daripada 267 765 naskah kepada 247 617 naskah, *New Straits Times* pula menyusut daripada 155 977 naskah kepada 139 001 naskah. *Berita Harian* menyusut daripada 249,756 naskah kepada 227 181 naskah (Sumber: Audited Bureau of Circulations Malaysia, www.abcm.com.my/v_sale.html).

RUJUKAN

- A brief history of The Star. t.th. *The Star*. (atas talian)
<http://thestar.com.my/info/thestar.asp> (8 Ogos 2000).
- Abdul Aziz Hussin. 1997. *Undang-undang berkaitan dengan rahsia rasmi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Rahman Embong. 2000. The political dimensions of the economic crisis in Malaysia. Dlm Abdul Rahman Embong & Jurgen Rudolph. (pnyt.). *Southeast asia into the twenty first century: crisis and beyond*, hlm. 135-148. Bangi: Penerbit UKM.
- Ahmad Nazri Abdullah. 1997a. Jangan menang sorak kampung tergadai. *Berita Minggu*, 7 Disember: 10.
- Ahmad Nazri Abdullah. 1997b. Mengkritik diri lebih mulia daripada dikritik. *Berita Minggu*, 14 Disember: 10.
- Alice Poon. 2000. Ming Pao Enterprise: sale of magazine has intangible benefits. *SHfn Financial News*, 22 Disember. (atas talian)
http://eng.stockhome.com.hk/shfn/dec00/122200hk_mingpao.asp (21 September 2001).
- Aliran. 1988. *ISA dan keselamatan negara*. Pulau Pinang: Aliran Kesedaran Negara.
- Althusser, L. 1965. *For Marx*. London: New Left Books.
- Althusser, L. 1971. *Lenin and philosophy*. London: New Left Books.
- Ana Toni. 1997. An Overview of Asian Companies: Malaysia. (atas talian)
http://www.greenpeace.org/~comms/97/forest/asian_companies_malaysia.html
(18 September 2001).
- Anwar says Daim plotted ouster after losing media control to Mahathir. 1999. *AFP*. 28 Oktober.
- Anwar ally under pressure to sell media-related holdings: report. 1998. *AFP*. 20 November.
- Arendt, H. 1967. *The origins of totalitarianism*. Ed ke-3. London: George Allen & Unwin Ltd.
- Bennett, T. (pnyt.). 1981. *Culture, ideology and social process*. London: Open University.

- Bennett, T. 1982. Theories of the media, theories of society. Dlm. Gurevitch, M., Bennett T., Curran, J. & Woollacott, J. (pnyt.). *Culture, society and the media*, hlm. 30-55. London: Methuen.
- Berelson, Bernard. 1971. *Content analysis in communication research*. New York: Harner Publishing Company.
- Berita Publishing Sdn Bhd. 1995. *Information Malaysia 1995 Yearbook*. Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn Bhd.
- Berita Publishing Sdn Bhd. 1997. *Information Malaysia 1997 Yearbook*. Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn Bhd.
- Burgoon, M. & Ruffner, M. 1978. *Human communication: a revision of approaching speech/communication*. New York: Holt, Rinehart and Winston.
- Chamil Wariya. 1988. Industri persuratkhabaran dengan tinjauan khusus terhadap Utusan Melayu". Dlm. Mohd. Sarim Hj. Mustajab et al. *Akhbar dan majalah di Malaysia*, hlm. 255-267. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chandhoke, N. 1995. *State and civil society: explorations in political theory*. New Delhi: Sage.
- Chandra Muzaffar. 1985. The freedom of the press. *Aliran Monthly*, **8** (3): 1-4.
- Chandra Muzaffar. 1988. The muzzled media. *Aliran Monthly*, **5** (5): 3-6.
- Chang Teck Peng. 1995. Daxuan fenghuo yangji chuanmei: cong dijiujie daxuan kan chuanmei gongxinli zhi zhesun (The impact of the general elections on mass media: the decline in the credibility of mass media in the nineth general election"). *Rosa Sinensis*, **16**: 8-16.
- Chin Ken Pa. 1995. *2020 Neiyou erqian: shehui wenhua zhengzhi pipan lunji ('Beware of dog' in 2020: collection of social, cultural and political critiques)*. Kuala Lumpur: Oriengroup Sdn Bhd.
- Chomsky, Noam. 1997. *Media control: the spectacular achievements of propaganda*. New York: Seven Stories Press.
- Committee to Protect Journalists, The. 1999. Enemies of the press: the 10 worst offenders of 1999. (atas talian) http://www.cpj.org/enemies/enemies_99.html (5 Mei 2000).
- Committee to Protect Journalists, The. 2000. Spotlight on press tyrants: CPJ names ten worst enemies of the press on World Press Freedom Day. (atas talian) http://www.cpj.org/enemies/enemies_00.html (5 Mei 2000).

- Committee to Protect Journalists, The. 2001. CPJ names 10 enemies of the press on World Press Freedom Day. (atas talian) http://www.cpj.org/enemies/enemies_01.html (4 Mei 2001).
- Compaine, Benjamin M. (pnyt.). 1979. *Who owns the media? concentration of ownership in the mass communications industry*. New York: Knowledge Industry Publications.
- Corporate profiles compiled by George Draffan. (atas talian) <http://www.endgame.org/dtc/r.html> (18 September 2001).
- Danielson, Wayne A. 1963. Content analysis in communication research. Dlm. Ralph O. Nafziger & David M. White (pnyt.). *Introduction to mass communications research*, hlm. 180-206. Baton Ronge: Louisiana State University Press.
- Das, K. 1990. Manipulation of the Malaysian media. Dlm Kua Kia Soong (pnyt.). *Media watch: the use and abuse of the Malaysian press*, hlm. 29-41. Kuala Lumpur: The Resource and Research Centre.
- David, Prabu. 1994. Economic recession and the news. *Mass communication review*, **23** (1 & 2): 4-19.
- Esther Ng. 1994. Vincent Tan sues five for RM20mil. *The Star*, 11 October: 1.
- Foo Yee Ping. 1999. Plaintiff just sues, says law expert. *The Star*, 19 Mei: 11.
- Funston, John. 1998. Political careers of Mahathir Mohamad and Anwar Ibrahim: parallel, intersecting and conflicting lives. *IKMAS Working Paper Series*, No. 15, Julai. Bangi: Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa.
- Ganti rugi kes saman malu di British tidak melebihi RM930 ribu. 1999. *Sin Chew Jit Poh*. 20 Mei: 11.
- Gates, Carolyn L. 1998. Causes and cures of the financial crisis. Dlm. Rasiah, R & Hofmann, von Norbert (pnyt.). *Workers on the brink: unions, exclusion and crisis in Southeast Asia*. Singapore: Friedrich-Ebert-Stiftung.
- Gomez, E. T. 1990. *Politik dalam perniagaan: pelaburan korporat UMNO*. Kuala Lumpur: Forum Publications.
- Gomez, E. T. 1991. *Money politics in the Barisan Nasional*. Kuala Lumpur: Forum Publications.
- Gomez, E. T. 1993a. Kawan Anwar menguasai media? *Majalah Aliran*, **3** (3): 9-13.
- Gomez, E. T. 1993b. Anwar's men gain media control? the management buy-out of NSTP and TV3. *Aliran Monthly*, **3** (3): 2-6.

- Gomez, E. T. 1993c. Anwar's friends: factionalism and money politics in UMNO Baru. *Aliran Monthly*, 3 (9): 35-40.
- Gomez, E. T. & Jomo K. S. 1997. *Malaysia's political economy: politics, patronage and profits*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Gramsci, Antonio. 1971. *Selections from the Prison Notebooks*. London: Lawrence and Wishart.
- Gramsci, Antonio. 1983. *Prison Notebooks*. Terj. Bao Xu. Beijing: Renmin Chubanshe.
- Gurmit Singh. 1987. *No to secrecy*. Petaling Jaya: Aliran.
- Hall, S., Critcher, C., Jefferson, T., Clarke, J. & Roberts, B. 1978. *Policing the crisis: mugging, the state, and law and order*. London: Macmillan.
- Hall, S. 1982. The rediscovery of 'ideology': return of the repressed in media studies. Dlm. Gurevitch, M., Bennett, T., Curran, J. & Woollacott, J. (pnyt.). *Culture, society and the media*, hlm. 56-90. London: Methuen.
- Hall, S. 1986. Media power and class power. Dlm. Curran, J. (pnyt.). *Bending reality: the state of the media*, hlm. 5-14. London: Pluto.
- Hartley, J. 1982. *Understanding news*. New York: Methuen.
- Ho Khai Leong. 1992. Aggrandizement of Prime Minister's power: the transformation of the Office of the Prime Minister in Malaysia. *Internationales Asienforum*, 23 (1-2): 227-243.
- Huaren now owns 92.14 per cent of Nanyang Press. 2001. *The Edge*. 20 Ogos. (atas talian) <http://www.theedge.com.my> (21 Ogos 2001).
- International Press Institute. 1998. Malaysia: 1998 World Press Freedom Review. (atas talian) <http://www.freemedia.at/wpfr/malaysia.htm> (16 Ogos 2001).
- Ishak Shari. 2000. Krisis kewangan dan ekonomi 1997-98 di Malaysia: apakah yang dapat dipelajari?. Dlm. Norani Othman & Sumit K. Mandal (pnyt.). *Malaysia menangan globalisasi: peserta atau mangsa?*, hlm. 46-70. Bangi: Penerbit UKM.
- Jayasuriya, K. 1997. Asian vlues as reactionary modernization. *NIASnytt*, 1997: 19-27.
- Joll, J. 1983. *Gramsci*. Third Impression. London: Fontana Paperbacks.
- Jomo, K.S. 1998. Malaysia: from miracle to debacle. Dlm. Jomo, K.S. (pnyt.). *Tigers in trouble*, hlm. 181-198. London: Zed Books Ltd.
- Keane, J. 1992. The crisis of the sovereign state. Dlm. Raboy, M & Dagenais, B. (pnyt.). *Media, crisis and democracy*, hlm. 16-33. London: Sage.

- Kementerian Dalam Negeri. 1988. Kearah memelihara keselamatan negara (Kertas Perintah 14 Tahun 1988). Dlm. Aliran. *ISA dan keselamatan negara*, hlm. 46-69. Pulau Pinang: Aliran Kesedaran Negara.
- Khoo Boo Teik. 1995. *Paradoxes of Mahathirism: an intellectual biography of Mahathir Mohamad*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Krippendorff, Klaus. 1980. *Content analysis: an introduction to its methodology*. Beverly Hills.
- Kua Kia Soong (pnyt.). 1990. *Media watch: the use and abuse of the Malaysian press*. Kuala Lumpur: The Resource and Research Centre.
- Lent, J. 1978. Mass media in Malaysia. *Asian Profile*, 6 (2): 153-161.
- Lent, J. 1982. *Newspapers in Asia: contemporary trends and problems*. Hong Kong: Heinemann Asia.
- Liew C. C. 1999. Akhbar bahasa Cina: mara bersama aliran zaman. Dlm. Institut Akhbar Malaysia. *Jubli perak Institut Akhbar Malaysia*, hlm. 23-25. Kuala Lumpur: Institut Akhbar Malaysia.
- Loh Kok Wah, Francis & Mustafa K. Anuar. 1996. The press in Malaysia in the early 1990s: corporation, technological innovation and the middle class". Dlm. Muhammad Ikmal Said & Zahid Emby (pnyt.). *Malaysia critical perspectives: essays in honour of Syed Husin Ali*, hlm. 96-131. Petaling Jaya: Persatuan Sains Sosial Malaysia.
- Loo, Eric. 1998. Malaysian media clampdown. *Media Digest*. (atas talian) www.rthk.org.hk/rthk/md/md9810/oct_05.html (18 Jun 2000).
- Lowery & DeFleur. 1983. *Milestones of mass communication research*. Boston: Allyn & Bacon
- Mahathir Mohamad. 1979. Mencari had kebebasan akhbar. Dlm. Mohd Safar Hashim. 1996b. *Mahathir dan akhbar*, hlm. 65-71. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Mahathir Mohamad. 1981. Peranan akhbar dalam demokrasi. Dlm. Mohd Safar Hashim. 1996b. *Mahathir dan akhbar*, hlm. 72-88. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Mahathir Mohamad. 1982. Akhbar dan perubahan sikap. Dlm. Mohd Safar Hashim. 1996b. *Mahathir dan akhbar*, hlm. 97-103. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Mahathir Mohamad. 1983a. Mencapai wawasan negara melalui komunikasi. Dlm. Mohd Safar Hashim. 1996b. *Mahathir dan akhbar*, hlm. 104-114. Kuala Lumpur: Utusan Publications.

- Mahathir Mohamad. 1983b. Kerjasama antara kerajaan dan media massa. Dlm. Mohd Safar Hashim. 1996b. *Mahathir dan akhbar*, hlm. 119-127. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Mahathir Mohamad. 1984. Elakkan memberi apa saja yang digemari oleh pembaca. Dlm. Mohd Safar Hashim. 1996b. *Mahathir dan akhbar*, hlm. 128-133. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Mahathir Mohamad. 1986. Semua media di dunia dikawal. Dlm. Mohd Safar Hashim. 1996b. *Mahathir dan akhbar*, hlm. 134-139. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Mahathir Mohamad. 1987. Kebebasan akhbar bukanlah mutlak. Dlm. Mohd Safar Hashim. 1996b. *Mahathir dan akhbar*, hlm. 140-153. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Mahathir Mohamad. 1988. Kebebasan untuk kebaikan atau kebebasan untuk kebebasan. Dlm. Mohd Safar Hashim. 1996b. *Mahathir dan akhbar*, hlm. 154-163. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Mahathir Mohamad. 1989. Tanggungjawab sosial model akhbar yang terbaik. Dlm. Mohd Safar Hashim. 1996b. *Mahathir dan akhbar*, hlm. 164-181. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Mahathir Mohamad. 1990a. Perseteruan bukan ukuran kredibiliti akhbar. Dlm. Mohd Safar Hashim. 1996b. *Mahathir dan akhbar*, hlm. 182-186. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Mahathir Mohamad. 1990b. Akhbar Malaysia bebas untuk menyokong dan mengkritik kerajaan. Dlm. Mohd Safar Hashim. 1996b. *Mahathir dan akhbar*, hlm. 187-195. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Mahathir Mohamad. 1990c. Peranan akhbar Cina. Dlm. Mohd Safar Hashim. 1996b. *Mahathir dan akhbar*, hlm. 196-200. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Mahathir Mohamad. 1991. Penipuan atas nama kebebasan akhbar. Dlm. Mohd Safar Hashim. 1996b. *Mahathir dan akhbar*, hlm. 201-209. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Mahathir Mohamad. 1996. Teks ucapan dalam majlis malam wartawan Malaysia, pada 21 Oktober 1996, Kuala Lumpur.
- Mahathir Mohamad. 1997. Teks ucapan dalam konvensyen antarabangsa akhbar Cina ke-30, pada 17 November 1997, Pulau Pinang.
- Mahathir Mohamad. 1998. *The challenges of turmoil*. Subang Jaya: Pelanduk.
- Mahathir Mohamad. 2000. *The Malaysian currency crisis: how and why it happened*. Subang Jaya: Pelanduk.

- Mahathir attacks Chinese papers before crucial vote on takeover. 2001. *Malaysiakini*. 23 Jun. (atas talian) <http://www.malaysiakini.com> (23 Jun 2001).
- Mahathir says he approved controversial Chinese paper takeover. 2001. *AFP*. 22 Jun.
- Malaysian editor resigns after political pressure. 1998. *AFP*. 14 Julai.
- Masyarakat *Sue-happy* semakin terbentuk (*yige xingsong shehui zhujian xingcheng*). 1999. *Nanyang Siang Pau*, 3 Mei: 11.
- Mattelart, A & Mattelart, M. 1992. On new uses of media in time of crisis. Dlm Raboy, M. & Dagenais, B. (pnyt.). *Media, crisis and democracy*, hlm. 162-180. London: Sage.
- MCA plans to divest half of Nanyang stake to 'friendly partner'. 2001. *Malaysiakini*. 1 Jun. (atas talian) www.malaysiakini.com (1 Jun 2001).
- McCombs, M. E. & Shaw, D. L. (1994). Fungsi pembentukan agenda media massa. Dlm. Dennis, E.E., Gillmor, D.M. & Ismach, A.H., (pnyt.). Terj. Md. Salleh Kassim. *Isu-isu komunikasi massa*, hlm. 108-118. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- McQuail, Denis. 1987. *Mass communication theory: an introduction*. Ed. ke-2. London: Sage.
- Means, G. P. 1991. *Malaysian politics: the second generation*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Miliband R. 1973. *The state in capitalist society*. London: Quartet Books.
- Ming Pao. 2001. *Annual report 2001*. Hong Kong: Ming Pao Enterprise Corporation Limited.
- Mohamad Abdad Mohamad Zain. 1988. Mahathir's corporatism vs Razaleigh's liberalism: capitalist expansionism, class fractionalization and intra-bourgeoisie party factionalism. *Kajian Malaysia*, 6 (2): 22-41.
- Mohd. Safar Hashim. 1995. Pembentukan press rakan. *Pemikir*, Julai-September: 100-113.
- Mohd. Safar Hashim. 1996a. *Akhbar dan kuasa: perkembangan sistem akhbar di Malaysia sejak 1806*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mohd. Safar Hashim. 1996b. *Mahathir dan akhbar*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn Bhd.
- Mosco, V. 1996. *The political economy of communication*. London: Sage.

- Mouffe, C. 1981. Hegemony and ideology in Gramsci. Dlm. Bennett, T. (pnyt.). *Culture, ideology and social process: a reader*, hlm. 219-234. London: Open University.
- Murdock, G. & Golding, P. 1974. For a political economy of mass communications. Dlm. Miliband, R. & Saville, J. (pnyt.). *The socialist register 1973*, hlm. 205-234. London: Merlin Press.
- Murdock, G. 1982. Large corporations and the control of communications industries. Dlm. Gurevitch, M., Bennett, T., Curran, J. & Woollacott, J. (pnyt.). *Culture, society and the media*, hlm. 118-150. London: Methuen.
- Mustafa K. Anuar. 1990. The Malaysian 1990 general election: the role of the BN mass media. *Kajian Malaysia*, 7 (2): 82-102.
- Mustafa K. Anuar. 1993. Media cetak, golongan pinggiran dan demokrasi. Kertas kerja Seminar Penyelidikan Komunikasi, Jabatan Komunikasi Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, pada 7-8 September.
- Mustafa K. Anuar. 1995. Making the news. *Aliran Monthly*, 15 (4): 15-26.
- Mustafa K. Anuar. 2000. Country report: Malaysia. Dlm. *Media and democracy in Asia*, hlm. 97-114. Singapore: Asian Media Information and Communication Centre
- Nanyang was against us: Dr M. 2001. *Malaysiakini*. 22 Jun. (atas talian) <http://www.malaysiakini.com> (23 Jun 2001).
- National Union of Journalists Malaysia. 1987. Second appeal to MPs on 2 April 1986. Dlm. Gurmit Singh. *No to secrecy*, hlm. 66-73. Petaling Jaya: Aliran.
- New Straits Times (M) Berhad, The. 1999. *Annual report 1999*. Kuala Lumpur: The New Straits Times (M) Berhad.
- Nijar, G. S. 1990. The rule of law in Malaysia. Dlm. *The rule of law and human rights in Malaysia and Singapore*, hlm. 44-54. Kuala Lumpur: The European Committee for Human Rights in Malaysia and Singapore.
- O'Sullivan, T., Hartley, J., Saunders, D., Montgomery, M. & Fiske, J. 1983. *Key concepts in communication*. London: Methuen.
- Parker, William C. 1979. *Communication and the May 13th crisis: a psychocultural interpretation*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Pendaftar Syarikat Malaysia. 2001. *Maklumat syarikat: Pemandangan Sinar Sdn Bhd*. Kuala Lumpur: Pendaftar Syarikat Malaysia.
- PM: I gave greenlight for MCA to take over Nanyang Press. 2001. *The Edge*. 21 Jun. (atas talian) <http://www.theedge.com.my> (21 Jun 2001).

- Poulantzas, N. 1994. *The capitalist state and ideologies*. Dlm. Eagleton T. (pnyt.). *Ideology*. New York: Longman.
- Press statement issued by Attorney-General Tan Sri Mokhtar Abdullah. 1996. *New Straits Times*. 10 Julai: 2.
- Raboy, M & Dagenais, B. (pnyt.). 1992. *Media, crisis and democracy*. London: Sage.
- Rais Yatim. 1995. *Freedom under executive power in Malaysia: a study of executive supremacy*. Kuala Lumpur: Endowment Sdn Bhd.
- Ranjit Gill. 1998. *Asia under siege: how the Asian miracle went wrong*. Singapore: Epic.
- Rasiah, R. 2000. International portfolio equity flows and the financial crisis in Malaysia, *Journal of contemporary Asia*, **30** (3): 369-401.
- Rodan, G. 1997. Civil society and other political possibilities in Southeast Asia. *Journal of contemporary Asia*, **27** (2): 156-178.
- Rogers, Everett M. 1994. *A history of communication study: a biographical approach*. New York: The Free Press.
- Rustam A. Sani. 1994. *Prakata*. Dlm. Zainuddin Maidin. *Mahathir di sebalik tabir*, hlm. iii-xi. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Said Zahari. 2001. *Meniti lautan gelora: sebuah memoir politik*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Saliha Hassan. 2000. NGO, masyarakat sivil dan demokrasi. Dlm. Abdul Rahman Embong (pnyt.). *Negara, pasaran dan pemodenan Malaysia*, hlm. 214-246. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Salleh Abas. 1989. *The role of the independent judiciary*. Kuala Lumpur: Promarketing Publications.
- Salleh Abas & K. Das. 1989. *May day for justice*. Kuala Lumpur: Magnus Books.
- Salleh Buang. 1995. Pengajaran kes Vincent Tan. *Utusan Malaysia*, 3 Januari.
- Sangwon Suh, Assif Shameen & Santha Oorjitham. 1998. The press under pressure: two media resignations hit the Anwar camp”, *Asiaweek* 31 Julai. (atas talian) http://www.asiaweek.com/asiaweek/98/0731/nat_5.html (16 Oktober 2001).
- Santha Oorjitham. 2000. Malaysians turn to The Sun. *Asiaweek* 6 Oktober. (atas talian) www.asiaweek.com/asiaweek/magazine/2000/1006/nat.malaysia.html (3 Jan 2001).

- Saravanamuttu, Johan. 1987. The state, authoritarianism and industrialization: reflections on the Malaysian case. *Kajian Malaysia*, 5 (2): 43-75.
- Secretive Family: Planned Malaysian Listing Draws Attention to Tiongs. 1994. *Asian Wall Sreet Journal* 21 Februari. (atas talian) <http://nativenet.uthscsa.edu/archive/nl/9403/0169.html> (26 Julai 2001)
- Shad Saleem Faruqui dan Sankaran Ramanathan (pnyt.). 1998. *Mass media laws and regulations in Malaysia*. Singapore: Asian Media Information and Communication Centre.
- Shaila Koshy. 1996. Judge did it. *The Star*. 10 Julai: 2.
- Shakeup at Malaysia's biggest media group following ownership change. 1999. *AFP*. 27 Julai. (atas talian) members.tripod.com/~mahasetan/xmedia14.html (16 Ogos 2001).
- Shamala Velu. 1995. What price freedom of the press? *The Star*, 6 Oktober: 15-16 (Seksyen 2).
- Sheila Nair. 1999. Constructing civil society in Malaysia: nationalism, hegemony and resistance. Dlm. Jomo K.S. (pnyt.). *Rethinking Malaysia: Malaysian studies I*, hlm. 84-106. Kuala Lumpur: Malaysia Social Science Association.
- Sparks, C. 1986. The media and the state. Dlm. Curran, J. (pnyt.). *Bending reality: the state of the media*, hlm. 77-86. London: Pluto.
- SUARAM. 1999. *Malaysian human rights: civil and political rights*. Petaling Jaya: Suara Komunikasi.
- Syed Arabi Idid. 1989. Malaysia. Dlm. Achal Mehra (pnyt.). *Press systems in Asean states*, hlm. 41-56. Singapore: Asian Media Information and Communication Centre.
- Syed Arabi Idid dan Safar Hashim. 1993. *Pilihan raya umum: satu perspektif komunikasi politik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syed Arabi Idid dan Mazni Hj Buyong. 1995. *Malaysia's general election 1995: people, issues and media use*. Bangi: Jabatan Komunikasi Universiti Kebangsaan Malaysia & The Asian Foundation.
- Tan Eng Teik. 1988. Perkembangan akhbar-akhbar Cina di Malaysia. Dlm. Mohd Sarim Haji Mustajab, Nordin Hussin, Rupawan Ahmad, Nik Anuar Nik Mahmud & Haji Wan Rusik Wan Yusoff (pnyt.). *Akhbar dan majalah di Malaysia: sejarah dan perkembangan*, hlm. 90-113. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Tan Kah Peng. 1997. 15 Malaysians among Asia's top 100 wealthiest. (atas talian) <http://st-www.cs.uiuc.edu/users/chai/berita/970601-970630/0032.html> (23 Julai 2000).
- Tycoon wins libel suit, awarded RM10 million. 1994. *New Straits Times*, 23 October: 1.
- Vincent Lowe. 1982. Kebebasan dan kawalan media: satu perbincangan tentang isu-isu akhbar di Malaysia. Dlm. Zuraina Majid (pnyt.). *Masyarakat Malaysia: tinjauan dan perbincangan terhadap beberapa isu dan topik semasa*, hlm. 125-138. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- U.S. Department of State. 1997. Malaysia Country Report on Human Rights Practices for 1997. (atas talian) http://www.state.gov/www/global/human_rights/1997_hrp_report/malaysia.html (15 April 2000)
- Utusan director quits due to 'pressure' from PM. 2001. *Malaysiakini*. 6 Jun. (atas talian) www.malaysiakini.com (6 Jun 2001).
- Utusan Melayu (M) Berhad. 1999. *Annual report 1999*. Kuala Lumpur: Utusan Melayu (M) Berhad.
- Utusan Melayu (M) Berhad. 2000. *Annual report 2000*. Kuala Lumpur: Utusan Melayu (M) Berhad.
- Wang Lay Kim. 1999. Malaysia: ownership as control. Dlm. Cecile C.A Balgos (pnyt.). *News in distress: the Southeast Asian media in a time of crisis*, hlm. 69-89. Manila: Philippine Center for Investigative Journalism.
- Whiteknight Communications. 1998. *Media guide 1998*. Kuala Lumpur: Whiteknight Communications.
- Woollacott, Janet. 1982. Messages and meanings. Dlm. Gurevitch, M., Bennett, T., Curran, J. & Woollacott, J. (pnyt.). *Culture, society and the media*, hlm. 91-11. London: Methuen.
- Yao Souchou. 1994. The predicament of modernity: mass media and the making of the west in Southeast Asia. *Asian Journal of Communication*, 4 (1): 33-51.
- Yap Koon See. 1996. *The press in Malaysia and Singapore*. Kuala Lumpur: Han Chiang Academy of Journalism and Communication.
- Yazid Haji Othman. 1999. Pemikiran Dr. Mahathir dari perspektif wartawan, kertas kerja Seminar Pemikiran Dr. Mahathir, Ampang, pada 14 Ogos.
- Zaharom Nain. 1991. Politics, economics and the media in Malaysia. *Media Development*, 3: 39-42.

- Zaharom Nain. 1992. Negara dan media: kaitan yang membimbangkan. Dlm. Mohd. Dhari Othman (pnyt.). *Pasca Sidang Seminar Penyelidikan Komunikasi*, hlm. 147-154. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zaharom Nain & Ramli Mohamed. 1989. Paluan ke atas media di Malaysia: satu pertimbangan teori. *Kajian Malaysia*, 7 (1&2): 127-142.
- Zaharom Nain & Mustafa K. Anuar. 2000. Marketing to the masses in Malaysia: commercial television, religion and nation-building. Dlm. French, D. & Richards, M. (pnyt.). *Television in contemporary Asia*, hlm. 151-178. London: Sage.
- Zakry Abadi. 1990. *Mahathir 'Machiavelli' Malaysia?*. Kuala Lumpur: Sarjana Enterprise.
- Zanuddin Maidin. 1994. *Mahathir di sebalik tabir*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.